
al-Muntalaq
Muhammad Ahmad
ar-Rasyid
www.BahanTarbiyyah.info

# Isi Kandungan

**MUQADDIMAH** **3**
**BAB 1 :** *Kita Menolak 'al-hawa'* …………….……………………………... **9**
**BAB 2 :** *Hanya Gerhana, Bukan Terbenamnya Matahari*…………………. **23**
**BAB 3 :** *Golongan Baik Yang Dibinasakan*………………………………….. **31**
**BAB 4 :** *Kewajipan Dakwah ke Jalan Allah* …………………………………. **38**
**BAB 5 :** *Ahli Ibadat yang Bermain-main* …………………………………… **55**
**BAB 6 :** *Pelukan Cendekiawan* ……………………………………………… **64**
**BAB 7 :** *Jihad Dengan Hujah* ……………………………………………….. **71**
**BAB 8 :** *Asas Fiqh Amal Jama'ie Menurut Salafussoleh* …………………..... **78**
**BAB 9 :** *Fiqh Amal Jamai'e Dalam Bentuk Baru* ……………………………. **87**
**BAB 10:** *Keselarasan Dan Kesyumulan* …………………………………….. **99**
**BAB 11:** *Panji Kebaikan* ……………………………………………………….. **105**
**BAB 12:** *Formula yang hanya difahami oleh rijal* ………………………….... **111**
**BAB 13:** *Perjanjian* …………………………………………………………….. **119**
**BAB 14:** *Kriteria Generasi Pengasas* ………………………………………... **127**
**BAB 15:** *Peluasan Yang Seimbang dan Penyebaran Yang Berhati-hati* …….. **136**
**BAB 16:** *Pemilihan Memelihara Dari Kecundang* ………………………….. **147**
**BAB 17:** *Fokus, Bukannya Meramaikan*…………………………………….. **157**

## MUQADDIMAH :

# MARI KITA DUDUK SEBENTAR… KITA BERIMAN SEJENAK…

Para da'i mukmin sentiasa terdedah kepada dua tarikan: Tarikan keimanan, niat, kesungguhan dan kesedarannya terhadap tanggungjawab. Dengan itu dia berada dalam amal salih dan azam kebaikan. Tarikan syaitan pula dari sudut yang lain, menghiasi futurnya dan menghiasi cintanya kepada dunia. Menyebabkan dia berada dalam kelalaian, malas, panjang angan-angan dan berlengah-lengah dalam mempelajari apa yang tidak diketahuinya.

Berulang-alik di antara kedua-dua tarikan ini adalah suatu yang sudah ditentukan oleh Allah, tidak akan berhenti, terus berlaku. Oleh kerana itulah, orang-orang yang beriman telah mewajibkan kepada diri mereka untuk menghadiri majlis-majlis tafakkur dan saling nasihat-menasihati di antara satu sama lain. Memeriksa diri daripada dihinggapi penyakit takabbur atau menolak kebenaran. Memeriksa hati daripada diselubungi penyelewengan. Memeriksa ilmu dan iman daripada tergelincir yang membawa kepada bid'ah atau kecuaian yang membawa kepada meninggalkan mana-mana perintah Allah dan petunjuk.

Mu'az bin Jabal telah menterjemahkan perasaan ini dengan satu perkataan yang telah menjadi satu fasal daripada perlembagaan orang-orang yang beriman. Beliau telah berkata ketika mengingatkan sahabatnya: **إجلس بنا نؤمن ساعة** (*Marilah kita duduk untuk beriman sejenak*).

Perkataan ini telah diambil oleh Ibnu Rawaahah, lalu ia berkata kepada Abu ad Dardaa′ (ra) sambil memegang tangannya: **تعال نؤمن ساعة إن القلب أسرع تقلبا من القدر إذا استجمعت غليانا** (*Marilah kita beriman sejenak. Sesungguhnya hati lebih cepat berbolak-balik daripada isi periuk yang sedang menggelegak*).
Lalu kita mengambil perkataan ini daripada mereka berdua. Nasihat-nasihat ini (siri-siri buku ini) adalah tentang fiqh ad da'wah. Kita menyeru para da'i untuk duduk sejenak dengan setiap nasihat untuk ia beriman dan mengkaji diri, ilmu dan kesungguhannya.

**Sisa.... Dan Harapan**
Siri-siri buku ini ditulis untuk para du'at; mereka yang menunaikan solat dan merasa bangga megah dengan agama mereka; yang berakhlak dengan akhlak mukminin. Tidak ditujukan kepada yang lalai, lebih-lebih lagi yang menyeleweng.

Ini adalah kerana untuk menyelesaikan permasalahan dunia Islam hari ini, tidak perlu kepada berpindahnya bilangan yang besar dari mereka yang lalai dan menyeleweng kepada berpegang-teguh dengan Islam. Tetapi apa yang diperlukan ialah menyedarkan mereka yang sudah pun berpegang dengan

Islam, membangkitkan kesungguhan mereka dan memperkenalkan kepada mereka jalan amal dan fiqh da'wah. Masih ramai dari kalangan orang-orang mukmin, bilangan mereka sudah mencukupi untuk menegakkan kebaikan yang kita cita-citakan, tetapi dengan syarat apabila mereka mengenali tajarrud (menyerahkan diri hanya untuk Islam), zuhud terhadap dunia, menjauhkan diri dari fitnah, sabar atas segala mihnah dan memahami seni memimpin ummat.

Oleh sebab itu, siri-siri buku ini tidak akan berbicara dengan orang yang masih mencampur-adukkan antara Islam dan lainnya. Tetapi ia hanya memadai untuk mengajak muslim, yang benar imannya, suci aqidahnya, merasa perit dan sedih dengan realiti ummat muslimin hari ini. Buku ini akan mengajar kepadanya jalan beramal yang berfaedah dan jalan penyelamat, memandunya kepada kewajipan untuk mempertingkatkan tarbiyyah dirinya dalam memenuhi tuntutan perjalanan. Buku ini juga ditujukan kepada para du'at yang sudah mengetahui jalan amal, akan tetapi, mereka masih memerlukan pengukuhan (bantuan), peningkatan usaha dan proses melembutkan hati.

Oleh yang demikian, kami telah mengambil segala pengertian kebaikan sebagaimana yang diisyaratkan oleh Yahya bin Mu'aaz seorang zuhud ketika beliau berkata:

أحسن شئ كلام رقيق يستخرج من بحر عميق على لسان رجل رفيق

*(Sebaik-baik perkara ialah: Perkataan yang lembut, yang dikeluarkan dari lautan yang dalam, daripada lidah seorang yang lemah-lembut).*[1]

Kamu akan mengetahui betapa kelembutan yang dikendong oleh hati-hati rijal tersebut yang telah menghadiahkan kepada kamu buah hasil pengalaman dan natijah pengamatan mereka. Oleh sebab itu, sebutan (nama) mereka berkekalan dan mendapat perhatian manusia kerana ia mempunyai hubungan dengan al haq (kebenaran).

Sesuatu perkataan tidak akan kekal di sisi generasi kecuali jika ia berhubung dengan kebenaran dan kebaikan, kerana ia sentiasa mendapat pertolongan daripada makhluk Allah mengikut undang-undangNya (sunnahNya) dan sentiasa diilhamkan kepada hamba-hambaNya.

Berapa banyak kilatan yang dipancarkan oleh raja yang zalim atau berhala yang masyhur mengeluarkan gema seketika, memancarkan cahaya sebentar, kemudian padam dan senyap, seperti bintang yang bertukar menjadi habuk dan debu selepas terbakar. Ditambah lagi bahawa gemanya adalah daripada suara kebatilan, bukan kebenaran dan kilatannya daripada hiasan kebatilan bukannya kebenaran.

Hanya aqal yang faham, hati yang bersih dan orang yang yakin dengan kebenaran apa yang dibawanya sahaja boleh mengucapkan kebenaran yang kekal. Dia mengeluarkan kata-katanya yang menjadi contoh-contoh yang realiti dan keterangan yang kekal di dalam kehidupan. Tidak tertentu untuk satu waktu sahaja, tidak juga perkara tertentu, tidak juga orang tertentu, tidak juga

[1] Taarikhul Baghdaad: 14/209

kejadian tertentu, akan tetapi ia mencakupi semua generasi dan setiap ketika, negara dan kawasan.

Kamu akan dapati kehebatan kata-kata berdasarkan kehebatan orang yang berkata, sebagaimana katanya, bahawa ia mahu menjadikan kata-katanya itu sebagai jalan kehidupan manusia dan cahaya yang menerangi kegelapan kehidupan).[2]

**Syair Menjadikan Perkataan Menarik**

Aku mendapati sesetengah buku tarbiyyah harakah Islamiah memisahkan antara prosa dan puisi tanpa alasan yang kukuh. Menjadikan para murabbi (pendidik) tidak dapat menggunakan beratus-ratus rangkap dan petikan puisi yang boleh melembutkan hati atau membangkitkan semangat atau puisi yang berkaitan dengan aqidah dan fikrah yang merupakan hasil karya para pemuisi yang thiqah sama ada yang lama atau moden juga para pemuisi dakwah. Seseorang berkemungkinan ketika mendengar suatu pengertian, tetapi sedikitpun tidak menyentuh perasaannya, tetapi apabila digubah dalam bentuk rentak puisi tertentu akan menggembirakan orang yang gundah gelana, menggerakkan orang yang lalai dan mendekatkan cita-cita yang dulunya terasa jauh.[3]

Sebahagian daripada syair mempunyai hikmah sebagaimana yang disabdakan oleh Rasullah (saw).

*(Rentak dalam percakapan seumpama melagukan suara: maksud daripadanya ialah untuk mewujudkan kegembiraan hati dan jiwa yang menyebabkan kegembiraan fikiran).*[4]

Oleh yang demikian kami lebih cenderung untuk menggunakan puisi dalam siri buku ini, bertujuan untuk menambah gambaran yang baik oleh seseorang da'i terhadap pengertian-pengertian tertentu, supaya mendalam di dalam jiwanya dan memerhati serta mengingatinya sentiasa.

Bukti yang paling jelas tentang kepentingan syair dalam menyebarkan aqidah dan mempertahankannya, ialah peranan yang telah dimainkannya ketika membantu ahli-ahli bid'ah untuk menyebarkan bid'ah di kalangan masyarakat awam. Usaha-usaha ini dilakukan untuk menentang usaha-usaha Ibnu Taimiyyah serta pengikut-pengikutnya ketika mereka berusaha membatalkan segala bid'ah dengan hujjah-hujjah sunnah yang mulia.

(Tidak dapat dinafikan bahawa hujjah lojika yang dibawa oleh Ibnu Taimiyyah telah memberikan kesannya, tetapi kekeringan lojika tidak dapat mengatasi kebasahan dan keindahan syair (puisi) sebagaimana yang dikatakan oleh penyair Islam Muhammad Iqbaal.[5]

Memang itulah yang berlaku. Pembawa-pembawa kesesatan yang telah menyebarkan bid'ah mereka dengan penerangan yang menarik dan keindahan syair (sastera), telah menarik hati manusia awam tanpa disedari dan inilah juga

[2] As Syawaarid li 'Azzaam: 340
[3] Khariidatul Qasr/Bahagian Iraq: 1/202
[4] Wahyul qalam - ar Raafi'i: 3/285
[5] Kitaan Muhammad Iqbaal - Abdul Wahhaab Azaam: 52

yang menyebabkan segala kata-kata Ibnu Taimiyyah tidak mendapat tempat. Tambahan pula tidak ada daripada kalangan penyair yang memihak kepada Ibnu Taimiyyah untuk membantunya.

Puisi mempunyai kuasa untuk membantu sesiapa sahaja yang menggunakannya samada untuk tujuan kebaikan atau kejahatan, untuk menolong kebenaran atau kebatilan. Dalam setiap perkara yang berkait dengan fikiran atau pun hakikat kehidupan, kerana jiwa manusia menyukai keindahan, dan syair adalah keindahan seluruhnya, boleh baginya untuk menambah kejelasan kepada hak dan kebenaran dan boleh juga untuk menutup kekurangan dan penyelewengan yang ada pada kebatilan sehingga menjadikannya cantik dan indah. Tiada seorang pun yang dapat melepaskan diri dari tawanan dan pengaruh syair melainkan hati yang dimakmurkan dengan iman secukupnya.
Fenomena ini mendorong aku untuk memasukkan puisi-puisi dalam siri buku-buku ini.

**Generasi Silam Dan Pengikut**
Al Imam Ahmad menjadi ikutan kita dalam menggunakan syair yang melembutkan hati. Dia menghafal sebahagian syair yang kemudiannya ditulis oleh Tha'lab; seorang sasterawan yang masyhur. Murid-muridnya pernah mendengar dia bersyair dan pada hari mehnahnya para penyair telah memujinya. Bahkan dikatakan beliau telah mengucapkan beberapa keratan syair kerana tidak berpuas hati terhadap 'Ali bin al Madiiniy yang tidak sabar bersamanya ketika menghadapi penyiksaan.[6]

Pernah pula salah seorang muridnya telah berkata: (Wahai Abu 'Abdullah: Apakah pendapat kamu terhadap syair yang mengandungi sebutan syurga dan neraka? Beliau berkata: Seumpama apakah syair itu?
Muridnya menjawab: Mereka berkata: (membacakan syair)
Maksudnya:

إذا ما قال لى ربى أما استحييت تعصينى
وتخفى الذنب من خلقى وبالعصيان .. تأتينى

Ketika berkata tuhan kepadaku Tidakkah malu maksiat terhadapku,
Menyembunyikan dosa dari makhlukku Dengan penuh noda mengadapku?

Lalu beliau berkata: Ulangi sekali lagi.
Berkata muridnya: Lalu aku ulangi sekali lagi, lalu ia (Imam Ahmad) bangun dan memasuki rumahnya serta menutup pintu. Ketika itu aku mendengar suara tangisannya dari dalam dan beliau mengulangi syair tadi.[7]

Dengan penjelasan tentang faedah dan keharusan menggunakan syair ini, aku memetik banyak puisi daripada antoloji penyair terdahulu, kemudian daripada antoloji Waliid al A'zami, Mahmud Aali Ja'far, al Amiiriy, Abdul Wahhaab Azzaam dan lainnya.

[6] Manaaqib Ahmad - Ibnul Jauzi: 205
[7] Talbiisu Ibliis - Ibnul Jauzi: 218

Aku juga menambah lagi daripada syair Iqbaal, salah seorang penyair Islam yang agung sebagaimana yang terdapat di dalam antolojinya yang bertajuk (Risalatul Masyriq), (Al Asraar war Rumuuz) dan (Dharbul Kaliim). Inilah kali pertama syairnya memasuki buku peringatan berbahasa Arab selepas diterjemahkan oleh Abdul Wahhaab Azzaam.

Iqbaal adalah seorang penyair yang benar aqidahnya, mendalam pemerhatiannya dan sejahtera pemikirannya. Beliau telah dithiqahkan oleh Abul Hasan 'Ali an Nadawi yang telah membuat satu kajian mengenainya yang dinamakannya sebagai: (Rawaa'i Iqbaal). Beliau juga telah dithiqahkan oleh al Mauduudi di dalam satu makalah penting yang disiarkan oleh al Majallatul Ba'thil Islaamiyyil Hindiyyah. Di dalamnya beliau menerangkan kelebihan Iqbaal dalam memberi arahan kepada generasi yang telah ditawan oleh tamaddun Barat dan menjauhkan mereka daripada kesempitan perkauman juga ketika beliau menegaskan bentuk yang sebenar bagi Daulah Islamiah, sehinggakan al Mauduudi telah menyifatkan bahawa apa yang dilakukan olehnya adalah suatu yang besar dalam lapangan islah (pemulihan) yang mempunyai nilai yang tinggi dan tidak boleh dilupakan oleh sejarah. Beliau juga mampu menyelamatkan generasi muslim yang telah diselaputi dengan berbagai fitnah dan teori yang berbagai.
Lebih dari itu, Iqbaal telah melakukan satu perkara yang amat penting di akhir hayatnya mengikut neraca Islam, iaitu penglibatan beliau dalam membongkar kebatilan al Qaadiaaniyyah dan al Ahmadiyyah serta memberi amaran daripada mendekatinya. Anda akan mendapatinya amat mengingkari terhadap kesesatan wihdatul wujud, bersalahan dengan apa yang difahami oleh setengah golongan tentang sikapnya.

**Bersama Fitrah Keindahan**
Majaaz[8], jinaas[9] dan tasybiih[10] adalah seperti syair. Seseorang yang mempunyai ransangan sastera mendapati bahawa ucapan yang bersemangat akan lebih berkesan jika dihiasi dengan ilmu-ilmu balaaghah (ilmu bahasa dan sastera Arab) seperti yang disebutkan di atas. Oleh kerana itu aku memetik sebahagiannya dengan menjauhi daripada yang sukar.

(*Majaaz*, *isti'aarah*[11], *kinayah*[12] dan seumpamanya dari uslub *balaaghah*, tidak dapat dielak oleh jiwa yang seni, kerana ia sentiasa mahupun sesuatu yang agung, indah dan halus. Mungkin orang yang tidak berjiwa seni menganggap bahawa ini merupakan suatu keberatan dan meletakkan sesuatu bukan pada tempatnya. Hasilnya segala yang dilakukan untuk tujuan itu adalah satu kerja kosong dan tidak berfaedah. Tetapi sifat kesenian yang ada pada jiwa penyair berpendapat bahawa ia menambahkan lagi pengertian yang memberikan kesan yang lebih terhadap jiwa dan perasaan. Oleh itu penambahan dalam bentuk

8 Majaaz ialah lafaz yang digunakan bukan untuk maknanya yang sebenar kerana terdapat qariinah (penunjuk) yang menegah daripada maknanya yang sebenar.
9 Jinaas ialah persamaan dua perkataan dari segi lafaz tetapi berlainan dari segi makna.
10 Tasybiih ialah keterangan yang menunjukkan bahawa dua perkara atau lebih, mempunyai kesamaan, sama ada dalam satu sifat sahaja atau pun lebih.
11 *Isti'aarah* ialah tasybiih (perbandingan) yang dibuang salah satu rukunnya (sama ada *musyabbah* atau pun *musyabbahu bihi*).
12 *Kinaayah* ialah lafaz yang disebut tetapi yang dikehendaki daripadanya makna yang berkaitan dengannya, dan dalam waktu yang sama harus juga yang dikehendaki ialah maknanya yang asal.

perkataan, pengolahan lafaz dan pengulangan makna tidak lain dan tidak bukan hanya bertujuan untuk memberikan penambahan terhadap jiwa dan perasaan).[13]

**Semangat pemuda Islam di permulaan abad baru..**

Seterusnya..

Kurun yang lepas telah menyaksikan luka-luka yang memeritkan pada seluruh dunia Islam. Serangan musuh Islam telah sampai ke kemuncaknya. Tetapi sungguhpun begitu, cubaan untuk menanganinya semula telah dilakukan oleh mereka yang mempertahankannya. Walaupun kemenangan belum diperolehi, tapi sekumpulan pemuda Islam telahpun terdidik dan bangkit sedar. Keazaman mereka telah mantap. Ini semua meyakinkan lagi kepada kita bahawa Islam pasti menang dalam kurun ini .. Insya Allah !

[13] Wahyul qalam: 3/213

# 1 Kita Menolak 'al-hawa'

*"Jauhkanlah dirimu dari sebarang hawa yang bukan bernama Islam."*

Itulah teriakan amaran yang dilaungkan oleh Maimun bin Mahran rahimahullah -seorang ahli hadis yang *thiqah-* ketika dia merasa takut kita semua akan diperdaya oleh kilauan pelbagai nama-nama. Gema teriakan ini masih terdengar melangkaui generasi demi generasi.
Beliau mengingatkan kita bahawa setiap perkara yang bukan Islam adalah sememangnya nafsu semata-mata, biar apa jua bentuknya dan di zaman mana jua ia lahir.
Itulah yang diwarisi dari para pemimpin Islam sejak dahulu. Bagi mereka, hanya ada satu sahaja kebenaran iaitu wahyu. Selain dari wahyu adalah nafsu yang tercela. Tiada satu pun nafsu yang terpuji dan nafsu tiada kaitan langsung dengan *al-haq*. Seseorang muslim tidak dibolehkan langsung berhukum kepada nafsu atau merasa senang hati dengan nafsu.

**Wahyu ...atau Keinginan Hawa Nafsu**

Imam Al-Syatibi telah menegaskan perkara ini dengan padat dan ringkas. Kata beliau di dalam kitab *"al-Muwafaqat"*: "Sesungguhnya Allah telah menjadikan mengikut hawa nafsu sebagai menentang kebenaran, sebagaimana firman Allah S.W.T.:

يَادَاوُودُ إِنَّا جَعَلْنَاكَ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ فَاحْكُمْ بَيْنَ النَّاسِ بِالْحَقِّ
وَلَا تَتَّبِعْ الْهَوَى فَيُضِلَّكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ إِنَّ الَّذِينَ يَضِلُّونَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ

*"Hai Daud, sesungguhnya Kami menjadikan engkau khalifah di muka bumi, maka hukumlah di antara manusia dengan keadilan, dan janganlah engkau* ***turut hawa nafsu****, nanti ia menyesatkan engkau dari jalan (agama) Allah."* (Shaad 38: 26)

Allah berfirman lagi yang bermaksud :

فَأَمَّا مَنْ طَغَى(37)وَآثَرَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا(38)فَإِنَّ الْجَحِيمَ هِيَ الْمَأْوَى

*"Maka barangsiapa yang derhaka. Dan mengutamakan hidup di dunia, maka sesungguhnya, nerakalah tempat diamnya."* (An-Nazi'at 79: 37-39)
Allah berfirman lagi pada tentang sifat yang berlawanan dengan hawa nafsu selepas ayat tersebut:

وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ وَنَهَى النَّفْسَ عَنْ الْهَوَى(40)فَإِنَّ الْجَنَّةَ هِيَ الْمَأْوَى

*"Adapun orang yang takut akan kebesaran Tuhannya, dan menahan dirinya daripada nafsunya, maka sesungguhnya syurgalah tempat diamnya"* (An-Nazi'at 79: 40-41)

Firman Allah S.W.T. :

وَمَا يَنْطِقُ عَنْ الْهَوَى(3)إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَى

*"Tiadalah ia berbicara menurut hawa nafsunya. Ia (Quran) tidak lain hanya wahyu yang diwahyukan kepadanya"* (An-Najm 53:3-4)

**Ayat-ayat di atas menunjukkan bahawa di depan kita hanya ada dua pilihan: Wahyu (syariat), atau hawa nafsu. Tiada pilihan ketiga. Jelaslah bahawa kedua-duanya adalah dua sifat yang berlawanan. Apabila wahyu mengatakan sesuatu itu hak, lawannya adalah nafsu dan apa jua yang mengikut nafsu dengan sendirinya bertentangan dengan yang hak.**

Firman Allah lagi :

أَفَرَأَيْتَ مَنْ اتَّخَذَ إِلَهَهُ هَوَاهُ وَأَضَلَّهُ اللَّهُ عَلَى عِلْمٍ

*"Adakah engkau lihat orang yang mengambil nafsunya menjadi Tuhannya dan Allah menyesatkannya kerana mengetahui (kejahatan hatinya)/selepas didatangi ilmu kepadanya."*

(Al-Jatsiyah 45: 23)

Firman Allah S.W.T. :

وَلَوْ اتَّبَعَ الْحَقُّ أَهْوَاءَهُمْ لَفَسَدَتْ السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ وَمَنْ فِيهِنَّ

*"Kalau sekiranya kebenaran mengikut nafsu mereka, nescaya binasalah langit dan bumi dan siapa-siapa yang berada di dalamnya."* (Al-Mukminun 23: 71)

Firman Allah S.W.T. :

أُوْلَئِكَ الَّذِينَ طَبَعَ اللَّهُ عَلَى قُلُوبِهِمْ وَاتَّبَعُوا أَهْوَاءَهُمْ

*"Mereka itu telah ditutup Allah mata hati mereka dan mereka mengikut nafsu mereka."*

(Muhammad 47: 16)

Firman Allah S.W.T. :

أَفَمَنْ كَانَ عَلَى بَيِّنَةٍ مِنْ رَبِّهِ كَمَنْ زُيِّنَ لَهُ سُوءُ عَمَلِهِ وَاتَّبَعُوا أَهْوَاءَهُمْ

*"Adakah orang yang di atas keterangan (dalil) dari Tuhannya sama dengan orang yang diperhiaskan kepadanya amalannya yang jahat, dan mereka mengikut nafsu mereka?"*

(Muhammad 47: 14)

**Perhatikanlah ! Setiap ayat yang menyebut tentang nafsu, ia mesti dicela dan pengikut nafsu akan dikutuk. Diriwayatkan dari Ibnu Abbas bahawa beliau berkata:**

**"Bila mana Allah menyebut perkataan nafsu 'al-hawa' di dalam al-Quran, pasti Dia mencelanya. Dari sini jelaslah maksud kenapa diturunkan syariat iaitu untuk mengeluarkan kita dari menjadi pengikut runtunan nafsu[14]**

**Tiada Jalan Tengah Di Antara Syariat dan Keinginan**

Itulah juga perintah Allah kepada Rasulullah s.a.w.. Allah S.W.T. berfirman:

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَى شَرِيعَةٍ مِنْ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ

*"Kemudian Kami jadikan engkau (Ya Muhammad) di atas syariat (peraturan)di antara urusan (agama), maka ikutlah syariat itu dan janganlah engkau menurut nafsu orang-orang yang tidak berilmu."* (Al-Jatsiyah 45 : 18)

Syed Qutb berkata di dalam tafsirnya *"Fi Zilal al-Quran"* :

"Pilihlah, sama ada mahu menerima syariat Allah ataupun mengikut keinginan orang-orang yang jahil. Tiada andaian yang ketiga dan tidak ada jalan tengah di antara syariat yang lurus dan nafsu yang berubah-ubah. Sesiapa sahaja yang meninggalkan syariat Allah sebenarnya bertindak berhukumkan nafsunya. Tiap-tiap sesuatu yang lain dari syariat Allah adalah nafsu yang terperosok ke

[14] *Al-Muwafaqat*, Juzu' 6, m.s. 121

dalamnya orang yang jahil."[15]
Syariat hanyalah satu iaitu syariat Allah. Selain dari itu hanyalah nafsu yang bersumberkan kejahilan. Pendokong dakwah wajib mengikuti syariat-syariat Allah sahaja dan meninggalkan segala keinginan-keinginan nafsu. Mereka tidak boleh menyeleweng dari syariat dan tidak boleh cenderung kepada nafsu walau sedikitpun.[16]

Demikianlah juga perintah Allah yang kepada orang-orang beriman dengan firmanNya kepada mereka :

يَاأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَافَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ

*"Hai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam seluruhnya, dan janganlah kamu turut langkah-langkah syaitan."* (Al-Baqarah 2: 208)
"Pilihlah di antara petunjuk Allah ataupun tipu daya syaitan. Penegasan sebegini sepatutnya menjadikan seorang muslim tahu dan membuat pendiriannya. Dia sepatutnya tidak berdolak-dalik, bimbang, ragu-ragu atau termangu-mangu dalam memilih kepelbagaian jalan dan haluan yang ada dihadapannya.
Tiada manhaj/sistem alternatif bagi orang yang beriman untuk dipilih. Tiada jalan baginya untuk dicampur adukkan antara satu sama lain. Tidak sekali-kali. Sesiapa yang tidak masuk Islam secara keseluruhannya, tidak menyerahkan dirinya secara ikhlas kepada kepimpinan Allah dan syariatnya dan tidak membebaskan diri dari sebarang tasawwur, konsep, manhaj dan syariat yang lain, MAKA sesungguhnya dia telah mengikut jejak langkah dan melalui jalan syaitan."[17]

**Fitnah dan Kewaspadaan**
Imam Ahmad bin Hanbal Rahimahullah telah menyatakan bahawa; penolakan satu perkara sahaja dari sabda Rasulullah s.a.w adalah boleh dianggap sebagai penyelewengan. Beliau berkata:
"Aku telah menyemak di dalam Al-Quran. Ku dapati ada 33 tempat yang menyentuh tentang ketaatan kepada Rasulullah".
Beliau membaca sepotong ayat iaitu firman Allah S.W.T. :

فَلْيَحْذَرْ الَّذِينَ يُخَالِفُونَ عَنْ أَمْرِهِ أَنْ تُصِيبَهُمْ فِتْنَةٌ

*"Sebab itu hendaklah orang-orang yang melanggar perintahNya merasa takut bahawa mereka akan ditimpa fitnah."* (An-Nur 24: 63)
Imam Ahmad membacanya berulang-ulang kali kemudian berkata:
*"Apakah dia fitnah? Fitnah adalah syirik. Apabila seseorang itu menolak sebahagian dan sabda Rasulullah s.a.w. maka akan tercampaklah penyelewengan ke dalam hatinya dan penyelewengan itu akhirnya akan membinasakannya."*[18]

**Menolak Sebahagian dari Syariat Allah Adalah Kufur**
Tetapi penyelewengan dan kesesatan itu ada beberapa peringkat pula:
Antaranya ialah penyelewengan kesesatan kufur 'pure' yang membawa pendokongnya ke luar dari Islam. Ini berlaku bila seseorang individu mendakwa tidak yakin dengan kesesuaian hukum-hukum syarak untuk

[15] *Fi Zilal Al-Quran*, Juzu' 25, m.s. 136
[16] Ibid
[17] *Fi Zilal Al-Quran*, Juzu' 2, m.s. 142
[18] Ibnu Taimiyah, *Al-Sarim al-Maslul 'ala Syatim al-Rasul*, m.s. 56

direalisasikan dan menyifatkannya sebagai hukum yang sudah tak sesuai dengan maslahah dan tidak relevan dengan perkembangan zaman dan sebagainya, walhal dia mempunyai pengetahuan yang cukup tentang hukum syarak tersebut. Perkara ini boleh berlaku pada masalah berhubung soal akidah atau perundangan. Individu tersebut juga tahu bahawa hukum itu telah sabit berdasarkan mana-mana ayat al-Quran atau hadis Rasulullah s.a.w yang mutawatir.

Itulah orang yang dimaksudkan oleh al-Quran sebagai beriman dengan sebahagian kitab Allah dan kufur dengan sebahagian yang lain. Tidak ada *khilaf* lagi kafirnya orang begini.

Syeikhul Islam Ibnu Taimiyyah contohnya, terang-terangan mengkafirkan orang yang beriman dengan sebahagian-sebahagian begini. Beliau membawa dalil-dalil dari Al-Quran. Beliau menerangkan bahawa kafir itu tidak hanya terbatas pada golongan atheis dan golongan yang mengengkari risalah Islam secara keseluruhan sahaja, *bahkan golongan yang yakin dengan sebahagian risalah, tetapi tidak yakin dengan sebahagian lagi juga adalah kafir.*

Firman Allah S.W.T.:

إِنَّ الَّذِينَ يَكْفُرُونَ بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ وَيُرِيدُونَ أَنْ يُفَرِّقُوا بَيْنَ اللَّهِ وَرُسُلِهِ وَيَقُولُونَ نُؤْمِنُ بِبَعْضٍ وَنَكْفُرُ بِبَعْضٍ وَيُرِيدُونَ أَنْ يَتَّخِذُوا بَيْنَ ذَلِكَ سَبِيلًا(150)أُولَئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ حَقًّا وَأَعْتَدْنَا لِلْكَافِرِينَ عَذَابًا مُهِينًا(151)وَالَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ وَلَمْ يُفَرِّقُوا بَيْنَ أَحَدٍ مِنْهُمْ أُولَئِكَ سَوْفَ يُؤْتِيهِمْ أُجُورَهُمْ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا

*"Sesungguhnya orang-orang yang kafir kepada Allah dan Rasul-RasulNya dan hendak membezakan antara Allah dan para RasulNya, mereka berkata:* ***Kami beriman kepada setengah (Rasul) dan kafir kepada yang lain dan mereka hendak mengambil jalan tengah antara demikian itu (neutral). Mereka itu ialah orang-orang yang benar-benar kafir;*** *dan Kami sediakan untuk orang-orang kafir itu seksaan yang rnenghinakan. Orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-RasulNya dan tiada membezakan seorangpun di antara Rasul-Rasul itu, nanti Allah akan memberikan pahala kepada mereka. Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih."* (An-Nisa' 4: 150-152)

Allah berfirman kepada ahli kitab:

ثُمَّ أَنْتُمْ هَؤُلَاءِ تَقْتُلُونَ أَنفُسَكُمْ وَتُخْرِجُونَ فَرِيقًا مِنْكُمْ مِنْ دِيَارِهِمْ تَتَظَاهَرُونَ عَلَيْهِمْ بِالْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَإِنْ يَأْتُوكُمْ أُسَارَى تُفَادُوهُمْ وَهُوَ مُحَرَّمٌ عَلَيْكُمْ إِخْرَاجُهُمْ أَفَتُؤْمِنُونَ بِبَعْضِ الْكِتَابِ وَتَكْفُرُونَ بِبَعْضٍ فَمَا جَزَاءُ مَنْ يَفْعَلُ ذَلِكَ مِنْكُمْ إِلَّا خِزْيٌ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يُرَدُّونَ إِلَى أَشَدِّ الْعَذَابِ وَمَا اللَّهُ بِغَافِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ

*"Kemudian sebahagian kamu membunuh yang lain, dan kamu usir satu golongan di antaramu dari kampungnya, kamu tolong-menolong dalam membuat dosa dan aniaya; kalau datang kepadamu orang-orang tawanan, tebus-menebus kamu dengan mereka, sedangkan telah diharamkan atas kamu mengusir mereka.* ***Adakah kamu percaya kepada sebahagian kitab dan engkar akan sebahagiannya? Maka tiadalah balasan bagi orang yang berbuat demikian di antaramu, melainkan kehinaan dalam kehidupan dunia; dan pada hari kiamat, mereka dimasukkan ke dalam seksaan yang keras.*** *Allah tiada lalai dari apa-apa yang kamu kerjakan."* (Al-Baqarah 2:85)

Firman Allah S.W.T.:

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ يَزْعُمُونَ أَنَّهُمْ آمَنُوا بِمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنزِلَ مِنْ قَبْلِكَ يُرِيدُونَ أَنْ يَتَحَاكَمُوا إِلَى الطَّاغُوتِ وَقَدْ أُمِرُوا أَنْ يَكْفُرُوا بِهِ وَيُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُضِلَّهُمْ ضَلَالًا بَعِيدًا(60)وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا إِلَى مَا أَنزَلَ اللَّهُ وَإِلَى الرَّسُولِ رَأَيْتَ الْمُنَافِقِينَ يَصُدُّونَ عَنْكَ صُدُودًا

*"Tidakkah engkau ketahui bahawa orang-orang yang mendakwa mereka beriman kepada al-Quran yang diturunkan kepada engkau dan Kitab-kitab yang diturunkan sebelum engkau;* ***mereka hendak minta hukum hepada taghut, sedang mereka disuruh supaya kafir terhadap taghut.*** *Syaitan menghendaki supaya ia menyesatkan mereka dengan kesesatan yang jauh. Apabila dikatakan kepada mereka: Marilah kamu kepada apa yang diturunkan Allah dan kepada Rasul, maka engkau lihat orang-orang munafik berpaling dari engkau dengan sungguh-sungguh berpaling."*(An-Nisa' 4:60-61)

Firman Allah S.W.T.:

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ أُوتُوا نَصِيبًا مِنْ الْكِتَابِ يُؤْمِنُونَ بِالْجِبْتِ وَالطَّاغُوتِ وَيَقُولُونَ لِلَّذِينَ كَفَرُوا هَؤُلَاءِ أَهْدَى مِنْ الَّذِينَ آمَنُوا سَبِيلًا(51)أُوْلَئِكَ الَّذِينَ لَعَنَهُمْ اللَّهُ وَمَنْ يَلْعَنْ اللَّهُ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ نَصِيرًا

*Tidakkah engkau perhatikan (dan merasa pelik wahai Muhammad) kepada orang-orang yang telah diberikan sebahagian dari Kitab (Taurat)? Mereka percaya kepada benda-benda yang disembah yang lain dari Allah, dan kepada Taghut,* ***dan mereka pula berkata kepada orang-orang kafir (kaum musyrik di Mekah) bahawa mereka (kaum musyrik itu) lebih betul jalan agamanya daripada orang-orang yang beriman (kepada nabi Muhammad s.a.w.).*** *(Kaum Yahudi yang demikian sikapnya) mereka itulah orang-orang yang dilaknat oleh Allah; dan sesiapa yang dilaknat oleh Allah, maka engkau tidak sekali-kali akan mendapati sesiapa pun yang boleh menolongnya."* (An-Nisa' 4: 51-52)

Ibnu Taimiyah menerangkan perkara yang tersirat di sebalik ayat-ayat Allah S.W.T. ini.

**"Allah mencela golongan yang telah menerima kitab, tapi masih lagi beriman kepada sesuatu perkara di luar risalah. Mereka lebih mengutamakan 'orang luar' risalah berbanding orang-orang yang beriman. Samalah juga keadaannya sebagaimana sebahagian manusia mengutamakan pendapat ahli falsafah dan kerajaan jahiliyah (yang berbangsa Turki, Dailam, Arab, Iran dan lain-lain) berbanding orang yang beriman kepada Allah, kitab Allah dan RasulNya.**

**Begitu juga Allah mencela orang yang mengaku beriman dengan seluruh kandungan kitab-kitab Allah tetapi mereka tidak menghukum dengan menggunakan al-Quran dan al-Sunnah. Mereka rela berhukum menurut taghut yang diagungkan selain dari Allah. Demikian jugalah yang terjadi pada golongan yang mengaku Islam tetapi mereka menjalankan undang-undang mengikut pandangan ahli falsafah atau mereka memerintah menurut sistem politik bukan syariat Allah. Apabila diseru kepada mereka: "Marilah kembali kepada kitab Allah dan sunnah Rasulnya!", mereka palingkan muka mereka dengan bersungguh-sungguh."**[19]

Ibnu Taimiyah r.a -sepertimana yang kita dapat lihat- mentafsirkan 'taghut'

[19] Ibnu Taimiyah, *Majmu' Fatawa*, Juzu' 12, m.s. 339

yang terdapat di dalam ayat ini sebagai sesiapa saja yang mempunyai pendapat yang bertentangan dengan al-Quran dan Sunnah, tidak kira menamakan dirinya sebagai ahli cendekiawan, raja atau sebagainya.
Beriman kepada Allah tanpa beriman kepada segala perintah dan ajaran Rasul (pemisahan tersebut) hanya membawa kepada kekufuran. Tidak boleh diakui sekali-kali sesiapa yang mengambil jalan tengah dengan mencampur-adukkan agama dengan jahiliyah yang ditempelkan. Mereka itulah orang yang digambarkan oleh al-Quran sebagai golongan yang hendak mengambil jalan tengah di antara Islam dan jahiliyyah. Mereka mencipta jalan ketiga di antara Islam dan ideologi ciptaan manusia dengan mencampurkan sedikit dari Islam dan sedikit dari jahiliyah lalu diadun untuk dijadikan satu undang-undang bagi mengatur kehidupan manusia.

Kebanyakan kerajaan-kerajaan negeri-negeri Ummat Islam dan kebanyakan parti-parti politik dan persatuan sosial pada hari ini tidaklah terang-terang menolak tuhan. Tetapi kebanyakan badan-badan ini menyeru manusia kepada manhaj (cara hidup) dan sistem-sistem yang bertentangan dengan sebahagian dari hukum-hukum Islam. Mereka kadangkala menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal sedangkan mereka mengetahui bahawa perkara itu adalah bertentangan dengan syariat Allah.

Ulama' Islam dan pemimpin gerakan Islam telah menerangkan kepada mereka ini betapa silapnya perbuatan mencampur aduk, menampal-nampal, mencantum-cantumkan dan iman yang separuh-separuh ini. Meskipun demikian, golongan ini terus berdegil dan terus-menerus mengajak orang ramai kepada nafsu.

***Tidak syak lagi, itu adalah kufur. Wal 'iya zubillah.***

**Kita tidak akan Mengkafirkan Seseorang Muslim Tanpa Bukti**
Kemudian terdapat pula penyelewengan dan kesesatan yang lebih ringan dan lebih kecil daripada yang dinyatakan di atas.
Ibnu Taimiyyah telah berkata: *"Ramai ahli salaf telah berkata:* **كفر دون كفر** *Ada satu kufur tidak sampai kepada kekufuran, satu nifaq yang tidak sampai kepada munafiq dan satu syirik tidak sampai kepada syirik."*[20]
Maksiat ada pelbagai peringkat. Ada dosa-dosa yang kecil dan ada dosa-dosa besar dan ada juga dosa-dosa yang terletak antara keduanya. Ia semua dilakukan oleh seorang muslim lantaran dorongan syahwat. Atau ini terjadi ketika dia lemah kekuatan dirinya atau terlupa harga diri. Dia tidak terfikir langsung untuk menentang atau mengingkari syariat tersebut.
Kemungkinan juga dia melakukan dosa tersebut akibat kejahilannya terhadap hukum-hukum syarak. Dia tidak langsung berusaha untuk bertanya orang yang tahu walaupun usaha tersebut tidaklah begitu sukar. Atau kemungkinan dia melakukan dosa tersebut dengan kesilapan penafsiran atau membuat pemahaman sendiri.

Asas kita dalam masalah ini ialah apa yang disebutkan oleh Imam al-Bukhari rahimullah yang bermaksud:

[20] Ibid, Juzu' 11, m.s. 140

*"Segala maksiat adalah urusan jahiliah dan pembuat maksiat tidak menjadi kafir dengan melakukannya kecuali maksiat syirik. Ini semua berdasarkan Rasulullah S.A.W. bersabda: "Sesungguhnya engkau seorang yang ada padamu sisa-sisa jahiliah."*[21]

Kamu dapati bahawa hadis Nabi S.A.W. yang dijadikan dalil oleh Imam al-Bukhari ini adalah jelas dan benar. Sabda itu ditujukan kepada Abu Dzar r.a. tatkala beliau mengejek Bilal dan ibunya yang berkulit hitam. Padahal Abu Dzar itu dari kalangan sahabat-sahabat yang hebat dan mulia.
Satu maksiat sahaja adalah satu cabang dari cabang-cabang jahiliah sebagaimana maksud sabda Rasulullah S.A.W tersebut.
Oleh kerana itu, setiap kali maksiat seorang muslim bertambah, bertambahlah kadar jahiliah yang ada padanya. Tetapi dia tidaklah menjadi jahiliah seluruhnya, kecuali jika dia mensyirikkan Allah di dalam ibadahnya atau dia beriktikad bahawa sebahagian dari perkara yang diharamkan Allah adalah halal atau beriktikad bahawa sebahagian daripada yang dihalalkan Allah adalah haram dan beriman hanya pada sebahagian dari syariat Allah dan kufur pada sebahagian yang lain.

Inilah rahsianya mengapa Rasulullah S.A.W memberi amaran agar berhati-hati ketika mengkafirkan individu yang telah zahir keIslamannya, sebagaimana sabda baginda yang bermaksud: *"Barangsiapa yang berkata kepada saudaranya: "Wahai si kafir!" Kembalilah kufur itu kepada salah seorang dari mereka. Jika benar, maka kafirlah orang yang dikatakan. Kalau tidak, kembalilah kufur itu kepadanya*[22]*."*[23]

Inilah juga rahsia yang mendorong Imam Hassan Al-Banna agak ketat mengenainya di dalam kata-kata beliau di dalam *"al-Usul al-'Isyrin"* (20 Usul) yang bermaksud:
"Janganlah kita mengkafirkan seorang Islam yang berikrar dengan dua kalimah syahadah dan beramal mengikut tuntutannya dan menyempurnakan apa yang difardhukan kepadanya berdasarkan satu pendapat yang dipegangnya atau satu maksiat yang dilakukannya; kecuali jika dia mengaku dengan kalimah kufur atau menyangkal perkara yang perlu dan sepatutnya diketahui tentang agama, mendustakan keterangan al-Quran, atau mentafsirkannya mengikut satu perspektif yang tidak menepati uslub bahasa Arab tentang sesuatu perkara, atau membuat satu amalan yang tidak membawa pengertian lain selain dari kufur."

Demikianlah pengertian yang dapat diambil dari buku *"al-Sharh al-'Iraqi li al-Usul al-'Isyrin"* (Penjelasan al-Iraqi Terhadap Dua Puluh Usul). Beliau berkata:
Mengkafirkan seorang muslim dalam ertikata mengeluarkannya dari Islam, adalah sesuatu yang sangat berbahaya. Mesti ada sesuatu yang membuktikan kekufurannya secara jelas dan terang. Contohnya, dia berkata atau melakukan sesuatu perkara yang menyebabkan kufur seperti menyangkal satu dalil yang *qat'i* (yang pasti) dari agama, seperti kewajipan solat, pengharaman riba', tidak perlu berpegang kepada Islam atau mempersendakan Islam atau al-Quran, mencaci Allah dan RasulNya, melumurkan Al-Quran dengan kekotoran atau

[21] *Sahih al-Bukhari*, Juzu' 1, m.s. 15
[22] Jika saudaranya bukan kafir, maka dialah yang menjadi kafir lantaran kata-katanya itu.
[23] *Sahih Muslim*, Juzu' 1, m.s. 57

menolak perkara yang terang-terang di dalam Al-Quran, menyangkal hari akhirat atau berkata: "Syariat Islam telah lapuk, ketinggalan zaman, dan tidak layak lagi untuk dilaksanakan dan tidak lagi diperlukan pada masa kini," serta lain-lain yang menjadikan pengucapnya atau pembuatnya sebagai kafir.
Sebaliknya, apabila dia melakukan beberapa maksiat seperti minum arak walhal masih mengakui usul akidah Islam maka dia adalah muslim yang derhaka, bukan kafir. Demikian juga sekiranya dia berkata atau melakukan sesuatu yang masih boleh ditakwilkan lagi, maka kita tidak boleh mengkafirkannya lantaran perkataan dan perbuatannya itu.

Namun, perlu diingat bahawa kita kadangkala menamakan sesetengah perbuatan atau meninggalkan perbuatan tertentu sebagai kafir lantaran mengikut apa yang telah disebutkan oleh nas-nas syara'. Contohnya (hadis): "meninggalkan solat itu adalah kufur".
Tetapi dalam mengkafirkan seseorang individu tertentu, hendaklah wujud secara yakin perkara-perkara yang menjadikannya kafir. Contohnya, seseorang yang menyangkal bahawa solat itu fardhu atau seseorang yang diminta supaya bertaubat kerana tidak bersolat: "Sekiranya kamu tidak mahu sembahyang, kami akan bunuh kamu." Dia terus berdegil dan lebih suka dibunuh maka ini menunjukkan hatinya kosong dari iman dan kematiannya di anggap sebagai kafir.

Begitu itu perlu diketahui bahawa kufur ada dua jenis:
1. Kufur kecil yang tidaklah mengeluarkan penganutnya dari Islam.
2. Kufur besar yang mengeluarkan penganutnya dari Islam.

Berdasarkan pembahagiaan ini dapatlah kita memahami maksud sesetengah nas Quran atau Hadis, antaranya:

"Barangsiapa yang bersumpah dengan yang lain dari Allah, dia telah syirik"

Syirik ini tidaklah mengeluarkannya dari Islam, tetapi dia telah melakukan dosa yang amat besar. Begitulah seterusnya"[24]

**Jiwa yang Beriman Itu Peka dan Sensitif**

Kewaspadaan kita dalam mengkafirkan seorang muslim tidaklah menghalang kita dari melihat betapa teruknya penyelewengan yang berleluasa yang telah menimpa sebahagian besar orang-orang Islam di zaman ini. Memang benar… mereka itu umat Islam, tetapi, mereka telah karam di dalam maksiat dan darjat iman mereka menjunam ke taraf yang paling rendah.. jauh sekali dari tahap mulia !

Latarbelakang keadaan ini ada kisah panjang. Ia bermula dari saat-saat peluasan kuasa dan kesibukan pentadbiran dan pemerintahan. Peluasan dan kesibukan ini secara beransur-ansur memakan korban sahabat-sahabat Nabi saw yang terbaik. Mereka telah terjun ke tengah-tengah medan untuk meneruskan tugas mengembangkan dakwah Islam dengan jihad dan dakwah

[24] *al-Sharh al-'Iraqi li al-Usul al-'Isyrin"* (Penjelasan al-Iraqi Terhadap Dua Puluh Usul) hlm. 55

yang paling cemerlang. Selepas kewafatan Rasulullah, mereka bertebaran di segenap pelusuk bumi laksana sinar matahari untuk menawan beberapa negeri di timur dan barat, menghancur-leburkan segala taghut, membawa rahmat ke seluruh dunia dan memimpin manusia kepada syurga.

Di tahun-tahun yang terakhir sebelum abad pertama Islam berlalu, penyelewengan mula menyerap masuk ke dalam generasi baru yang bakal menggantikan generasi pertama Islam yang unik itu. Keazaman di dalam dakwah dan jihad mula kendur sedangkan mereka sepatutnya meneruskan dakwah dan jihad untuk menghapuskan saki baki taghut yang masih ada.

Ketika semangat umat Islam mula menurun itulah, muncullah Umar bin Abdul Aziz, seorang pemimpin Islam yang unik, dilahirkan oleh Allah untuk umat ini. Beliau dikurniakan jiwa yang tinggi. Beliau melihat sedikit penyelewengan dan berlengahan dari dakwah dan jihad itu sebagai tanda awal berlakunya penyelewengan dari kebenaran. Beliau memandang berat keadaan umat jihad yang telah kurang daya juangnya lalu beliau berkata dengan nada dukacita :

*"Sesungguhnya aku sedang merawat satu urusan yang tiada siapa dapat menolongnya kecuali Allah. Sesungguhnya di atasnya telah mati orang tua, orang yang kecil telah membesar, orang Ajam*[25] *telah mahir berbahasa Arab dan Arab Badwi telah berhijrah sehingga mereka memandang sesuatu yang bukan agama sebagai agama. Mereka tidak melihat kebenaran selain daripada itu."*[26]

Itulah kalimah yang telah diucapkan khalifah Umar Ibnu Aziz dengan rasa dukacita yang mendalam sedangkan beliau telah memegang tampuk pimpinan umat yang menguasai seluruh bangsa sekitar, tersebarnya kebaikan dan umat berhukum kepada syariat Allah secara umumnya.

Ianya adalah gusaran seorang yang beriman terhadap dosa-dosa kecil, sedikit bid'ah, kezaliman yang ringan dan wujudnya petanda gaya hidup mewah.
Itulah jiwa mukmin yang terlalu sensitif dan peka terhadap erti-erti keadilan dan kezaliman, ikutan sunnah dan bid'ah, menyumbang tenaga dan inginkan kerehatan.

Oleh yang demikian, seorang mukmin itu mestilah sentiasa berusaha mencari kemuliaan yang lebih sempurna. Mereka tidak akan memejamkan matanya dan tidak akan mengelukan lidahnya dari sebarang penyelewengan yang berlaku.

**Generasi Kita Yang Terpedaya (Mangsa Keadaan !)**
Beberapa generasi telah berlalu selepas zaman pemerintahan Umar. Islam seterusnya didokong oleh pahlawan-pahlawan Islam dan para reformist. Tetapi sesetengah waktu lain, berlaku juga kelekaan. Hinggalah kita dapati umat Islam pada waktu ini tunduk kepada perancangan Yahudi dan negara-negara kafir. Kekayaan mereka dirampas, iman menjadi lemah, neraca kehidupan mereka bertukar dan hukum al-Quran telah ditolak ke tepi. Musuh-musuh juga mendidik anak-anak orang Islam dengan ideologi yang bertentangan dengan Islam, berlindungkan pelbagai nama dan kelubung.

[25] Selain dari bangsa Arab. (Pnt)
[26] Ibnu Abdul Hakim, *Sirah Umar bin Abdul Aziz*, m.s. 37

Sekiranya masih ada sedikit iman dalam diri mana-mana muslim, masih ada rasa sayangkan agama yang dapat memeliharanya dari keluar dari agamanya, mereka akan menjadi korban pula kepada kepalsuan dan pelbagai topeng. Akhirnya mereka terpedaya dan terikut kepada ahli politik, sasterawan dan orientalis yang tidak benar-benar memahami Islam. Mereka memperalatkan dalil-dalil al-Quran dan hadis yang umum atau kadangkala dengan hadis-hadis palsu yang dimanipulasi untuk mencipta sistem-sistem politik dan ekonomi yang didakwa atau dilabel sebagai sistem Islam tanpa langsung mengikut kaedah usul fiqh dan memenuhi syarat-syarat ijtihad.

Oleh itu, tribulasi yang dihadapi oleh umat Islam pada hari ini tidak hanya terbatas pada penguasaian pemimpin yang sesat sahaja, bahkan menjangkau kepada persoalan pendidikan. Korikulum pendidikan dan pelajaran, jawatan-jawatan di universiti, akhbar-akhbar, majalah-majalah dan seluruh media massa digunakan untuk menghapuskan pemikiran dan nilai-nilai Islam di seluruh dunia Islam. Hinggakan orang yang mindanya terperangkap di dalam rencana jahiliah blok barat dan blok timur itu seronok dan merasa bangga kerana menyangka dirinya terlepas dari belenggu kekolotan.

Orang Islam yang sukakan maksiat pada hari ini adalah mangsa pendidikan tersebut, untuk ditukarkan menjadi fasiq mulanya dan supaya mereka akan mudah dijadikan kuda tunggangan oleh para taghut tersebut akhirnya.
Demikianlah perancangan jahiliah sejak dahulu lagi yang diwarisi oleh taghut moden dari taghut sebelumnya. Jika dilihat salasilahnya, akan sampai kepada Firaun.
"Firman Allah S.WT. :

فَاسْتَخَفَّ قَوْمَهُ فَأَطَاعُوهُ إِنَّهُمْ كَانُوا قَوْمًا فَاسِقِينَ

*"Lalu Firaun memperbodoh (menyesatkan) kaumnya, lalu mereka mengikutnya. Sesungguhnya mereka itu kaum yang fasik."* (Az-Zukhruf 43:54)

Inilah tafsir yang benar terhadap sejarah. Hanya orang-orang yang fasik sahaja yang boleh diperdayakan oleh Firaun (lama atau moden). Orang yang beriman kepada Allah tidak akan dapat diperdayakan oleh taghut dan tidak akan taat kepada perintahnya."[27]

Begitulah, musuh-musuh Islam telah memahami vital-spot yang telah diperkenalkan oleh Firaun. Mereka saling merancang dan merangka konspirasi untuk membuat kerosakan dan mengubah masyarakat supaya menjadi sampah-sarap yang tenggelam di dalam lumpur noda dan kejahatan. Masyarakat akan sentiasa disibukkan dengan kepayahan mencari sesuap makanan. Akibatnya mereka menjadi penat dan letih dengan perut dan seks dan tiada masa lagi untuk mendengar nasihat dan petunjuk atau kembali kepada agama."[28]

Demikianlah cara dan taktik mereka. Taktik-taktik kotor, memerangi masjid dengan tempat tari-menari, menggantikan isteri-isteri dengar pelacur-pelacur,

[27] *Fi Zilal al-Quran*, Juzu' 9, m.s. 45
[28] Ibid., m.s. 122

menyerang akidah menggunakan professor-professor *'free-thinker'* dan menewaskan kesenian keperwiraan dengan seni hedonisma.[29] Melalui pendidikan ini, mereka telah berjaya mengubah helang rajawali menjadi burung '*partridge*' sebagaimana yang dikatakan oleh Iqbal….
"Demikianlah halus dan telitinya proses dan seni penjinakan yang telah digunakan oleh pemimpin-pemimpin sesat tersebut....

*Seni yang merampas kecantikan lenggok bunga 'sarwa'*[30]
*ia menukar helang rajawali menjadi buruk denak*
*mereka memperdayakan angkatan berkuda dengan nyanyian yang merdu*
*lalu membenamkan bahtera ke dasar laut*
*mereka tidurkan kita dengan irama dan lagu*
*dan memadamkan obor kita dengan tiupan nafasnya."*[31]

manusia pun beransur-ansur diresapi kehinaan tanpa disedari.

*"Secara fitrahnya, manusia sebenarnya bencikan kehinaan. Tetapi dengan pelbagai keadaan dan peristiwa yang berlaku, tanpa disedari mereka tunduk secara berangsur-ansur. Sedikit demi sedikit mereka menjadi terbiasa di dalam kehinaan. Ianya ibarat singa yang telah dijinakkan. Namum begitu, saki baki unsur kemuliaan masih berbaki dijiwa dan masih mengalir bahang panasnya di dalam darah.*

*Apabila ada sahaja da'i yang menyeru kepada kemuliaan, memanggil kepada kebebasan, membangunkan jiwa yang lena dan menggerakkan semangat yang nyenyak, maka berdenyutlah kemuliaan di dalam jiwanya dan menyalalah bara di dalam sekam. Bangkitlah semula sifat kemanusiaan di dalam diri manusia, mereka tidak sekali-kali menerima penghinaan. Mereka pun bangkit berjihad dan melihat segala apa yang dihadapinya di dalam jiliad itu lebih ringan daripada diperhambakan, malah lebih baik daripada kehidupan kebinatangan.*

*Kehinaan yang menimpa manusia yang disebabkan oleh orang lain atau oleh faktor luaran, cepat sembuh dan mudah dihapuskan. Sebaliknya, jika kehinaan itu timbul dari dalam diri dan terbit dari hati, itu adalah penyakit yang sangat berbahaya dan merupakan kematian yang tidak disedari.*

*Oleh itu, golongan taghut yang zalim sengaja menerapkan kehinaan kepada orangramai melalui pendidikan yang hina dan asuhan agar tidak segan silu tanpa tatasusila. Mereka membentuk para belia dengan pelbagai taktik dan strategi yang bertujuan untuk mematikan hemah yang mulia dan memadamkan semangat juang agar kekuasaan sentiasa berada di tangan mereka yang zalim itu."*[32]

**Anak Singa Diubah Menjadi Kijang Yang Pengecut**

Untuk melengkapkan konspirasi 'penghinaan' itu, taghut yang zalim telah menindas da'i Islam. Ia dibuat agar sistem pendidikan, media massa dan dan bidang kewartawanan dikuasai oleh golongan yang kononnya hebat, ilmuan dan sasterawan. Melalui kuasa media, mereka mempropagandakan ilmu, sastera, dan retorik ala jahiliah Timur dan Barat. Mereka sadurkan rancangan mereka melalui berbagai-bagai pertubuhan yang kelihatan pada zahirnya berbeza-beza.

Pejuang-pejuang muda dan anak-anak singa dididik supaya berlembut dan

[29] al-Rafi'I, *Wahyu al-Kalam*, Juzu' 2, m.s. 258
[30] Sarwa: Sejenis pokok bunga untuk perhiasan di taman bunga dan di kubur yang ditanam untuk melindungi pokok-pokok lain. Pnt)
[31] Abdul Wahab Azam, *Buku Muhammad Iqbal*, m.s. 162
[32] Abdul Wahab Azam, *Al-Shawarid*, m.s. 318

tunduk kepada syahwat, mengikut hawa nafsu, karam dalam keseronokan seks dan kemewahan hidup.
Seterusnya mereka padamkan sejarah umat Islam yang bertamadun tinggi. Mereka hapuskan kisah kisah para ulama' kerana bimbang ia akan menjadi lampu penyuluh untuk generasi baru muslim, ditakuti menunjukkan jalan kerja kepada mereka semula.

Kandungan madah penyair Islam Muhammad Iqbal Rahimahullah membongkar taktik kotor mereka:

*Zaman satu bangsa yang hina*
*tidak pernah sunyi dari ilmuan, sasterawan dan orang yang arif bijaksana!*
*Mereka dipecahbelahkan dengan berbagai ideologi*
*tetapi semua ideologi itu tertumpu kepada satu rencana:*
*Mereka ajar anak singa agar menjadi kijang yang pengecut*
*dan mereka hapuskan kisah-kisah singa pada bicara zaman silam*
*Cita-cita mereka, menggembirakan hamba dengan perhambaan*
*Seluruh pengajaran mereka hanyalah penipuan cendekiawan.*[33]

Rancangan mereka telah benar-benar berjaya.
Inilah mercu tanda perancangan kaum Yahudi dan Kristian. Mereka asuh anak anak singa Islam menjadi kijang yang pengecut. Mereka padamkan kisah singa-singa Islam dari kalangan para ulama', ahli zuhud dan para pejuang Islam dari sejarah abad pertama Islam.

Sistem pendidikan jahiliyah dan taghut Yahudi Kristian ini telah melahirkan kijang-kijang yang pengecut, tidak lagi mampu menerkam. Kijang-kijang ini tidak mahu lagi memikul apa-apa tanggungjawab dan sentiasa cuba melarikan diri seboleh-bolehnya….!
Inilah generasi baru dari putera-putera Islam…!
Mereka itu adalah anak-anak singa yang bertukar menjadi kijang yang pengecut.

Sebenarnya mereka itu adalah putera-putera muslimin yang merdeka,
Mereka diperhambakan, lalu mereka bergembira.

Perancangan mereka telah berjaya. Apa yang berlaku sekarang, kita dapati terdapat sesetengah orang yang ikhlas lebih cenderung untuk beruzlah, mengasingkan diri dan takut berganding bahu bersama-sama umat Islam.. tidak lain melainkan adalah akibat pengaruh daripada kesan pendidikan tersebut. Ini jelas membuktikan keberkesanan perancangan mereka.
Ianya bukanlah suatu yang menghairankan. Kalaulah mereka telah berjaya menjauhkan ramai orang Islam dari Islam sendiri, maka tentu lebih mudah bagi mereka untuk menjauhkan lebih ramai lagi orang Islam dari sebahagian dari Islam. Mereka meyakinkan kebanyakan orang Islam dengan perlunya mengasingkan diri (beruzlah) dan lebih baik berjaga-jaga dari sebarang kerja yang mengundang risiko kepada mereka (jihad dan amal Islam).

Ketika itu, bermulalah fasa kedua musuh-musuh Islam. Berlakulah proses peralihan cepat dari Islam kepada jahiliyyah...!

[33] Muhammad Iqbal, *Diwan Dharb al-Kalim*, m.s. 102

**Perlunya Pertolongan Segera**

Pada hari ini, da'i Islam wajib mengambil pendirian yang dibuat oleh Umar bin Abdul Aziz. Beliau merasakan perlunya tindakan segera diambil untuk menarik kembali umat Islam yang tenggelam dalam kesesatan yang semakin jauh dari Islam. Beliau menyedari bahawa tiada jalan lain baginya kecuali mara dan memimpin mereka meskipun mereka enggan. Meskipun tanggungjawab ini amat menyusahkan dan memerlukan pengorbanan.

Tidak syak lagi... majoriti umat Islam hari ini telah terseleweng dari Islam tanpa disedari dan tanpa niat sedemikian. Mereka sebenarnya layak untuk bersama-sama bekerjasama dengan para da'i untuk mengembalikan seluruh umat ini kepada Islam. Mereka mampu berbuat demikian sekiranya mereka sedar bahawa selama ini mereka telah tertipu.

Tetapi da'i Islam dalam masa yang sama melihat.. sama seperti apa yang dikatakan oleh Omar. Perkara ini amat sukar kerana penyelewengan sudah sebati di dalam tubuh generasi ini.
Oleh itu apakah yang mesti dibuat oleh da'i Islam?
Berhenti berusaha? Tinggalkan dakwah dan jihad atau menangguhkannya kepada suatu masa yang lain?
Tidak sekali-kali..!

Kerja-kerja ini tidak boleh ditinggalkan. Kerja Islam tidak mempunyai cacat-cela dan tiada kurangnya. Bukti kemampuannya ialah masih terdapat belia-belia Islam yang bersih jiwanya melagukan ayat-ayat al-Quran di zaman materialisme dan hedonisme ini. Sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit. Sabar itu kunci segala pintu yang tertutup.

Kerja-kerja ini juga tidak boleh ditangguhkan. Masa tidak berpihak kepada kita jika ditangguh. Jika, ditangguhkan, semakin panjang pula tempoh bermaharajalelanya si zalim dan semakin kuat pula cengkamannya di dalam jiwa mereka yang hanyut di dalam arus kencang jahiliyyah. Tiada jalan lain kecuali segera menarik mereka kepada Islam selagi darah masih mengalir pada saraf mereka dan selagi benih fitrah masih terpendam di dalam diri mereka.

"Sesungguhnya tidak ada kerosakan yang lebih merosakkan fitrah selain kehinaan yang dibentuk oleh taghut dan kezaliman yang berpanjangan yang memusnahkan segala kemuliaan manusia, meruntuhkan dasar-dasar dan nilai-nilainya dan menanam padanya sifat-sifat hina yang biasanya terdapat pada tabiat hamba abdi:

> Tunduk di bawah kumpulan tukang sebat,
> menderhaka tatkala cemeti itu terangkat daripadanya
> sombong tatkala mendapat sesuatu dari nikmat dan kekuatan."[34]

Oleh itu, menunggu dan menangguh bukanlah satu tindakan yang sesuai. Justeru, perlu ditambahkan penyertaan baru ke dalam gerombolan kafilah yang merdeka ini.

---

[34] *Al-Zilal*, Juzu' 1, m.s. 90

**Bergerak Dalam Pelbagai Pendekatan**

Begitulah..

Dengan realiti kewujudan kijang-kijang pengecut dan manusia-manusia yang derhaka dan maksiat;

dan realiti wujudnya pemerintah, ahli-ahli politik dan individu-individu Islam hari ini yang telah kufur kerana beriman hanya kepada sebahagian dari Islam;

Justeru itu semua, maka wajib diwujudkan gerakan Islam yang menyeru kepada makruf dan kebaikan serta membangkitkan hemmah. Gerakan Islam ini wajib menarik mereka dari cara hidup jahiliah kepada cara hidup Islam, melarang mereka dari penyelewengan, menyedarkan mereka untuk merealisasikan hukum Islam dan berusaha sungguh-sungguh untuk menegakkan pemerintahan Islam.

Perlu dijelaskan juga bahawa da'i Islam tidak perlu menghukum keseluruhan masyarakat Islam kini sebagai masyarakat jahiliah. Mereka bebas memulakan kerja-kerja dakwah secara serentak dan pelbagai pendekatan yang berbeza.

Apabila da'I memandang kepada kerajaan dan parti politik yang mengamalkan sistem hidup yang bertentangan dengan syariat Islam, melihat individu yang memegang falsafah jahiliyyah, yang menghalalkan yang haram, mengharamkan yang halal dan menyangkal sebahagian dari iman; mereka melihat dengan pandangan yang marah, menganggapnya kafir dan mengambil pendekatan menentang mereka dengan tegas dan keras.

Pada waktu yang sama, para da'i hendaklah menggunakan pendekatan-pendekatan lain terhadap orang-orang Islam yang membuat maksiat melalui berbagai-bagai cara pengucapan. Di antaranya:

Teguran kasih sayang yang bertujuan menyedarkan mereka terhadap kerja-kerja secara berjamaah. Kaedah ini sesuai bagi individu yang telah menyempurnakan perkara-perkara fardhu, beriltizam dengan hukum-hukum Islam dan menyuruh manusia berbuat baik sesuai dengan inisiatif sendiri.

Kadangkala menggunakan intonasi lembut dan penuh kasih sayang yang disulami gertakan dan kritikan terhadap orang-orang yang telah beriltizam dengan Islam tetapi berdiam diri dari menyuruh manusia kepada kebaikan dan tidak melarang mereka dari kemungkaran.

Menggunakan bahasa yang lemah lembut disulami rasa kasih dan simpati terhadap mereka yang terpedaya dengar syahwat, lalai dan mengerjakan fardhu dan karam di dalam maksiat dan kemungkaran.

Menggunakan bahasa marah dan peringatan yang keras terhadap mereka yang membuat dosa besar, zalim dan mabuk di dalam kejahatan.

Semua cara di atas boleh digunakan di dalam masa yang sama dan di dalam masyarakat yang sama.

# 2 Hanya Gerhana, Bukan Terbenamnya Matahari

Da'i Islam enggan tunduk kepada penipuan. Mereka pantang melihat perancangan musuh berlaku di depan mata. Lantas mereka bangkit dan melaungkan suaranya kepada manusia.
Tetapi, sebahagian besar manusia terus lena tidur.

Di depan matanya- pendokong kebatilan dan orang yang ragu-ragu bermati-matian mahu melaksanakan rancangan mereka. Dilihat keliling, hanya segelintir sahaja orang Islam dipelihara oleh Allah yang sedar… Selebihnya hanyut di dalam kelalaian.

Da'I kembali mengubati kesedihannya lantas berbicara kepada dirinya sendiri:

*Telah bekulah daya juang di hati manusia itu*
*Mereka leka mencari kekayaan dan kehidupan yang rutin*
*kealpaan orang-orang yang baik dan semangat orang-orang yang keliru*
*hampir-hampir menggoncangkan daku dari cita-cita dan perjuanganku.*[35]

Da'i itu pun mulanya menyalahkan dirinya sendiri.. takut-takut dia belum betul-betul menyampaikan dakwahnya. Tetapi, segera dia merasai bahawa dia telah melakukan apa yang termampu. Dia cuba memujuk dirinya demi menghiburkan hati dan membelai kesabarannya sambil bermadah:

*Mereka melihat daku di musim gugur, Lantaran hangatnya laguku,*
*Bergembira bersama rakanku si burung camar*
*Tetapi aku dilahirkan di bumi*
*yang dipenuhi jiwa-jiwa hamba yang seronok diperhambakan...*[36]

Sesungguhnya neraca kesusasteraan telah bertukar dan generasi hari ini telah kehilangan satu usaha agung yang pernah memuliakan mereka suatu ketika dahulu. Demikianlah yang terjadi seperti mana yang dikatakan oleh al-Rafi'ie:

"Kamu mencipta kata-kata hebat untuk berseronok sahaja dengannya."

Walau bagaimana dahsyatnya kerosakan, seorang da'i tidak boleh meninggalkan tugasnya untuk menyelamatkan manusia.[37] Segala kesangsian dan putus asa dalam proses *islah* ini segera musnah bila sedar kedudukannya berada di tengah-tengah rombongan orang-orang yang beriman yang sedang berjalan. Bermula dari para salaf, maka da'i mengambil amanah ini dari mereka.

Demikianlah janji Allah. Angkatan kebenaran ini tidak akan pupus, angkatan demi angkatan, generasi demi generasi sebagaimana sabda Rasulullah

---

[35] Al-Amiri, *Diwan Ma'a Allah*, m.s. 110
[36] Muhammad Iqbal, *Diwan Dharb al-Kalim*, m.s. 14
[37] Dari cara hidup jahiliah kepada cara hidup Islam, mengeluarkan mereka dari kesesatan kepada hidayah, dari kebatilan kepada kebenaran dan dari kezaliman kepada keadilan.

S.A.W. yang bermaksud:

*"Sentiasa akan ada satu golongan dari umatku yang menegakkan kebenaran. Mereka tidak akan tergugat oleh sesiapa pun yang menentang mereka sehingga datanglah hari kiamat dan mereka tetap di dalam keadaan mereka."*[38]

Bahkan, kewujudan angkatan Islam di bumi ini, yang sempurna mentaati Allah, tidak menyeleweng dari jalan dan hidayah Allah, tidak lupa pada matlamat dan tidak bermalas-malas dari tugas dakwah dan jihad itu adalah sebahagian dari *sunnatullah* di alam ini. Kewujudannya menyempurnakan keseimbangan makhluknya. Tanpa kewujudan angkatan sedemikian, timbangan itu akan berat sebelah, tidak seimbang dan akan menggoncangkan seluruh alam ini.

Justeru, wujudnya *dakwah rabbani* adalah satu kepastian yang telah ditakdirkan Allah. Ia akan tetap wujud tidak mungkin hancur sekali pun diserang dari setiap penjuru oleh taghut dan tali barutnya.

Sekiranya matahari tiada lagi atau graviti bumi telah lenyap dari alam ini, dapatkah kamu bayangkan betapa hebatnya kegoncangan dan kerosakan yang akan berlaku?

Demikianlah juga kewujudan dakwah kebenaran. Ia umpama matahari, bulan, bintang-bintang, graviti, air dan udara yang membentuk sebahagian dari hukum alam yang telah ditetapkan oleh Allah. Jika tidak, tentulah akan berlaku kiamat. Namun, kenyataan bahawa kewujudan dakwah adalah sebahagian dari *sunnatullah* hanya dapat dilihat oleh pemilik hati yang *salim*, sama sebagaimana graviti hanya dapat dilihat oleh orang yang berpelajaran.

Inilah inspirasi keteguhan azam seorang muslim untuk terus bersama dengan jalan dakwah. Mereka terus menghadapi kesusahan hanya semata untuk memastikan ketetapan Allah ini terus berlaku dan terserlah. Moga dengannya dia termasuk di kalangan orang yang berjaya. Tetapi, sesiapa yang berpaling dari jalan yang mulia ini, *sunnatullah* akan terus berjalan tanpa henti, tidak menghiraukannya. Allah akan memberi hidayah kepada kaum yang lain pula untuk menyerlahkan kekuasaan dan merealisasikan sunnahNya ini.

Ustaz Hassan al-Hudhaibi telah merumuskan maksud di atas dengan ucapannya:

"… Semua peristiwa mesti tunduk kepada kitab Allah dan sunnah rasulNya meskipun manusia melihat dunia tidak tunduk kepada peraturan tersebut. Agama inilah sebenarnya aturan yang ditetapkan oleh Allah kepada manusia sebagaimana Dia menetapkan hukum alam kepada matahari, bulan, haiwan dan tumbuh-tumbuhan dan kepada segala apa yang ada di langit, bumi dan apa jua yang ada padanya."[39]

Beliau berkata:

"Jika matahari mempunyai paksi dan graviti, bumi mempunyai paksi dan beredar di atas orbitnya, maka demikian jugalah manusia mempunyai agama

---

[38] *Sahih Muslim*, Jilid 6, m.s. 52

[39] *Majalah al-Dakwah*, Bil. 52

ini. Apabila agama ini hilang dari manusia, akan pincanglah keseimbangan. Sesiapa yang berfikir dengan mendalam pasti dapat melihat lebih jauh dari itu. Dilihatnya alam ini mempunyai rekabentuk dan binaan yang indah dan agama ini adalah sebahagian darinya. Oleh itu, agama ini perlu dihayati oleh sekelompok manusia dalam mana-mana waktu."

Abdul Wahab Azam juga memahami sunnah ini. Sunnah ini menjadikan orang-orang yang yakin dengannya tidak tergugat oleh serangan kebatilan, gugurnya para syuhada atau ramainya pejuang yang berundur setelah tiba di separuh jalan. Beliau pun berkata:

*Sunnatullah terhadap semua makhluk terus berjalan*
*Sesaat pun tidak berhenti dan berubah*
*Mereka yang merdeka terus berjihad pada jalan Allah*
*kerana jihad pada kebenaran tidak pernah hilang walau sehari*[40]

Pemahaman ini menjelaskan kehebatan pengetahuan dan kesedaran Abdul Wahab Azam.

Sesungguhnya Islam kita ini adalah satu berita agung yang menyempurnakan perjalanan alam ini. Alam akan rosak binasa tanpanya. Oleh itu, ia mesti direalisasikan di alam kenyataan dan jahiliyah mesti dihapuskan bagi memastikan alam ini terus seimbang. Firman Allah:

قُلْ هُوَ نَبَأٌ عَظِيمٌ(67)أَنْتُمْ عَنْهُ مُعْرِضُونَ

bermaksud: *"Katakanlah, itulah berita besar yang kamu berpaling daripadanya."*(Saad 38:67)

…Pada hakikatnya, peristiwa ini jauh lebih besar jika dibandingkan dengan pandangan zahir yang tampak dengan mata kasar. Ia merupakan salah satu urusan Allah dalam seluruh kewujudan ini. Sesungguhnya ia adalah satu ketetapan dan ketentuan Allah di dalam sistem kewujudan yang tidak terpisah jauh dari urusan langit dan bumi, urusan masa lalu dan masa hadapan.

Sesungguhnya berita besar ini datang melampau bukan sahaja kaum Quraisy di Mekah, bangsa Arab di Semenanjung Arab dan generasi yang sezaman dengan dakwah ini di muka bumi, bahkan ia melampau tempat dan masa yang terbatas ini. Ia memberi kesan terhadap masa depan seluruh manusia, sepanjang zaman, setiap benua dan mengolah masadepan kemanusiaan semenjak turun ke bumi hingga ke berlakunya akhirat..

Sesungguhnya Islam telah turun ke bumi pada masa yang ditetapkan untuk memainkan peranannya ini pada waktu yang telah ditentukan Allah.

Kedatangan berita besar ini telah mengubah garis perjalanan manusia kepada perjalanan yang telah digariskan oleh takdir Allah. Sama ada manusia itu beriman atau menolak, sama ada mereka berjihad bersamanya atau menentangnya, pada generasi tersebut atau generasi selepasnya. Belum pernah terjadi di dalam sejarah manusia satu peristiwa atau berita yang meninggalkan kesan dan pengaruh sebagaimana pengaruh dan kesan yang ditinggalkan oleh

[40] Abdul Waham Azam, *Diwan al-Mathani*, m.s. 133

berita besar (Islam) ini.

Berita besar ini, iaitu Islam, telah membentuk banyak nilai dan *tasawwur*. Islam telah banyak menanamkan kaedah dan sistem di seluruh muka bumi ini dan di kalangan semua manusia yang tidak pernah terlintas dalam fikiran bangsa Arab sebelum kedatangannya. Ketika itu, mereka tidak terfikir bahawa Islam ini datang untuk mengubah senario dunia, mengalihkan perjalanan sejarah dan merealisasikan ketentuan Allah di dalam. Ia juga mempengaruhi jiwa, hati dan realiti manusia. Ia menghubungkan seluruh manusia dengan garis perjalanan alam dan dengan kebenaran yang tersirat di sebalik kejadian langit dan bumi dan segala apa yang ada di antara keduanya. Ia akan terus begitu sehingga hari kiamat, menyempurnakan peranannya di dalam memimpin manusia dan kehidupan.

Umat Islam pada hari ini berdepan dengan berita besar ini sebagaimana yang dihadapi oleh bangsa Arab di awal kedatangannya. Mereka tidak memahami tabiat dan hubungannya dengan tabiat alam ini. Mereka tidak memikirkan kebenaran yang tersembunyi padanya sehingga mereka tidak memahami ianya adalah salah satu aspek kebenaran yang tersembunyi di binaan alam ini. Mereka tidak dapat mengesani pengaruhnya terhadap sejarah manusia dan garisan perjalanannya yang panjang. Mereka sepatutnya bersandarkan kepada pandangan yang berasingan dan bukannya bersandarkan pemikiran musuh-musuh Islam yang sentiasa memperkecil-kecilkan peranan Islam dalam pembentukan hidup manusia dan penentuan perjalanan sejarah. Oleh kerana itulah orang Islam sekarang tidak mengenali hakikat peranan mereka dulu, masakini dan akan datang; sedangkan itulah peranan yang mesti dimainkan oleh umat Islam di muka bumi hingga akhir zaman."[41]

Sekiranya mangsa-mangsa perencanaan, konspirasi dan serangan fikiran jahiliah ini tidak memahaminya... namum pasukan singa da'i Islam mengetahuinya. Kita sering mendengar nasyid mereka yang mengalun di seluruh dunia di dalam perjalanan mereka yang aman dan dipercayai :

*Kamilah pewaris yang cuba membimbing manusia*
*Kamilah rahsia al-haq yang tersembunyi*
*Matahari sentiasa menyuluh cahaya kepada kami*
*Awan kami mengandungi kilat dan sinar yang terang benderang*
*Jasad kami adalah cermin kepada kebenaran*
*Ketahuilah, tanda-tanda al-haq itu:wujudnya muslim.*[42]

Begitulah kefahaman dan kesedaran bila ia telah terbentuk. Tanda *al-haq* ialah wujudnya peribadi muslim. Kewujudan peribadi muslim yang sedemikian rupa adalah kepastian sejarah dahulu, sekarang dan akan terus hingga hari kiamat.

"…..*al-Haq* adalah tiang seri kewujudan ini. Sekiranya alam ini menyeleweng dan tiang serinya, rosak binasalah ia.

Firman Allah S.W.T. :

وَلَوْ اتَّبَعَ الْحَقُّ أَهْوَاءَهُمْ لَفَسَدَتْ السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ وَمَنْ فِيهِنَّ

[41] Syed Qutb, *Fi Zilal al-Qur'an*, Juzu' 23, m.s. 107
[42] Muhammad Iqbal, *Diwan al-Asrar wa al-Rumuz*, m.s. 27

*"Kalau sekiranya al-haq (kebenaran) itu mengikut hawa nafsu mereka, nescaya binasalah langit dan bumi dan apa-apa yang berada di dalamnya."* (Al-Mukminun 23: 71)

Oleh itu, *al-haq* kebenaran mesti dimenangkan dan kebatilan mesti dihapuskan. Walaupun realiti yang kita dapat lihat tidaklah sedemikian, tetapi kesudahannya pasti akan terserlah. Firman Allah lagi:

بَلْ نَقْذِفُ بِالْحَقِّ عَلَى الْبَاطِلِ فَيَدْمَغُهُ فَإِذَا هُوَ زَاهِقٌ

*"Bahkan Kami lemparkan kebenaran di atas yang batil (yang tidak benar) lalu dipecahkannya. Tiba-tiba yang batil itu lenyap."*(Al-Anbiya' 21: 18)"[43]

Pengasingan Islam dari kehidupan manusia seperti yang dilihat pada hari ini hanyalah umpama gerhana matahari. Segala berantakan, kezaliman dan kerosakan di muka bumi pada hari ini adalah akibat jauhnya manusia dari Islam. Ini adalah bukti awal benarnya apa yang kita sebutkan bahawa Islam adalah sebahagian dari sistem alam yang indah ini. Alam ini akan rosak tanpa kewujudan Islam. Tetapi ianya hanya mampu dilihat oleh orang yang mempunyai pandangan yang dalam.

Burung-burung akan kembali berlindung di sarangnya semasa berlaku gerhana matahari di tengahari. Secara fitrah, mereka tahu bahawa ada suatu keganjilan sedang berlaku kerana waktu terbenam matahari masih jauh. Saki-baki sinaran samar yang masih tinggal menjadi harapan untuk meneruskan kehidupan kembali. Mereka terus menunggu dan enggan tidur.

Maka begitulah juga sikap orang yang hidup hatinya. Dia faham bahawa penyingkiran Islam dari kekuasaan adalah suatu kejadian dahsyat dan luarbiasa, namun ia tidak bererti tenggelamnya Islam. Ianya hanya suatu peristiwa ganjil yang bersifat sementara.Wujudnya jamaah yang mendokong *al-haq* (walaupun bilangan mereka sedikit) adalah harapan untuk mengembalikan semula Islam ke pentas kehidupan. Bahkan kewujudan jamaah ini merupakan bukti yang kuat bahawa Islam akan benar-benar kembali semula ke dalam kehidupan manusia ini. Mereka yang lari dari Islam akan kembali semula kepada Islam dan kepada Tuhan. Mangsa pendidikan dan acuan jahiliah akan tersedar semula dan akan kembali berpegang teguh di atas jalan yang lurus.

"Pengasingan Islam dari kepimpinan manusia adalah satu kejadian dahsyat dan malapetaka yang besar di dalam sejarah dan kehidupan manusia. Satu malapetaka yang tiada tandingannya di antara segala malapetaka yang berlaku.

Pada mulanya, Islam telah menguasai tampuk kepimpinan ketika bumi telah rosak, hidup telah menjadi busuk, pimpinan telah busuk lagi zalim dan kemanusiaan telah mengalami penderitaan dan pimpinan yang busuk itu.

Firman Allah S.W.T.:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ

*"Telah lahirlah bencana di darat dan di laut, kerana perbuatan tangan manusia."* (Al-Rum 30: 41)

---

[43] *Muqaddimah al-Zilal*, Jilid 1, m.s. 7

Islam telah mengambil alih tampuk kepimpinan dunia berpandukan al-Quran, *tasawwur* baru mengikut dan syariat yang diambil dari *tasawwur* ini. Ia merupakan kelahiran baru untuk manusia. Kelahiran ini lebih besar ertinya dari kelahiran dia sendiri dari perut ibunya. Al-Quran itu telah membentuk *tasawwur* baru untuk kemanusiaan mengenali tentang alam, nilai-nilai dan sistem-sistem. Kelahiran ini juga telah membentuk satu realiti sosial yang unik. Konsep tersebut tidak dapat difikirkan oleh akal manusia sebelum ia dibentuk oleh al-Quran di dalam kehidupan ini.

Benar ! Realiti ini terlalu bersih dan indah, agung dan tinggi, sederhana dan mudah, praktikal, positif, seimbang dan teratur. Ianya tidak terlintas di fikiran manusia biasa. Ia tidak mungkin wujud kecuali dengan kehendak Allah dan direalisasikan di dalam hidup manusia di bawah naungan, manhaj dan syariat al-Quran.

Kemudian, berlakulah malapetaka besar itu. Malapetaka penyingkiran Islam dari kepimpinan dan jahiliah sekali lagi mengambil alih kuasa. Jahiliah dalam pelbagai corak. Corak pemikiran materialisme yang dikagumi oleh manusia pada hari ini. Ianya umpama kanak-kanak yang kagum melihat pakaian dan permainan yang berwarna-warni dan terang warnanya."[44]

Tetapi penyingkiran Islam dari kepimpinan tidak pernah didiamkan oleh da'i Islam. Penglihatan dan pemikiran putera-puteri Islam mesti dibuka supaya mereka dapat melihat hakikat undang-undang kejadian alam ini.

Muslim yang sejati tidak akan dapat percaya bahawa pencinta kebendaan dan keduniaan boleh berkata yang betul. Bagi da'I, yang betul hanyalah apa yang turun dari langit. Mereka tidak sekali-kali berpaling dari kebenaran itu dan tidak mungkin melampauinya, sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W:

*Kata-kata yang paling benar adalah yang diucapkan oleh penyair Lubaid: "Ketahuilah bahawa sesungguhnya segala sesuatu selain dari Allah adalah batil(mengarut dan tidak betul)."*[45]

Pena telah diangkat dan lembaran telah pun kering.

Segala sesuatu yang lain daripada Allah adalah batil dan *mengarut* belaka. Tidak ada sistem hidup yang benar kecuali sistem hidup Islam dan segala ibadat kepada yang lain dari Allah adalah batil. Itulah yang dimaksudkan oleh Rab'i bin 'Amir semasa dia berkata kepada Rustum (panglima agung tentera Farsi): "Allah mendatangkan kami ke sini supaya kami mengeluarkan manusia dari menyembah sesama manusia kepada hanya menyembah Allah."[46]

Sesungguhnya Islam adalah satu-satunya cara hidup yang membebaskan manusia dari perhambaan sesama manusia.[47] "Sekiranya mereka tunduk, mereka hanya tunduk kepada Allah sahaja dan sekiranya mereka mengikut undang-undang, mereka hanya taat kepada undang-undang Allah sahaja. Sekiranya mereka mengikut sesuatu sistem, mereka hanya tunduk kepada sistem Allah sahaja. Ketika itu mereka benar-benar bebas dari perhambaan

[44] Ibid, Juzu' 1, m.s. 9
[45] *Sahih al-Bukhari*, Jilid 5, m.s. 53
[46] *Tarikh al-Tabari*, Jilid 3, m.s. 520
[47] *Al-Zilal*, Juzu' 4, m.s. 206

sesama hamba apabila mereka menjadi hamba-hamba kepada Allah tanpa sekutu."[48]

**Sujud kemerdekaan**

Syiar dan simbol kehambaan mereka ialah sujud kepada Allah. Sujud yang meninggikan hati. Manakala syiar dan simbol golongan jahiliyyah ialah tunduk kepada kehendak kebendaan dan seks yang mematikan hati.

Sesungguhnya sujud muslim yang sejati kepada Allah itulah lambang ketinggian dan kemuliaan, syiar kemerdekaan dan enggan menuruti segala taghut.

*Sujud itu menundukkan dahi, tetapi*
*Memuliakan muslim yang bertakbir kepada Allah dan bertasbih padaNya*
*Si jahil menyangkanya belenggu ke atas hamba*
*tetapi sujudlah yang memusnahkan segala belenggu*
*Di dalam kemuliaan sujud, semua akan tunduk kepada muslim yang sujud*
*Seluruh alam takut kepada kata-kata dan perbuatannya*
*Wajah dan seluruh anggotanya diletakkan di bumi*
*Tetapi dia menggoncangkan gunung-ganang*
*Meruntuhkan syirik, was-was di dalam diri si jahil*
*tetapi membangunkan segala generasi dalam ketenangan*
*kerana hati ada perjalanan yang menundukkan bumi*
*lantaran kehebatan dan kebesaranNya*
*Sujud kepada Allah dan mengesakanNya, lalu mantap dan kuat*
*Terhapuslah setiap penzalim yang sombong*
*Barangsiapa menghayati sujud ini,*
*dia menikmati kepimpinan dan ketuanan*
*di muka bumi, dengan keagungannya, rahmat dan keindahannya*[49]

Itulah yang dinamakan sujud kemerdekaan. Melalui sujud ini, seorang muslim itu dapat menghancurkan belenggu nafsunya lalu dia menjadi manusia merdeka.

"Dia merdeka. Hanya menerima segala *tasawwur*, sistem, cara hidup, syariat, undang-undang, nilai dan neraca pertimbangan dari Allah sahaja. Jadilah dia sama dengan manusia lain, berdiri pada taraf yang sama. Mengadap tuan yang satu dan tidak menjadikan sebahagian daripada mereka sebagai Tuhan, selain dari Allah."[50]

Manusia akan sentiasa menderita, kelam kabut, bimbang dan sakit selagi mereka tidak sujud seperti sujud ini dan dan berpegang dengan akidah Islam ini. Penderitaan jiwa dan kezaliman yang berterusan walaupun maju dalam kebendaan benar-benar membuktikan bahawa akal semata-mata tidak akan mampu menjadi pemandu kestabilan jika tidak dipandu oleh akidah yang benar. Akal sentiasa dipengaruhi oleh nafsu sebagaimana kita selalu sebutkan. Ia hilang upaya untuk menghadapi pelbagai tekanan selagi kawalan dan pertimbangan akidah tiada di sampingnya.[51]

Tiada kebahagiaan bagi manusia dan tiada jalan selamat dari tergelunsur jatuh oleh arus deras jahiliyyah melainkan mereka kembali semula kepada

---

[48] Ibid
[49] Abdul Wahab Azam, *Majalah al-Muslimun*, Tahun 1, m.s. 961
[50] *Al-Zilal*, Juzu' 3, m.s. 206
[51] Ibid, Juzu' 7, m.s. 57

akidah Islam yang akan memandunya ke jalan yang benar. Akidah Islam akan memberikan jawapan yang betul terhadap semua permasalahan yang menyusahkan manusia zaman ini. Akidah Islam ini membuka pekung pemikiran jahiliyyah yang telah lama menyekat antara manusia dengan fitrah mereka.

Pada hari itu sahajalah, manusia akan kembali menikmati erti kebahagiaan.

Dr. YusufAl-Qaradhaawi telah berkata :

*"Sesungguhnya kebahagiaan itu ialah, anda hidup*
*Untuk pemikiran yang benar dan kukuh*
*Untuk akidah terbesar yang menyelesaikan,*
*Permasalahan alam yang lampau*
*Persoalan yang di soal oleh orang yang tertanya-tanya*
*Semasa mereka sedar dan cerdik boleh berfikir*
*Dari manakah aku datang?Ke manakah aku hendak pergi?*
*Kenapa aku dijadikan? Adakah aku hidup kembali?*

*Lalu bersinarlah keyakinan di dalam jiwa*
*Terusir segala keraguan yang degil*
*Terdidiklah fikiran yang waras*
*Terciptalah akhlak yang mulia*
*Dan kembalilah setiap akal yang menyeleweng kepada jalan yang benar dan lurus*
*Hidupmu akan dikurniakan nilai*
*Oleh Tuhanmu agar hidupmu terbina*
*Supaya matamu memandang di segala ufuk*
*Ke arah cita-cita yang tinggi*
*Lalu hiduplah kamu di dunia untuk akhirat*
*Di sanalah kamu hidup kekal dan tidak fana'*
*Kau tudung bumimu dengan langit*
*dan para malaikat menjadi saksi*
*Itulah akidah Islam untuk muslim yang bahagia*
*Itulah asas, itulah tiang serinya*
*Sesiapa yang hidup memikulnya sambil memekik*
*dengan namanya; dialah orang yang berbahagia*[52]

[52] Yusuf al-Qardhawi, *Majalah a;-Tarbiyah al-Islamiyah*, Tahun ke-6, m.s. 278

# 3 Golongan Baik Yang Dibinasakan

Analisa sesuatu peristiwa, tafsiran terhadap sejarah dan penjelasan sebab tersembunyi terhadap natijah yang tampak.. kesemuanya ditafsirkan menurut pegangan individu yang melakukan tafsiran tersebut dan menurut neraca yang digunakan bagi mengukurnya; samada perkara tersebut adalah bidang sosial, politik mahupun ekonomi.

Dari sinilah berlaku perbezaan yang nyata dalam penafsiran dan ijtihad. Seorang beriman itu akan dapat melihat dengan jelas hubungan di antara natijah dengan peristiwa-peristiwa dan keadaan disekelilingnya, seolah-olah ia boleh dilihat, disentuh dengan tangannya, dikupas lalu terbukalah kulit yang menutupnya. Tetapi, orang kafir, jahiliah atau fasik yang telah tertutup hatinya oleh kelalaian, hawa nafsu dan syahwat tidak dapat melihat semua ini.

Perbezaan begini berlaku disebabkan oleh perbezaan neraca pertimbangan.

Di antara fenomena sejarah terpenting yang berlaku perbezaan penafsiran atau analisanya ialah fenomena gejala sosial, kemunduran dan keruntuhan tamadun yang berlaku selepas kemajuan sains, pembangunan dan kebudayaan yang tinggi. Kejatuhan ini berlaku secara beransur-ansur sehingga boleh membawa kepada kemusnahan total yang mengejut oleh satu kuasa luar biasa.

Golongan yang kafir dan fasik berlegar-legar di sekitar sebab yang sama dan semuanya andaian bingung terhadap fenomena ini. Tetapi muslim yang sejati hanya mempunyai satu kata putus dan pasti di dalam tafsirannya. Tafsiran itu di ambil dari al-Quran dan sunnah Rasulullah s.a.w. dan ianya telah disimpulkan oleh Amirul Mukminin Umar bin Al-Khattab r.a. dengan satu perkataan yang *jamik* tatkala beliau ditanya:

"Adakah sesebuah negeri itu boleh musnah padahal ia makmur maju?"

Beliau menjawab: "Ya, apabila orang-orang jahat menguasai orang-orang baik."[53]

Inilah sebabnya dan inilah penyakit yang paling berbahaya.

Penguasaan golongan yang zalim ke atas golongan yang baik adalah penyebab kepada segala kegoncangan dan keruntuhan di dunia.

Apabila orang zalim atau orang fasik berkuasa dan menjadi pemimpin, dia akan melantik mereka yang jahat dan fasik sepertinya juga untuk mengurus apa-apa urusan. Orang yang fasiq selalunya menjadi tawanan nafsu dan tertutup hatinya. Mereka lalai dan tidak berfikir untuk kebaikan bangsa dan negara mereka.

Mereka juga menjadi hamba kepada kepentingan peribadi. Mereka

[53] Ibnu al-Qayyim, *Al-Jawab alKafi li Man Su'ila 'An al-Dawa' al-Syafi*, m.s. 45

bertindak zalim, menindas dan menyeleweng. Ini mengakibatkan banyak tenaga dan kemampuan kemanusiaan dipersia-siakan. Orang yang benar-benar layak dan ada potensi terpaksa bersembunyi mencari perlindungan kehormatan dan jasad mereka dari dicerobohi dan diseksa. Tinggallah urusan mentadbir umat dipegang oleh orang yang jahil, fasik, ego dan mementingkan diri sendiri. Natijahnya tersebarlah keruntuhan masyarakat yang membawa kepada kemusnahan ekonomi dan ketamadunan ilmu kemudiannya.

Allah S.W.T. sangat sayang kepada agama dan kehormatan hamba-hambaNya. Oleh itu, tatkala ummat ini dikuasai oleh golongan fasiq, Dia memberi masa kepada mereka. Allah S.W.T. suka sekiranya ada sekumpulan hambaNya yang baik segera memperbaiki keadaan tersebut, menentang golongan yang jahat dan menjatuhkan mereka untuk mengembalikan manusia ke pangkal jalan dan mengembalikan kemakmuran dunia. Apabila kumpulan itu segera merealisasikan usaha ini, Allah menyuruh para malaikat untuk menolong mereka dan membukakan pintu limpah kurniaNya, berkatNya dan taufiqNya kepada mereka. Jika ini tidak berlaku, Allah akan memberi masa lagi pada mereka sehingga golongan fasiq itu terus bermaharajalela dan orang baik pula terus takut dan bacul untuk menjalankan misi amar makruf nahi mungkar. Ketika itu Allah akan murka dan apabila Allah murka, kemurkaanNya mengenai seluruh manusia sama ada yang jahat kerana kejahatan dan kezaliman mereka, dan juga orang yang dianggap baik tetapi berdiam diri, malas dan redha menjadi hina.

Ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah s.a.w membuktikan demikian sebagaimana yang disebutkan oleh Imam al-du'ah, Syeikhul Islam Taqiyuddin Ahmad Ibnu Taimiyah Al-Harrani ketika menjelaskan firman Allah S.W.T. :

وَاتَّقُوا فِتْنَةً لَا تُصِيبَنَّ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ خَاصَّةً

*"Takutilah olehmu akan fitnah (azab bencana) yang tidak khusus menimpa orang-orang yang zalim saja di kalangan kamu dan ketahuilah, bahawa Allah amat keras seksaannya."* (Al-Anfal 8:25)

Ibnu Taimiyah berkata:

"Sekumpulan salafussoleh telah membaca ayat tersebut dengan satu qiraat lain لتصيبن yang maksudnya:

*"Fitnah itu pasti akan menimpa khusus ke atas mereka yang zalim sahaja."*

Kedua-dua qiraat di atas betul kerana orang yang telah melampaui batas-batas Allah adalah termasuk di dalam kategori zalim. Manakala orang yang tidak menegah orang zalim dari kezaliman di sini ada dua kemungkinan. Kemungkinan pertama dia dianggap tidak zalim kerana dia tidak bersubahat dengan orang zalim itu. Kemungkinan kedua mereka dianggap zalim kerana tidak menegah orang zalim padahal perbuatan zalim itu wajib dihalang.

Sebagaimana firman Allah S.W.T. :

فَلَمَّا نَسُوا مَا ذُكِّرُوا بِهِ أَنْجَيْنَا الَّذِينَ يَنْهَوْنَ عَنِ السُّوءِ وَأَخَذْنَا الَّذِينَ ظَلَمُوا بِعَذَابٍ بَئِيسٍ بِمَا كَانُوا يَفْسُقُونَ

*"Tatkala mereka melupakan apa-apa yang diperingatkan kepada mereka, kami selamatkan orang-orang yang melarang kejahatan dan Kami seksa orang-orang yang zalim dengan azab yang keras, disebabkan mereka fasik."* (Al-A'raf 7:165)

Allah menyelamatkan orang-orang yang menjalankan nahi mungkar. Manakala mereka yang hanya benci pada dosa dan kejahatan dan berkata :

وَإِذْ قَالَتْ أُمَّةٌ مِنْهُمْ لِمَ تَعِظُونَ قَوْمًا اللَّهُ مُهْلِكُهُمْ أَوْ مُعَذِّبُهُمْ عَذَابًا شَدِيدًا

*"Untuk apa kamu menasihati satu kaum yang Allah binasakan mereka atau menyiksa mereka dengan azab yang keras."* (Al-A'raf 7:164)

Sebahagian besar dan ulama' menyatakan bahawa golongan kedua ini pun selamat kerana mereka itu benci kepada kejahatan dan menyangkal sekadar kemampuan mereka.

Manakala golongan yang tidak menyangkal langsung, maka mereka itu juga zalim dan diazab, sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

*"Sesungguhnya manusia, apabila mereka melihat kemungkaran berlaku dan mereka tidak berusaha untuk mengubahnya, hampirlah Allah mengenakan mereka semua dengan azab daripadaNya."*

Hadis itu menyokong ayat di atas. Apa yang dimaksudkan di sini bahawa kedua-dua bacaan tersebut (dengan penafian dan pengesahan – nafi dan ithbat) boleh dipakai dengan makna sebagaimana firmanNya:

*"Bukan sahaja menimpa orang zalim dan melampau sahaja bahkan azab itu meliputi sesiapa yang melihat kemungkaran tetapi tidak merubahnya."*

Manakala siapa yang membaca dengan *qiraat* : لتصيبن

*"Pasti akan menimpa khusus orang yang zalim dari kamu sahaja"*

Termasuk dalam pengertiannya ialah orang yang tidak menyangkal kezaliman sedangkan dia mampu berbuat demikian. Mungkin mereka itu diazab di dunia dan dibangkitkan di akhirat mengikut niat mereka. Sama seperti angkatan tentera yang memerangi Baitullah lalu mereka dibinasakan seluruhnya termasuk askar-askar yang dipaksa. Mereka ini dibangkitkan dan dibalas bergantung kepada niatnya."[54]

Di dalam tafsir ayat ini, Syed Qutb menyatakan bahawa Allah S.WT. menyebut bahawa balasan mereka yang melarang dari kejahatan, ialah selamat. Manakala balasan bagi mereka yang zalim pula ialah ditimpa azab yang keras. Adapun mereka yang menolak kejahatan dalam hati sahaja dan tidak melarang dari kemungkaran, Allah s.w.t. tidak menerangkan kepada kita balasan terhadap mereka dan tidak memberitahu kita nasib. Senyapnya Allah dari menceritakan nasib mereka merupakan satu balasan untuk golongan yang seperti ini.

Pada hakikatnya sebahagian besar dari ulama' yang memperkatakan tentang ayat ini telah menyatakan bahawa mereka yang mendiamkan diri itu akan diazab kerana sikap mereka yang membisu. Kenyataan ini ada diterangkan dengan jelas oleh Imam al-Qurtubi di dalam tafsirnya.

Sebahagian dari ulama' mensifatkan balasan itu sebagai '*qanun azab jama'I*' dalam sunnatuLlah. Ianya adalah qanun yang paling menggerunkan dan menakutkan, mendorong mereka yang tahu dan faham, atau mana-mana yang berkuasa untuk segera mengubah kemungkaran yang sedang berlaku, supaya azab yang demikian tidak menimpa seluruh masyarakat.[55]

---

[54] Ibnu Taimiyah, *Majmu' Fatawa*, Juzu' 17, m.s. 382

[55] *Majalah al-Tarbiyah al-Islamiah*, tahun Keenam, m.s. 26

Tugas ini lebih berat terutama ke atas pemerintah kerana mereka mempunyai kuasa untuk menyuruh dan melarang. Apa yang tidak dapat dicegah dengan al-Quran akan dicegah oleh Allah dengan kekuasaanNya. Sekiranya mereka memperbaiki masyarakat menurut hukum syariat Islam, membasmi kemungkaran, menegakkan keadilan dan memusnahkan punca maksiat, Maka Allah akan memberi pahala kepada mereka; dengan sebaik-baik pahala di dunia dan sebaik-baik pahala di akhirat dan seterusnya mengukuhkan kekuasaan mereka di bumi. Tetapi sekiranya mereka mengabaikan tugas ini, Allah akan menjatuhkan hukumanNya ke atas mereka dan menimpakan azab kepada mereka dan rugilah mereka di dunia dan di akhirat, semoga Allah memperlindungi kita dari kehinaan itu.[56]

Orang yang memiliki hati yang hidup, dengan fitrah imannya dapat merasa bahawa sesungguhnya setiap kegagalan, kekalahan dan kemunduran yang menimpa orang Islam di zaman ini hanyalah suatu muqaddimah dan amaran terhadap azab yang lebih besar di hadapannya.

Umat Islam pada hari ini hanya tinggal Islam pada nama sahaja dan mereka telah menyeleweng jauh dari Islam sebenar. "Seseorang Islam itu sudah cukup untuk dikatakan menyeleweng apabila dia meninggalkan jihad di jalan Allah, cenderung pada keduniaan, mencintai dunia melebihi akhirat, bencikan mati, mengikuti hawa nafsu, tunduk kepada syahwat, tenggelam dalam maksiat sehingga mereka dihina oleh Allah dengan kegagalan yang paling besar kepada mereka dan menjadikan pimpinan mereka pada tangan golongan yang menyeleweng dan merosakkan smereka."[57]

Menyedari hakikat ini, orang yang bercita-cita tinggi wajarlah menyayangi dirinya agar tidak terkena *qanun* azab yang menggerunkan itu. *Qanun* azab itu adalah kepungan kukuh yang sedang mengepungnya sekarang. Usaha melepaskan diri dari menjadi mangsa rancangan menjinakkan anak-anak singa menjadi anak-anak kijang yang pengecut belum memadai. Bahkan tidak memadai juga dengan menjauhkan darinya sahaja.

Tidak ada jalan untuk melepaskan diri dari kepungan *qanun* azab Allah yang menggerunkan itu kecuali satu laluan sahaja. Antaranya:

a. Menyuruh manusia kepada kebaikan (amar makruf)
b. Melarang manusia daripada kemungkaran (nahi mungkar)
c. Menentang manusia yang membuat kejahatan dan kerosakan
d. Melalui jalan dakwah dengan menyeru manusia kepada Islam, memanggil mereka untuk segera mendirikan solat, kembali kepada cara hidup Islam di segenap jurusan hidup mereka, tunduk kepada hukum Allah dan menghukum mengikut syariat Allah.

Langkah di atas perlu dijalankan sebelum mereka ditimpa '*qanun tamathul* - persamaan' yang merupakan sunnatullah di alam ini. Tindakan perlu diambil sebelum mereka dibinasakan dan ditimpakan azab kerana melakukan maksiat-maksiat yang menyebabkan Allah membinasakan umat yang lalu. Ini kerana;

"Sesuatu perbandingan itu mengambil hukum perbandingan yang

[56] Ibid
[57] Ustaz al-Sawwaf, *Ma'rakah al-Islamiah*, m.s. 24

seumpama dengannya dan apa yang terjadi kepada sesuatu, terjadi juga kepada perkara yang seumpama dengannya. Mustahil dua perkara yang sama mempunyai hukum yang berbeza sebagaimana mustahilnya dua perkara berbeza sama hukumnya.

Undang-undang ini berlaku sama saja, ke atas individu dan bangsa-bangsa, dalam hal keduniaan dan urusan akhirat. Perkara ini ditunjukkan oleh al-Quran, di antaranya:

1. Firman Allah yang menerangkan apa yang berlaku ke atas kaum Yahudi Bani Nadhir, di yang ditimpa azab dunia akibat kufur, memungkiri janji dan menipu Rasulullah s.a.w. dan orang-orang yang beriman :

هُوَ الَّذِي أَخْرَجَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ مِنْ دِيَارِهِمْ لِأَوَّلِ الْحَشْرِ مَا ظَنَنْتُمْ أَنْ يَخْرُجُوا وَظَنُّوا أَنَّهُمْ مَانِعَتُهُمْ حُصُونُهُمْ مِنَ اللَّهِ فَأَتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ حَيْثُ لَمْ يَحْتَسِبُوا وَقَذَفَ فِي قُلُوبِهِمُ الرُّعْبَ يُخْرِبُونَ بُيُوتَهُمْ بِأَيْدِيهِمْ وَأَيْدِي الْمُؤْمِنِينَ فَاعْتَبِرُوا يَاأُولِي الْأَبْصَارِ

*"Dia yang mengeluarkan orang-orang yang kafir di antara ahli kitab (Yahudi) dari kampung mereka, sejak mula mereka berkumpul di tanah Arab. Kamu tidak menyangka bahawa mereka akan keluar, dan mereka menyangka bahawa benteng-benteng mereka akan memelihara mereka dari (seksaan) Allah, lalu Allah mendatangkan (seksaan) kepada mereka dari pihak yang tidak mereka sangka dan menjatuhkan ketakutan ke dalam hati mereka, sedang mereka merobohkan rumah-rumah mereka dengan tangan mereka sendiri dan dengan tangan orang-orang Mukmin (dalam pertempuran). Maka ambillah pengajaran(iktibar) hai orang-orang yang berakal."* (Al-Hasyr 59: 2)

Perintah Allah supaya orang-orang yang berakal agar mengambil iktibar di dalam ayat: *"Maka ambillah pengajaran(iktibar) hai orang-orang yang berakal"*, jelas menunjukkan kepada '*qanun* persamaan'. Dengan kata lain, ayat itu bermaksud, "Wahai orang-orang yang mempunyai akal yang sejahtera! Perhatikanlah apa yang terjadi kepada mereka dan berwaspadalah kamu supaya kamu tidak ditimpa azab yang sama sekiranya kamu berbuat sepertimana perbuatan mereka." Sesungguhnya sunnatullah (undang-undang Allah) hanya satu dan ia berkuatkuasa ke atas semua. Apa yang terjadi ke atas sesuatu akan terjadi ke atas sesuatu yang seumpama dengannya.

Jelasnya, tiada pengajaran atau faedah dapat dipelajari dari sesuatu perkara kecuali apabila perkara perbandingan itu menerima hukuman yang sama dengan hukum yang dijatuhkan kepada perkara yang seumpama dengannya.

2. Allah S.W.T. berfirman :

وَلَقَدْ أَهْلَكْنَا الْقُرُونَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَمَّا ظَلَمُوا وَجَاءَتْهُمْ رُسُلُهُمْ بِالْبَيِّنَاتِ وَمَا كَانُوا لِيُؤْمِنُوا كَذَلِكَ نَجْزِي الْقَوْمَ الْمُجْرِمِينَ

*"Sesungguhnya Kami telah binasakan beberapa umat sebelum kamu, tatkala mereka berlaku zalim. Dan telah datang beberapa rasul kepada mereka dengan (membawa) keterangan, tetapi mereka tiada hendak beriman. Begitulah kami membalas kaum yang jahat."* (Yunus 10: 13)

Ayat al-Quran di atas yang bermaksud *"Begitulah kami membalas kaum yang jahat"* menunjukkan bahawa apa yang terjadi kepada kaum jahat dahulu akan terjadi kepada kaum jahat yang muncul selepas mereka. Suatu perkara itu menerima hukuman yang sama dengan hukuman yang menimpa perkara yang

seumpama dengannya. Sunnatullah itu satu dan ia berlaku kepada setiap orang yang jahat. Allah sahajalah tempat kita meminta pertolongan.

3. Allah S.W.T. telah berfirman :

أَفَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَيَنظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ دَمَّرَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ وَلِلْكَافِرِينَ أَمْثَالُهَا

*"Mengapa mereka tidak berjalan di muka bumi, lalu memperhatikan bagaimana akibatnya orang-orang yang sebelum mereka? Allah telah membinasakan mereka; dan untuk orang-orang yang kafir (akan mendapat kebinasaan) yang sama seperti itu."* (Muhammad 47: 10)

Ayat itu jelas menunjukkan bahawa kemusnahan yang menimpa orang-orang kafir dahulu akan menimpa juga kepada orang-orang kafir yang kemudian kerana mereka itu sama-sama bersifat kufur, degil dan dusta, lalu mereka menerima akibat yang sama.

4. Allah S.W.T. telah berfirman :

لَيْسَ بِأَمَانِيِّكُمْ وَلَا أَمَانِيِّ أَهْلِ الْكِتَابِ مَنْ يَعْمَلْ سُوءًا يُجْزَ بِهِ

*"Bukanlah semata-mata angan-angan kamu saja dan bukan semata-mata angan-angan ahli Kitab. Barangsiapa mengerjakan kejahatan, nescaya akan dibalas dengan kejahatan pula."* (An-Nisa' 4: 123)

Balasan jahat akan menimpa sesiapa yang membuat kejahatan, siapapun juga yang membuatnya tanpa pengecualian, perbezaan dan penangguhan.

5. Allah S.W.T. telah berfirman :

أَفَنَجْعَلُ الْمُسْلِمِينَ كَالْمُجْرِمِينَ(35)مَا لَكُمْ كَيْفَ تَحْكُمُونَ

*"Adakah patut Kami akan jadikan orang-orang Islam (patuh) seperti orang-orang yang berdosa? Mengapakah kamu, bagaimanakah kamu menghukum (memutuskan)?"* (AlQalam 68: 35-36)

Firman Allah S.W.T. :

أَمْ حَسِبَ الَّذِينَ اجْتَرَحُوا السَّيِّئَاتِ أَنْ نَجْعَلَهُمْ كَالَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ
سَوَاءً مَحْيَاهُمْ وَمَمَاتُهُمْ سَاءَ مَا يَحْكُمُونَ

*"Bahkan adakah orang-orang yang memperbuat kejahatan mengira bahawa Kami akan menjadikan mereka seperti orang-orang yang beriman dan beramal saleh, bersamaan hidup dan mati mereka. Amat jahat hukuman mereka itu!(menyamakan orang jahat dengan orang baik)."* (Al-Jaathiyah 45: 21)

Firman Allah S.WT. :

أَمْ نَجْعَلُ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ كَالْمُفْسِدِينَ فِي الْأَرْضِ أَمْ نَجْعَلُ الْمُتَّقِينَ كَالْفُجَّارِ

*"Adakah Kami jadikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh, seperti orang-orang yang berbuat bencana di muka bumi? Bahkan, adakah Kami jadikan orang-orang yang takwa (baik), seperti orang-orang yang fasik (jahat)?"* (As-Shaad 38: 28)

Al-Quran menjadi dalil benarnya '*qanun al-tamathul*-persamaan' pada kedua seginya. Iaitu, hukuman dan akibat yang sama bagi dua perkara yang sama dan hukuman yang berbeza bagi dua perkara yang berbeza.

Sekiranya orang Islam memahami ayat-ayat al-Quran yang membuktikan kebenaran '*qanun persamaan* dan yang mencela kaum yang jahat pada masa

dahulu seperti Yahudi dan kaum lain kerana kejahatan dan sifat-sifat mereka yang hina dan tercela, maka mereka akan dapat mengetahui bahawa pembalasan yang menimpa orang yang jahat di zaman lalu akan menimpa mereka juga sekiranya mereka melakukan perbuatan yang pernah dilakukan oleh orang jahat yang lalu. Akibat yang buruk akan menimpa mereka sebagaimana yang telah menimpa orang-orang terdahulu. Oleh itu, mereka tidak boleh leka dengan hanya menjadi orang Islam dari sudut nama, sedangkan mereka tidak beramal dan membentuk diri mereka menurut kehendak Islam.[58]

Muhammad Iqbal rahimahullah menjadikan *qanun* ini sebagai sebahagian kaedah panduan Islam dan menjelaskannya di dalam kuliahnya yang kelima yang pernah di adakan di Madras India:

"Sesungguhnya seluruh bangsa-bangsa dan kumpulan manusia diambil kira mengikut amalan mereka semasa hidup di dunia. Kerana itulah al-Quran banyak menyebut kisah-kisah kaum terdahulu dan menyuruh kita meneliti pengalaman umat-umat dahulu dan sekarang supaya kita mengambil iktibar daripadanya."[59]

Sesungguhnya qanun yang menggerunkan ini tidak difahami oleh sebahagian besar manusia. Mereka ini tidak bersedia untuk mempercayainya. Ia hanya difahami oleh para da'i sahaja. Golongan inilah yang mesti bangkit untuk melaksanakan tugas menghalang dari kemungkaran yang sedang berlaku, supaya semua manusia selamat dari malapetaka hari tersebut.

Wahai orang-orang budiman dan soleh!

Wahai ahli zuhud dan ahli ibadat!

Di hadapanmu terbentang bahaya qanun Rabbani yang menggerunkan sekiranya kamu terus membisu seribu bahasa.

Janganlah kamu diperdayakan oleh zuhud dan solatmu

Perkatakan kebenaran, halanglah kemungkaran yang sedang berlaku,

Jika tidak... tunggulah saat kebinasaan dan kemusnahan.

---

58 *Majalah al-Tarbiyah*, Jilid 6, m.s. 26

59 *Kitab Muhammad Iqbal*, Abdul Wahab Azam, m.s. 120


www.BahanTarbiyyah.info

# 4 Kewajipan Dakwah ke Jalan Allah

Inilah yang benar-benar menakutkan hati orang Islam. Allah telah memberi amaran kepada orang yang terus berdiam diri, membisu dan menghalang kemungkaran yang sedang berlaku.

Mereka yang membisu itu sentiasa resah gelisah. Mereka tidak mendapat ketenangan jiwa dan ketenteraman iman. Ketenangan iman hanya dinikmati oleh mereka yang berani menyatakan kebenaran dan menyebarkan cerita gembira tentang syurga, keunggulan dan keadilan ajaran Islam. Mereka juga mengingatkan manusia tentang azab neraka jahanam dan "*qanun persamaan*" balasan Allah S.W.T.

Dengan ini mereka telah mewarisi tugas Rasulullah S.A.W. yang diutus kepada manusia untuk membawa khabar gembira dan ancaman dari Allah S.W.T. Dengan kata lain, mereka melakukan dakwah kepada Allah. Atau dengan istilah sebahagian fuqaha', mereka ialah; Orang-orang yang melaksanakan tugas *hisbah*[60] dengan mengharapkan pahala dan Allah di dalam melakukan nasihat, menegakkan amar makruf dan nahi mungkar.

Ibnu Taimiyah telah menerangkan definisi dakwah dengan katanya: *"Dakwah kepada Allah ialah menyeru manusia agar beriman dengan Allah serta beriman dengan apa yang telah dibawa oleh para RasulNya, membenarkan apa yang telah diberitakan oleh mereka dan taat kepada perintah mereka."*[61]

**Dakwah dan Da'i dari Sudut Bahasa dan Kata Dasarnya**

Perkataan *dakwah* merupakan satu *istilah Islami*. Ada hubungan yang erat di antara pengertian asal dari sudut bahasa dengan penggunaannya dalam *istilah Islami*. Istilah ini tidak terdapat pada agama dan ajaran lain.

Pertamanya, kita lihat perkataan ini sebagai kata kerja atau perbuatan iaitu دَعَوَ "*da'awa*" menurut timbangan kata kerja فَعَــلَ "*fa'ala*". Dalam kaedah bahasa Arab, apabila huruf illah الــواو *Wau,* didahului dengan huruf berbaris di atas, maka huruf illah itu ditukar menjadi الألف *Alif* lalu perkataan tadi menjadi دَعَــا "*da'a*" .

Perkataan ini dari segi bahasanya hanya mengandungi satu makna sahaja iaitu mencenderungkan sesuatu kepadamu dengan menggunakan suara dan percakapan yang keluar daripadamu. Sila rujuk *Mu'jam Maqayis al-Lughah,* Jilid 2, mukasurat 279.

Mencenderungkan atau menarik perhatian di sini terbatas kepada dua medium iaitu suara dan percakapan yang lahir dari pembicara. Ketika itu perkataan دَعَــا "*da'a*" tidak mempunyai makna lain selain daripada menyeru.

[60] *Hisbah* ialah satu istilah Perundangan Islam yang bermaksud menguatkuasa bagi hukum syariah. (Pnt)
[61] Ibnu Taimiyah, *Majmu' Fatawa*, 15/157

Sekiranya anda membaca firman Allah S.W.T.:

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ الْمُسْلِمِينَ

*"Siapakah yang terlebih baik perkataannya dari orang yang menyeru kepada Allah (agamaNya) dan beramal soleh."* (Fussilat 41: 33)

Anda akan memahami bahawa Allah S.W.T. mengutamakan orang-orang yang menyeru kepadaNya kerana dialah yang paling baik 'perkataan'nya berbanding orang yang tidak menyeru kepada Allah.

Semua perkataan yang terbit dari kata dasar ini, contohnya دُعَـــاءٌ *"du'a"* tidak akan terkeluar pengertiannya dari maksud ini juga kerana ia berasal dari دُعَاوٌ *"du'awun"* dari دَعَوْتَ *"da'awta"*. Oleh kerana huruf الواو *Wau* datang selepas hurus الألف Alif maka huruf الواو *Wau* ditukar menjadi *Hamzah.* Kata terbitan itu ada kalanya muncul dalam bentuk lain dari aspek baris dan strukturnya. Al-Jauhari telah berkata: كُنَّـــا فِـــي دَعْـــوَةِ فُـــلانٍ وَ مُدْعَاةٌ *Kunnna fi da'wati al-Fulan wa mud'ah"* (yang bermaksud: "...kami diajak oleh seseorang..."), ianya sama erti dengan: الدّعْوَةُ إِلَى *"al-Da'wah ila.."* (yang bermaksud: ". . seruan kepada...")."

Pengarang *Kamus al-Muhit* berkata: perkataan دَعَا *"da'a"*,دُعَـــاء *"du'a"* dan دَعَوَ *"da'awa"* bererti mencenderungkan dan menggalakkan kepada sesuatu."

Dan penerangan di atas, kita dapat memahami terdapatnya hubungan yang erat antara pengertian kata kerja *"da'a"* dari sudut dalam bahasa dengan pengertian istilah yang digunakan oleh al-Quran. Oleh itu, Firman Allah S.W.T. :

*"Serulah manusia kepada jalan Tuhanmu"*

Perkataan 'serulah' di sini bermaksud mencenderungkan dan menggalakkan.

Menurut Islam, orang yang menjalankan urusan dan memikul beban dakwah supaya ianya sampai kepada manusia disebut sebagai الدَّاعِيْ*"al-da'ie"* atau الدَّاعِيَةُ *"al-dai'yah"* . *"Al-da'ie"* ialah kata nama pelaku iaitu kata nama bagi orang yang melakukan dakwah. Manakala *"al-da'iyah"* juga merupakan satu bentuk kata nama pelaku yang ditambah dengan huruf *ta'* di hujungnya untuk menunjukkan erti bersangatan atau gigih berdakwah. Kata Jamaknya dikatakan دُعَـــاةٌ *"du'at"* atau دَاعُـــون *"da'un"* manakala bagi da'i wanita yang ramai kita katakan mereka sebagai دَاعِيَاتٌ *"da'iyat"*.[62]

**Dakwah Itu adalah Tugas Para Rasul dan Pengikut Rasul.**

"Al-Rasul S.A.W telah menjalankan kerja dakwah ini. Baginda memerintahkan mereka dengan apa yang diperintahkan Allah, melarang mereka dari melakukan perkara yang dilarang Allah, menyuruh mereka kepada kebaikan dan mencegah mereka dari segala kemungkaran."[63]

"Realitinya, tugas mengajak ke jalan Allah ini merupakan tugas setiap Rasul-rasul Allah. Untuk itulah mereka diutuskan oleh Allah. Semua mereka mengajak manusia supaya beriman kepada Allah, beribadah kepada Allah sahaja dan menurut sebagaimana yang diturunkan kepada mereka. Allah S.W.T. berfirman tentang Nuh a.s :

لَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَى قَوْمِهِ فَقَالَ يَاقَوْمِ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ

---

62 Petikan artikel oleh Ustaz Rasyid al-A'zami dalam *Majalah 'al-Tarbiyah al-Islamiah'* Jilid 5, m.s. 471 dengan beberapa suntingan

63 Ibnu Taimiyah, *Majmu' Fatawa*, Jilid 15, m.s. 161

*"Sesungguhnya telah Kami utuskan Nuh a.s. kepada kaumnya, lalu dia berkata: Hai kaumku! Sembahlah Allah. Tiada bagimu Tuhan selain daripadaNya."* (Al-A'raf 7:59)

Demikianlah setiap rasul telah menyeru manusia kepada Allah, mengabdikan diri semata-mata kepada Allah dan membersihkan diri dari mengabdikan diri kepada yang lain selainNya. Firman Allah S.W.T. :

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنْ اُعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ

*"Sesungguhnya telah Kami utus seorang rasul kepada tiap-tiap bangsa: Hendaklah kamu sembah Allah dan jauhilah taghut"* (An-Nahl 16:36)

Oleh yang demikian, para Rasul adalah da'i yang menyeru manusia kepada Allah. Mereka itu dipilih untuk mendokong seruan Allah dan menyampaikan seruan tersebut kepada manusia."[64]

"Setiap perkara yang disukai oleh Allah dan rasulNya sama ada wajib atau sunat, zahir atau batin adalah merupakan antara isi dakwah kepada Allah yang perlu kita ajak kepadanya. Begitu juga setiap perkara yang dibenci oleh Allah dan rasulNya sama ada batin atau zahir adalah merupakan isi dakwah kepada Allah dan perkara yang perlu kita larang daripadanya. Dakwah tidak akan sempurna kecuali dengan mengajak manusia agar melaksanakan perkara yang dicintai Allah dan meninggalkan perkara yang dimurkai Allah sama ada ianya perkataan atau perbuatan, lahir mahupun batin."[65]

**Ayat-ayat Mengenai Dakwah, Amar makruf dan Nahi Mungkar Di Dalam Al-Quran.**

Al-Quran banyak mengutarakan ayat-ayat yang mewajibkan kerja-kerja dakwah ke jalan Allah. Sebahagiannya ditujukan secara langsung kepada Rasulullah S.A.W. dan secara tidak langsung kepada umat baginda. Manakala sebahagian lagi ditujukan secara langsung kepada umat Islam.

Antara ayat-ayat yang ditujukan kepada Rasulullah S.A.W. ialah, firman Allah S.W.T. :

وَادْعُ إِلَى رَبِّكَ إِنَّكَ لَعَلَى هُدًى مُسْتَقِيمٍ

*"Maka serulah kepada Tuhanmu. Sesungguhnya engkau berada di atas petunjuk yang lurus."* (Al-Hajj 22: 67)

Allah S.W.T. berfirman lagi:

وَادْعُ إِلَى رَبِّكَ وَلَا تَكُونَنَّ مِنْ الْمُشْرِكِينَ

*"Dan serulah (manusia) supaya (menyembah) Tuhanmu dan janganlah engkau termasuk orang-orang yang musyrik (mempersekutukan Allah)."*

(Al-Qasas 28: 87)

"Seluruh umat Islam termasuk di dalam perintah ayat ini. Ini kerana asasnya, perintah Allah kepada rasulNya adalah juga perintah Allah kepada umatnya kecuali disebutkan pengecualian. Tetapi, di sini tiada sebarang pengecualian dari perintah Allah supaya mengerjakan tugas dakwah. Ini bermakna, Allah S.WT. memuliakan umat Islam dengan menempatkan mereka bersama-sama rasul-rasul dalam menjalankan tugas dakwah ke jalan Allah."[66]

---

[64] *Usul al-D'wah*, m.s. 268
[65] Ibnu Taimiyah, *Majmu' Fatawa*, Jilid 15, m.s. 164
[66] *Usul al-Da'wah*, m.s. 269

Ayat-ayat yang memerintahkan secara langsung umat Islam untuk menjalankan amar makruf nahi mungkar terdapat dengan banyaknya di dalam al-Quran. Oleh itu, tiada lagi alasan bagi mereka untuk mendiamkan diri atau takut untuk melepaskan diri mereka dari tanggungjawab ini. Di antaranya ialah firman Allah S.WT. :

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنكَرِ

*"Orang-orang yang beriman lelaki dan orang-orang yang beriman perempuan setengahnya menjadi pembantu bagi yang lain. Mereka menyuruh dengan ma'ruf dan melarang daripada yang mungkar."* (At-Taubah 9:71)

Menurut Imam al-Qurtubi, Allah telah menjadikan *amar makruf nahi mungkar* sebagai garis pemisah di antara orang yang beriman dan orang munafik. Ia menjadi ciri utama orang beriman iaitu *amar makruf nahi mungkar*. Asas ciri tersebut ialah menyeru kepada Islam.[67]

Imam al-Ghazali ketika membicarakan ayat ini telah memberi komentar yang menarik. Beliau berkata:

"Allah S.W.T. telah berfirman:

لَيْسُوا سَوَاءً مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ أُمَّةٌ قَائِمَةٌ يَتْلُونَ آيَاتِ اللَّهِ آنَاءَ اللَّيْلِ وَهُمْ يَسْجُدُونَ(113)يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنْ الْمُنْكَرِ وَيُسَارِعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ وَأُوْلَئِكَ مِنَ الصَّالِحِينَ

*"Mereka itu tidak sama. Di antara ahli kitab, ada segolongan yang lurus, mereka membaca ayat-ayat Allah di waktu malam sedang mereka sujud. Mereka beriman kepada Allah dan hari kemudian dan menyuruh dengan ma'ruf dan melarang dari yang mungkar, lagi bersegera mengerjakan kebaikan dan mereka itu termasuk orang-orang yang soleh." (*Aali Imran 3:113-114)

Allah S.W.T. tidak akan mengakui kebaikan mereka semata-mata kerana mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat sehinggalah ditambahkan cirinya dengan mengerjakan amar makruf dan nahi mungkar."[68]

"Allah S.W.T. berfirman lagi:

لُعِنَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ عَلَى لِسَانِ دَاوُودَ وَعِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ(78)كَانُوا لَا يَتَنَاهَوْنَ عَنْ مُنكَرٍ فَعَلُوهُ لَبِئْسَ مَا كَانُوا يَفْعَلُونَ

*"Telah dikutuki orang-orang yang kafir di antara Bani Israel di atas lidah Daud dan 'Isa anak Maryam. Demikian itu disebabkan mereka derhaka dan aniaya (melampaui batas). Mereka tiada melarang sesuatu yang mungkar yang mereka perbuat. Sungguh amat jahat apa yang mereka perbuat."* (Al-Maidah 5:78 – 79)

Firman Allah S.WT.:

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنْ الْمُنكَرِ

*"Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi manusia, (supaya) kamu menyuruh dengan ma'ruf dan melarang dari yang mungkar."* (Aali Imran 3:110)

Ini menunjukkan kemuliaan tugas dakwah kepada manusia supaya berbuat kebaikan dan melarang mereka daripada kemungkaran. Jelaslah bahawa ciri itulah yang menjadikan manusia sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk manusia.

Allah S.W.T. berfirman:

فَلَمَّا نَسُوا مَا ذُكِّرُوا بِهِ أَنْجَيْنَا الَّذِينَ يَنْهَوْنَ عَنْ السُّوءِ وَأَخَذْنَا الَّذِينَ ظَلَمُوا بِعَذَابٍ بَئِيسٍ بِمَا كَانُوا

[67] *Tafsir al-Qurtubi*, Juzu' 4, m.s. 47. (Dipetik dari Usul al-Da'wah)
[68] *Ihya' 'Ulumuddin*, Jilid 2, m.s. 307

يَفْسُقُونَ

*"Tatkala mereka melupakan apa-apa yang diperingatkan kepada mereka, Kami selamatkan orang-orang yang melarang kejahatan dan Kami seksa orang-orang yang zalim dengan azab yang keras, disebabkan mereka fasik."*(Al-A'raf 7: 165)

Ayat di atas menerangkan bahawa golongan itu terselamat kerana adanya usaha melarang kaum mereka dari melakukan kejahatan. Ayat itu juga menunjukkan bahawa tugas ini wajib dilaksanakan. Allah S.W.T. telah berfirman:

الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوْا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنْ الْمُنْكَرِ

*"Mereka, jika Kami beri tempat (kekuasaan) di muka bumi, mereka mendirikan sembahyang dan membayar zakat serta menyuruh dengan ma'ruf (kebaikan)dan melarang yang mungkar (kejahatan)."* (Al-Hajj 22: 41)

Allah turut menyertakan ciri-ciri amar makruf nahi mungkar dengan mendirikan solat dan menunaikan zakat dalam memperkatakan sifat-sifat orang yang soleh dan orang yang beriman.

Allah S.W.T. berfirman:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَى وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

*"Bertolong-tolonganlah kamu berbuat kebaikan dan takwa dan janganiah kamu bertolong-tolongan berbuat dosa dan aniaya."* (Al-Maidah 5: 2)

Ayat ini mengandungi perintah yang wajib dilaksanakan. Erti tolong-menolong ialah menggalakkan, mendorong dan mempermudahkan manusia untuk berbuat kebaikan dan menutup jalan-jalan kejahatan serta permusuhan menurut kemampuannya.

Allah S.W.T. telah berfirman:

لَوْلَا يَنْهَاهُمْ الرَّبَّانِيُّونَ وَالْأَحْبَارُ عَنْ قَوْلِهِمْ الْإِثْمَ وَأَكْلِهِمْ السُّحْتَ لَبِئْسَ مَا كَانُوا يَصْنَعُونَ

*"Alangkah baiknya kalau ketua-ketua ugama dan pendita-pendita mereka melarang mereka dari mengeluarkan perkataan-perkataan yang dusta dan dari memakan yang haram? Sesungguhnya amatlah buruk apa yang mereka telah kerjakan."* (Al-Maidah 5: 63)

Firman Allah S.WT. :

فَلَوْلَا كَانَ مِنْ الْقُرُونِ مِنْ قَبْلِكُمْ أُوْلُوا بَقِيَّةٍ يَنْهَوْنَ عَنْ الْفَسَادِ فِي الْأَرْضِ

*"Maka sepatutnya ada di antara umat yang telah dibinasakan dahulu daripada kamu itu, orang-orang yang berkelebihan akal fikiran yang melarang kaumnya dari perbuatan-perbuatan jahat di muka bumi."* (Hud 11:116)

Di dalam ayat ini, Allah menerangkan bahawa Dia telah membinasakan seluruh mereka kecuali segelintir sahaja yang telah melarang kaum mereka dari berbuat kerosakan.

Firman Allah S.W.T.:

يَاأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَى أَنفُسِكُمْ أَوْ الْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ

*"Hai orang-orang yang beriman, hendaklah tegakkan keadilan, serta menjadi saksi bagi Allah, meskipun di atas dirimu sendiri atau ibu bapamu dan karib kerabatmu."* (An-Nisa' 4: 135)

Ayat di atas menerangkan kewajipan menyuruh kepada kebaikan terhadap ibu bapa dan kaum kerabat.

Firman Allah S.W.T.:

لَا خَيْرَ فِي كَثِيرٍ مِنْ نَجْوَاهُمْ إِلَّا مَنْ أَمَرَ بِصَدَقَةٍ أَوْ مَعْرُوفٍ أَوْ إِصْلَاحٍ بَيْنَ النَّاسِ

وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ ابْتِغَاءَ مَرْضَاةِ اللَّهِ فَسَوْفَ نُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا

*"Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisik-bisikan mereka, kecuali (bisik-bisikan) orang yang menyuruh bersedekah, atau berbuat kebaikan, atau mendamaikan di antara manusia. Dan sesiapa yang berbuat demikian dengan maksud mencari keredaan Allah, tentulah Kami akan memberi kepadanya pahala yang amat besar."* (An-Nisa' 4: 114)

Firman Allah S.W.T. :

وَإِنْ طَائِفَتَانِ مِنْ الْمُؤْمِنِينَ اقْتَتَلُوا فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا

*"Jika dua golongan di antara orang-orang mukmin berperang, hendaklah kamu perdamaikan antara keduanya."* (Al-Hujurat 49:9)

Usaha perdamaikan antara keduanya ini ialah dengan melarang manusia dari menceroboh dan memberontak serta mengembalikan ketaatan kepada pemerintah Islam yang adil. Sekiranya mereka enggan, Allah memerintahkan agar memerangi mereka melalui firmanNya:

فَقَاتِلُوا الَّتِي تَبْغِي حَتَّى تَفِيءَ إِلَى أَمْرِ اللَّهِ

*"Maka hendaklah kamu perangi (golongan) yang melampau itu, sehingga ia kembali kepada perintah Allah."* (Al-Hujurat 49: 9)

Memerangi kaum yang zalim adalah salah satu bentuk mencegah kemungkaran."[69]

Oleh itu, muslim yang sayangkan imannya dan inginkan syurga yang tinggi akan bersungguh-sungguh memperkatakan kebenaran. Mereka rela mengorbankan masa rehatnya, hartanya, bahkan darah dan nyawanya sebagai cagaran untuk mendapatkan ganjaran pahala yang diidamkannya. Tugas menyeru ke jalan Allah adalah wajib. Tidak seorang pun boleh menguzurkan diri kecuali manusia awam yang ditindas, dungu yang tidak pandai bertutur atau tidak tahu mengurus apa-apa.

"Sebagaimana Allah mewajibkan rasulNya untuk memberi peringatan dan menyeru kepada Allah, demikian juga Allah mewajibkan umat Islam, pengikut Rasulullah S.A.W agar menyeru manusia ke jalan Allah. Mereka adalah umat Rasulullah S.A.W. yang mesti menyampaikan dakwah Islam kepada manusia sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W.

Dakwah juga meliputi proses menyuruh manusia mengerjakan apa yang diperintah oleh Allah dan mencegah mereka dari perkara yang dilarang oleh Allah. Ini kerana, dakwah mengandungi aspek suruhan iaitu menyuruh kepada yang makruf dan menegah dari yang mungkar."[70]

"Tugasan ini diwajibkan ke atas sekumpulan umat Islam. Itulah yang dinamakan oleh ulama' sebagai fardhu kifayah. Sekiranya ada satu golongan di kalangan umat Islam bangkit melaksanakan dakwah, gugurlah kewajipan memikul tugas tersebut dari umat yang selebihnya. Walaupun seluruh umat di perintahkan melaksanakan tugas ini, tetapi sekiranya ada satu golongan dari mereka menyempurnakannya gugurlah tanggungjawab ini dari yang lain."[71]

"Oleh yang demikian, sekumpulan dari umat Islam adalah pengganti Rasulullah S.A.W. di dalam menyampaikan dakwah Islam. Oleh itu ijma'

---

[69] Ibid
[70] Ibnu Taimiyah, *Majmu' Fatawa*, Jilid 15, m.s. 165
[71] Ibid

mereka adalah menjadi hujah yang qat'I, kerana seluruh umat tidak mungkin bersepakat di atas perkara sesat. Apabila mereka berselisih di dalam satu urusan, mereka akan kembali kepada Allah dan Rasulullah.

Setiap orang Islam wajib melakukan amal dakwah menurut kemampuannya sekiranya tidak ada orang yang melakukan amal tersebut. Juzu'-juzu' amal dakwah yang telah ada orang melaksanakan, gugurlah kewajipannya pada amal tersebut. Apa yang tidak termampu, dia tidak dituntut untuk melakukannya.

Sekiranya tiada sesiapa yang melakukan bahagian amal dakwah tertentu, wajiblah bagi individu yang mampu untuk menyempurnakan kekosongan tersebut. Oleh itu, individu tersebut wajib menyempurnakan tugas dakwah dari sudut yang tidak wajib kepada orang lain. Oleh itu tugas ini kadang-kadang terbahagi ke atas umat itu menurut perspektif yang berlainan. Kadang-kadang seseorang itu boleh jadi mengajak kepada iktiqad yang wajib, orang yang kedua pula menyeru kepada amalan lahir yang wajib dan orang yang ketiga menyeru kepada amalan batin yang wajib. Kepelbagaian jurusan dakwah kadang-kadang berlaku dari aspek kewajipan dan kadang-kadang dari aspek pelaksanaan.

Nyatalah bahawa sesungguhnya dakwah kepada Allah iaitu menyeru manusia kepada Islam adalah wajib ke atas setiap orang Islam, tetapi dalam bentuk fardhu kifayah. Ia diwajibkan ke atas individu tertentu menurut kemampuannya jika tiada pihak lain yang menyempurnakannya. Ini semua berlaku pada tugas menyeru manusia kepada kebaikan dan melarang mereka dari kemungkaran, menyampaikan apa yang telah dibawa Rasulullah dan jihad pada jalan Allah dan mengajar tentang iman dan al-Quran.

Dari sini semua jelaslah bahawa dakwah itu sendiri bererti menyeru manusia kepada kebaikan dan melarang mereka dari kemungkaran. Da'i adalah penyeru, penuntut dan pengajak kepada apa yang diserunya. Itulah maksud *amar* kerana *amar* ialah meminta dilakukan apa yang di suruh. Oleh itu, menyeru kepada Allah ialah menyeru ke jalanNya. Mengikuti jalanNya adalah dengan membenarkan apa yang telah disampaikan dan taat pada segala yang diperintahkan."[72]

**Makna Fardhu Kifayah – dan Menolak Sangkaan Mereka yang Berpeluk Tubuh dan Membisu**

Apabila ulama' dan fuqaha' menetapkan bahawa hukum berdakwah itu fardhu kifayah, ramai orang menyangka bahawa mereka diizinkan berehat dari amar ma'ruf dan nahi munkar. Mereka pun memilih duduk bersama golongan yang bisu, kerana terperdaya bahawa apabila dakwah telah dilaksanakan oleh segolongan, maka gugurlah tugas itu dari mereka. Sedangkan sebenarnya ia bukan begitu, berdasarkan nas-nas yang telah dinyatakan.

Sesungguhnya perkataan 'melaksanakan dakwah' bererti berhasilnya sesuatu yang didakwah itu di alam nyata secara praktikal apabila golongan mad'u (orang yang diseru) mengikut nasihat para da'i.

Sekiranya ada dari mereka yang diseru itu masih lalai, mengikut hawa nafsu, tunduk kepada syahwat dan tenggelam dalam maksiat, maka setiap

[72] Ibnu Taimiyah, *Majmu' Fatawa*, Jilid 15, m.s. 166

orang Islam wajib memikul tugas dakwah ini. Seluruh umat Islam wajib menolong da'i untuk menyeru manusia kepada Allah, menyeru kepada kebaikan dan melarang mereka dari kemungkaran. Setiap orang Islam juga wajib menambahkan kekuatan dan memberi sokongan kepada para da'i, menolong mereka dengan jiwa dan raga sehabis kemampuan mereka dan meramaikan bilangan da'i sehingga mereka kuat, hebat dan mempunyai pengaruh yang cukup untuk mencegah golongan maksiat dan menarik mereka keluar dari maksiat dan dari menentang syariat Islam.

Sekiranya golongan maksiat dan mungkar itu telah meninggalkan maksiat itu, masih perlu juga wujudnya satu golongan bagi meneruskan tugas ini. Ketika ini barulah sebahagian daripada umat diharuskan mendiamkan diri. Tetapi selagi semua perkara tersebut belum dicapai, tiada siapapun boleh mendiamkan diri dari tugas dakwah dan menolong para da'i.

Siapa yang memerhatikan keadaan orang Islam pada hari ini akan mendapati segala usaha yang telah dibuat di dalam dakwah Islam belum mencapai ke satu tahap pencapaian yang diharapkan untuk mencegah perbuatan maksiat yang berlaku. Sebesar-besar maksiat pada masa ini ialah berhukum menggunakan undang-undang yang lain dari undang-undang Allah, berdasarkan logik akal, hawa nafsu dan pemikiran-pemikiran yang diimpot.

Oleh itu muslim pada hari ini tidak boleh lari dari kewajipan dakwah. Mereka sepatutnya menyeru manusia kepada syariat Allah, menolong para da'i, bekerjasama dengan mereka di dalam dakwah dan perjuangan membasmi kejahatan, menghapuskan maksiat dan pelakunya dan meletakkan semula kebaikan di tempat asalnya dan didokong oleh orang yang baik.

"Seruan ke arah kebaikan -yang paling tingginya seruan supaya yakin kepada Allah- adalah wajib ke atas setiap orang Islam mengikut kemampuan masing-masing. Dakwah adalah sebahagian dari sifat-sifat orang beriman. Hadis Rasulullah S.A.W menyuruh setiap orang Islam, lelaki dan wanita agar menghapuskan kemungkaran dengan kadar kemampuan masing-masing. Sekiranya satu kemungkaran telah dihapuskan dengan usaha seorang atau beberapa orang, tidak dituntut lagi dari pihak lain dan mereka tidak berdosa.

Muslim yang sebenar akan segera menyuruh manusia kepada kebaikan dan melarang manusia dari kemungkaran tanpa menunggu-nunggu orang lain melaksanakannya terlebih dahulu. Kerana kemungkinan tidak ada orang lain yang melaksanakan tugas itu, berdosalah dia.

Seorang muslim itu menyeru ke jalan Allah kerana dia adalah seorang muslim, yakin kepada Allah dan Rasulnya sebagaimana firman Allah S.W.T. :

قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُو إِلَى اللَّهِ عَلَى بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنْ اتَّبَعَنِي وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنْ الْمُشْرِكِينَ

*"Katakanlah (wahai Muhammad): "Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada ugama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. Dan aku menegaskan: Maha suci Allah (dari segala iktiqad dan perbuatan syirik); dan bukanlah aku dari golongan yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain."* (Yusuf 12:108)

Seorang muslim hendaklah bangkit untuk berdakwah. Sebaliknya, jika ditakdirkan dia tidak berdakwah individu tertentu atau tidak menyeru pada

waktu yang tertentu, dan ada seorang Islam lain bangkit berdakwah, maka orang yang berdakwah itu akan mendapat pahala dan orang yang tidak berdakwah tidak mendapat apa-apa. Tetapi sekiranya seseorang Islam itu meninggalkan tugas dakwah secara berterusan dan dengan sengaja, maka dia tidak lagi termasuk dalam golongan pengikut Rasulullah S.A.W. sepertimana yang terkandung di dalam firman Allah S.WT. di atas. Kerana sifat para pengikut Rasulullah S.A.W adalah mereka yang menyeru manusia kepada Allah.

Selain itu, menurut pengertian fardhu kifayah, perintah tersebut turut ditujukan kepada setiap orang Islam supaya bangkit memastikan pelaksanaan fardhu ini. Sesiapa yang mampu melaksanakan tugas ini, dialah yang wajib melaksanakannya secara langsung.

Oleh itu firman Allah S.W.T. :

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنْ الْمُنْكَرِ وَأُوْلَئِكَ هُمْ الْمُفْلِحُونَ

*"Hendaklah ada di antara kamu umat yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh dengan makruf (kebaikan) dan melarang dari yang mungkar; dan mereka itulah yang menang."* (Aali Imran 3:104)

bermaksud bahawa orang Islam semuanya mesti bangun mempersiapkan satu "*ummah*" iaitu jamaah yang bangkit berdakwah menyeru manusia kepada Allah. Seluruh umat Islam mesti menolong mereka dengan apa jua cara dan jalan untuk merealisasikan objektif jamaah itu iaitu menegakkan Deen Allah dan mengembangkan dakwah. Sekiranya orang Islam seluruhnya tidak berbuat demikian, berdosalah semua individu samada yang ada kelayakan berdakwah dan semua yang lain.

Meskipun kita katakan berdakwah kepada Allah itu wajib ke atas sebahagian orang Islam dan tidak wajib ke atas sebahagian yang lain kerana fardhu kifayah, tetapi syarat untuk terlepas dari tanggungjawab fardhu kifayah hanya terhasil apabila ada orang yang menyelesaikan tanggungjawab tersebut. Bila kifayah itu tidak selesai, maka wajiblah setiap orang Islam melakukannya menurut kemampuan masing-masing."[73]

**Erti Profesion Dakwah adalah kerja Ulama'....**

Orang yang tidak faham kadangkala juga keliru kerana adanya beberapa *syubhat*, menyangka bahawa tugas berdakwah di jalan Allah tidak wajib.

Keraguan ini sama seperti mana-mana bid'ah yang hanya bersandar kepada nas yang umum yang boleh ditakwilkan tafsirannya kepada banyak pengertian-pengertian khusus yang mungkin terkandung di dalam nas, tetapi pentafsiran tersebut tidak sesuai dengan kaedah umum syarak. Malah pentafsirannya menunjukkan erti yang bertentangan dengan kaedah umum syarak atau pentafsiran mereka dibatalkan oleh nas-nas yang lain yang mewajibkan penafsiran yang lain terhadap nas yang pertama tadi dan mendedahkan makna yang lemah pada pengertian nas tersebut.

Biasanya, di dalam mana-mana bid'ah, nas-nas di dalam melariskan bid'ah mereka ialah nas-nas yang jelas, tetapi hawa nafsu telah menyelewengkan nas--nas tersebut dari erti zahirnya. Hawa nafsu adalah jalan kejiwaan yang menjelma dalam banyak bentuk dan disebabkan oleh pelbagai motif. Dari sinilah datangnya kepercayaan atau dakwaan tidak wajib dakwah ke atas setiap

[73] *Usul al-Da'wah*, m.s. 275

orang Islam. Dakwaan sedemikian selalunya disebabkan oleh rasa takut, bacul, mahu relaks, mencari jalan mudah, takut hilang kesenangan dunia yang kadang-kadang boleh terlepas dari da'i disebabkan oleh kerja "amar makruf nahi mungkar."

Di antara *syubhat* itu ialah salah faham terhadap apa yang dikatakan oleh ulama' kerja dakwah itu hanya khusus bagi orang yang berilmu sahaja memandangkan ilmu merupakan salah satu syarat yang ditetapkan oleh fuqaha bagi mereka yang menjalankan kerja amar makruf nahi mungkar. Seperti kata Imam ar-Radzi:

"Sesungguhnya tugas ini khusus buat ulama'. Ini kerana untuk menyeru kepada kebaikan seseorang itu mesti tahu tentang perkara-perkara kebaikan, perkara yang makruf dan perkara yang mungkar. Oleh itu, tugas ini disarankan kepada golongan ulama, bukan kepada golongan yang jahil. Ulama' adalah sebahagian dari umat Islam."[74]

Pendapat al-Radzi ini sama dengan pandangan al-Qurtubi dan al-Jassas.[75] Dari sinilah lahir kesamaran tersebut.

Pada hakikatnya berlaku kekeliruan dalam memahami masalah ini disebabkan perkataan "ulama" yang ditafsirkan oleh mereka yang keliru itu terhadap potongan ayat: *"Hendaklah ada satu umat dari kamu"*, yang disebut di dalam al-Quran dengan anggapan bahawa dakwah itu disyaratkan mempunyai ilmu.

"Tidak syak lagi bahawa seruan kepada kebaikan, lebih-lebih lagi seruan kepada Allah, mesti disertai dengan ilmu. Walau bagaimanapun ilmu bukanlah suatu yang tidak boleh dibahagi atau dipecahkan. Bahkan ilmu itu secara tabiinya adalah terbahagi-bahagi dan terpecah. Kadangkala seseorang itu mengetahui satu masalah tetapi jahil terhadap satu masalah yang lain. Oleh itu ia dianggap ulamak pada masalah pertama, maka wajiblah dia berdakwah dalam bidang yang diketahuinya dan tidak wajib berdakwah dalam bidang yang tidak diketahuinya.

Para fuqaha' bersependapat bahawa 'siapa yang jahil terhadap sesuatu atau hukumnya, dia tidak wajib berdakwah mengenainya. Ini kerana di antara syarat sahnya dakwah adalah mengetahui dengan baik akan apa-apa yang diserukannya.

Atas dasar inilah maka setiap orang Islam mesti menyeru kepada Allah sekadar apa yang diketahuinya sebagaimana yang akan kita jelaskan kemudian. Itulah yang dimaksudkan dalam kata-kata bahawa dakwah itu hanya *'wajib keatas ulama' dan tidak wajib kepada orang jahil'*. Ertinya, wajib kepada siapa yang mengetahui sesuatu masalah dan mengetahui hukum masalah yang diserunya, sama ada dia orang biasa ataupun dia telah mempunyai ilmu agama yang banyak (ulama'). Dari sini nyatalah kesalahan orang yang berkata bahawa maksud perkataan "ulama'" ialah mereka yang mempunyai ilmu yang banyak sahaja. Kadang-kala mereka yang mempunyai ilmu ini digelar 'orang agama'. Nama itu juga menepati setiap orang Islam, kerana setiap orang Islam itu adalah orang Islam. Oleh itu dakwah tidak terbatas kepada golongan tertentu

---

[74] *Tafsir Ar-Razi*, jilid 7, m.s. 177; *Tafsir al-Qurtubi*, Juzu' 4, m.s. 165; *Ahkam al-Quran li al-Jasas*, Juzu' 2, m.s. 29; *Usul al-Da'wah*, m.s. 274.
[75] Ibid

sahaja, bahkan adalah profession semua individu muslim."[76]

**Tidak Sempurna Hidayah Tanpa Amar Makruf Nahi Mungkar**

Di antara *syubhat* juga ialah silap faham terhadap ayat :

**يَاأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا عَلَيْكُمْ أَنفُسَكُمْ لَا يَضُرُّكُمْ مَنْ ضَلَّ إِذَا اهْتَدَيْتُمْ إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ**

*"Wahai orang-orang yang beriman! Jagalah sahaja diri kamu (dari melakukan sesuatu yang dilarang oleh Allah). Orang-orang yang sesat tidak akan mendatangkan mudarat kepada kamu apabila kamu sendiri telah mendapat hidayah petunjuk (taat mengerjakan suruhan Allah dan meninggalkan laranganNya). Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya, kemudian Ia akan menerangkan kepada kamu (balasan) apa yang kamu telah lakukan."* (Al-Maidah 5:105)

Orang yang tidak faham terhadap maksud ayat ini enggan berdakwah, tidak mahu melakukan amar ma'ruf dan nahi mungkar dan ingin berbaik-baik dengan manusia dengan cara demikian.

"Keengganan menjalankan tugas mulia ini adalah sebesar-besar muslihat syaitan sebagaimana yang dikatakan oleh Ibnu al-Qayyim: "Syaitan mengajar mereka supaya meninggalkan dakwah, tidak menjalankan tugas amar makruf dan nahi mungkar dalam rangka berbaik-baik sesama insan, berakhlak baik terhadap mereka dan kononnya melaksanakan firman Allah: *"Jagalah diri kamu"*[77]

Mengenai hal ini, kami akan petik satu artikel penting hasil karya Imam Ibnu Taimiyah ketika menolak kesilap faham ini. Artikel beliau ini begitu baik dan komprehensif

Kata Ibnu Taimiyah:

"Firman Allah S.W.T.:

**يَاأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا عَلَيْكُمْ أَنفُسَكُمْ لَا يَضُرُّكُمْ مَنْ ضَلَّ إِذَا اهْتَدَيْتُمْ**

*"Hai orang-orang yang beriman, jagalah dirimu sendiri; dan tiadalah membahayakanmu orang yang telah sesat, bila kamu telah mendapat petunjuk."* (Al-Maidah 5:105)

Ayat di atas bukan bererti menyuruh meninggalkan kerja amar makruf, nahi mungkar. Ayat tersebut tidak mengandungi maksud larangan atau keizinan. Maksud ini selari dengan sebuah hadis yang masyhur yang diriwayatkan dan Abu BakarAs-Siddiq r.a. bahawa beliau telah berkhutbah di atas mimbar Rasulullah S.A.W. lalu berkata: "Wahai manusia sesungguhnya kamu telah membaca ayat ini tetapi kamu meletakkannya pada bukan tempatnya. Padahal sesungguhnya aku telah mendengar Rasulullah S.A.W bersabda: *"Sesungguhnya manusia apabila melihat kemungkaran lalu mereka tidak merubahnya, hampirlah Allah meranapkan mereka semua dengan azabNya."*

Demikian juga di dalam hadis marfu' dari Abu Tsa'labah al-Khusyaniyy yang mentakwilkan hadis:

*"Apabila kamu telah melihat syuhh ditaati, hawa nafsu dituruti dan setiap orang kagum dengan pendapatnya sendiri, hendaklah kamu menumpukan urusan dirimu sendiri."*

Hadis ini dijelaskan oleh sebuah hadis dari Abu Said di dalam sahih Muslim:

---

[76] *Usul al-Da'wah*, m.s. 274

[77] *Ighathah al-Lahfan min Masaid al-Syaitan*, Jilid 1, m.s. 130

*"Barangsiapa di antara kamu melihat kemungkaran, hendaklah dia merubahnya dengan tangannya, sekiranya dia tidak mampu, maka ubahlah dengan lidahnya maka sekiranya dia tidak mampu, maka ubahlah dengan hatinya, dan yang demikian itu selemah-lemah iman."*

Sekiranya golongan manusia yang jahat menjadi kuat sehingga mereka tidak mahu mendengar perkara-perkara kebaikan, malah mereka menyiksa orang yang melarang mereka dari melakukan kejahatan kerana sifat *syuhh*, hawa nafsu dan kagum terhadap diri sendiri yang menguasai diri mereka; dalam keadaan ini gugurlah tanggungjawab dakwah dengan menggunakan lidah. Berdakwah ketika itu hanya wajib dengan menggunakan hati sahaja.

*Al-Syuhh* adalah sifat terlalu inginkan sesuatu yang membawa kepada kedekut dan zalim. Ia menghalang dan benci kepada kebaikan. Mengikut hawa nafsu berlaku apabila pelakunya melakukan dan menyukai sesuatu kejahatan. Mengagumi pendapat sendiri berlaku dari sudut pemikiran dan ilmu.

Hadis ini jelas menyebut tiga kerosakan yang dahsyat iaitu kerosakan ilmu, perasaan cinta dan perasaan benci. Di dalam hadis lain pula bermaksud:

*"Ada tiga perkara yang membinasakan: Akur kepada kebakhilan, mengikut hawa nafsu dan kagum pada diri sendiri."*

Ini bertentangan sekali dengan tiga perkara yang menyelamatkan kita dari kebinasaan, iaitu:

*"Takut kepada Allah dalam keadaan sembunyi dan terang; berjimat cermat semasa miskin mahupun kaya dan berkata benar ketika marah mahupun suka redha."*

Itulah doa baginda Rasulullah s.a.w. di dalam hadis yang lain:

*"Wahai Tuhanku, aku bermohon kepadaMu rasa takut kepadaMu di dalam rahsia dan terang, aku bermohon kepadamu perkataan yang benar di waktu marah dan redha dan aku bermohon kepadaMu bersikap sederhana di waktu fakir dan kaya."*

Sikap takut kepada Allah S.W.T. bertentangan dengan sikap mengikut hawa nafsu kerana rasa takut kepada Allah menghalang seseorang dari menurut keinginan nafsu sebagaimana firman Allah S.WT. :

وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ وَنَهَى النَّفْسَ عَنْ الْهَوَى

*"Adapun orang yang takut akan kebesaran Tuhannya dan menahan dirinya daripada hawa nafsunya."* (An-Nazi'at 79: 40)

Sikap berjimat cermat dan bersederhana semasa miskin dan kaya pula bertentangan dengan sikap tunduk pada kebakhilan. Mengucapkan kata-kata yang benar di waktu marah dan redha pula bertentangan dengan sikap mengagumi diri sendiri.

Oleh itu, apa yang dikatakan oleh Abu Bakar Siddiq memang jelas di mana firman Allah S.WT. : *"jagalah dirimu sendiri; dan tiadalah membahayakan kepadamu orang yang telah sesat, bila kamu telah mendapat petunjuk";* ianya bermaksud "Beriltizamlah dengan diri dan hadapilah ia. Di antara keperluan kebajikan diri ialah mengerjakan suruhan Allah dan menjauhi larangannya."

Firman Allah S.WT. :

لَا يَضُرُّكُمْ مَنْ ضَلَّ إِذَا اهْتَدَيْتُمْ

*"Tiadalah membahayakan kepadamu orang yang sesat bila kamu telah mendapat petunjuk."* (Al-Ma'idah 5:105)

Petunjuk dan hidayah Allah hanya akan sempurna dengan mentaati Allah dan

menunaikan kewajipan yang terdiri dari perintah dan laranganNya.
Tetapi ayat ini juga mengandungi beberapa pengajaran dan faedah yang besar iaitu:
1. Jangan takut kepada orang-orang kafir dan munafik kerana mereka tidak dapat membahayakan orang beriman yang mendapat hidayah Allah.
2. Jangan berdukacita dan gelisah terhadap orang-orang kafir dan munafik kerana maksiat dan kejahatan mereka tidak membahayakan orang yang beriman apabila dia mengikuti hidayah Allah. Berdukacita terhadap sesuatu yang tidak membahayakan adalah perkara yang sia-sia. Firman Allah S.W.T. :

وَاصْبِرْ وَمَا صَبْرُكَ إِلَّا بِاللَّهِ وَلَا تَحْزَنْ عَلَيْهِمْ وَلَا تَكُ فِي ضَيْقٍ مِمَّا يَمْكُرُونَ

*"Dan bersabarlah (wahai Muhammad terhadap perbuatan dan telatah golongan yang ingkar itu); dan tiadalah berhasil kesabaranmu melainkan dengan (memohon pertolongan) Allah; dan janganlah engkau berdukacita terhadap kedegilan mereka, dan janganlah engkau bersempit dada disebabkan tipu daya yang mereka lakukan."* (An-Nahl 16:127)

3. Janganlah cenderung kepada mereka. Jangan tertarik kepada kekuasaan, kekayaan dan keseronokan yang ada pada mereka sebagaimana firman Allah S.W.T. :

لَا تَمُدَّنَّ عَيْنَيْكَ إِلَى مَا مَتَّعْنَا بِهِ أَزْوَاجًا مِنْهُمْ وَلَا تَحْزَنْ عَلَيْهِمْ

*"Janganlah engkau layangkan pandangan engkau kepada barang yang telah Kami berikan kepada orang kafir dan janganlah engkau berdukacita terhadap mereka itu."* (Al-Hijr 15:88)

Allah melarang orang yang beriman merasa dukacita terhadap orang kafir dan inginkan apa yang ada pada mereka di dalam satu ayat. Di dalam ayat lain pula Allah melarang mereka dari merasa sedih dan takut kepada orang kafir. Manusia kadang kala menderita perasaan kerana terlalu teringinkan sesuatu atau gerun terhadap sesuatu.

4. Apabila membenci, mencela, melarang, memulaukan atau menghukum pelaku maksiat, janganlah melampaui batas lebih dari yang dibenarkan. Bahkan katakan bagi sesiapa yang berbuat begitu, satu amaran: *"Jagalah dirimu sendiri kerana orang yang sesat tidak akan membahayakan kamu, bila kamu telah mendapat petunjuk."*

Firman Allah S.W.T. :

وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَآنُ قَوْمٍ عَلَى أَلَّا تَعْدِلُوا اعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَى

*"Janganlah kamu kebencianmu kepada satu kaum mendorong kamu untuk tidak berlaku adil. Berlaku adillah, kerana keadilan itu lebih dekat kepada takwa."* (Al-Ma'idah 5: 8)

Firman Allah S.W.T. :

وَقَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ

*"Perangilah olehmu pada jalan Allah orang-orang yang memerangi kamu dan janganlah kamu melampaui batas. Sesungguhnya Allah tiada mengasihi orang-orang yang melampaui batas."* (Al-Baqarah 2:190)

Firman Allah S.W.T. :

فَإِنِ انتَهَوْا فَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ

*"Jika mereka berhenti, maka tiada permusuhan melainkan kepada orang-orang yang melakukan kezaliman."* (Al-Baqaarah 2:193)

Terdapat ramai da'i yang menjalankan kerja amar makruf, nahi mungkar hingga melampaui batas-batas Allah sama ada secara sengaja, tidak sengaja, jahil atau zalim. Itulah perkara yang wajib disedari semasa kita menghadapi orang-orang kafir, munafik, fasik dan ahli maksiat.

5. Melakukan amar makruf nahi mungkar hendaklah menurut cara yang diizinkan syarak, menggunakan ilmu dan kelembutan, sabar, niat yang baik dan sederhana. Ini bersesuaian dengan firman Allah yang bermaksud: "*Jagalah diri kamu*" dan firman Allah yang bermaksud "*orang-orang yang sesat tidak membahayakan kamu apabila kamu mengikuti hidayah Allah,*"

Itulah lima pengajaran dari ayat itu untuk orang yang bertugas menyeru manusia kepada Islam, amar makruf, nahi mungkar. Terdapat juga pengertian yang lain dari pengajaran tersebut iaitu:
Berusaha untuk melengkapkan diri dengan ilmu dan amal dan meninggalkan segala perkara yang tiada kena mengenai dengannya, sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W:
"*Di antara keelokan Islam seseorang ialah meninggalkan apa yang tidak berkaitan dengannya,*" terutamanya berlebihan dalam hal yang tidak perlu untuk dunianya, agamanya, dan orang lain. Apalagi kalau perbualan itu berbau hasad dengki atau gila kuasa.

Begitu juga dari aspek amalan. Dia mungkin seorang pelampau yang zalim atau si dungu yang merosakkan keadaan. Ia mungkin digambarkan oleh syaitan sebagai amar makruf, nahi mungkar dan jihad di jalan Allah. Ini semua menjadi pintu-pintu kezaliman dan permusuhan.

Penelitian terhadap ayat ini sangat bermanfaat kepada seseorang individu. Sekiranya anda amati perselisihan yang berlaku di kalangan umat ini sama ada di kalangan ulama', ahli ibadah, pemerintah dan pemimpinnya, kamu akan dapati sebahagian besar perselisihan tersebut adalah berupa tindakan melampau yang dilakukan sama ada dengan takwil ataupun tanpa takwil. Contohnya, pelampauan golongan Jahmiyah terhadap ahli sunnah di dalam isu 'sifat-sifat Allah' dan al-Quran, satu tribulasi yang dihadapi oleh Imam Ibnu Hanbal. Begitu juga golongan Syiah *Rafidhah* yang memerangi ahli sunnah dalam banyak kali; puak al-Nasibah bertindak melampau ke atas Ali r.a dan keluarganya; dan al-*Musyabbihah* melampaui ke atas *al-Munazzahah*. Begitu juga pelampauan sebahagian ahli sunnah sesama mereka atau terhadap sesetengah golongan bid'ah, lebih dari yang diperintahkan Allah. Itulah sikap keterlaluan yang disebut di dalam doa orang yang beriman di dalam al-Quran:

رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَإِسْرَافَنَا فِي أَمْرِنَا

"*Ya Tuhan kami, ampunilah dosa kami dan pekerjaan kami yang keterlaluan.*" (Aali Imran 3: 147)

Sebaliknya pula terdapat segolongan yang bersikap cuai terhadap kebenaran atau apa yang diperintahkan atau terhadap pelaksanaan amar makruf dan nahi mungkar. Alangkah betulnya kata-kata seorang ahli salaf: "Setiap perkara yang diperintahkan oleh Allah pasti akan ditentang oleh syaitan

dengan dua cara. Dia tidak peduli yang manakah di antaranya yang lebih berkesan; Melampau atau mengurangi perintah Allah."[78]

Oleh itu, bila ada orang yang bekerjasama dalam dosa dan permusuhan, di sebaliknya ada pula orang yang tidak menolong pada kebaikan dan takwa. Ada orang yang menjalankan suruhan dan juga melakukan perkara yang dilarang disebaliknya ada orang yang meninggalkan perkara yang dilarang dan sebahagian perkara yang disuruh. Moga Allah S.W.T. menunjukkan kita jalan yang lurus. *La haula wala quwwata illa billah.*[79]

Demikianlah penjelasan Ibnu Taimiyah. Satu pendapat yang bernas dan mulia. Lantaran itu kami sertakan di sini dengan panjang lebar. Di dalam pendahuluan buku ini, kami telah nyatakan rasa rendah diri di hadapan para imam, ulama', fuqaha' dan da'i Islam qudama' dan kami utamakan nasihat mereka berbanding pandangan kontemperori dan apa yang mampu kami sendiri hasilkan.

Perlu disedari bahawa ulama' terdahulu yang membolehkan sikap berdiam diri apabila berhadapan dengan kekuatan golongan yang jahat dan penyiksaan, keharusan ini hanyalah untuk orang awam yang lemah. Sebaliknya, para da'i, pemimpin dan para ulama' hendaklah mengambil jalan 'azimah[80] dalam menyatakan kebenaran sekali pun mereka disiksa, ditentang hatta diancam dengan maut. Ianya telah dijelaskan oleh Ibnu Taimiyah yang akan kami sebutkan pada bab lain. Ia juga telah dijelaskan oleh ulama' lain. Begitu juga sejarah yang berlaku kepada Imam Ibnu Hanbal semasa peristiwa fitnah yang menyatakan bahawa al-Quran itu makhluk. Perhatikanlah dari perspektif khusus kepentingan kata-kata Ibnu Taimiyah: "*Hidayah itu tidak dapat diperolehi kecuali dengan mentaati Allah.*"

"Begitulah khalifah Abu Bakar r.a memperbaiki kekeliruan sesetengah orang Islam terhadap maksud ayat al-Quran tersebut. Kita pada hari ini tentu lebih memerlukan pembetulan seperti ini. Ini kerana, usaha pendokong tugas merubah kemungkaran dan menghapuskan maksiat telah menjadi satu urusan yang lebih sukar. Alangkah mudahnya mereka yang lemah itu menggunakan takwil ayat ini dengan tujuan melepaskan mereka dari kesukaran jihad dan dakwah !

Demi Allah, agama ini tidak mungkin tegak kecuali dengan usaha penat dan jihad. Agama ini tidak dapat diperbaiki kecuali dengan kerja dan perjuangan. Agama ini memerlukan pejuang yang sanggup berjihad dan berkorban. Mereka hendaklah menarik dan mengeluarkan manusia dari jahiliah kepada Islam, dari menyembah sesama makhluk kepada beribadat kepada Allah semata-mata dan menegakkan ketuhanan Allah di muka bumi. Mereka hendaklah berjihad mengembalikan kekuasaan Allah yang telah dirampas oleh perampas dan menundukkan mereka hanya kepada agama Allah, mendirikan syariat Allah di dalam hidup manusia dan menegakkan manusia di atas syariat

---

[78] Melebih-lebihkan sesuatu perkara atau mengabaikannya. (Pnt)
[79] Ibnu Taimiyah, *Majmu' Fatawa*, Jilid 14, m.s. 479
[80] Lawan bagi rukhsah. (Pnt)

Allah dalam seluruh aspek kehidupan.

Mesti ada usaha gigih, kadangkala dengan cara lembut jika golongan sesat hanyalah individu-individu yang memerlukan tunjuk ajar dan penerangan. Tetapi mesti menggunakan apa cara saja yang boleh dan dibenarkan oleh syarak jika menghadapi kuasa jahat yang menghalang manusia dari hidayah Allah, menyingkirkan agama Allah dan menghalang syariat Allah dari ditegakkan. Ketika itu sahajalah – dan bukannya sebelumnya- gugurlah tugas ini dari mereka yang beriman."[81]

Oleh itu apa yang difahami oleh orang yang ingin mengelakkan diri dari tugas ini adalah tidak benar. Ayat di atas sebenarnya bermaksud:

"*Jagalah dirimu sendiri; sucikan dan bersihkanlah dia,* jagalah jamaah kamu dan beriltizamlah dengannya dan peliharanya. Bukan salah kamu jika ada yang sesat setelah kamu sendiri mengikuti hidayah Allah. Kamu adalah satu unit yang terpisah dari jahiliah yang sesat itu dan kamu adalah satu umat yang bersatu-padu dan tolong-menolong di antara kamu. Kamu adalah pemimpin dan penolong kepada yang lain sesama kamu. Tidak ada wala' dan hubungan antara kamu dengan mereka (jahiliah).

Sesungguhnya ayat ini menjelaskan prinsip-prinsip asas sikap umat Islam dalam tabiat hubungan mereka dengan umat-umat yang lain.

Umat Islam merupakan hizbullah atau golongan Allah. Semua umat yang bukan Islam adalah hizbu syaitan atau dari golongan syaitan. Oleh itu, tidak ada wala' dan hubungan di antara keduanya. Oleh kerana tidak ada persamaan akidah antara keduanya, maka tiada persamaan juga pada tujuan dan wasilah dan tidak ada persamaan dalam hak dan tanggungjawab.

Umat Islam mesti bantu membantu antara satu sama lain. Mereka mesti nasihat menasihati dan saling berpesan di antara meraka. Mereka mesti mengikut petunjuk Allah yang telah menjadikan mereka sebagai satu umat yang tersendiri dan terpisah dari umat yang bukan Islam. Mereka tidak akan dipersalahkan atau digugat oleh kesesatan manusia di sekeliling mereka selagi mereka berada di dalam hidayah Allah.

Walau bagaimanapun, ini tidak bererti umat Islam boleh meninggalkan tugas mereka menyeru manusia seluruhnya kepada hidayah Allah iaitulah agamaNya, syariatNya dan sistemNya. Jika sudah tertegaknya peraturan Allah di atas muka bumi, masih ada baki tugasan untuk umat Islam iaitu menyeru seluruh manusia pula kepada Allah, kemudian menunjukkan mereka ke jalan yang benar, seterusnya mengambil alih kepimpinan untuk melaksanakan keadilan terhadap seluruh manusia dan mengeluarkan mereka dari kesesatan dan kejahilan.

Sesungguhnya umat ini mempunyai tanggungjawab terhadap dirinya di hadapan Allah. Orang yang sesat tidak akan dapat memudaratkan mereka sekiranya mereka telah mengikut hidayah Allah. Walaubagaimanapun ini tidak

[81] *Al-Zilal*, Juzu' 7, Cetakan 1961, m.s. 59

bermakna umat ini tidak akan dihisab terhadap pengabaiannya dalam melaksanakan tugas amar makruf, nahi mungkar. Pertamanya, melaksanakannya di kalangan mereka dan keduanya melaksanakan tugas itu di muka bumi, kepada seluruh manusia. Makruf yang pertama ialah Islam iaitu menyerahkan diri kepada Allah dan melaksanakan undang-undang berdasarkan syariat Islam. Manakala perkara mungkar yang pertama ialah jahiliyah dan merampas kuasa syariat Allah. Undang-undang jahiliah adalah undang-undang taghut. Taghut merupakan setiap kekuasaan dan perundangan yang bukan kekuasaan dan undang-undang Allah. Umat Islam mestilah menjadi umat yang memimpin dirinya sendiri pertamanya dan kemudiannya menjadi pemimpin segenap manusia.

Penjelasan kami tentang had tugas umat Islam di dalam ayat-ayat al-Quran tadi tidaklah sama sepertimana yang difahami oleh sesetengah orang sama ada dahulu dan masakini bahawa individu mukmin dan umat Islam tidak dibebani dengan kerja amar makruf nahi mungkar selagi mereka telah mengikuti hidayah Allah. Sebenarnya, setiap individu muslim dan umat Islam itu mesti memikul tugas mendirikan syariat Allah di segenap pelusuk muka bumi apabila mereka telah mendapat hidayah Allah. Mereka tidak boleh membiarkan manusia di sekelilingnya tenggelam di dalam kesesatan dan karam di dalam jahiliah.

Sesungguhnya ayat-ayat al-Quran yang dikemukakan tadi tidak menggugurkan tanggungjawab untuk terus memerangi kejahatan, menentang kesesatan dan mengalahkan taghut dari bahu individu dan umat Islam. Taghut yang paling jahat ialah taghut yang merampas sifat uluhiyyah Allah, merampas kekuasaan Allah dan memperhambakan manusia kepada syariat yang bukan syariat Allah. Tidak ada gunanya individu atau umat itu mendapat hidayah sedangkan kemungkaran itu masih berkuasa dan berleluasa.”[82]

[82] Ibid, m.s. 59-60

# 5 Ahli Ibadat yang Bermain-main

Apa yang telah kita petik dari Ibnu Taimiyah, Ibnu Qayyim, Al-Ghazali dan dari para ulama' serta tokoh Islam masa kini tentang wajibnya berdakwah di jalan Allah S.W.T. serta amar makruf nahi mungkar dengan bersandarkan kepada beberapa ayat al-Quran dan hadis Rasulullah S.A.W. adalah satu penjelasan yang jelas dan terang. Ia cukup untuk menolak kekeliruan mereka yang mendiamkan diri. Mereka menyangka beberapa kenyataan fiqh yang berbentuk umum itu dapat mengecualikan mereka dari wajibnya dakwah ini.

Walaupun kebelakangan ini telah banyak seruan dari da'i Islam yang mengajak orang ramai, khususnya kepada mereka yang bersembahyang (ahli ibadat) supaya bekerjasama dan menolong da'i Islam dalam kerja-kerja amar makruf, nahi mungkar ini, namun begitu sebahagian besar dari mereka hanya menggelupur sedih dengan realiti orang Islam. Mereka masih tidak mengetahui jalan kerja *(tariqul 'amal).* Kalaupun mereka tahu, mereka dihalang pula oleh rasa takut dan ingin menjaga kepentingan. Takut memikul risiko dakwah dan pengorbanan serta inginkan harta dan kepentingan dunia.

Justeru, mereka mengasingkan diri di masjid-masjid atau di rumah masing-masing meratapi nasib Islam dan membiarkan generasi dan belia Islam dididik dan dibentuk oleh puak-puak atheis, sekularisme, komunisme dan *wujudiah,* menjerumuskan belia Islam kepada kerosakan dan kehidupan hawa nafsu, zina, arak dan berpoya-poya tanpa batasnya.

Mereka yang bersembahyang, bersemangat dan yang berdukacita melihat keadaan umat Islam ini sebenarnya turut membaca kitab-kitab fiqh, kitab-kitab 'zuhud' dan 'al-Raqaiq' yang menjadi sumber petikan kita. Tetapi ketakutan mereka tidak dapat membuka mata mereka untuk mengamati laungan orang-orang ikhlas yang berjuang di sepanjang zaman, sejak zaman sahabat-sahabat Rasulullah hingga ke hari ini. Da'i yang ikhlas itu tidak henti-henti mengajak umat Islam agar bekerja untuk Islam, membawa khabar gembira dengan kedatangan fajar baru Islam, dakwah orang ramai, memberi peringatan kepada yang lalai dan menyuruh ahli uzlah tadi meninggalkan tempat uzlah supaya tampil ke tengah-tengah gelanggang perjuangan dan medan jihad untuk berjihad dan berkorban.

Kesedihan ini merupakan kesedihan yang 'tak guna', ibadah yang tak digalakkan, uzlah yang sia-sia dan bid'ah yang meruntuhkan, walaupun ia disertai dengan niat yang ikhlas dan baik.

**Siapakah yang Akan Memerangi Musuh Jika Kamu Memencilkan diri?**

Kumpulan pertama yang keliru itu telah mula muncul sejak zaman permulaan Islam, di zaman sahabat-sahabat Rasulullah S.A.W ketika itu masih lagi hidup. Abdullah bin Mas'ud adalah antara para sahabat yang menentang mereka. Beliau faham bahawa '*uzlah*' adalah bertentangan dengan Islam yang

dinamik, sebagaimana yang dididik oleh Rasulullah saw. Islam didikan Rasulullah saw adalah bergerak melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar, berjihad dan berdakwah. Lalu Ibnu Mas'ud menerangkan bid'ahnya mereka, mengherdik dan mencabut kekeliruan mereka dan mengembalikan mereka ke jalan yang benar.

*Seorang ahli fiqh dari para tabi'in Kufah yang arif dan bijaksana, Amir As-Sya'bi telah meriwayatkan bahawa ada beberapa lelaki telah keluar dari Kufah dan tinggal di pinggir bandar, beribadah di sana. Berita itu telah sampai ke pengetahuan Abdullah bin Mas'ud r.a. Dia pun datang berjumpa mereka. Orang-orang itu gembira dengan kedatangan beliau.*

*Ibnu Mas'ud berkata kepada mereka: "Apakah yang mendorong kamu berbuat begini?"*

*Mereka berkata: "Kami ingin lari dari hingar bingar kelam kelibut orang ramai untuk beribadat."*

*Kata Abdullah bin Mas'ud: "Jika semua orang berbuat seperti apa yang kamu buat, siapakah yang akan memerangi musuh? Aku tidak akan tinggalkan tempat ini sehinggalah kamu pulang." Kisah ini telah diriwayatkan oleh seorang guru ahli hadis Abdullah bin al-Mubarak.'*[83]

Menurut andaian saya (*Wallahua'alam*), amalan bid'ah ini iaitu mengasingkan diri dan beruzlah dari masyarakat untuk beribadat adalah amalan yang ditiru dari kaum Nasrani. Di bumi Furat yang terletak berhampiran bandar Kufah terdapat banyak biara. Di sanalah juga tempat tinggalnya puak bani Tay yang ada tersebarnya kristian sebelum kedatangan Islam. Ini terbukti melalui mereka 'Adi bin Hatim Al-Taa'iy r.a. yang pernah memeluk Nasrani sebelum masuk Islam.

Dari kisah Abdullah bin Mas'ud ini, para da'I sepanjang generasi dapat mengambil satu kesedaran yang benar. Sesungguhnya ia adalah kalimah yang benar, simbol kesedaran dan lambang didikan Nabi.

Tanda-tandanya jelas dalam kata-kata mereka sebagaimana yang terbayang di wajah mereka. *Siapakah yang akan memerangi musuh jika ahli ibadat itu mengasingkan diri dari masyarakat?*

Siapakah yang akan melawan konspirasi Zionisme, Freemason, propaganda Komunisme dan Atheis sekiranya orang yang bersembahyang dan ahli ibadah tetap di dalam masjid-masjid, tidak bergabung tenaga dengan da'i Islam?

Setelah Ibnu Mas'ud dan sahabat-sahabatnya wafat dan berlalunya generasi para mujahid tabi'in yang dididik oleh para sahabat Rasulullah S.A.W., sebahagian orang Islam telah kembali semula meninggalkan jihad, kembali beruzlah diri dari pergolakan orang ramai. Fenomena ini berlaku pada separuh kedua abad kedua hijrah.

**Abdullah bin Al-Mubarak Mewarisi Ibnu Mas'ud**

Allah S.W.T. memberi hidayah kepada Abdullah bin Al-Mubarak (meninggal pada 181H) untuk melakukan pembaharuan (tajdid) dalam kehidupan umat Islam.

Abdullah bin Al-Mubarak Rahimahullah adalah seorang ahli hadis yang

[83] Abdullah bin al-Mubarak, *Kitab Al-Zuhd*, m.s. 390

thiqah. Ini terbukti dengan adanya hadis-hadis beliau yang termaktub di dalam sahih al-Bukhari dan Muslim, kitab-kitab sunan dan kitab-kitab musnad. Lebih dari itu, beliau adalah di antara ahli fiqh yang bijaksana dan mempunyai harta yang banyak. Kekayaannya telah dibelanjakan untuk membiayai pengajian pelajar-pelajar dan majlis ilmu di semua ibu negara Islam. Beliau juga mempunyai koleksi puisi-puisi indah tentang keimanan.

Bukan itu saja, bahkan beliau juga adalah seorang da'i dan mujahid. Setiap tahun beliau berperang di Rom dan menjadikan Tursus yang terletak di selatan Turki sebagai tempat tinggal. Sifat-sifat inilah yang menjadikan beliau pemimpin ahli hadis semasa zamannya.

Kata-kata yang dipetik dari Abdullah bin Mas'ud itu menggegarkan Abdullah bin al-Mubarak lalu dijadikan sebagai pelita di dalam hidupnya. Beliau memainkan peranan Ibnu Mas'ud yang kedua. Hinggakan kita dapat lihat beliau membantah sikap sahabatnya, seorang ahli ibadah zuhud yang thiqah iaitu al-Fudhail bin Iyadh Rahimahullah (meninggal pada 187H) kerana mengasingkan diri di Mekah untuk beribadat dan meninggalkan jihad.

Al-Fudhail juga merupakan seorang ahli hadis yang thiqah. Ini terbukti apabila hadis-hadisnya terdapat di dalam kitab sahih al-Bukhari dan Muslim. Dalam sejarah Islam, beliau dianggap seorang ahli ibadat dan zuhud yang termasyhur dan paling baik perkataannya. Tetapi Abdullah bin Al-Mubarak tidak menganggap keistimewaan itu sebagai alasan untuk meninggalkan jihad dan memerangi musuh Islam. Ibnu al-Mubarak pun mengeluarkan 'kata-kata berat' kepada al-Fudhail di mana beliau menyifatkan sahabatnya itu sebagai ahli abid yang bermain-main dengan ibadatnya. Tegurannya itu dikirimkan kepada al-Fudhail dari Tursus setelah selesai satu peperangan, semasa belum pun sempat debu di badannya hilang. Beliau mengirimkan rangkap-rangkap puisi yang tersangat indah, menjadi hujah bagi setiap da'i selepas beliau.

Syairnya mengandungi rangkap-rangkap yang sungguh mengkagumkan, isinya yang sangat benar dan jitu disulami dengan bahasa yang bermutu tinggi.

Bukalah hati kalian, rungkaikanlah belenggu dan bebaskanlah hati kalian dari ikatan, supaya dia terbang dan melayang tinggi bersama rangkap-rangkap puisi Ibnu al-Mubarak:

*Wahai orang yang sedang beribadat di dua tanah haram, jika kamu melihat kami*
*nescaya kamu faham bahawa kamu hanya bermain-main di dalam ibadahmu.*
*orang-orang itu membasahi lehernya dengan air mata,*
*sedang tengkuk kami berlumuran dengan darah*
*dia memenatkan kudanya di dalam sia-sia*
*sedangkan kuda-kuda kami penat di hari peperangan*
*kamu berbau harum dengan minyak wangi, sedangkan minyak wangi kami*
*adalah peluh kuda dan debu yang terbaik di medan peperangan*
*telah datang kepada kami sabda Nabi kita*
*kata-kata yang benar, tepat dan bukan dusta:*
*"Tidak akan bertemu debu kuda pada hidung seseorang, dengan asap neraka yang menyala*
*kitab Allah ini telah menyebut di hadapan kita bahawa*

*"orang yang mati syahid itu tidak mati" ini bukan satu dusta*[84]

Ungkapan Abdullah bin al-Mubarak ini diucapkan kepada ahli ibadah yang berada tanah haram Makah al Mukarramah. Al-Fudhail digelar sebagai ahli ibadah di dua tanah haram (Mekah dan Madinah). Beliau terkenal dengan banyak menangis. Kerana itulah Abdullah bin al-Mubarak menyindirnya dengan menyebut tentang air mata. Seperti sesetengah orang yang bersembahyang, al-Fudhail memakai haruman mawar dan lain-lain haruman untuk mencontohi sunnah Nabi Muhammad S.A.W. Oleh itu, Abdullah bin Al-Mubarak menyindirnya dengan mengatakan ianya satu haruman yang mudah padahal Rasulullah S.A.W. dan pewaris baginda dari kalangan ulama' mujahidin berlumuran dengan darah dan debu medan peperangan di samping haruman mawar dan kasturi.

Apalah yang patut kita katakan kepada orang yang pada hari ini meninggalkan jihad dan dakwah, tidak amar makruf dan nahi mungkar, bukan kerana banyak beribadat, tetapi untuk berehat, bermewah, mengumpulkan harta dan memuaskan hati suami atau isterinya?

Apakah tidak patut kita katakan kepada ahli ibadat hari ini apa yang telah di katakan Abdullah bin Al-Mubarak:

"Wahai ahli ibadah, sekiranya kamu melihat bagaimana da'i Islam bertarung dengan pendukung kekafiran (jahiliyyah) puak-puak yang sesat, barulah kamu tahu yang kamu hanya bermain-main di dalam ibadatmu."

Jika ahli ibadat merasa bengkok belakangnya kerana terlalu banyak melakukan solat, kering tekak kerana terus-menerus berpuasa, para da'i pula bengkok belakang mereka kerana setelah solat fardhu dan sunat, mereka terpaksa ke sana ke mari pula membincangkan dan merencanakan pelbagai urusan dan maslahah umat Islam. Tekak mereka pula kering kerana banyak bekerja dan bergerak. Mereka mengorbankan darah mereka hinggakan jasad-jasad mereka terkulai di tali gantung.

**Abdul Kadir Al-Kailani di Atas Jalan Dakwah dan Jihad**

Selepas Abdullah bin al-Mubarak, generasi dakwah dan jihad terus berkesinambungan dari generasi demi generasi. Kemudian tiba-tiba semangat ini lemah dan muram kembali. Ahli ibadah dan ahli zuhud mula mengasingkan diri di tempat bertapa mereka dan meninggalkan tugas membimbing orang ramai.. Dakwah tidak dijalankan. Sekali lagi kegawatan, kekacauan dan penyelewengan merebak dalam masyarakat Islam di abad keenam hijrah. Ketika itu lahirlah seorang pewaris yang unggul bagi menyambung dakwah dan jihad Rasulullah S.A.W. mengikut jejak langkah Abdullah Ibnu Mas'ud dan Abdullah bin alMubarak. Dia bangkit dan bangun, senang hatinya bila melihat orang Islam hanyut di dalam bid'ah pertapaan (uzlah), mengasingkan diri dari pergolakan hidup dan menyembunyikan diri dari masyarakat Islam yang memerlukan pimpinan. Beliau pun berdiri tegas, memanggil umat dan mendedahkan kepada mereka penyakit yang sedang mengancam mereka.

[84] Al-Subki, *Tabaqat al-Syafiiyyah al-Kubra*, Jilid 1, m.s. 287 (Hadis yang dimaksudkan oleh Ibnu Mubarak ini ialah Hadis sahih riwayat Tarmizi, Nasa'I, Ibnu Majah, Abu Daud dan Ahmad: *Tidak akan bertemu debu jihad dengan api neraka Jahannam- editor*)

Beliau adalah Syeikh Abdul Qadir al-Kailani Rahimahullah. Seorang yang menjadi tauladan dan seorang ulama' yang bijaksana. Beliau adalah faqih lagi thiqah dari fuqaha' mazhab Hanbali di Baghdad. Biasanya Ulama' Mazhab Hanbali di setiap masa adalah ahli ibadah yang zuhud dan jauh dari segala perkara yang lain dari ilmu (*tajarrud ilmi*). Beliau adalah bangsawan dari keturunan Hassan al-Muthanna bin Hassan bin Ali bin Abi Talib r.a. Beliau dinasabkan dengan bandar Kailan kerana bandar itu adalah tempat kediaman datuk neneknya. Ibnu Taimiyah dan Ibnu al-Qayyim memberi pujian dan sanjungan tinggi kepadanya. Kedua-duanya menggelarnya "Tuan Guru yang menjadi model" sebagaimana yang kerap disebutkan di dalam *"Madarij al-Salikin."*

Syeikh Abdul Qadir banyak berbicara kepada orang ramai, melaungkan seruan Islam yang sebenar kepada penduduk Iraq dengan bahasa yang indah maksud dan strukturnya. Salah seorang muridnya telah menyampaikan kepada kita beberapa pidato beliau yang disalin dengan pantas ketika beliau berkhutbah di dalam pidato mingguannya pada tahun 545H. Syarahan beliau dibukukan di dalam sebuah buku yang bertajuk *"Al-Fathu Rabbani Wal-Faidhu ar-Rahmani."* Walaupun mungkin terdapat beberapa perkara yang perlu ditolak, tetapi kitab itu penuh seruan al-haq, pandangan-pandangan bernilai dan menekankan wajibnya dakwah dan amar makruf nahi mungkar.

Marilah kita dengar beberapa seruan al-haq tersebut itu:

"Ahli zuhud yang baru di dalam zuhudnya lari dari makhluk. Tetapi ahli zuhud yang sempurna zuhudnya tidak menghindari manusia. Tidak lari atau takut kepada mereka, bahkan mencari-cari mereka. Kerana mereka mengenali Allah S.W.T. Sesiapa yang mengenali Allah tidak akan lari dari sesuatu dan tidak akan takut pada sesiapa pun kecuali hanya pada Allah semata-mata.

Ahli zuhud yang baru lari dari orang-orang fasik dan ahli maksiat, tetapi ahli zuhud yang telah tamat pelajarannya mencari-cari mereka. Bagaimana dia tidak mencari mereka padahal setiap penawar mereka ada padanya?

Justeru, sebahagian dari mereka telah berkata: "Tidak ada yang ketawa di hadapan orang fasik kecuali orang yang arif lagi bijaksana." Barangsiapa yang telah sempurna mengenali Allah S.W.T., ia menjadi penunjuk kepadaNya. Dia menjadi jala untuk menangkap manusia dari lautan dunia. Dia menggunakan kekuatannya sehingga dapat mengalahkan iblis dan tenteranya.

Dia merampas manusia dari genggaman syaitan-syaitan itu.

Wahai orang yang mengasingkan diri kononnya kerana zuhud yang jahil! Maralah dan dengarlah kataku :

*"Wahai orang zuhud di muka bumi, majulah kamu. Robohkanlah tempat pertapaan kamu dan marilah dekatku. Sesungguhnya kamu telah duduk di tempat mu itu tanpa dalil. Kamu tidak melakukan apa-apa kebaikan. Majulah kamu."*[85]

Kata-kata ini diucapkannya ketika beliau sudah tua.

Demikianlah apa yang difahami oleh ulama' yang beramal dengan ilmunya. Kata-kata beliau ini benar-benar menyentuh hati. Amatilah kata-kata beliau:

"Wahai ahli zuhud di bumi, maralah ! Robohkanlah biara kamu."

---

[85] Syeikh Abdul Qadir, *Al-Fath al-Rabbani*, m.s. 73 (dengan sedikit pemotongan)

Robohkanlah biara kamu, wahai orang yang lari dari masyarakat dan tersungkur di bawah ikatan pemikiran keduniaan dan taghut abad yang kedua puluh ini.

Ambillah tempatmu di dalam barisan da'i Islam.

**Ibnu al-Jauzi Menyifatkan Mereka Yang Berani**

Dalam masa yang sama, ada juga da'i lain di Baghdad yang berjiwa besar seperti Syeikh Abdul Qadir, menyeru penduduk Baghdad. Beliau adalah Abu al-Farj Abdul Rahman bin Al-Jauzi pengarang buku *"Zad al-Masir fi Ilmi al-Tafsir"* dan *"Talbis Iblis"* dan berpuluh-puluh kitab yang berguna bagi umat Islam.

Beliau terus bertegas dan terus terang. Beliau tampil ke hadapan dan berkata:

"Ahli zuhud adalah bagaikan kumbang-kumbang yang menanam diri mereka, mengasingkan diri dari manfaat manusia. Mengasingkan diri itu baik jika sekiranya itu tidak menghalangnya dari membuat kebaikan, berjemaah, mengiringi jenazah dan menziarahi orang sakit. Walaubagaimanapun pengasingan diri itu adalah sikap pengecut. Mereka yang berani adalah mereka yang belajar dan mengajar dan inilah sebenarnya kedudukan para Nabi a.s."[86]

Demikianlah kata-kata mereka yang sedar pada setiap generasi. Mereka tidak benarkan walau seorang untuk mengasingkan diri dari masyarakat, berhenti berdakwah, tidak menyeru manusia kepada Islam sekalipun mereka banyak beribadat.

Jika hendak dibentangkan semua kata-kata mereka, nescaya akan terlalu panjang. Dr. Hissan Hathut yang mewakili ulama' mujahidin itu menyampaikan ucapannya mewakili mereka semua dengan beberapa rangkap puisinya yang jelas:

*Mereka sangka bahawasanya agama itu ialah pengasingan dan pertapaan*
*dan asyik di dalam wirid dan zikir tanpa dakwah dan jihad*
*Anehnya kulihat*
*mereka beriman dengan sebahagian, kelihatan hati mereka kufur terhadap sebahagian lagi*
*Padahal agama ini mempunyai fardhu, sunat, dan istighfar*
*Agama ini adalah medan jihad, senjata dan para pahlawannya*
*yang menghancur-leburkan kejahatan dan penyangak*
*Agama ini memerintah dengan nama Tuhanmu yang mencipta keadilan*
*Bukan kezaliman dan bukan kewewenangan* [87]1

**Tinggalkan Rumahmu di Belakang**

Duduk sahaja di rumah -setelah beruzlah di masjid- adalah lebih teruk lagi dan tidak langsung menggambarkan sifat seorang muslim. Sahabat-sahabat Rasulullah S.A.W. membantah keras orang yang bersembunyi di rumah sambil bersenda gurau dengan isterinya dan anak-anaknya, meninggalkan dakwah, amar makruf dan nahi mungkar. Mereka ini mengosongkan tempat mereka dalam barisan mujahidin yang sepatutnya dipenuhkan untuk menentang taghut.

Para perawi telah meriwayatkan kepada kita dari seorang sahabat

[86] Ibnu al-Jauzi, *Said al-Khatir*, m.s. 224, karangan Muhammad al-Ghazali
[87] Majalah *al-Muslimun*, Bil. 3, m.s. 199, (Petikan dari Qasidah yang panjang)

Rasulullah S.A.W. yang telah dijamin masuk syurga, iaitu Talhah bin Ubaidillah al-Quraisyi r.a. Beliau telah berkata: "Cukup jadi keaiban pada seseorang bila dia duduk diam di rumahnya."[88]

Tiada seorang pun ulama' yang terkemuka yang redha dengan sikap demikian. Contohnya Imam al-Ghazali, beliau berkata:

"Ketahuilah, setiap orang yang hanya duduk di rumahnya, walau di mana pun dia berada sebenarnya telah melakukan kemungkaran. Bagaimana mereka boleh duduk saja-saja tanpa membimbing manusia, tidak mengajar mereka dan tidak membawa mereka kepada kebaikan. Walhal, di luar sana, sebahagian besar manusia masih jahil tentang syariat hinggakan syarat-syarat sembahyang. Apatah lagi mereka yang tinggal di kampung pedalaman. Di antara mereka ada orang Arab Badwi, Kurdis dan Turki serta berbagai golongan etnik lagi.

Sepatutnya ada seorang ulama' atau faqih yang mengajar manusia tentang agama di setiap masjid dan kampung. Wajib ke atas setiap ahli fiqh -yang telah selesai melaksanakan kewajiban fardhu ain dan fardhu kifayahnya- keluar ke negara berdekatan, sama ada ia didiami oleh manusia tidak kira bangsa Arab, kaum Kurdi atau kaum etnik lain bagi mengajar mereka tentang agama dan hukum-hukum syariat mereka."[89]

Firman Allah S.WT. :

يَاأَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ(1)قُمْ فَأَنذِرْ

*"Wahai orang yang berselimut (Muhammad). Bangunlah, lalu berilah peringatan! (kaummu)"* (Al-Muddassir 74: 1-2)

Ibnu Taimiyah mentafsirkan ayat di atas dengan berkata:

"Wajib ke atas umat Islam untuk menyampaikan apa yang diturunkan kepada baginda Muhammad S.A.W., memberi peringatan sebagaimana baginda Muhammad S.A.W. memberi peringatan dan ancaman.

Firman Allah S.W.T.:

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنفِرُوا كَافَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِنْهُمْ طَائِفَةٌ لِيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ

*" Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya; oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam ugama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga."* (At-Taubah 9:122)

Bangsa jin pula apabila mereka mendengar ayat al-Quran, "..*mereka kembali kepada kaumnya, memberi peringatan.*[90]"[91]

Dalam timbangan Islam dan iman, ada amalan-amalan tertentu yang perlu diutamakan oleh seseorang pada satu ketika dan pada situasi tertentu mengikut konsep fiqh keutamaan *(fiqh awlawiyyat)*. Satu amalan mungkin perlu dilakukan oleh seseorang tetapi tidak perlu bagi orang lain, perlu dilakukan pada seseuatu

[88] *Tabaqat Ibnu Saad*, Jilid 3, m.s. 221
[89] *Ihya' Ulumuddin*, Jilid 2, m.s. 242
[90] Seperti diceritakan oleh Allah di dalam surah Al-Ahqaf: 29.
[91] Ibnu Taimiyah,, *Majmu' Fatawa*, Jilid 12, m.s. 327

masa dan tidak pada masa yang lain. Adakalanya, setiap individu muslim mempunyai satu amalan khusus yang lebih utama untuk dilakukan olehnya berbanding dengan amalan-amalan lain yang juga mulia.

Ibnu al-Qayyim Rahimahullah telah mengatakan: "Bagi orang yang berani dan kuat yang mampu menggerunkan musuh dengan serangannya, perlu berdiri di barisan depan dan berjihad menentang musuh Allah. Tindakan ini lebih utama dari mengerjakan haji, puasa, sedekah dan ibadah sunat yang lain."

"Bagi tokoh-tokoh agama yang alim dan memahami sunnah, halal haram, kebaikan dan kejahatan, pandai bergaul dengan orang ramai, mengajar dan menasihati dalam bab-bab agama lebih utama baginya dari mengasingkan diri dari orang ramai dan menghabiskan masa untuk bersolat, membaca al-Quran dan bertasbih semata-mata."[92]

Janganlah ada di kalangan kita berhujah dengan hadis-hadis keutamaan ibadat-ibadat sunat, tasbih dan zikir untuk menjustifikasikan tindakan kita mengasingkan diri dari orang ramai, meninggalkan tugas untuk membimbing manusia lain serta mengajar dan menasihati mereka, berdasarkan pengetahuannya. Sesungguhnya menyampaikan dakwah Islam kepada orang ramai lebih baik daripada melakukan ibadah yang sunat.

**Da'i Adalah Pengembara**

Da'i tidak perlu merasa gundah gulana sekiranya dia tidak mempunyai masa lebih untuk banyak berqiamullail setiap hari, dan memperbanyakkan khatam Al-Quran kerana sibuk dengan urusan dakwah. Ini kerana, kerja-kerjanya di dalam dakwah seperti mengajar manusia, memimpin mereka, mendidik pemuda-pemudi Islam dan membentuk mereka dengan bentuk Islam yang sejati itu lebih utama baginya dan lebih banyak pahalanya.

Contoh bagi para da'I ialah tokoh-tokoh da'i dan ahli salaf yang mengembara di serata dunia untuk mengembangkan dakwah Islam dan menyampaikan risalah kepada manusia. Mereka memulakan bicara, dan bergaul dengan manusia lain dengan tujuan dakwah dan tidak menunggu-nunggu orang ramai untuk datang dan bertanya kepada mereka

Begitulah sikap da'i yang sentiasanya….

Da'i Islam pada hari ini mesti menjadi pengembara di pelusuk kota, kampung, negeri untuk menyampaikan seruan Islam kepada manusia.

Sebagai contoh, lihatlah bagaimana utusan-utusan Rasulullah S.A.W. yang *round* ke lembah dan kampung-kampung pedalaman untuk menyampaikan Islam kepada seluruh orang Arab. Mereka tidak menunggu orang datang ke Madinah. Cubalah kamu saksikan, apakah jawapan baginda apabila seorang badwi bertanya tentang rukun Islam. Bila Rasulullah saw menjawab, orang badwi tersebut berkata: "Tidak aku tambah atau aku kurangkan sesuatupun darinya."

Orang badwi tersebut ketika memulakan soalannya berkata: "Hai Muhammad, ***utusanmu telah datang*** kepada kami dan telah menyatakan kepada kami bahawa kamu mengatakan bahawa kamu adalah utusan Allah?"[93]

---

[92] Ibnu al-Qayyim, *Iddah al-Sabirin wa Dakhirah al-Syakirin, m.s. 93*

[93] *Sahih Muslim*, Jilid 1, m.s. 32

Jelaslah bahawa utusan Rasulullah telah pergi menemui mereka sebagai da'i. Manusia perlu dilawati. Barangsiapa yang hanya menunggu orang ramai datang kepadanya, orang itu bukanlah da'i.

Jika diperincikan kata-kata orang Arab tersebut, jelaslah kepada kita bahawa para sahabat yang berdakwah itu sanggup meninggalkan Madinah apabila mereka dihantar oleh Nabi s.a.w. untuk berdakwah kepada kaum tertentu. Mereka meninggalkan keluarga, rumah dan anak-anak mereka. Mereka mengharungi padang-padang pasir, bukit-bukau dan gunung-ganang. Mereka terdedah kepada bahaya, sanggup berpanas dan berhujan demi menyampaikan Islam

Inilah dia bentuk dakwah yang ingin mencapai matlamatnya. Ia perlu bergerak dan bermula, pagi mahupun petang, dengan perbualan dan perkataan yang benar. Sikap duduk dan mengharap tidak akan sampai ke mana. Oleh itu, pelajarilah sejarah ahli salaf dan turutilah mereka. Pasti kamu akan sampai ke matlamat. Jika tidak, mundar-mandirlah sahaja di tempat kamu, dan kamu tidak akan sampai ke mana-mana.

# Pelukan Cendekiawan

Orang yang beriman sentiasa berharap semoga Allah mengampuni segala dosanya dan memasukkannya ke dalam syurga. Keampunan Allah dan syurga itu adalah kejayaan yang besar yang hanya tercapai setelah dia dapat melintasi pintu syurga beberapa langkah sahaja. Tetapi, rasa ketamakan terhadap apa yang ada di sisi AIlah itu adalah satu keinginan yang manis dan lazat.

Apabila harapan itu ada bersama kita, kita tidak merasa cukup hanya setakat melintasi pintu syurga, tidak cukup rasanya kalau sekadar tinggal di tingkat syurga yang rendah darjatnya, bahkan kita bercita-cita untuk masuk ke syurga*'illiyyin* (yang tertinggi) dan syurga Firdaus yang yang tertinggi.

Di sinilah lojiknya kata-kata:

"Sesiapa yang inginkan darjat yang tertinggi di syurga, dia hendaklah berada di martabat yang tertinggi di dalam kehidupan dunia.

Satu dengan satu

Setiap barang ada harganya

Tidak ada martabat yang tertinggi di dunia ini kecuali martabat dakwah dengan melakukan kerja-kerja dakwah kepada Allah. Demikianlah tulisan Syeikh Abdul Qadir al-Kailani Rahimahullah di dalam bukunya yang bertajuk *"Futuh ul-Ghaib"*.

Beliau adalah seorang da'I dan reformis. Oleh itu, kita dapati setiap bukunya tertumpu kepada pengertian dakwah dan kewajipan dakwah. Menurut pandangan Abdul Qadir al-Kailani, '**orang yang berjaya**' ialah orang yang dipilih oleh Allah:

*"…dan Allah menjadikannya seorang cendekiawan yang menyeru manusia kepada Allah, memberi peringatan dan ancaman kepada mereka, menjadi hujah (dia telah menyampaikan Islam), pembawa hidayah dan menyampaikannya."* Kemudian beliau berkata: *"Itulah matlamat tertinggi di kalangan bani Adam. Tiada darjat lain mengatasai mereka kecuali darjat kenabian."*[94]

**Mukmin Bisu adalah Ketinggalan**

Syeikh Abdul Qadir Kailani menganggap golongan bukan da'i berada di martabat lain. Golongan itu merupakan orang mukmin yang mempunyai hati tetapi tiada lidah untuk menyampaikan dakwah. Mereka adalah di antara makhluk Allah yang terlindung daripada makhluk dan terdinding di sebalik tirai. Kekurangan mereka menutup mata dan hati mereka dari menerima hidayah.

Oleh kerana mukmin tersebut tidak mempunyai lidah, turunlah martabatnya dan ketinggalanlah dia. Dia tidak mendapat gelaran yang hebat dan agung. Mukmin dan golongan yang pertama (yang berdakwah) dikatakan sebagai *'jahbaz'* iaitu para cendekiawan, 'da'i' dan 'hujah' ibarat sinaran yang terang-benderang. Mukmin yang kedua (yang tidak berdakwah) dikatakan

[94] Syeikh Abdul Qadir, *Futuh al-Ghaib*, m.s. 49

mukmin yang *'mastur'* atau yang terselindung. Perbezaan bunyi dan sebutan di antara dua kategori panggilan tersebut amatlah jauh sekali umpama langit dan bumi.

Jarak dan jurang antara keduanya sangat jauh dan luas. Antara martabat dakwah dengan martabat iman yang tertutup dan menjauhkan diri.
Jurang luas itu tidak lain melainkan disebabkan oleh faktor lidah yang menyatakan kebenaran. Tiada sebab lain. Sesiapa yang mempunyai lidah berani menyatakan kebenaran maka dia akan berada di hadapan kumpulan yang berjalan menuju Allah. Memang setiap orang beriman berjalan menuju kepada keredhaan Allah. Cuma soalnya, samakah siapa yang berada di hadapan dengan yang ketinggalan di belakang?

Insya Allah, mereka semuanya akan memasuki syurga. Tetapi samakah golongan yang menjadi barisan pertama memasukinya dengan golongan yang dapat memasukinya hanya setelah bertahun-tahun menunggu di padang mahsyar?
Kerana itulah Syeikh Abdul Qadir Kailani Rahimahullah cuba memahamkan bahawa perasaan seorang da'i terhadap kemestian untuk mengubah perkara yang batil dan memenangkan hak merupakan satu kurniaan Allah bagi sesiapa yang ada kebaikan di dalam hatinya. Pengertian ini dibentuk dengan kata-kata yang lebih mudah, tetapi berharga. Iaitu:
*"Apabila betulnya hati seorang hamba itu kepada Allah S.W.T. dan berjaya menghampirkan diri kepadaNya, Dia akan mengurniakan kepada hamba tersebut kerajaan dan kekuasaan di seluruh alam. Dia menyerahkan kepadanya kerja mengembangkan dakwah kepada makhlukNya, dikurniakan kepadanya kesabaran terhadap gangguan manusia, serta diserahkan kepadanya urusan mengubah kebatilan dan menegakkan kebenaran."*[95]

Demikianlah tingginya bahasa bila ia terbit dari pelita kenabian, sama ada keluarga dari aspek nasab atau ilmu. Syeikh Abdul Qadir berada di kemuncak kemuliaan kerana nasabnya dari keturunan Ali r.a. Tambahan pula, beliau menguasai ilmu hadis dan memahami kata-kata Imam Ahmad bin Hanbal Rahimahullah:
"*Sesungguhnya peluang untuk mengembangkan dakwah itu adalah taufiq dari Allah. Allahlah yang memudahkannya bagi siapa yang didapati ada kebaikan dalam hatinya hatinya. Tugas itu adalah satu penghormatan dari Allah kepada seorang hamba, bukannya bebanan.*"

Renunglah dengan teliti terhadap kata-kata al-Kailani diatas yang bermaksud: "*… serta diserahkan kepadanya urusan mengubah kebatilan dan menegakkan kebenaran...*"
**Kebatilan** wajib diubah oleh da'i. **Ubah** ertinya hendaklah diperangi, dihapuskan dan dikuburkan. Jika sekiranya kamu berharap agar kebatilan itu sendiri meninggalkan tempatnya dan menyerahkannya kepada kamu atau jika kamu berharap kamu akan dapat berbicara dengannya mengunakan bahasa diplomasi.....
Maka sesekali ianya tidak akan berlaku. Cara ini tidak akan mendatangkan

[95] Syeikh Abdul Qadir, *al-Fath al-Rabbani*, m.s. 144

sebarang faedah. Hanya perkataan '*mengubah*' sahaja yang disebutkan dalam undang-undang dakwah.

**Kita Hubungkan Generasi Lalu Dengan Generasi Seterusnya**

Sesungguhnya, Islam hari ini sangat-sangat memerlukan kepada satu kumpulan da'i yang memiliki kefahaman 'mengubah' ini, memahami betul-betul kewajiban membawa petunjuk kepada manusia, tahu kedudukan mereka di dalam angkatan dakwah yang berjalan dan mengerti bahawa mereka adalah mata rantai yang menghubungkan angkatan dahulu dengan angkatan yang akan datang nanti. Mereka bersama mengumandang nasyid:

*Kita ini adalah angkatan musafir di dalam hidup ini*
*Menjadi penghubung barisan yang mendatang dengan mereka yang telah lalu*
*Mereka yang terdahulu telah menunjukkan jalan ini kepada kita*
*Wajib pula kita menunjukkan jalan kepada generasi depan.*[96]

Betul....golongan yang terdahulu telah bersusah payah menyampaikan akidah tauhid kepada kita, mendidik kita, membersihkan akidah kita, membentuk kita dan menyelamatkan kita dari bahaya yang membinasakan. Oleh itu, sepatutnya kita setia kepada mereka, menyempurnakan janji kita dalam melaksanakan tugas dakwah yang telah diserahkan kepada kita supaya kita bekerja dan beramal seperti mana yang pernah mereka lakukan.

Mereka yang menanam pohonnya, kita yang menikmati hasilnya. Seterusnya, kita pula akan menanam pohon supaya buahnya boleh dimakan oleh generasi yang datang.

Penanaman itu memerlukan kita bergaul dengan orang ramai, berbicara dengan mereka dan mengucapkan kalimah kebenaran dengan tegas dan terus terang.

Tetapi, bagi sesiapa yang memilih untuk bersembunyi, mengasingkan diri dan enggan menentang pemikiran sesat dan kerosakan akhlak yang berlaku, maka orang itu samalah seperti yang dikatakan oleh Mustafa al-Rafi'ie:

"Orang itu menyangka bahawa dia telah lari dari kehinaan menuju kemuliaan, tetapi pelariaannya dari memerangi kehinaan itulah kehinaan bagi dirinya. Apa ertinya kesucian, amanah, *al-sidq*, kesetiaan, kebaikan, ehsan dan lain-lain kemuliaan bagi seorang yang berada keseorangan di padang pasir atau di puncak gunung? Bolehkah dianggap *al'-sidq* itu satu kemuliaan pada seseorang manusia jika di sekelilingnya hanya ada ketulan-ketulan batu? Demi Allah, sesungguhnya siapa yang langsung tidak memerangi keburukan, maka dia sebenarnya langsung tidak mempunyai kebaikan dan kelebihan."[97]

Apakah bezanya antara orang yang mengasingkan diri di puncak gunung dengan orang yang membisu seribu bahasa di tengah-tengah orang ramai?

Masalah umat Islam hari ini sebenarnya bukanlah disebabkan kurangnya bilangan mereka. Begitu juga masalah dakwah Islam pada hari ini juga bukan disebabkan oleh kurangnya orang yang berpegang teguh dengan Islam di tengah-tengah kegawatan umat yang meninggalkan solat, mengamalkan bid'ah dan mendukung pemikiran kufur dan teori jahiliah. Tidak sekali-kali, kerana setiap tanah umat Islam di seluruh dunia ini sentiasa mempunyai ramai

[96] Abdul Wahab Azam, *Diwan al-Mathani*, m.s. 149
[97] *Wahyu al-Qalam*, Jilid 2, m.s. 97

angkatan muda Islam yang baik.

Masalah yang berlaku ialah mereka ini tidak menzahirkan keIslaman mereka, tidak menyampaikan dakwah Islam kepada orang ramai atau mereka melakukan kerja-kerja dakwah tetapi tanpa adanya penyelarasan di kalangan mereka.

Seorang mujahid dakwah dan ahli fiqh Islam, Al-Syahid Abdul Qadir Audah telah menunjukkan makna ini kepada kita lalu berkata:
*"Di dunia Islam pada hari ini ada generasi terpelajar yang mepunyai ilmu Islam yang tinggi. Mereka bersungguh-sungguh mengembalikan semula kedudukan Islam yang telah hilang. Dalam menegakkan kebenaran, mereka tidak takut kepada cercaan orang ramai. Namun, kekurangan mereka yang ketara ialah mereka terpengaruh oleh pendekatan generasi terdahulu. Kebanyakan kerja-kerja mereka tertumpu kepada soal ibadah dan nasihat sahaja. Adalah lebih baik bagi mereka dan bagi agama ini sekiranya mereka tumpukan sebahagian besar usaha mereka bagi mengingatkan orang Islam terhadap perlunya menghidupkan semula syariat mereka yang telah dipinggirkan dan menghapuskan undang-undang mereka yang bertentangan dengan Islam."*[98]

**Imam Ahmad sendiri melakukan *Amal Tajmi'***

Da'i mesti mengenalpasti angkatan pemuda yang terbaik di dalam masyarakat dan seterusnya bergaul dan berkenalan dengan mereka, menziarahi mereka dan mengajar mereka kaedah menggabungkan dan menyelaraskan tenaga-tenaga Islam.
Tindakan ini akan memperbaharui sejarah yang dicatatkan oleh Imam Ahmad bin Hanbal, seorang da'i yang dihormati.

Diceritakan: *"Apabila sampai kepada Imam Ahmad berita tentang seorang lelaki yang soleh atau zuhud atau yang menegakkan kebenaran dan mengikuti perintah Allah, beliau akan bertanya mengenai orang tersebut. Beliau amat gembira jika dapat berkenalan dengannya serta mengetahui hal ehwalnya."*[99]
Lihatlah, Imam Ahmad tidak mengasingkan diri dan lari dari orang ramai.

Da'i hari ini sepatutnya sentiasa mencari orang ramai, bertanya khabar, menemui dan bermusafir untuk menemui mereka serta menziarahi mereka di dalam tempat perhimpunan mereka. Orang yang hanya menunggu kedatangan orang ramai untuk menemuinya sama ada di masjid atau di rumahnya, dia hanya akan tertinggal keseorangan dan dia hanya akan mempelajari seni menguap dan mengantuk.

Sebagai contoh, lihatlah kesungguhan Imam Ahmad yang disebut sewaktu sebahagian ulama' memperkenalkan Musa bin Hizam (guru kepada Imam al-Bukhari dan al-Tarmizi).

"Beliau (Musa bin Hizam) adalah seorang soleh dan thiqah. Walaupun begitu sebenarnya pada peringkat awal, Musa menganut fahaman Murji'ah yang menyeleweng. Kemudian Allah menolongnya melalui Ahmad bin Hanbal. Beliau berubah dan menjadi pengikut sunnah, membela sunnah dan menentang siapa yang menyalahi sunnah, terus berpegang pada agama dan

[98] *Islam Baina Jahli Abnaihi wa Ajzi Ulamaihi*, m.s. 65
[99] Ibnu al-Jauzi, *Manaqib al-Imam Ahmad*, m.s. 218

sunnah hinggalah beliau wafat”[100]

Kata-kata itu sungguh bermakna kerana mengandungi makna dakwah yang sangat besar ertinya. Perubahan tidak akan berlaku hanya dengan angan-angan dan harapan.

Bayangkanlah bagaimana tekunnya Imam Ahmad mendampingi beliau, duduk lama bersama, berbincang dengan lemah lembut, tenang, penuh hikmat dan nasihat yang baik sehingga berjaya memalingkan beliau dari bid’ah golongan Murji’ah. Bid’ah itu telah membuatkannya beranggapan bahawa amalan bukanlah merupakan syarat kepada iman tetapi iman hanyalah kepercayaan di dalam hati sahaja. Imam Ahmad kemudiannya duduk lagi bersamanya, mengajarnya pula tentang hadis. Kemudian duduk lagi bersamanya bagi membangkitkan semangat. Begitulah secara terus-menerus sehingga akhirnya beliau menjadi pembela sunnah yang setia, menentang ahli bid’ah dan golongan pengikut hawa nafsu hinggalah beliau meninggal dunia.

Begitulah cara berdakwah dan berkhidmat demi Islam. Begitulah sikap para da’I salafussoleh terdahulu.

Mesti wujud hubungan dengan manusia.
Anda mesti duduk bersama untuk mengajar mereka.

Anda mesti meninggalkan isteri, anak-anak, majlis-majlis keduniaan dan kesibukan perniagaan untuk beberapa jam setiap hari. Berikan ianya untuk dakwah kepada Allah. Gunakan waktu ini untuk menarik orang sesat yang telah menjadi mangsa *taghut* hari ini dan memandunya ke jalan yang lurus. Atau gunakan waktu ini untuk membantu seseorang yang frust, kecewa dan mendiamkan diri, berduka cita melihat realiti kehidupan muslim tetapi dia sendiri dibelenggu dengan keinginan dunia. Moga dengan itu, anda dapat menggerakkannya dan menggegarkan jiwanya sambil merangkulnya dengan bersungguh-sungguh.

Sesungguhnya itulah rangkulan keazaman yang pernah dilakukan oleh Jibril a.s. semasa memeluk Nabi kita Muhammad S.A.W sebanyak tiga kali di gua Hira’pada detikdetik pertama kenabian baginda. Jibril a.s. memeluk baginda rapat-rapat dan bersungguh-sungguh. Kemudian barulah memerintahkan baginda:

“Bacalah dengan nama Tuhanmu yang telah menciptakan”

Begitu juga Rasulullah S.A.W. memeluk sepupunya Abdullah bin Abbas dan berdoa: “Wahai Tuhanku ajarkan Al-Quran kepadanya.”

Seperti mana para da’I pernah merangkul kamu, maka kamu juga wajib merangkul orang lain. Pelukan yang meletakkan batas pemisah di antara zaman dan masa relaks dan selesa dengan zaman memikul amanah secara tekad, penuh keazaman dan kesetiaan.

Allah S.WT. menolong ribu-ribu orang seperti Musa bin Hazam melalui usaha-usaha Imam Ahmad itu. Melalui mereka yang berjaya dibantu itu pula, helah golongan Jahmiyah dan Muktazilah berjaya ditolak dan mazhab al-

[100] Ibnu al-Jauzi, *Tahzib alTahzib*, Jilid 10, m.s. 341

sunnah dipertahankan. Maka kamu pula… berapa ramaikah pula yang akan berhasil dari usahamu orang yang akan menolong kamu untuk menangkis serangan timur dan barat?

Sesungguhnya bagi para salafussoleh r.a, saat yang paling gembira bagi mereka ialah ketika melakukan kerja-kerja dakwah dan membawa hidayah kepada seseorang hasil asuhan tangan mereka.

Abdul Qadir al-Kailani telah berkata:

"Maha Suci Allah yang telah menggerakkan hatiku untuk memberi nasihat kepada manusia dan telah menjadikan kerja nasihat itu sebesar-besar cita-citaku."

Dia berkata lagi: "Apabila aku melihat seorang murid yang benar telah berjaya lahir di bawah bimbinganku, aku pun merasai kenyang, puas dan aku merasa bangga dan gembira memikirkan bagaimana ia boleh terhasil dari bimbinganku?"[101]

Inilah kepuasan dan kegembiraan mereka. Kegembiraan mereka bukanlah dengan mengarang kitab yang mengulang-ngulang perkara yang sama.

Seorang alim yang sebenarnya ialah seorang da'i. Bagi orang alim yang hanya mengarang kitab semata-mata, kita katakan kepada mereka: "Demi Allah, kamu bukanlah ulama' atau orang yang bijaksana, tetapi kamu hanyalah memperdagangkan ilmu."[102]

Islam hari ini tidak memerlukan penambahan lagi terhadap kajian-kajian di dalam cabang-cabang ilmu fiqh berbanding keperluannya kepada da'i yang bergabung tenaga, tolong-menolong dan berganding bahu sesama mereka.

**Fiqh Dakwah Seorang Menteri Yang Juga Seorang Da'i**

Dengarkanlah kefahaman murni seorang faqih, ahli hadis, abid dan menteri kerajaan Abbasiyyah yang soleh, iaitu Ibnu Hubairah Al-Dauri Rahimahuliah. tatkala dia membaca firman Allah S.W.T. :

وَجَاءَ رَجُلٌ مِنْ أَقْصَى الْمَدِينَةِ يَسْعَى

*"Seorang lelaki dari hujung negeri datang dengan berlari-lari (bersegera)* (Al-Qasas 28: 20)

dan firman Allah S.WT. :

وَجَاءَ مِنْ أَقْصَى الْمَدِينَةِ رَجُلٌ يَسْعَى قَالَ يَاقَوْمِ اتَّبِعُوا الْمُرْسَلِينَ

*"Seorang lelaki dari hujung negeri datang dengan berlari-lari (bersegera) katanya: "Hai kaumku, ikutlah utusan-utusan itu."* (Yasin 36:20)

Kata Ibnu Hubairah: *"Aku perhatikan sebutan '**dari hujung negeri**'. Kedua-dua lelaki di dalam ayat tersebut datang dari jauh kerana ingin melaksanakan 'amar makruf. Keduanya tidak duduk diam di rumah dengan alasan jauh perjalanan."*[103]

Deduksi yang baik –walaupun kelihatan remeh- itu mendorong para da'i untuk berfikir. Terfikirkah da'i pada hari ini untuk merasa susah dalam memikul tugas dakwah yang memerlukan pergerakan seharian yang jauh?

---

101 *Al-Fathu Al-Rabbani, m.s. 27*

102 Abdul Wahab Azam, *Diwan al-Mathani*, m.s. 97

103 Ibnu Rejab, *Zail Tabaqat al-Hanabilah*, Jilid 1, m.s. 269

Pernahkah dia terfikir bahawa kesusahan ini telah dilalui oleh salafussoleh dari kalangan da'i golongan awal-awal Islam? Sifat-sifat mereka dinukilkan di dalam al-Quran yang memaparkan siri pengembaraan dan perjalanan mereka ke tempat-tempat yang jauh hanya semata-mata untuk mengembangkan dakwah dan melaksanakan amar makruf nahi mungkar.

Firman Allah S.W.T.:

وَجَاءَ مِنْ أَقْصَى الْمَدِينَةِ رَجُلٌ يَسْعَى قَالَ يَاقَوْمِ اتَّبِعُوا الْمُرْسَلِينَ

*"Kemudian, datanglah seorang laki-laki berlari-laki dari ujung negeri, Katanya: Hai kaumku, ikutlah utusan-utusan itu."*

Lelaki yang mendengar dakwah itu terus menerimanya setelah melihat segala bukti kebenaran dan logik apa yang disebut dalam ucapannya kepada kaumnya. Apabila hakikat iman itu telah bertapak di hati, bergeraklah hakikat itu di dalam hatinya. Hinggakan dia tidak tergamak untuk mendiamkan diri atau hanya diam membisu di rumahnya dengan akidahnya sedangkan dia melihat kesesatan, kekufuran dan maksiat berleluasa di kekelilingnya. Bahkan dia bersegera mendokong kebenaran yang telah tertanam di jiwanya dan menyala di dalam sanubarinya. Dia bergegas dari tempat yang jauh berjumpa kaumnya untuk menyampaikan dakwah Islam kepada mereka walaupun mereka menafi, menolak, menyangkal serta mengancamnya. Dia datang dari tempat yang jauh, dari **hujung kota** untuk melaksanakan tugas dakwah dan menyeru kaumnya kepada kebenaran. Dia menghalang niat jahat kaumnya yang hampir-hampir mencederakan Rasul-rasul Allah a.s.

Apa yang jelas ialah lelaki itu bukan orang yang mempunyai pangkat ataupun kekuasaan. Dia juga bukan orang yang mempunyai mempunyai keluarga ternama untuk mempertahankannya. Tetapi akidah yang hidup di jiwanya itu mendesak dan mendorongnya untuk datang dari kawasan pedalaman yang paling jauh untuk menyampaikan dakwah Islam kepada kaumnya.[104]

[104] *Fi Zilal al-Quran*, Juzu' 23, m.s. 16

# 7 Jihad Dengan Hujah

Kesedaran seorang muslim terhadap wajibnya berdakwah, kefahamannya terhadap masalah dakwah dan kejelasan pandangannya terhadap kedudukan masalah ini dalam ajaran Islam, semuanya itu menentukan bermulanya titik tolaknya di dalam kehidupan individu muslim. Ia juga merupakan langkah mula di dalam perencanaan reformasi jama'i.

Oleh itu, penjelasan terhadap wajibnya dakwah ini perlu dilakukan dengan beriya-iya, bersungguh-sungguh, jelas, mengambil panduan pelaksanan yang dilakukan oleh salafussoleh dan contoh-contoh mereka yang menghidupkan kembali sunnah itu di zaman kita ini.

Sebagaimana kita telah lihat Abdullah bin Mas'ud r.a. meletakkan dirinya di Kufah untuk menghapuskan uzlah[105], maka begitu juga kita dapat lihat al-Hassan al-Basri pemimpin tabi'in rahimahullah meletakkan dirinya di kota Basrah untuk membangkitkan semangat orang ramai terhadap dakwah dan menjelaskan erti islah kepada mereka. Beliau membacakan firman Allah S.W.T. kepada penduduk Basrah :

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ الْمُسْلِمِينَ

*"Siapakah yang terlebih baik perkataannya dari orang yang menyeru kepada Allah (agamaNya) dan beramal soleh dan berkata: Sesungguhnya aku termasuk orang--orang muslimin."* (Fussilat: 33)

Kemudian dia berkata:
"Dia ialah mukmin yang menyahut seruan Allah, menyeru manusia kepada apa yang disahuti dari seruan itu dan mengerjakan amal soleh di dalam menyahut seruan itu. Inilah kekasih Allah dan wali Allah."
Bukan seperti orang lain yang mengasingkan diri, membisu dan menyembunyikan dirinya.
Semasa Ibnu al-Qayyim memetik kata-kata Hassan Basri ini , beliau menambah: "*Maqam* dakwah ke jalan Allah itu adalah semulia-mulia *maqam* seorang hamba."[106]
Begitu pantas Ibnu Qayyim memahami kata-kata Hassan Basri dan begitu juga begitu sama kata-kata beliau dengan kata-kata Abdul Qadir al-Kailani yang telah kita sebutkan sebelum ini. Ini semua membuktikan wujudnya kesatuan pemahaman hasil dari kesatuan metodologi yang mereka lalui.

**Petikan Yang hampir sama Dari Satu Cahaya**
Oleh kerana method mereka adalah menjadikan Al-Quran dan hadis sahih sebagai sumber pemahaman dan kesediaan jiwa mereka untuk menerima seluruh pengertian Al-Quran dan hadis yang berpandukan akal yang waras

[105] Pengasingan diri dari masyarakat.
[106] Ibnu Qayyim, *Miftah Dar al-Sa'adah*, Jilid 1, m.s. 153

dan pengertian zahir dari segi bahasa, maka dari situlah berpadunya kata-kata dan pemahaman mereka yang kita nukilkan tadi. Bermula dari para sahabat Nabi dan kemudiannya diikuti oleh para tabi'in, disusuli lagi oleh Ibnu al-Jauzi, Syeikh Abdul Qadir al-Kailani, Ibnu Taimiyah dan Ibnu al-Qayyim sehinggalah berakhir kepada sebahagian dari tokoh-tokoh di zaman ini seperti al-Rafi'e, Iqbal, Abdul Wahab Azam dan pemimpin gerakan dakwah seperti Imam Hassan Al-Banna, al-Maududi, Abdul Qadir Audah dan Syed Qutb.

Golongan yang mempertahankan kebenaran ini akan terus bergerak, mengambil erti zahir nas-nas hinggalah ke hari kiamat. Ia berbeza dengan kaedah yang digunakan oleh golongan-golongan lain yang terpengaruh dengan kecelaruan ilmu falsafah, tarikan bid'ah, keinginan nafsu, kebaculan dan mempunyai kepentingan.

Mereka hanya mencari dan mengambil sesuatu yang sesuai dengan akal dan perasaan mereka. Mereka menolak segala perkara yang mendedahkan pekong mereka atau sedaya upaya cuba untuk memalingkannya dari maksud sebenar yang zahir.

**Surah Al-'Asr Sudah Memadai**

Terdapat sebaris ayat di dalam Al-Quran yang cukup memadai dan besar ertinya bagi pendokong manhaj yang pertama dan sahih iaitu firman Allah S.W.T.

**وَالْعَصْرِ(1)إِنَّ الْإِنسَانَ لَفِي خُسْرٍ(2)إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بالصَّبْرِ**

*"Demi Masa. Sesungguhnya manusia itu di dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan orang-orang yang berwasiat (nasihat-menasihati) dengan kebenaran dan berwasiat dengan kesabaran."* (Al-'Asr 103:1-3)

Bahkan sebenarnya satu perempat dari surah tersebut pun sudah mencukupi iaitu yang menyifatkan orang yang saling berpesan atas kebenaran sebagai orang yang mendapat keuntungan. Kerana itulah Rasulullah S.A.W. menyifatkan surah al-'Asr sebagai menyamai satu pertiga dari al-Quran.[107] Dua perkataan sahaja (iaitu saling berpesan atas kebenaran) sudah cukup untuk menjelaskan kewajipan dakwah. Inilah yang menjadikannya menyamai dengan satu pertiga dari al-Quran.

Setiap manusia berada di dalam kerugian. "Kecuali orang yang telah menyempurnakan kekuatan ilmiahnya dengan beriman kepada Allah dan menyempurnakan kekuatan amalannya dengan mengerjakan ketaatan kepada Allah. Inilah kesempurnaan pada dirinya. Kemudian, dia juga perlu menyempurnakan orang lain dengan menasihati dan menyuruh mereka untuk melakukan perkara yang sama untuk kesempurnaan iman dan amal. Untuk memiliki segala kesempurnaan tersebut, kuncinya adalah kesabaran. Individu tersebut menyempurnakan dirinya dengan ilmu yang berguna dan amal yang soleh dan menyempurnakan orang lain dengan mengajar mereka perkara yang sama dan berpesan agar mereka bersabar di dalam melaksanakan perkara tersebut.

[107] *Sahih al-Bukhari*, Jilid 6, m.s. 233

Oleh itu, Imam Syafi'ie telah berkata: "Sekiranya manusia berfikir tentang kandungan surah al-'Asr, ia sudah mencukupi bagi mereka."[108]

"Allah bukan hanya menyuruh manusia agar mengenali kebenaran dan bersabar di atasnya, tetapi Dia juga menyuruh mereka agar saling menasihati sesama mereka dengan kebenaran dan kesabaran sambil mendorong mereka untuk melakukannya. Jika mereka tidak berbuat demikian, maka mereka itu adalah di kalangan orang-orang yang rugi."[109]

Sebagaimana yang dijelaskan oleh seorang da'i lain; Muhammad Mahmud Al-Sawwaf: "Syarat untuk selamat dari sebarang kerugian telah ditentukan oleh Allah S.W.T. iaitu bergantung kepada pengetahuan manusia kepada kebenaran. Setelah manusia itu mengenali kebenaran, mereka kemudiannya beriltizam pula dengannya, menegakkannya di dalam hati mereka, serta hidup bersama-sama kebenaran dan demi kebenaran. Setelah mengenali kebenaran, mereka tidak akan terlepas dari tanggungjawab dan tidak akan dapat selamat sekiranya mereka tidak menceritakan kepada manusia tentang kebenaran tersebut, menyeru manusia kepada kebenaran dan bersungguh-sungguh membawa mereka untuk berpegang teguh dan mengikut kebenaran.

Mengajak kepada kebenaran dan menyampaikan khabar gembira kepada manusia dengan kebenaran merupakan cabang kepada keyakinan dan mengenali kebenaran. Tidak sempurna akar tanpa cabang ini. Sesiapa yang tidak berusaha membawa manusia kepada kebenaran yang sebenar setelah mengenali dan mengikutinya, dia adalah orang-orang yang rugi. Perintah Allah S.W.T. yang jelas dinyatakan di dalam ayat tersebut iaitu saling berpesan dengan kebenaran terang-terang dan jelas membawa erti dakwah kepada kebenaran.

Sekiranya kamu telah mengenali kebenaran dan kamu telah melihat pula pendokong kebatilan menyimpang dari kebenaran, tetapi kamu tidak menyeru dan mengajak mereka agar menurut jalan kebenaran, jalan yang lurus dan cahaya yang jelas, tidak syak lagi bahawa kamu adalah dari kalangan orang yang rugi. Kamu berada dalam kerugian kerana tidak melaksanakan perintah Allah dan kamu tidak berpesan-pesan atas kebenaran. Kamu hanya mengambil kebenaran itu untuk dirimu sahaja dan tidak membawa sinarnya kepada orang yang sesat, menyeleweng, salah dan bingung tentang kebenaran. Sedangkan, seorang muslim yang sejati tidak hidup untuk dirinya sahaja bahkan dia juga hidup untuk orang lain. Jika dia telah memperbaiki dirinya, maka dia wajib pula berusaha memperbaiki seluruh manusia di sekelilingnya, mengikut kemampuan dan lingkungan masing-masing. Nas di dalam ayat ini adalah dalil yang terang dan tidak boleh ditakwilkan lagi."[110]

**Da'i Merupakan Mujahid dan Muhajir**

*Allah S. W. T. juga mengurniakan pahala dan ganjaran seperti pahala para mujahid dan muhajirin kepada orang yang saling berpesan-pesan dengan kebenaran, menyuruh*

---

108 Ibnu al-Qayyim, *Al-Jawab al-Kafi li man saala 'an al-Dawa' al-Syafi*, m.s. 73
109 Ibnu al-Jauzi, *Igathah al-Lahfan min Masaid al-Syaitan*, Jilid 1, m.s. 33
110 *'Iddah al-Muslimin fi ma'ani al-Fatihah wa Qasar al-Suwar*, m.s. 87

*manusia kepada kebaikan dan melarang mereka dari kemungkaran. Mereka melontarkan hujah-hujah dan keterangan Allah untuk membidas pendapat akal yang sesat dan menyeleweng. Menyeru manusia kepada kebaikan dan melarang mereka dari kemungkaran dianggap sebagai jihad dan tetap thabat di atas jalan dakwah dianggap sebagai 'hijrah'.*

*Ibnu al-Qayyim berkata: "Tidak syak lagi bahawa perintah jihad yang sebenar hanya datang setelah hijrah dari Mekah ke Madinah. Tetapi, jihad melalui hujah telah diperintahkan di Mekah dengan firmanNya:*

فَلَا تُطِعْ الْكَافِرِينَ وَجَاهِدْهُمْ بِهِ جِهَادًا كَبِيرًا

*"Oleh itu, janganlah engkau ikut orang-orang yang kafir dan berjihadlah terhadap mereka (dengan Al-Quran) dengan jihad yang besar."* (Al-Furqan 25: 52)

*Surah ini adalah surah Makkiyah (diturunkan di Mekah). Jihad yang dimaksudkan di dalam ayat ialah jihad menyampaikan dan jihad dengan hujah"*[111]

Berjihadlah menentang mereka dengan al-Quran wahai Nabi s.a.w. dan….. wahai pewaris dan pengikut nabi Muhammad S.A.W. pula…..berjihadlah menentang mereka dengan al-Quran

Ertinya kita bangun menghadapi pendapat akal mereka yang dangkal itu dan kita hancurkannya dengan hujah-hujah dari al-Quran… agar kebatilan mereka itu akan hancur binasa.

Oleh yang demikian, tugas dakwah, menyuruh kepada kebaikan dan melarang mereka dari kemungkaran, pesan-memesan dengan kebenaran dan kesabaran adalah sejenis dari jihad di jalan Allah. Justeru itu wajarlah bagi kita di dalam fiqh dakwah ini berusaha mengenali sebanyak mungkin selok-belok dakwah dan sifat-sifat da'I, berdasarkan kias kepada hukum jihad dengan senjata. Begitu juga para da'i diwajibkan agar memahami ayat-ayat al-Quran dan hadis mengenai perintah berjihad bahawa ía adalah ditujukan kepadanya apabila da'i tersebut menyeru orang ramai dalam mengerjakan amar makruf, nahi mungkar. Walaupun kelihatannya kerja dakwah bukanlah seperti betul-betul berperang pada jalan Allah, tetapi ia juga menghadapi risiko peperangan, kekalahan, wujudnya orang yang tidak berdisiplin atau bermudah-mudah, pelemah semangat dan pembelot yang menikam dari belakang. Disebabkan risiko-risiko tersebut, mereka yang menyampaikan dakwah Islam, amar makruf nahi mungkar berhak mengharapkan pahala yang sama darjatnya dengan orang-orang yang berjihad di medan perang, Insya-Allah.

Para Da'i juga mendapat pahala Muhajirin sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Imam Ibnu Taimiyah dalam mentafsirkan ayat al-Quran berikut:

Firman Allah S.W.T.:

وَالَّذِينَ آمَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ آوَوا وَنَصَرُوا أُوْلَئِكَ هُمْ الْمُؤْمِنُونَ حَقًّا

*"Orang-orang yang beriman dan berhijrah, serta berjuang di jalan Allah dan orang-orang yang memberi tempat tinggal dan menolong, mereka itulah orang-orang beriman yang sebenarnya."* (Al-Anfal 8: 74)

[111] Ibnu al-Qayyim, *Zad al-Ma'ad*, Jilid 2, m.s. 58

Kata Ibnu Taymiyyah: "Menurut sebahagian dari salafussoleh: "Termasuk di dalam pengertian ayat ini ialah orang-orang yang beriman, berhijrah dan berjihad hingga hari kiamat." Begitu juga firmanAllah S.WT. :

ثُمَّ إِنَّ رَبَّكَ لِلَّذِينَ هَاجَرُوا مِنْ بَعْدِ مَا فُتِنُوا ثُمَّ جَاهَدُوا وَصَبَرُوا إِنَّ رَبَّكَ مِنْ بَعْدِهَا لَغَفُورٌ رَحِيمٌ

*"Kemudian, sesungguhnya Tuhanmu (memberikan pertolongan) kepada orang-orang yang telah berhijrah sesudah mereka difitnahkan (oleh kaum musyrik), kemudian mereka berjihad serta bersabar; sesungguhnya Tuhanmu - sesudah mereka menderita dan bersabar dalam perjuangan - adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."* (An-Nahl 16: 110)

"....termasuklah di dalam pengertian ayat ini setiap orang yang telah digoda oleh syaitan supaya menjauhi agamanya atau orang yang telah melakukan maksiat, tetapi kemudiannya dia meninggalkan segala kejahatan, sedaya upaya melawan hawa nafsu dan musuh-musuh lain, berjihad menentang kaum munafik melalui kerja-kerja amar makruf nahi mungkar serta bersabar menghadapi perkataan dan perbuatan yang dilemparkan kepada mereka. Allahu'a'lam."[112]

**Kesungguhan Al-Kailani Menerangkan Kewajipan Dakwah**

Beriya-iyanya kita menerangkan kewajipan dakwah kepada Allah dan mengganggapnya sebagai langkah permulaan perjalanan adalah sama seperti yang dilakukan oleh al-Syeikh Abdul Qadir al-Kailani Rahimahullah. Beliau memberi peringatan kepada penduduk Baghdad di dalam pidatonya pada setiap minggu. Atau dengan ungkapan yang lebih sesuai, beliau memberi peringatan kepada pemuda-pemuda Islam terpilih yang datang berhimpun dari seluruh dunia ke ibu negara Islam, Baghdad.

Marilah kita ikuti jejak-jejak dakwah bersama-sama Imam al-Kailani di zamannya itu. Beliau menyifatkan pada da'i dengan katanya: "Mereka itu berada di *maqam* dakwah, menyeru manusia untuk mengenali Allah S.W.T., sentiasa menyeru hati-hati manusia kepadanya."[113]

Beliau menganggap kurniaan Allah S.W.T. kepada seseorang hamba untuk mencapai *maqam* dakwah ini adalah merupakan sebesar-besar nikmat. Usaha seseorang hamba di dalam dakwah itu adalah menjadi bukti benarnya dia sebagai pengikut dan penyambung tugas Nabi S.A.W..

Katanya:

"Barangsiapa yang benar ikutannya kepada Rasulullah S.A.W. dipakaikan padanya baju besi dan topi besi Baginda, disandangkan padanya pedang Baginda, dikurniakan kepadanya adab, sifat dan akhlak baginda, di pakaikan padanya persalinan baginda dan dia sangat gembira. Betapa tidak, kerana dia dari umat Baginda? Kerana itu, dia bersyukur kepada Tuhannya. Kemudian Allah S.WT. melantiknya sebagai pembantu atau pengganti Nabi S.A.W. di kalangan umatnya sebagai penunjuk dan da'i dan membimbing mereka kepada pintu kebenaran mengenal Allah S.W.T.

---

112 Ibnu Taimiyah, *Majmu' Fatawa*, Jilid 18, m.s. 284
113 Abdul Kadir al-Kailani, *al-Fathu al-Rabbani*, m.s. 7

Baginda Rasulullah saw adalah penunjuk, pemandu, pemimpin dan da'i. Apabila Baginda wafat, Allah telah memilih pengganti dari kalangan umatnya. Mereka tidak ramai, hanya beberapa individu sahaja dari tiap-tiap sejuta muslim. Itulah pemimpin dan pemandu umat, menunjukkan kebenaran kepada mereka dan bersabar menghadapi tekanan dan gangguan manusia. Mereka terus-menerus memberi nasihat, tersenyum berhadapan dengan orang munafik dan fasik. Mereka berusaha dengan pelbagai cara dan kebijaksanaan untuk melepaskan manusia dari nifaq dan fasik dan membawa manusia ke pintu Allah Azza Wajalla."[114]

Kemudian al-Kailani menyeru mereka supaya berusaha mematikan hawa nafsu yang jahat dan ammarah yang mengajak kepada kejahatan, agar mereka mencapai kehidupan dakwah.

Syeikh al-Kailani berkata:

"Kamu dimatikan kemudian dibangkitkan. Apabila Tuhanmu mahu, akan dibangkitkannya kamu untukNya. Kamu dikembalikan kepada manusia, supaya kamu menjaga kemaslahatan mereka dan mengembalikan mereka kepada pintuNya. Kamu didatangkan rasa cenderung kepada dunia dan akhirat supaya kamu mengambil bahagianmu daripada kedua-duanya. Kamu diberikan kekuatan untuk menghadapi manusia lalu kamu mengembalikan mereka dari kesesatan."[115]

Syeikh al-Kailani meringkaskan sifat-sifat da'i dan syarat-syarat untuk mendapat perakuan thiqah di dalam satu sifat yang padat; iaitu sifat tajarrud yang sempurna dan melibatkan diri secara total ke dalam dakwah. Dengan demikian, da'i itu akan lupakan kepentingan dirinya. Tumpuannya hanyalah kepada orang yang diserunya dan hanya menuturkan perkataan yang memberi kebaikan kepada mad'u. Dunia da'i pula adalah luas tanpa had, tanpa perniagaan, tiada hawa nafsu dan tiada mengejar pangkat. Semua itu tiada dalam dunianya. Yang ada di dalam dunia da'i hanyalah para mad'u yang didakwahnya. Itulah perniagaannya, keenakannya dan pangkat kebesarannya.

"Dia seolah-olah menjadi manusia yang tidak mempunyai nafsu, keinginan dan keseronokan dunia. Dia lupa makan minumnya, pakaiannya, hatta dirinya sendiri kerana mengenangkan makhluk Allah S.W.T. Di dalam hatinya tidak ada dirinya. Yang ada hanyalah makhluk Allah S.W.T (yang menjadi mad'unya). Apa yang dimintanya hanyalah perkara yang boleh membawa kebaikan kepada manusia kerana dia telah menyerahkan dirinya di bawah ketentuan Allah S.W.T."[116]

Itulah contoh dan tauladan bagi para da'i tulen. Demikianlah sifat orang yang hendak bergabung dengan *"qa'idah sulbah"* (tunggak yang kukuh) di mana di atas tunggak inilah Islam pada hari ini akan dibina.

[114] Ibid, m.s. 83
[115] Ibid, m.s. 107
[116] Ibid, m.s. 211

*Demi Allah, dakwah ini tidak akan berjaya dan sampai kepada tujuan dan cita-citanya sekiranya kita hanya memberikannya waktu lapang kita untuknya, sedangkan kita tidak melupakan diri dan makan minum kita.*

Sesungguhnya, jahiliah abad ke dua puluh ini telah menambahkan lagi kegelapan zaman mutakhir ini segelap-gelapnya. Janganlah kamu rela hidup di dalam kegelapan, bahkan:

*Jadilah umpama pelita yang menyala di tengah malam yang gelap gelita*
*Memandu manusia kepada hidayah dan menerangkannya*
*bergiat cergaslah demi agamamu dan janganlah bermalas-malas*
*berusahalah untuk menggerakkan orang yang berdiam diri*
*Mulakanlah dengan kaum keluargamu apabila bertugas menjalankan dakwah*
*kerana mereka itu lebih utama dan lebih hampir untuk dinasihati*
*Allah menyuruh dakwah kepada kaum keluarga kita terlebih dahulu*
*dan selepas itu, urusan menjadi mudah.*[117]

[117] Walid al-'Azumi, *Diwan al-Zawabi*, m.s. 124

# 8 Asas Fiqh Amal Jama'ie Menurut Salafussoleh

Jalan menuju Allah adalah jalan yang terang dan lurus. Kamu telah mengorak langkah pertama untuk melalui jalan ini ketika kamu rela mendengar seruan penyeru yang mengajak meninggalkan pendapat dan pandangan taghut yang mengadakan peraturan yang menolak Allah. Kamu seterusnya telah tidak tunduk kepada proses penjinakan. Kamu kekalkan sifatmu sebagai anak keturunan singa, mereka tidak dapat menjadikan kamu anak kijang yang pengecut.

Kemudian kamu mula bersuara, bukan membisu dan diam. Kamu menyeru manusia kepada Allah, menyuruh manusia melakukan makruf, melarang mungkar. Tindakan kamu ini menjadikan kamu tergolong di kalangan "…**orang-orang yang mengajar kebenaran dan mengasihani manusia**.." sepertimana kata Ibnu Taimiyah.[118]

Kamu menyayangi mereka dengan menyelamatkan mereka dari kesesatan yang lama memenatkan mereka dan menjauhkan mereka dari *sakinah*. Kesesatan ini telah menyerabutkan hati mereka, membingungkan pemikiran mereka dan mendera jasmani mereka dengan keletihan dan penyakit.

Kemudian… setelah itu semua..
Para pemimpin terus memanggil kamu:
"Tidak mahukah kamu mendekatkan diri kepada Allah?
Berusahalah kamu untuk menunjukkan hamba-hambaNya kepadaNya kerana demikianlah yang dilakukan oleh para Nabi a.s. Tidak tahukah kamu bahawa mereka lebih mengutamakan urusan mengajar manusia daripada duduk mengasingkan diri beribadat, kerana mereka tahu bahawa dakwah itu lebih utama di sisi kekasih mereka (Allah)?"'[119]

Mereka masih bertanya kepadamu:
"Bukankah para nabi itu hanya sibuk penat kerana manusia mendorong mereka kepada kebaikan, melarang mereka dari kejahatan?"[120]
Kamu masih menyahut seruan demi seruan. Alangkah indahnya apa yang telah anda lakukan. Langkah-langkahmu itu telah membawamu hingga ke separuh perjalanan, jadi teruskanlah langkahmu sehingga mencapai cita-cita dan matlamat.

**Jadilah rijal 'ammah**

Langkah-langkahmu selanjut dalam hijrah mu kepada Allah ialah dengan mengembangkan usahamu memperkatakan kebenaran. Pergilah kepada orang

[118] Ibnu Taimiyah, *Majmu' Fatawa*, Jilid 16, m.s. 96
[119] Ibnu al-Jauzi, *Said al-Khatir*, m.s. 38
[120] Ibid , m.s. 42

ramai, pimpinlah mereka, tunjukkan contoh teladan, pandulah dan bimbinglah mereka.

Ulangi sejarah kegemilangan da'I salafussoleh r.a. Mereka adalah pemimpin orang ramai. Mereka tampil ke hadapan untuk membimbing manusia, sehingga manusia sedikit demi sedikit beransur-ansur mengasihi mereka. Orang ramai melihat mereka sebagai contoh dan teladan yang baik yang tidak dapat dipertikaikan lagi kewibawaannya, akhirnya orang ramai menurut dan kemudian mengikut arahan mereka.

Seorang ahli zuhud yang masyhur, Bisyru bin al-Haris al-Hafi Rahimahullah mendapati ada tiga sifat istimewa yang terdapat pada Imam Ahmad bin Hanbal. Dengan sifat-sifat ini, Imam Ahmad dianggap melebihinya berbanding dirinya. Salah satu daripada sifat-sifat istimewa itu ialah; "...**beliau merupakan imam orang ramai**..".[121]

Para ilmu rijal menyifatkan Imam Al-Auza'i pula sebagai *rajul 'ammah* – orang yang bersama orang ramai.[122]

Demikian juga seorang ahli hadis dan faqih yang thiqah lain iaitu Abu Ishak al-Fazari. Ulama rijal berkata: "Dia adalah seorang *rajul ammah*. Dia telah mendidik penduduk-penduduk dipersempadanan Islam di tanah tinggi Syam dan semenanjung yang mengadap ke Rom.. Beliau mengajar mereka tentang sunnah dan cara hidup Rasulullah S.A.W., menyuruh manusia kepada kebaikan dan melarang mereka dari kemungkaran. Apabila seorang ahli bid'ah memasuki kubu itu, beliau mengusir lelaki tersebut.[123]

Demikian juga Khalid bin Abdullah al-Wasiti, salah seorang ahli hadis yang thiqah dan merupakan salah seorang dari guru-guru Imam al-Bukhari. Mereka sifatkannya sebagai *rajul ammah*.[124]

Pengenalan-pengenalan kepada *rijal* di atas menjelaskan bahawa mereka semua adalah da'i yang mengajar manusia. Ilmu mereka tidak meletakkan mereka hanya di dalam bilik-bilik. Mereka turun ke medan, memimpin masyarakat membuat pendirian dan sikap politik. Demikianlah Imam Ahmad bin Hanbal memimpin masyarakat yang masih terpelihara bagi memerangi puak *Jahmiyah* dan *Muktazilah* yang cuba memesongkan akidah masyarakat dengan bid'ah '**al-Quran adalah makhluk**'. Beliau menentang kerajaan pada masa itu bila kerajaan hendak memaksa bid'ah menggunakan kuasa mereka. Akhirnya, Allah menolong beliau dengan perlantikan khalifah al-Mutawakkil yang memiliki akidah yang benar. Baginda telah menukar struktur kerajaan, membersihkannya dari bid'ah dan seterusnya menyekat dan memadamkan kegiatan ahli bid'ah.

Apa yang dimaksudkan dengan *ammah* ialah orang ramai samada terpelajar atau buta huruf dan bukannya menurut istilah moden yang

[121] Al-Ghazali, *Ihya' Ulumuddin*, Jilid 2, m.s. 23
[122] Ibnu Hajar, *Tahzib al-Tahzib*, Jilid 6, m.s. 241
[123] Ibid, Jilid 1, m.s. 152
[124] Ibnu Hajar, *Tahzib al-Tahzib*, Jilid 3, m.s. 100

bermaksud orang-orang jahil. Pemimpin dan da'i Islam dahulu tidak pernah melupakan orang Badwi dan penduduk kawasan pedalaman di samping memimpin penduduk bandar. Mereka mengambil berat tentang peri pentingnya kesatuan akidah dan pendirian antara kesemua masyarakat tersebut. Ini menyebabkan da'I itu memperuntukkan sebahagian dari usaha untuk kesemua mad'u tersebut.

Imam Al-Zuhri, pemimpin ahli hadis telah mendidik beberapa generasi penduduk beberapa kota raya Islam dan membentuk mereka menjadi pemimpin-pemimpin di dalam bidang hadis. Bukan itu sahaja, bahkan beliau sendiri turun menemui masyarakat badwi dan penduduk kampung untuk mengajar mereka, memelihara yang masih kekal dalam akidah yang benar dan berlemah lembut terhadap orang yang telah diselewengkan oleh ahli bid'ah yang sesat, lalu akhirnya diselamatkan kepada tauhid yang sejati.

Para ulama' dan da'i kemudian pula memperbaharui sejarah al-Zuhri ini. Antaranya ialah: Seorang faqih dan pembimbing, Ahmad al-Ghazali, saudara kandung kepada Abu Hamid al-Ghazali pengarang Ihya' 'Ulumuddin. Beliau memasuki kampung-kampung dan kebun-kebun, memberi nasihat kepada penduduknya agar mereka mendekatkan diri kepada Allah S.W.T.[125]

**Ibnu Taimiyah Menyatakan perlunya Amal Jama'ie**

Para pemimpin dan da'i Islam yang telah disebutkan tadi merupakan orang yang sangat faham. Mereka mengetahui *Maqasid Ammah Syar'iyyah* yang mengharus bahkan mewajibkan melakukan perkara-perkara yang perlu untuk merealisasikan objektif syariat Islam, sekalipun tiada dalil mengenainya. Mereka tahu bahawa "sesuatu yang tak sempurna sesuatu yang wajib tanpanya maka hukumnya juga adalah wajib." Lalu mereka semua tinggalkan sikap bersendirian kerana suasana memerlukan berbuat demikian, lalu mereka berganding bahu di dalam jamaah dan bekerja dengan amal dan usaha secara berjamaah. Mereka telah menjelaskan dengan mengeluarkan beberapa fatwa yang terang dan sorih betapa pentingnya amal jama'ie dalam urusan amar makruf nahi mungkar. Amal jama'ie itu boleh dinamakan dengan berbagai nama seperti jamaah, parti, ikatan dan lain-lain. Sekiranya ia merupakan sebuah amal jama'ie, mestilah ada pemimpin atau ketua. Tidak kira sama ada pemimpin itu dipanggil sebagai ketua, mursyid, presiden parti.

Mungkin anda merasa pelik bila mengetahui bahawa pembentukan kumpulan-kumpulan yang bekerja kerana tujuan-tujuan syar'iyy, terdapatnya penggunaan istilah-istilah yang kamu sangka sebagai istilah-istilah moden, sebenarnya ia telah diutarakan melalui kata-kata fuqaha' dan pemimpin-pemimpin yang terdahulu. Ini memberikan kita gambaran yang nyata dari apa yang terkandung di dalam kitab-kitab fiqh terdauhulu bahawa wujudnya fiqh harakah di dalamnya yang tidak diketahui oleh kita. Ia menunggu-nunggu siapakah yang dapat memetiknya dari kitab-kitab fiqh tersebut dan menyebarkannya kepada da'i Islam.

[125] Al-Subki, *Tabaqat al-Syafi'iyyah*, jilid 6, m.s. 62

Dengarlah kata-kata Ibnu Taimiyah tentang pensyariatan amal jama'ie yang hampir-hampir tidak anda duga bahawa ia adalah dari kata-kata ulama qudama'.

Ibnu Taimiyah berkata:

"Perkataan *al-Za'im* seerti dengan perkataan *al-Kafil, al-Qabil* dan *al-Dhomin,* yang bermaksud pemimpin, ketua atau penjamin. Allah S.W.T. berfirman:

وَلِمَنْ جَاءَ بِهِ حِمْلُ بَعِيرٍ وَأَنَا بِهِ زَعِيمٌ

*"Dan sesiapa yang memulangkannya akan diberi (benda-benda makanan)sebanyak muatan seekor unta, dan akulah yang menjamin pemberian itu."*

(Yusuf 12: 72)

Oleh itu, sesiapa yang menjamin atau mengelolakan urusan segolongan masyarakat, dia dianggap sebagai pemimpin golongan tersebut. Jika dia menjamin dan mentadbir kerja yang baik, dia dipuji dan jika dia menjamin kerja yang buruk, dia adalah dikeji.

Ketua hizb pula merupakan ketua kumpulan yang bergabung atau menjadi hizb (penggabungan). Sekiranya mereka berkumpul atau bergabung dalam melaksanakan perkara yang diperintahkan Allah dan rasulNya tanpa menambah-nambah atau mengurangkannya, maka mereka adalah orang-orang yang beriman. Mereka berhak mendapat ganjaran yang sepadan dengan tanggungjawab yang dilaksanakan. Sekiranya berlaku perkara-perkara yang berlebih-lebihan dan pengurangan, umpamanya sikap taksub kepada mana-mana individu dalam *hizb* mereka sama ada betul atau salah dan menolak pula semua orang yang tidak menyertai hizb mereka samada betul atau salah, maka itu adalah perpecahan yang dikutuk oleh Allah dan RasulNya. Sesungguhnya Allah dan RasulNya menyuruh berjamaah dan bersatu padu dan melarang dari perpecahan dan perselisihan. Allah dan rasulNya menyuruh supaya tolong-menolong di atas perkara kebaikan dan taqwa dan melarang daripada tolong-menolong dalam melakukan dosa dan permusuhan."[126]

Inilah bukti paling berharga yang menjadi hujah kita menolak pendapat orang yang menganggap amal jama'ie sebagai bid'ah dalam uslub dakwah Islam.

Ianya juga merupakan bukti terang yang mendorong da'i Islam untuk mengumpulkan nas-nas ulama lain seperti ini dan menjadikannya sebagai paksi dalam amal dakwi. Dakwah akan menjadi lebih kukuh dan mantap memandangkan penyebut nas-nas ini adalah orang yang hebat. Ia juga akan menjadi kata putus dalam menghadapi setengah golongan yang tidak faham yang cepat menuduh bahawa amal jama'i adalah kerja bid'ah.

Bagaimanakah amal jama'ie dan gerakan berjamaah itu boleh dianggap sebagai suatu bid'ah sedangkan ia merupakan perkara yang dipusakai dari Nabi-nabi a.s.? Firman Allah:

قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُو إِلَى اللَّهِ عَلَى بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنْ اتَّبَعَنِي

[126] Ibnu Taimiyah, *Majmu' Fatawa*, Jilid 11, m.s. 96

*"Katakanlah (wahai Muhammad): "Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada ugama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata"."* (Yusuf 12:108)

Ibnu al-Qayyim berkata: "Al-Fara' dan sekumpulan ulama bahasa berpendapat bahawa kata-kata *'Siapa yang mengikutku'* menjadi *ma'tuf* bagi gantinama yang terdapat dalam frasa *'aku mengajak'*. Ertinya, siapa yang mengikuti aku (Rasulullah), dia berdakwah ke jalan Allah sebagaimana aku juga menyeru. Ini juga adalah pendapat Al-Kalbi yang berkata: Setiap orang yang mengikut Rasulullah bertanggungjawab untuk berdakwah kepada apa yang diserukan kepadanya oleh baginda Rasulullah S.A.W.."[127]

Allah S.W.T. telah berfirman:

وَكَأَيِّنْ مِنْ نَبِيٍّ قَاتَلَ مَعَهُ رِبِّيُّونَ كَثِيرٌ

"*Berapa banyaknya nabi yang berperang bersamanya kaum (Al-Ribbiyyun) yang banyak.*" (Aali Imran 3:146)

Ibnu al-Qayyim berkata: *"Al-ribbiyyun"* di sini bermaksud "jamaah-jamaah" seperti yang telah disepakati oleh ahli tafsir. Satu pendapat lagi mengatakan ia berasal dari perkataan *"al-ribbah"* yang bermaksud "jamaah". Al-Jauhari berpendapat: *"Al-ribbi"* merupakan kata nama tunggal bagi *"al-ribbiyyun"*, iaitu beribu-ribu orang manusia."[128]

Oleh itu, maksud ayat di atas ialah Nabi-nabi a.s berperang bersama-sama beribu-ribu orang yang beriman. Sejarah hidup Rasulullah S.A.W. merupakan contoh yang jelas bagi ayat tersebut.

Para pewaris Rasulullah S.A.W. dan pengikut-pengikut para Nabi a.s. mempunyai contoh yang dijadikan ikutan iaitu Rasulullah S.A.W. dan para nabi a.s. Pewaris-pewaris itu tidak akan bersendirian di dalam perjuangan mereka. Bahkan mereka berjalan sebagai satu jamaah yang mempunyai beribu-ribu orang anggota.

**Mereka Menyeru Kepada Kebaikan Bersama-sama Pengikut Mereka**

Pengertian ini telah difahami oleh para sahabat dan salafussoleh dengan penuh kesedaran. Bagi mereka dakwah secara bersendirian adalah tidak memadai. Kerana itu, mereka menubuhkan jamaah-jamaah untuk berdakwah kepada Allah untuk menyeru manusia kepada agama Allah dan mereka bekerja secara berjamaah.

Di antara mereka ialah sahabat Rasulullah S.A.W. Hisyam bin Hakim bin Hizam al-Qurasyiyy r.a. Al-Zuhri berkata: "Beliau (Hisyam bin Hakim) menyeru kepada perkara ma'ruf bersama-sama dengan segolongan bersamanya."[129]

Perhatikan kata-kata al-Zuhri: "Segolongan bersamanya." Beliau telah membentuk satu jamaah dalam urusan amar makruf dan nahi mungkar. Ini

[127] Ibnu al-Qayyim, *Miftah Dar al-Sa'adah*, Jilid 1, m.s. 154
[128] Ibid, m.s. 126
[129] *Tahzib al-Tahzib*, Jilid 11, m.s. 37

menunjukkan bahawa Islam menuntut penubuhan satu jamaah dalam kerja ini.Bila ada jamaah, maka barulah ada dakwah.
Para ulama' sejak dahulu sentiasa menubuhkan jamaah-jamaah dan mencari sahabat-sahabat mereka untuk sama-sama melaksanakan tugas amar makruf nahi mungkar.
Begitulah sebagaimana yang dibuat oleh Abdul Rahim bin al-'Althi al--Baghdadi, seorang ahli fiqh dan ahli hadis yang zuhud. Mereka menyifatkannya sebagai seorang guru yang mulia, ulama' yang arif lagi bijaksana dan merupakan salah seorang dari guru-guru hadis yang terhormat, beriltizam dengan al-sunnah, zuhud yang mempunyai kemuliaan dan warak serta mempunyai adab dan ilmu yang banyak. Al-Barzaali telah berkata tentang tokoh ini: "Beliau merupakan seorang guru hadis di Baghdad semasa zamannya, dan disifatkan sebagai pengikut setia, penolong dan pembela al-sunnah."
Al-Zahabi pula berkata: "Beliau mempunyai pengikut-pengikut dan sahabat-sahabat yang berusaha menyuruh manusia kepada kebaikan dan melarang mereka dari kemungkaran".[130]

Ya, pemimpin jamaah telah menetapkan satu syarat kepada sesiapa yang hendak menggabungkan diri dalam jamaahnya iaitu, dia hanya memilih orang yang beriman, soleh, yang hanya memakan makanan yang halal. Ini semua supaya penggabungan mereka membawa taufik dari Allah S.W.T. dan dakwah mereka memberi pengaruhnya. Kerana jika mereka ini terdiri dari orang yang campur aduk antara unsur-unsur jahat dan baik, tidak memelihara syariat Allah dalam muamalat, tindak tanduk dan hidupnya, ini akan menyebabkan Allah tidak memberi taufik dan keberkatan di dalam usaha mereka. Akhirnya, jamaah yang akan menanggung risiko kegagalan dalam setiap usahanya.

Demikianlah mazhab yang dipegang oleh da'i qudama'. Menurut Ibnu al-Jauzi: Ibnu Akil telah berkata: "Di zaman kami, kami telah melihat Abu Bakar al-Aqfali semasa pemerintahan khalifah al-Qaim, apabila beliau tampil untuk menyangkal satu kemungkaran, dibawa bersamanya beberapa orang ulama' dan orang-orang yang soleh, yang tidak makan kecuali dari hasil usaha mereka sendiri seperti Abu Bakar al-Khabbaz yang telah telah buta kerana selalu terdedah kepada kepanasan bahang api pembakar roti. Mereka diiringi oleh satu jamaah yang tiada seorang pun di antara mereka yang menerima sedekah dan mahu mencemarkan diri mereka dengan menerima pemberian atau hadiah daripada pihak pemerintah. Mereka berpuasa di siang hari, bertahajjud di malam hari dan kerap menangis. Apabila ada golongan *mukhlit* (orang yang bercampur aduk antara berbuat baik dan jahat) ingin bersama-sama, dia menolak dan berkata: "Apabila kami menghadapi musuh sedangkan ahli maksiat ada bersama kami, pastinya kami menerima kekalahan."[131]

Demikianlah kesedaran, kefahaman yang benar dan penapisan, bila telah wujud. Tanpa adanya syarat-syarat ketat tersebut, jamaah Islam akan menjadi sarang orang yang lemah. Ketika itu hilanglah kekuatan dan kewibawaannya dan Allah tidak akan memberi pertolongan kepadanya.

---

130 Ibnu Rejab, *Zail Tabaqat al-Hanabilah*, Jilid 2, m.s. 316
131 Ibnu al-Jauzi, *Talbis Iblis*, m.s. 145

Nas-nas dari kitab lama seperti ini adalah jumpaan berharga dan wajib memainkan peranannya di dalam fiqh harakah Islam untuk menerangkan asas-asas fiqh harakah yang menjadi sandaran kita.

**Keizinan Pihak Berkuasa Bukanlah Satu Syarat**

Al-Imam Al-Ghazali telah mengkaji secara objektif permasalah harusnya pembentukan Jamaah Islam untuk melaksanakan dakwah dan kerja-kerja amar makruf, nahi mungkar. Beliau telah mengemukakan dalil yang menunjukkan bahawa keizinan dari pihak berkuasa (*dalam sebuah negara Islam, kerana Imam Ghazali bercakap dalam kontek sebuah negara dan daulah Islam – pent*) tidak menjadi syarat di dalam pembentukan Jamaah Islam. Inilah yang paling tepat dan sesuai dengan kaedah qiyas.

Al-Imam Al-Ghazali berkata: "Sebahagian manusia berpendapat bahawa individu-individu rakyat tidak boleh bertindak sendiri kerana tindakan tersebut akan membawa kepada fitnah, mengakibatkan kerosakan dan meruntuhkan negara.

Pendapat yang lain pula mengatakan: Tidak perlu keizinan dari pemerintah. Pendapat inilah yang lebih sesuai dengan qiyas, kerana tugas amar makruf ini harus dilaksanakan secara individu, kemudiannya akan diikuti oleh orang kedua, ketiga dan seterusnya. Akhirnya ia menarik lebih banyak penyertaan yang membawa kepada tolong menolong sehinggalah terbentuknya satu pasukan pekerja-pekerja Islam yang komited yang diredhai Allah yang bertujuan menentang segala bentuk maksiat. Dalam konteks ini, soal kekacauan tidak timbul.

Kita mengharuskan sesiapa sahaja dari pasukan tentera untuk bergabung dan memerangi mana-mana pasukan tentera kafir untuk membendung kemaraan mereka. Begitu juga tindakan yang dilakukan untuk menghapuskan orang-orang yang membuat kerosakan adalah harus kerana orang kafir harus dibunuh, manakala orang Islam yang terbunuh di dalam jihad itu dianggap mati syahid. Demikian juga orang fasik yang terus melakukan dosa dan bangga dengan kefasikannya, boleh ditentang. Manakala orang yang mempertahankan kebenaran, sekiranya dia terbunuh di dalam jihadnya dan dizalimi maka dia mati syahid.

Kesimpulannya: Dalam urusan hisbah (amar makruf nahi mungkar) ini, jarang sangat ia akan membawa kepada kekacauan. Oleh itu ia tidak dapat mengubah undang-undang qiyas. Bahkan, dikatakan bahawa: setiap orang Islam yang mampu menghalang kemungkaran patut menghalangnya dengan tangannya, senjatanya, dirinya dan dengan penolong-penolongnya."[1132]

Kata-kata ini tertulis dengan tinta emas.

Da'i Islam patut memeliharanya di lubuk hati mereka.

Ia membuktikan bahawa di dalam kitab-kitab ulama' kita dahulu ada lombong fiqh haraki yang banyak.

---

[132] Al-Ghazali, *Ihya' Ulumuddin*, Jilid 2, m.s. 333

Imam Al-Ghazali mempunyai hujah lain dalam membatalkan pendapat mereka yang menjadikan keizinan pemerintah sebagai syarat di dalam kerja-kerja amar makruf nahi mungkar ini. Kata-kata beliau memang berguna dan perlu disebutkan di sini dalam mengharuskan pembentukan jamaah Islam berkumpul untuk tugas amar makruf nahi mungkar.

Kata beliau: "Satu golongan telah mengenakan syarat mendapat kelulusan pemerintah dan tidak mengizinkan individu dan kalangan rakyat melakukan hisbah(amar makruf nahi mungkar). Syarat ini adalah syarat yang tidak dapat diterima. Ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis yang telah kami sebutkan menunjukkan bahawa setiap orang yang melihat kemungkaran kemudian mendiamkan diri dia adalah berdosa kerana secara umumnya dia wajib melarangnya jika melihatnya walau di mana pun dia berada. Oleh itu pengkhususan dengan syarat mendapat keizinan dari pemerintah adalah pendapat yang tidak berasas."

*Kemudian Al-Ghazali berkata lagi: "Jika ada yang berpendapat bahawa kerja-kerja amar makruf bererti memberi kuasa atau mandat melaksanakan hukuman, dengan itu orang-orang kafir tidak dikenakan tugas menyuruh orang-orang Islam kepada kebaikan walaupun tugas itu jika dilakukan adalah tugas yang betul. Maka dengan sebab itu, sepatutnya rakyat secara individu tidak harus menyuruh kepada kebaikan dan melarang dari kemungkaran kecuali dengan keizinan dari pegawai pemerintah dan pihak berkuasa.*

*Pendapat ini kita jawab dengan mengatakan; Orang kafir dilarang daripada tugas menyeru kepada kebaikan kerana tugas tersebut adalah tugas pihak yang berkuasa dan mulia sedangkan orang kafir itu hina. Dia tidak berhak mendapat kemuliaan lebih dari orang Islam. Manakala individu-individu muslim pula berhak mendapat kemuliaan itu kerana agama dan pengetahuannya. Kemuliaaan kuasa dan penghakiman yang ada pada tugas ini tidak mengharapkan keizinan pemerintah sepertimana mulianya tugas mengajar dan memberitahu.*

*Tidak ada khilaf lagi bahawa memberitahu perkara yang haram, halal dan wajib kepada orang jahil yang ingin membuat kemungkaran kerana kejahilannya, tidak memerlukan kebenaran pihak berkuasa. Ia mengandungi kemuliaan ilmu memberi tunjuk ajar dan orang yang tahu perlu menunjukkan keburukan jahil. Agama sahaja sudah cukup untuk membolehkan tugas tersebut dijalankan. Begitu juga tugas melarang dari kemungkaran."*

*Beliau kemudiannya membuat kesimpulan: "Kebiasaan golongan salafussoleh yang sentiasa mengawasi pihak berkuasa dan menasihati mereka adalah bukti kukuh ijmak mereka bahawa tidak perlunya izin pemerintah dalam menjalankan amar makruf dan nahi mungkar. Jika pemerintah tersebut suka dengan apa yang dibuat, alhamdulillah. Tetapi jika pemerintah marah dengan amar makruf tersebut maka marah tersebut sendiri adalah suatu mungkar yang perlu kepada diingkari pula. Jika begitu, kenapa pula da'i mesti memerlukan kebenarannya untuk mengingkari pemerintah?*

*Kebiasaan salafussoleh yang membantah dan menyanggah pemerintah Islam juga menjadi bukti yang kuat dalam hal ini. Sebagai contoh diceritakan bahawa semasa Khalifah Marwan bin al-Hakam sedang berkhutbah sebelum solat sunat hari raya, tiba-tiba seorang lelaki berkata kepadanya: "Khutbah ialah selepas selesai solat." Marwan*

*menjawab: "Biarkanlah wahai si polan."Abu Said al-Khudri r.a memberi komen kepada Khalifah. Kata beliau: "Tentang perkara ini, dia telah menjalankan kewajipannya kerana Rasulullah S.A.W. telah bersabda kepada kami: "Barangsiapa di antara kamu melihat kemungkaran maka hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya, maka sekiranya dia tidak mampu, maka hendaklah dia mengubahnya dengan lidahnya, maka sekiranya dia tidak mampu maka hendaklah dia mengubahnya dengan hatinya dan itu adalah selemah-lemah iman."*

*Sesungguhnya para salafussoleh itu benar-benar memahami maksud umum hadis tersebut di mana pihak berkuasa turut termasuk di dalam orang-orang yang perlu dicegah. Oleh itu, kenapa pula perlu kepada keizinan mereka?"*[133]

*Wahai mereka yang sayangkan Islam ! Itulah sebahagian dari pengajaran dari salafus soleh r.a. dalam fiqh dakwah dan amal jama'ie.*

---

[133] Al-Ghazali, *Ihya' Ulumuddin*, Jilid 2, m.s. 315

# 9 Fiqh Amal Jamai'e Dalam Bentuk Baru

Ada dua malapetaka yang besar pernah terjadi dalam sejarah Islam. Malapetaka besar itu membawa penderitaan kepada seluruh umat Islam sehingga beberapa generasi. Malapetaka besar itu jauh berbeza dengan segala malapetaka-malapetaka kecil lain yang menimpa umat sepanjang sejarah.

**Malapetaka yang pertama:** Di bawa oleh Hulagu[134] dari Mongolia. Malapetaka besar itu tiba ke kemuncaknya dengan serangan mereka ke atas ibu kota Islam, Baghdad.

Pemerhati yang menyaksikan malapetaka itu mendapati, ia bukanlah perkara baru yang pernah menimpa bangsa dan umat yang berada di zaman kelemahannya. Ia telah dijangka oleh ramai para ulama. Mereka telah memberi peringatan kepada umat Islam dan pemerintah selama bertahun-tahun sebelum berlakunya malapetaka yang terjadi pada tahun 656 H itu. Amaran itu diberi apabila mereka mendapati keadaan umat yang menghadapi keruntuhan aqidah dan akhlak, ketidaksungguhan dan tiadanya tajarrud pentadbiran kerajaan, kelemahan kuasa khalifah dan kemalasan majoriti golongan ulama' dari tugas amar makruf nahi mungkar. Para ulama hanya sibuk dengan perdebatan dan perbahasan yang kosong dan menyakitkan hati.'[135]

Sebahagian dari khalifah Islam di saat-saat akhir zaman kejatuhan itu berusaha untuk memperbaiki keadaan umat yang rosak itu melalui sistem ketenteraan dan merubah cara hidup sebahagian besar orang awam kepada cara hidup ala tentera. Tetapi perubahan tersebut gagal dan sebagaimana yang diharapkan kerana tidak bersandar kepada akidah sebagai asas tarbiyyah bagi sistem itu. Ini menjadikan sistem itu bagaikan barang gurauan dan permainan.

Inilah penafsiran terhadap kebingungan yang menimpa sebahagian besar dari umat Islam yang hidup setelah terjadinya malapetaka itu. Suasana kelam kabut itu akan berterusan sekiranya Allah S.W.T. tidak menghantar Imam Ibnu Taimiyah kepada umat ini. Beliau mengembalikan keyakinan diri ummat dan menjelaskan cara bekerja untuk Islam. Usaha beliau telah disambut baik oleh sebahagian ulama' yang hidup hatinya. Mereka membantunya menampal mana

---

[134] **Hulagu** (1217-1265), founder of the il-Khanid dynasty, which lasted about 70 years, in Persia. The grandson of Mongol conqueror Genghis Khan and brother of Kublai Kahn and Mangu Khan, Hulagu brought Persia and Iraq into the Mongol Empire, one of the largest continuous land empires in history. Ordered by Mangu to subdue the Mongols' western neighbors, Hulagu led his enormous army into Persia in 1251 and by 1256 had crushed the heretic Ismaili order of Muslims (also known as the Assassins). In 1257 he besieged and sacked Baghdad after the Abbasid Caliph al-Mustasim rejected Hulagu's demand for Abbasid surrender. In the massacre, only Christian lives were spared, apparently due to the intervention of Hulagu's Christian wife. Baghdad burned for seven days, and some historians estimate as many as 800,000 people, including the caliph and his family, were killed.- *Encarta Ency*- pent.

[135] Pendapat al-Ghazali di dalam beberapa tajuk dalam buku Ihya' 'Ulumuddin dalam memberikan contoh peristiwa tersebut. Al-Nadwi pula memberikan pendapat terhadap kitab beliau dalam *"Rijal al-Fikr wa al-Da'wah fi al-Islam"*, cetakan kedua, dan tulisan Akram al-Amri yang membahaskan tentang akhlak-akhlak umum sebagaimana yang disiarkan di dalam *Majalah Kuliyyah al-Dirasah al-Islamiyah, Baghdad.*

yang koyak rabak dalam urusan umat Islam sekadar yang mereka termampu.

Walau bagaimanapun pengaruh dan keberkesanan usaha tajdid dan islah oleh Ibnu Taimiyyah, sahabat-sahabat beliau serta pengikut-pengikut mereka terbatas dan tidak meliputi seluruh umat Islam. Secara umum, majoriti ummat masih mundur dan dunia Islam terus terpecah kepada beberapa kerajaan kecil yang lemah dan saling bermusuhan sesama sendiri.

Beberapa abad selepas berlakunya malapetaka besar itu muncullah kerajaan Uthmaniyah pada zaman pertengahan. Dengan kelahiran beberapa orang sultannya yang gagah, mereka mengembangkan kekuasaannya, mewarisi kehebatan kerajaan 'Abbasiyyah dan mengembalikan erti sebuah kekuasaan dan suasana pemerintahan yang seakan-akan suasana yang pernah dinikmati oleh umat Islam di pertengahan pemerintahan Abbasiyyah, kalau pun tidak ia menyerupai suasana yang lebih lampau.

Kerajaan Uthmaniyyah kekal membela dan menaungi dunia Islam sehingga ke akhir pemerintahan Sultan Abdul Hamid Rahimahullah. Ia wajar disifatkan sebagai kerajaan Islam sekalipun terdapat beberapa kecacatan, kelemahan dan kekurangan di dalam melaksanakan sebahagian dari syariat Islam di akhir pemerintahannya di samping kezaliman yang dilakukan oleh sebahagian pegawai-pegawai tinggi dan pembesar-pembesar negara yang tersilap lantik oleh pemerintah-pemerintah itu.

Tidak ada yang membantah pendapat bahawa kerajaan itu adalah kerajaan Islam kecuali mereka yang telah terpengaruh dengan pemalsuan hakikat sejarah zaman moden hasil rekaan orientalis dan mubaligh kristian. Mereka menggunakan boneka penulis atau orang yang rela menjadi mangsa mereka, bertopengkan nasionalis Arab yang melampau.

**Malapetaka kedua:** Iaitu, penjajahan tentera-tentera British dan Perancis ke atas negara-negara Islam dalam peperangan dunia yang pertama. Mereka telah menghapuskan pemerintahan Uthmaniyyah, kerajaan Islam yang terakhir. Mereka menghapuskan apa sahaja usaha yang bertujuan membetulkan penyelewengan yang berlaku di dalam pemerintahan Uthmaniyyah. Parti *al-Ittihad wa al-Taraki* (Parti Bersatu dan Kebangkitan ) yang menggulingkan kerajaan Sultan Abdul Hamid telah mengubah banyak undang-undang syariah kepada undang-undang Barat, merubah sistem pendidikan menurut sistem Barat dan mengembangkan rasa perkauman al-Turaniyah iaitu semangat perkauman bangsa Turki. Parti ini juga telah menerima campur tangan pihak Yahudi dan Freemason di dalam dasar parti dan urusan politik negara.

Sebagaimana tujuan Hulagu menjajah Baghdad adalah untuk memusnahkan semangat umat Islam secara umumnya, demikian juga negara-negara Berikat terutamanya Inggeris dan Perdana Menterinya sendiri, Winston Churchill menjadikan usaha memusnahkan semangat dan keperibadian umat Islam dengan menakluk Baghdad dan Baitul Maqdis. Mereka mengulangi peristiwa penaklukan Hulagu ke atas dunia Islam. Rancangan mereka didedahkan melalui komunikasi antara ketua turus tentera Inggeris dan

kementerian yang mengawal tanah-tanah jajahan semasa mereka menakluk negara Iraq sekitar perang dunia pertama.[136]

Dengan tewasnya dunia Islam di bawah pemerintahan ketenteraan penjajah atau di bawah pemerintahan raja-raja yang dilantik dan dalangi oleh mereka, maka jahiliyah telah kembali semula mencengkam dunia Islam. Mereka mula menguasai ke akar umbinya, mengarahkan setiap institusi politik dan menguasai badan pendidikan, institusi perdagangan dan ekonomi dunia Islam. Dengan itu, mereka berjaya mempengaruhi hati orang-orang Islam samada secara suka atau terpaksa.

Dengan kembalinya jahiliyah menguasai dunia Islam, dunia Islam memerlukan orang-orang yang berdakwah dan berjihad untuk mengembalikan pemerintahan Islam di dunia Islam.

**Respon Yang Dicetuskan Oleh Suasana**

Ketika segolongan umat Islam yang ikhlas bingung menghadapi penyelewengan besar yang dilakukan oleh parti *al-Ittihad wa al-Taraki*, terdapat di kalangan mereka berusaha menghapuskan dan menentang bid'ah itu dengan serta merta, tetapi gagal, sepertimana yang pernah diceritakan dalam kisah-kisah yang mashyur. Namun demikian, beberapa tahun kemudian bangkitlah usaha dari kesedaran di Baghdad dilakukan oleh seorang panglima tentera di zaman Sultan Abdul Hamid. Beliau terkenal di kalangan penduduk Iraq dengan kemuliaan, ketakwaan dan keberaniannya. Orang yang dimaksudkan itu ialah Muhammad Fadhil Basya al-Daghastani Rahimahullah. Dengan kerjasama mereka yang terpilih dari kalangan pemimpin-pemimpin Baghdad kabilah al-Khatib, terbentuklah al-Hizb al-Islami atau Parti Islam secara rahsia. Tujuannya dinyatakan adalah untuk menentang pemerintahan golongan al-Ittihad yang menyeleweng dari Islam dan berusaha mengembalikan pemerintahan Islam menurut bentuk terdahulu sebelumnya.[1137] Usaha mereka itu dilakukan pada tahun 1913.

Situasi-situasi peperangan dunia yang pertama memaksa mereka menangguhkan perjuangan mereka dan menghadapi bahaya yang sedang melanda umat itu. Kemudian, pahlawan Islam Muhammad Fadhil al-Daghastani mati syahid terkena serpihan peluru meriam di dalam peperangan mengepung al-Kut. Peperangan itu berjaya meraih kemenangan yang gemilang dan diakhiri dengan kekalahan Inggeris di hadapan saki-baki mujahidin. Empat belas ribu orang tentera Inggeris telah menyerah diri dan mereka telah dijadikan orang tawanan. Peperangan ini dipimpin oleh Muhammad Fadhil al-Daghastani. Beliau mengetuai pasukan sukarelawan sebelum dan semasa peperangan tersebut. Pemimpin yang gagah perkasa itu dikebumikan di tepi kubur imam Abu Hanifah di Baghdad. Berkuburlah cita-cita yang mulia dan besar bersama beliau.

**Berulangnya Kebingungan**

---

[136] Syukri Muhammad Nadim, *Harb al-'Iraq*, 1914-1918

[137] Cerita mengenai parti ini boleh dibaca di dalam buku, *Al-Baghdadiyyun: Akhbaruhum wa Majalisuhum* karangan Ibrahim al-Darwabi.

*Tamatnya Perang Dunia Pertama dan kekuasaan jahiliah barat di dunia Islam telah meninggalkan umat Islam di seluruh dunia hidup dalam kebingungan dan tercengang-cengang.* Situasi yang baru ini sangat-sangat memerlukan seorang pemimpin bagi memulakan langkah baru membentuk individu-individu Islam menjadi umat Islam sebenar dan memimpin mereka bagi membina pemerintahan Islam, menggunakan cara dan pendekatan yang sesuai dengan realiti semasa.

Tetapi taufan jahiliah yang terus kencang melanda dunia Islam yang kosong, tidak ada sesiapapun yang bangun menyalakan semangat baru umat Islam menghadapi taufan jahiliyyah dari segenap penjuru dunia pada masa itu.

Ya, walaupun masih banyak suara-suara yang ikhlas di beberapa pelusuk dunia Islam, namun mereka tidak mengenali jalan kerja yang betul untuk menentang dan mengatasi ribut taufan jahiliyyah itu. Setengahnya tidak mempunyai kemurniaan Islam yang sempurna. Mereka menyangka cara untuk menentang jahiliyah itu hanya dengan menulis rencana-rencana atau mengadakan perhimpunan-perhimpunan dan membuat resolusi mengembalikan Islam di atas kertas semata-mata. Suara dan pendapat tentang hal ini memang ada terpapar di dada-dada akhbar, di sebutkan di atas mimbar-mimbar dan dibincangkan di dalam muktamar-muktamar. Tetapi ia hanyalah umpama irama canggung berhadapan dengan lagu perosak yang berada di carta teratas koleksi lagu permintaan umat di masa itu.

Islam di waktu itu memerlukan seorang pemimpin yang mengetahui kaedah dan jalan yang benar untuk kembali semula kepada Islam. Islam memerlukan pemimpin yang memahami asas amal jama'ie sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh salafussoleh, lalu dia menepuk dadanya dan melaungkan suaranya agar didengar oleh umatnya dan berkata: "Inilah aku." Lantas umat berhimpun di sekelilingnya serta mengenali panggilan dan takbirnya.

**Mengenali Diri Sendiri**

"Inilah aku" merupakan slogan yang diperlukan oleh umat. Ia difahami oleh Muhammad Iqbal Rahimahullah. Menurut Iqbal, kalimah tersebut melambangkan erti mengenali diri. Dalam masa kebingungan seperti itu, kalimah ini beerti mengenali jalan yang betul, dimulakan dengan pentarbiahan individu muslim di atas pengertian akidah Islam yang benar dan sejati dan berkembang menjadi satu tajammu' yang mempunyai qiyadah dan perencanaan.

Muhammad Iqbal telah menggambarkan bahawa umat yang kembali mengenali diri mereka sebagai Islam setelah mereka dilanda kebingungan adalah umpama kanak-kanak yang baru mengenali dirinya setelah melalui peringkat bayi pada permulaan umurnya.

Perumpamaan seperti ini sangat sesuai, kerana umat ini lahir dari proses dakwah oleh hanya seorang lelaki yang faham, berhemah dan berwibawa. Sebagaimana yang tertulis di dalam koleksi puisi beliau yang khusus menggambarkan tentang diri tersebut; "umat ini lahir dari hati seorang yang

mulia".[138]

Telah jelas gambaran bagi langkah pertama dalam rangka menarik umat yang kebingungan dan mengembalikan mereka kepada Islam.

Langkah pertama dimulakan dengan hati seorang yang berjiwa besar, lalu beliau menepuk dadanya di hadapan orang-orang Islam dan berkata: "Inilah aku". Kesucian akidahnya dan keunggulan peribadinya menyebabkan manusia tertarik lalu mereka berhimpun di sekelilingnya."

Iqbal telah mengungkapkannya gambaran pemimpin yang ditunggu--tunggu untuk membawa khabar gembira dan ancaman buruk setelah sedar dari kebingungan ini dengan puisinya:

*Wahai muslim yang mempunyai mata*
*Tidakkah kamu lihat kanak-kanak kecil itu*
*Tidak tahu apa-apa tentang dirinya sendiri*
*Telinganya tidak mengerti maksud lagu yang diperdengarkan kepadanya*
*Dia hanya bisa merengek dan meronta-ronta*
*Alam ini menolong manusia untuk melihat segala sesuatu*
*Tetapi mereka tidak dapat melihat dirinya sendiri*
*Setelah bersusah payah menarik tali, barulah nyata kepadanya*
*Setelah kedua belah tangannya membuka ikatan*
*Lalu matanya melihat dirinya berpekik,*
*Sambil menepuk dadanya dan dia berkata: "Inilah aku!"*
*'Aku' itulah bermulanya hidup*
*Inilah bahasa kebangkitan untuk kembalinya hidup ini.*[139]

*Inilah yang dinamakan sebagai* ***mujaddid*** *menurut istilah Islam. "Islam tidak kenal erti fenomena kekuasaan berada di tangan jahiliyah lalu Islam bersikap 'pak turut'. Tidak mungkin cukup dengan sekadar wujud di sana-sini orang-orang secara individu yang berpegang teguh kepada Islam sedangkan kehidupan masyarakat yang luas bercampur-baur di antara jahiliah dengan Islam.*

*Justeru, Islam sentiasa memerlukan kewujudan manusia-manusia yang kuat, mampu menentukan perjalanan sejarah dan memimpin manusia kepada Islam. Tidak kira samada kerja dan usaha mereka boleh jadi meliputi segenap jurusan kehidupan manusia atau terbatas kepada sebahagian darinya. Golongan inilah yang digelar sebagai* ***Mujaddid****."*[140]

*Oleh kerana jalan yang mereka lalui itu menuntut pengorbanan, maka salah satu syarat yang mesti ada pada mereka ialah mereka mestilah seorang yang gagah perkasa dan berani (giler), kerana: "Orang yang tidak mampu berkorban demi mengejar cita-cita yang tinggi, maka dia tidak akan berani berhadapan dengan bahaya dan kesusahan. Orang yang hanya mencari kesenangan, keselesaan dan kemewahan semasa hidup di dunia ini nescaya akan mudah terpengaruh dengan suasana, tunduk kepada tekanan dan hanyut oleh arus. Mereka tidak dapat menyumbangkan sebarang jasa di dalam sejarah kemanusiaan. Tidak ada sesiapapun yang mampu melukiskan sejarah kecuali pahlawan-pahlawan yang gagah berani. Mereka itulah yang telah merubah arus*

---

[138] Petikan dari *Diwan al-Asrar wa al-Rumuz*, m.s. 108
[139] Ibid, m.s. 133
[140] Al-Maududi, *Mujaz Tarikh Tajdid al-Din*, m.s. 28

*perjalanan hidup manusia dengan jihad dan pengorbanan mereka dan merekalah yang merubah corak pemikiran dunia."*[141]

**"Inilah Aku" ...Kata Imam Hassan Al-Banna**

Orang yang dimaksudkan itu ialah pahlawan yang gagah berani pada awal abad ke dua puluh ini, yang telah menepuk dadanya sambil berkata: "Inilah aku!" Beliau adalah Imam Hassan al-Banna Rahimahullah. Beliau melaungkan suaranya dan mengisytiharkan kelahiran *tajammu'* dan perjalanan ini pada tahun 1928 iaitu sepuluh tahun selepas umat Islam tenggelam di dalam kebingungan kesan daripada malapetaka yang mereka alami akibat Perang Dunia Pertama.

Tajammu' ini segera mendapat sambutan dan sokongan gerombolan pertama yang terdiri dari pekerja-pekerja di terusan Suez. Itulah dakwah Islam yang mewarisi dakwah golongan salafussoleh dan penyambung perjuangan mereka dalam menjalankan amar makruf nahi mungkar.

Dalam masa yang sama, Ustaz Al-Maududi bersiap sedia dengan kajian yang amat berharga sebagai persiapan untuk memulakan kerja ini di India. Pada tahun 1938 beliau memulakan pembentukan tajammu' itu.

Dakwah ini kemudiannya disambut segera dari Hassan Al-Banna oleh beberapa tokoh. Di setiap tempat lahirlah lelaki-lelaki yang berani dan berkumpullah di sekeliling mereka angkatan pelopor perjuangan yang beriman. Dakwah Islam yang mulia itupun bermula di Sudan, Syria, Palestine, Iraq, Jordan dan Lubnan.

Dengan itu, pemimpin-pemimpin ini di bawah kepimpinan Hassan al-Banna Islam dan bersama-sama dengan angkatan pelopor gerakan yang bergerak itu mula menggariskan gambaran praktikal bagi fiqh amal jama'ie di zaman moden ini. Mereka menggunakan kefasihan Al-Syahid Sayyid Qutb untuk mengungkapkan jalan perjalanan dakwah ini.

Mereka mengajak kita untuk mengingat kembali, "...bagaimana gerakan Islam ini berlaku buat kali pertama. Ia dimulakan oleh seorang tokoh yang berhadapan dengan manusia seluruhnya, membawa manhaj Allah sambil berkata kepada mereka –mematuhi perintah Allah S.W.T.- : "Manusia berada dalam jahiliyah. Sesungguhnya, tiada petunjuk kecuali petunjuk Allah."

Kemudian, berubahlah sejarah apabila kenyataan yang agung dan hebat ini telah bertapak di dalam hati tokoh yang seorang itu. Sejarah berubah sepertimana yang diketahui oleh kawan dan lawan.

Hakikat yang tertanam di hati tokoh tersebut terus wujud sepertimana wujudnya hukum alam yang agung. Dan kehidupan manusia yang sesat juga masih wujud dan mereka telah kembali kepada keadaan jahiliyah semula.

Begitulah secara ringkas kerja dan situasinya.

Mesti ada titik permulaan atau langkah pertama iaitu meletakkan hakikat tersebut di dalam satu hati kemudiannya ke dalam beberapa hati, seterusnya di

[141] Al-Maududi, *Nahnu wa al-Hadarah al-'Arabiyah*, m.s. 251

dalam hati sekumpulan manusia yang beriman. Kemudian, berangkatlah angkatan tersebut di atas jalan dakwah dan jihad. Satu jalan yang panjang, sukar, penuh dengan onak dan duri. Jalan ini begitu asing pada hari ini sebagaimana asingnya ia ketika petunjuk Allah mula-mula datang kepada manusia di zaman jahiliyah dahulu, dengan beberapa pengecualian. Akhirnya angkatan dakwah dan jihad ini akan tiba juga ke penghujung jalan setelah melalui perjalanan yang panjang dan penuh ranjau itu sebagaimana generasi Islam pertama di bawah pimpinan Rasulullah S.A.W. telah sampai.

Aku tidak menganggap kerja ini sebagai mudah dan bukanlah satu perjuangan yang singkat, tetapi yang pasti ia pasti mendatangkan hasil. Semua benda yang hakiki, selaras dengan fitrah kejadian dan sifat semulajadi insan perkara akan menyokongnya. Tidak dapat tidak, ia pasti akan ditentang oleh sampah sarap yang bertimbun-timbun dan dirintangi oleh realiti kepongahan kemanusiaan yang hebat. Namun, semua itu hanya sementara sahaja bagaikan buih-buih di permukaan. Ya, rintangan yang dihadapi memang besar tetapi ia hanyalah seperti buih-buih."[142]

"Titik permulaan buat masa sekarang itulah juga titik permulaan zaman manusia mula-mula menerima Islam. Ia bermula dengan adanya orang-orang di suatu tempat yang berpegang agama yang benar. Mereka yakin dan mengaku dengan sesungguhnya tiada Tuhan kecuali Allah dan sesungguhnya Muhammad itu utusan Allah. Mereka menerima dan berpegang dengan hakimiyyah dan Allah sahaja sebagai penentu hukum. Kemudian mereka melaksanakan syariat tersebut di dalam realiti kehidupan. Kemudian mereka berjalan di muka bumi untuk menyebarkan berita ini kepada manusia membebaskan mereka dari jahiliyah."[143]

"Mesti ada sekumpulan pelopor yang mengambil keazaman ini untuk meneruskan perjalanan. Tiga orang akan bertambah menjadi sepuluh orang dan dari sepuluh akan menjadi seratus, dan dari seratus menjadi seribu dan dari seribu menjadi dua belas ribu."[144]

Inilah uslub pelopor gerakan Islam dalam usaha kebangkitan Islam demi merealisasikan cara hidup Islam. "Manhaj ini hanya dapat direalisasikan sekiranya manhaj tersebut didokongi oleh satu kumpulan manusia yang benar-benar beriman dengannya, beristiqamah sedaya mungkin dan kemudiannya berusaha bersungguh-sungguh untuk merealisasikan manhaj tersebut di dalam hati dan kehidupan orang lain."[145]

Tidak dapat tidak, "Kita mestilah berusaha ke arah kebangkitan Islam sekalipun jarak amat jauh antara usaha kebangkitan Islam dengan masa mencapai tampuk kepimpinan dan kemenangan Islam. Usaha ke arah kebangkitan Islam merupakan langkah pertama. Perjalanan tidak akan bermula tanpa langkah pertama ini."[146]

---

[142] Said Qutb, *Al-Islam, wa Musykilat al-Hadarah*, m.s. 191
[143] *Fi Zilal al-Quran*, Juzu' 10, m.s. 191
[144] Syed Qutb, *Ma'alim fi al-Tariq*, Jilid 9, m.s. 118
[145] Syed Qutb, *Haza al-Din*, m.s. 7
[146] Syed Qutb, *Ma'alim fi al-Tariq*, m.s. 7

Angkatan pelopor gerakan Islam itulah angkatan yang mendapat taufik Allah dan berjaya. Sesiapa yang tidak menyertai mereka mulai sekarang, nescaya akan menyesal dan berdukacita sebagaimana Zuljausyan al-Dhababi r.a., seorang sahabat Rasulullah S.A.W. yang tidak menyertai Islam kecuali selepas pembukaan Mekah. Padahal, Rasulullah SAW. telah mengajaknya kepada Islam selepas peperangan Badar

"Baginda bersabda:

"Mahukah kamu menjadi seorang dari angkatan pelopor pertama di dalam urusan itu"?

Dia berkata: "Tidak."

Baginda bersabda: "Apakah yang menahan kamu daripada masuk Islam"?

Dia menjawab: "Aku telah melihat kaummu mendustakan kamu, mengusir kamu dan memerangi kamu. Tengoklah nanti. Jika kamu mengalahkan mereka, aku beriman kepadamu dan aku akan mengikutmu. Jika mereka mengalahkan kamu, aku tidak akan mengikutmu."

.....Setelah beliau masuk Islam, dia sentiasa berdukacita dan menyesal kerana tidak segera memeluk Islam ketika diajak oleh Rasulullah S.A.W."[147]

Bukankahramai orang mengambil pendirian yang sama seperti Zul Jausyan? Realiti pertempuran Islam mengajak mereka supaya mereka tergolong dalam kelompok perintis, pelopor, pendahulu dan ketua kebangkitan Islam, tetapi mereka enggan berbuat demikian. Mereka hanya duduk memerhati di belakang dan menunggu siapakah yang akan menang, Islam atau jahiliah.

Berapa banyak agaknya jari-jemari yang akan digigit kerana rasa kesal ketika melihat angkatan pelopor memenangi pertarungan tersebut?

Dalam dunia Islam pada hari ini masih ada anasir individu-individu du'ah yang baik, terdapat pelbagai persatuan Islam, perkumpulan yang mempelajari hadis-hadis dan pandangan salaf, tariqat-tariqat sufi dan penuntut-penuntut pengajian syariah. Terdapat juga parti-parti Islam yang menyertai pilihanraya tetapi bersandar kepada cara tarbiyyah Islam. Namun, tiada suatu pun di kalangan parti, pertubuhan, perkumpulan, individu dan tariqat ini mahu menumpukan usahanya melalui jalan dakwah yang berasaskan ketaatan kepada pada seorang amir, bersungguh-sungguh dalam pentarbiyahan dan merancang untuk mengubah keadaan dan realiti dengan menukarkannya kepada pemerintahan Islam.

Oleh itu, semua jamaah-jamaah tadi -di mana sahaja mereka sama ada di Afrika Utara, Afrika Timur, Afrika Barat, Negara Arab, Afghanistan dan Asia Tenggara- diseru supaya mengoreksi kembali diri mereka. Mereka perlu memperbetulkan akidah mereka ditakuti terdapatnya anasir bid'ah. Seterusnya perlu meninggikan semangat mereka kembali sekiranya mereka diselimuti ketakutan. Mereka mesti membersihkan diri mereka dari sifat keakuan atau ego serta gila kuasa kesan dari terlalu lama berada dalam kelompok perkumpulan yang kecil. Mereka kemudian hendaklah memberi kesetiaan dan ketaatan secara sukarela kepada seorang pemimpin yang bebas, di sebuah gerakan Islam yang terserlah kejelasan matlamat perubahan, mempunyai pendekatan tarbiyah

[147] *Tabaqat Ibnu Saad*, Juzu' 6, m.s. 47

yang utuh dan struktur organisasi yang mantap.

Apabila muncul seorang pemimpin maju ke hadapan dan berkata: "Inilah aku!", maka setiap individu di dalam jamaah dan persatuan-persatuan Islam sebenarnya mempunyai contoh ikutan dari dialog indah antara Nabi Ibrahim a.s. dengan anaknya Nabi Ismail a.s. ketika Allah memerintahkan baginda membina Ka'abah.

"Sabda Nabi Ibrahim a.s.: "Wahai Ismail, sesungguhnya Allah telah menyuruh aku satu perkara."

Ismail lalu menjawab: "Lakukanlah sepertimana yang disuruh Allah kepadamu."

Ibrahim bertanya: "Adakah engkau akan menolongku?"

Ismail menjawab: "Aku akan menolongmu."[148]

Beginilah jawapan orang yang beriman, nekad tanpa ragu-ragu atau teragak-agak.

Allah telah memerintahkan supaya dikembalikan pemerintahan Islam. Anda semua mestilah menjadi para penolong bersama. Janganlah anda ketinggalan, maralah, segeralah dan jadilah pengikut jejak Ismail.

Jangan hanya duduk di rumah.

Jangan dengar suara-suara tentang karier dan keuntungan perniagaan di masa depan.

Di dalam jawapan Nabi Ismail a.s. itu terkandung satu modal anda yang sebenar. Sekiranya kamu merasa pelik dan enggan menerima pendekatan para pelopor gerakan kebangkitan Islam kerana kamu hanya mahu berpegang kepada fatwa-fatwa ulama' silam sahaja, maka dengarlah penjelasan Imam Ibnu Taimiyah kepadamu:

"Terdapat ramai manusia, apabila mereka melihat kemungkaran, atau hal ehwal Islam telah berubah, dia menjadi gelisah, kaku dan meratap hiba seolah-olah dia yang ditimpa musibah, walhal dia dilarang meratapi musibah, bahkan disuruh bersabar, bertawakal, tetapkan pendirian di atas Islam dan beriman kepada Allah bersama-sama dengan orang yang bertaqwa."

Ibnu Taimiyah menyambung lagi: "Sabda Rasulullah S.A.W. : "Islam akan kembali semula menjadi dagang (asing) sepertimana ketika ia mula-mula datang." Saat yang paling dagang bagi Islam ialah apabila orang yang telah muslim tiba-tiba menjadi murtad.

Firman Allah S.W.T.:

يَاأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا مَنْ يَرْتَدَّ مِنْكُمْ عَنْ دِينِهِ فَسَوْفَ يَأْتِي اللَّهُ بِقَوْمٍ يُحِبُّهُمْ وَيُحِبُّونَهُ أَذِلَّةٍ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ
أَعِزَّةٍ عَلَى الْكَافِرِينَ يُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا يَخَافُونَ لَوْمَةَ لَائِمٍ

*"Wahai orang-orang yang beriman! Sesiapa di antara kamu berpaling tadah dari ugamanya (jadi murtad), maka Allah akan mendatangkan suatu kaum yang Ia kasihkan mereka dan mereka juga kasihkan Dia; mereka pula bersifat lemah-lembut terhadap orang-orang yang beriman dan berlaku tegas gagah terhadap orang-orang kafir, mereka berjuang dengan bersungguh-sungguh pada jalan Allah, dan mereka tidak takut kepada celaan orang yang mencela."* (Al-Maidah 5:54)

Golongan ini akan menegakkan Islam apabila terdapat golongan yang

[148] *Sahih Bukhari*, Jilid 4, m.s. 175

murtad dan keluar dari Islam.

Begitulah Islam bermula dengan dagang kemudian menjadi kuat dan terus tersebar luas. Begitu juga ia kadangkala ia asing di kebanyakan tempat dan masa, hinggakan ia lahir semula dan berkembang di mana akhirnya Allah S.W.T. menguatkannya kembali sebagaimana yang telah berlaku pada zaman Umar bin Abdul Aziz. Ketika beliau dilantik menjadi khalifah, banyak perkara Islam pelik kepada ramai orang hinggakan ada di kalangan mereka tidak tahu bahawa arak itu haram. Lalu, Allah memberi kemenangan kepada Islam dengan usaha Umar dan menerangkan apa yang tidak diketahui tentang Islam."[149]

**Para Perintis Menjelaskan Sifat-sifat Jalan Dakwah**

Sekiranya Allah memberi hidayah anda dan anda sekarang berada dalam angkatan pelopor, maka dengarlah pemimpin-pemimpin dakwah dan gerakan Islam zaman ini menjelaskan sifat-sifat jalan dakwah.

*Perkara pertama yang dijelaskan oleh Imam al-Syahid Hassan al-Banna ialah: Perlu bersungguh-sungguh dan bekerja. Perlunya dilakukan 'takwin' (pembentukan) selepas 'tanbih' (memberi peringatan) atau pelunya 'ta'sis' selepas 'tadris'.*[150]
*Seterusnya beliau menjelaskan: "Setiap dakwah hendaklah melalui tiga marhalah:*

*1. Marhalah promosi, pengenalan (takrif), menyebarkan fikrah Islam dan memastikan ianya sampai kepada setiap lapisan masyarakat.*

*2. Marhalah Pembentukan (Takwin), memilih para pendokong, mempersiapkan petugas yang komited dan menyusun barisan di kalangan orang yang telah menerima dakwah.*

*3. Marhalah Pelaksanaan (Tanfiz) bekerja dan mengeluarkan hasil.*

*Ketiga-tiga marhalah ini selalunya berjalan serentak dan seiringan memandangkan adanya kesatuan dakwah dan kaitan yang kukuh di antara ketiga-tiganya. Seorang da'i itu biasanya berdakwah dan dalam masa yang sama dia bekerja dan men'tanfiz'. Tetapi, apa yang pasti, tujuan dan hasil terakhir hanya akan dapat diraih setelah dakwah itu tersebar luas, mempunyai pendokong yang ramai dan pembentukan yang kukuh."*[151]

Ustaz al-Maududi pula menyeru kita supaya merenung sejarah Nabi Muhammad S.A.W. untuk melihat bagaimana: "Baginda pada mulanya berdiri keseorangan mencabar dunia seluruhnya. Baginda menolak semua pemikiran-pemikiran salah dan jalan-jalan bengkok yang menguasai dunia seluruhnya. Baginda menawarkan akidah yang datang dari Allah. Satu akidah yang khusus dan mempunyai jalan tersendiri. Dalam beberapa tahun sahaja selepas itu, baginda telah berjaya mengubah arus perjalanan dunia dan menukar warna zaman dengan kekuatan penyampaian dan jihadnya."[152]

".. Sesungguhnya menegakkan kepimpinan yang soleh di bumi Allah ini merupakan suatu tugas yang sangat penting dan mustahak di dalam sistem Islam. Setiap orang yang beriman dengan Allah dan RasulNya dan mengambil

---

[149] Ibnu Taimiyah, *Majmu' Fatawa*, Jilid 18, m.s. 297
[150] Muktamar Ke-5, *al-Majmua'ah*, m.s. 239
[151] Ibid, m.s. 254
[152] *Nahnu wa-al-Hadarah al-'Arabiyah*, m.s. 250

'deen' yang mulia ini tidak akan selesai kerjanya kecuali dengan mengorbankan seluruh tenaganya dan segenap kemampuannya untuk membentuk hidupnya menurut acuan Islam.

Sekiranya tujuan dan maksud tertinggi itu tidak mungkin dapat direalisasikan kecuali dengan usaha secara berjamaah, maka tidak boleh tidak, mesti dibentuk satu jamaah yang soleh, yakin dan memelihara prinsip-prinsip al-haq. Tiada tujuan lain di dalam kehidupan ini kecuali menegakkan sistem Islam yang benar dan mentadbirkan kerja Islam dengan seluruh perhatian.

Demi Allah, sekiranya di muka bumi ini hanya ada seorang sahaja lelaki yang beriman, maka dia tidak harus merasa rela dan redha kepada kekuasaan batil. Walaupun dia mendapati dirinya keseorangan dan ketiadaan wasilah yang mencukupi, walaupun dia boleh menyembunyikan dirinya di sebalik alasan syara' dengan kaedah "memilih satu bencana (kerosakan) yang lebih ringan di antara dua bencana." Tetapi, sebenarnya, dia hanya ada satu jalan sahaja iaitu: menyeru seluruh manusia kepada cara hidup yang diredhai Allah, iaitu cara hidup Islam.

Sekiranya tiada seorang pun yang sudi menyahut seruannya, maka tetap berdirinya di jalan yang lurus dan terus berusaha tanpa henti menyeru manusia kepada Islam hinggalah dia menemui Tuhannya (meninggal dunia) itu beribu-ribu kali ganda lebih baik bagi dirinya daripada dia melaungkan seruan jahiliyah yang menjanjikan keseronokan dunia hingga dia tersungkur di lembah kesesatan dan kejahilan."[153]

Tetapi, hakikat ini telah dilupakan oleh ramai orang. Mereka sangka jalan ini cukup dengan sekadar pidato, syarahan, ceramah, resolusi-resolusi dan seminar semata-mata. Oleh itu, seorang da'i Islam yang agung, Syakib Arsalan Rahimahullah telah berusaha bersungguh-sungguh mengajar jalan yang betul namun masih juga belum berjaya.

Di dalam sebuah risalahnya yang diterbitkan pada tahun 1931 dan disiarkan di dalam majalah al-Muslimun, beliau berkata kepada salah seorang warga Palestine: "Banyak surat sampai kepadaku, sama ada dari Morocco, Jawa, Mesir, Syria, Iraq dan negara kamu, Palestine. Penulis-penulisnya mencadangkan supaya diadakan satu Muktamar Islam, atau melantik seorang Khalifah atau perkara-perkara yang seumpama dengannya. Namun, seperti biasa aku akan menjawab: "Kita wajib memulakan usaha Islam ini dari bawah. Kita perlu mendidik individu."

Seterusnya beliau berkata: *"Apalah gunanya mengadakan muktamar yang menghimpunkan orang-orang yang lemah, tidak mempunyai keinginan tersendiri dan tidak mampu melaksanakan walaupun satu keputusan atau resolusi. Apa faedahnya berbuat demikian? Adakah kamu mahu kami mengumpulkan angka-angka kosong?"*[154]

Kata-kata beliau itu menyerlahkan kemuncak kesedaran dan pengalaman mutakhir pada da'i, tetapi rakan-rakan Syakib Arsalan telah mengecewakan

[153] *Al-Usus al-Harakiyah li al-Harakah al-Islamiyah*, m.s. 18
[154] *Al-Muslimun*, Bil. 2, m.s. 363

beliau dan tidak bersemangat.

*Kita masih menyaksikan penceramah-penceramah di atas mimbar-mimbar masjid pada hari Jumaat dan perhimpunan- perhimpunan perayaan yang meratapi dan dukacita. Mereka mengajak umat Islam untuk beramal dan berjihad. Mereka menutup ucapan dan pidato mereka dengan kata-kata: "Islam menyeru kamu...." Sebaliknya mereka tidak bertanya kepada diri mereka sendiri, 'Manakah pemimpin yang harus dipercayai? Sedangkan pemimpin yang ada hanyalah pemimpin yang menjadi boneka dan hamba penjajah yang kononnya berkuasa penuh.*

*Mereka tidak memahami jalan amal yang sahih. Syarahan dan pidato mereka hanya menambahkan lagi penderitaan dan kekesalan pada diri mereka dan pada para pendengar. Sekiranya mereka mengajar orang ramai supaya jangan lagi mengharap kepada para pemimpin hari ini, kemudian membimbing mereka agar berjamaah dan menjalankan tugas menyeru kepada kebaikan yang dibawa oleh Islam dan menegah dari melakukan kemungkaran yang dilakukan oleh parti-parti dan pemimpin-pemimpin yang berkuasa, pasti mereka dapat mencapai apa yang mereka inginkan.*

*Namun, sampai kini kita masih mendengar laungan-laungan di dalam perhimpunan-perhimpunan serta resolusi-resolusi di muktamar-muktamar sejak puluhan tahun lalu. Semuanya itu hanya merupakan himpunan angka kosong.*

*Usaha dakwah mestilah dimulakan dari bawah sepertimana kata Syakib. Tiada cara lain. Ianya adalah dengan khemah tanzim dan penyusunan barisan yang terdidik dengan tarbiyah Islam yang sejati. Bukan dewan-dewan perhimpunan dan seminar. Ia adalah dengan api semangat yang merdeka, bukan sinaran bintang.*

*Dirikanlah khemah kamu di padang pasir jahiliyah kurun kedua puluh ini dan nyalakanlah apimu supaya ia dilihat oleh orang yang sesat dan terputus dari hidayah, supaya mereka menuju kepadanya dan bernaung di dalam khemah kamu. Kamu panggillah puterimu: "Marilah anakku", untuk menyemarakkan lagi nyalaan unggun api lalu kamu mengajarnya:*

*Marilah wahai anakku, nyalakanlah api itu sepanjang malam.*
*Nyalakanlah api itu, semoga api itu menjadi penunjuk*
*Nyalakanlah ia wahai manjaku*
*Sesungguhnya para da'i dalam kehairanan*
*Nyalakan ia untuk para pengembara di padang luas ini*
*Marakkan api dan nyalakanlah baranya*
*Semoga para pengembara segera datang kepadanya*
*Usirlah kegelapan yang pekat ini*
*Tunjukkanlah jalan ini kepada rama-rama yang sesat itu*
*Inilah api yang paling baik, dinyalakan di tengah malam yang gelap gelita*
*Itulah sebaik-baik penghibur yang menyalakan api hidayah itu*
*Bukan persinggahan yang menjadi tujuan pasukan*
*Tetapi ia hanyalah api yang menunjukkan jalan kepada pengembara yang mencari panduan*
*Bekalkanlah kami dengan kehangatan cinta dan tanggungjawab*
*Bekalkan kau wahai puteri si manjaku, dari nyalaan hidayah ini.*[155]

[155] Abdul Wahab Azam, disertakan dalam synopsis *Diwan Risalah Masyriq*, oleh Muhammad Iqbal.

# 10 Keselarasan Dan Kesyumulan

Dua petanda yang menjadi pengenalan kepada Islam:

1. Sifat '*isti'la*' (rasa tingginya) dan merasa rendahnya segala prinsip lain. Tegas bahawa semuanya adalah sesat.
2. Sifat yang lahir dari *isti'la'* ini, rasa perlu dipisahkan, berlepas diri dan meninggalkan mereka yang mengikut hawa nafsu.

Dua sifat ini adalah gambaran dari fitrah *taghyir* (sikap merubah) yang telah ditetapkan oleh Allah pada Islam. Dari sini ia pula menjadi sifat dan tabiat gerakan Islam.

Disebabkan sifat dan fitrah ini, gagallah segala langkah untuk berdamai, *musolahah*, toleransi dan saling *hidup sekali* antara Islam dengan kufur.

**Perbezaan cara fikir menghalang Pertemuan**

Justeru itu, penyair-penyair dakwah telah menfokuskan kerja mereka bagi menerangkan *tabiat taghyiriyyah Islamiyyah*. Ia ditegaskan oleh seorang penyair dan da'i, Mahmud Aal-Jaafar. Katanya:

*Itulah tiang yang memancarkan sinaran laksana matahari*
*Allah matlamat kami, ucap kami dengan pasti*
*Al-Quran perlembagaan kami, kami tidak menerima selain dari*
*al-Quran, syariat menghukum dan memimpin*
*Bagi kami, Islam hanyalah dakwah*
*Dan sinaran yang menghidupkan manusia dan mengajar mereka*
*Bagi kami, Islam adalah kekuatan, memukul dan memusnahkan kepala si degil*[156]

Bagaimana ianya tidak jelas? Adakah kita akan biarkan kerja ini kepada manusia yang sesat? Keadaan yang mesti kita tolak.

*Kerajaan-kerajaan telah lari dari hidayah, dan mereka telah sesat dari jalan yang lurus*

*Politik mereka menjadikan mereka menunggang*
*kenderaan yang berjalan dengan petunjuk kedegilan*
*sebahagian mereka terang-terang di dalam kesesatannya*
*sebahagiannya pula bersembunyi di balik "topeng berkecuali"*[157]
*Mereka lupa tanggungjawab kepada manusia dan takbur*
*berlakulah malapetaka dan bencana yang meliputi seluruh dunia.*

*Bagaimana boleh selamat dan terus hidup, sedangkan mereka bertindak menurut ijtihad yang dipandu oleh nafsu*

*Tiap-tiap manusia hendak menguasai kumpulan kambing menurut kehendak dan seleranya, itulah sejahat-jahat kehendak.*

*Tidak mahukah kita berlumba-lumba mendapat pertolongan Allah. Tidak mahukah kita menyahut seruan jihad?*

*Sama ada hidup dalam hidayah yang dipenuhi kemuliaan ataupun mati syahid di*

[156] *Diwan Hunain ila al-Fajr*, m.s. 72
[157] Pendirian atas pagar. (Pnt)

*gelanggang jihad pada hari pertarungan.*[158]

Jika diikutkan, sebagai da'i aku boleh hidup berdamai dengan jahiliyyah
*Tetapi, mereka melalui jalan yang menyeleweng*
*dari jalan yang mulia dan terang,*
*Kerja mereka dikuasai oleh ketua-ketua yang,*
*Cara fikir mereka bertentangan dengan cara fikirku*
*Cara hidup mereka lari dari hidayah Allah*
*Mereka melalui jalan mereka, aku melalui jalanku*
*kami tidak akan bertemu.*[159]

Itulah *mufasolah* yang pasti dan mesti (antara jahiliah dan Islam), kerana semata-mata cara fikir keduanya yang berbeza dan jalan yang bertentangan. Bagaimana mungkin berdamai sedangkan mereka telah menjadi musuh?

**Aliran Pengembangan Seimbang Lahir dari pusat yang tetap**

Ini memestikan para da'I bertindak cepat dan keluar bersama-sama mengembalikan yang telah sesat kepada jalan yang benar dan lurus.

Perkara pertama yang mesti dilakukan ialah mengajak manusia supaya berkumpul. Kadang-kala terdapat da'i yang menyeru kepada fikrah Islam semata-mata. Kita lihat mereka sebagai da'i yang paling hebat kefahamannya, akidah, sistem, perundangannya dan dia paling banyak membaca buku. Mungkin juga dia mempunyai semangat yang paling berkobar-kobar dan paling khusyuk di dalam solat. Tetapi, dia tidak mahu terikat dengan sebarang perancangan dan peraturan. Apa yang dirasainya, itulah yang dipegangnya. Mana yang dia nampak, itulah yang dibuatnya. Dia memimpin diri mereka sendiri. Dia tidak peduli samada apa yang dibuat itu selaras dengan da'I lain atau tidak. Orang sebegini sukar untuk sampai ke hasil yang positif. Dia hanya akan berlegar-legar di tempat yang sama.

Da'i yang sebenar yang akan memberi harapan kepada ummah pada hari ini hanyalah al-munassiquun (yang dapat menyelaraskan kerja dengan orang lain).

Pengalaman dan pelaksanaan dakwah terus membuktikan betapa pentingnya peranan satu penyusunan 'tanzim' bagi menyerasi dan menyelaraskan usaha seluruh mereka yang bekerja untuk Islam. Ia akan dapat menggunakan -secara positif dan langsung- walaupun kemampuan yang paling kecil di kalangan individu bagi menghasilkan hasil yang hebat.

Perancangan yang mantap akan mampu menjadikan sesuatu tanzim itu sebagai pusat beredar pada orbitnya seluruh usaha individu-individu di dalam aliran geometrik yang indah dan mantap tanpa kelam kelibut, sebagaimana aliran garisan bulatan cantik yang melingkari nukleus.

*Pusat itu merupakan roh bagi satu orbit*
*Satu titik dikelilingi para petugas*
*Dari pusat ini, manusia mempunyai peraturan*

[158] Al-Amiri, *Alwan Toif*, m.s. 94
[159] Ibid

*dari pusat ini, manusia sentiasa ada penerusan*[160]

Segala usaha yang dicurahkan tidak akan kecil jika dibuat pada masa dan tempat yang sesuai. Dakwah mempunyai tuntutan-tuntutan dan keperluan-keperluan yang saling melengkapi-*mutakamilah*. Sebahagiannya menyempurnakan sebahagian yang lain. Segala usaha yang disumbangkan untuk mencapai matlamatnya bersifat saling menyempurnakan. Yang kecil menyempurnakan dan menguatkan yang besar.

Sesungguhnya kerja yang mengekalkan perjalanan jamaah dakwah: "anda lihatnya umpama satu bulatan yang berputar. Adakalanya ia naik atau turun. Bukan kerana rendah atau tingginya, tetapi kerana bergerak mengelilingi pusat, selaras dan seimbang menurut ukuran yang tertentu."[161]

Jadi tiada satu pun usaha pun yang dianggap remeh, rendah nilainya dan kurang kepentingannya lalu ia diabaikan. Semua usaha adalah sama penting apabila ia diusahakan dalam perancangan, ukuran dan timbangan yang tertentu.

**Menyeluruh dalam Perlaksanaan Kerja**

Perkara kedua kesyumulan. Syumul yang meliputi setiap aspek kehidupan manusia sebagaimana yang dijelaskan oleh Imam Hassan al-Banna Rahimahullah di dalam al-'Usul al-'Isyrin (Usul 20):

"Bahawa Islam kita adalah daulah dan tanah air, kerajaan dan umat, akhlak dan kekuatan, rahmat dan keadilan, pengetahuan dan perundangan, ilmu dan kehakiman, kebendaan dan harta, usaha dan kekayaan, jihad dan dakwah serta tentera dan fikrah, sebagaimana ia adalah akidah yang benar dan ibadah yang sahih."[162]

Keluasan pengertian Islam ini memestikan tajammu' pekerja Islam untuk luas juga dalam pendekatan dan perlaksanaan.

Oleh kerana itu, *kumpulan dakwah Islam bukanlah sebuah parti politik* meskipun ia kelihatan berusaha menguasai pemerintahan, tetapi dengan berhati-hati agar tidak dilalaikan oleh suasana semasa dari landasan tarbiyah dan tanggungjawab ibadah.

*Kumpulan dakwah juga bukanlah satu pusat kajian fiqh, kuliah-kuliah syariah atau majlis mengeluarkan fatwa* meskipun ia kelihatan berusaha sungguh mendalami ilmu syariah dan berjalan mengikut al-Sunnah, menjauhi perdebatan di dalam masalah cabang *(furu')* dan leka dengan perbincangan teori yang melemahkan kerja tajmi' dan memimpin masyarakat.

*Kumpulan dakwah juga bukan pustaka penerbitan buku atau agensi kewartawanan, sekalipun kelihatan ia mengumpulkan, mengikuti perkembangan semasa dan menjelaskan pandangan Islam terhadap semua peristiwa itu bagi menyempurnakan kewajipannya.*

---

160 *Diwan al-Asrar w al-Rumuz*, m.s. 123

161 Perumpamaan yang dibuat oleh al-Rafi'e tentang sesetengah perkara di dalam *Khilal Wahyu al-Qalam*, jilid 3, m.s. 426

162 *Risalah Ta'lim, al-Majmu'ah*, m.s. 7

*Kumpulan dakwah bukanlah satu pasukan komando yang berani mati, institusi ketenteraan atau pasukan pengakap* sekalipun jihad itu salah satu dari dasarnya serta senaman dan latihan adalah salah satu dari caranya. Dakwah tidak terbabit dalam menggunakan kekerasan, tindakan membabi buta dan keputusan yang tergesa-gesa.

*Kumpulan dakwah juga bukanlah sebuah pertubuhan kebajikan atau kementerian wakaf* sekalipun ia kelihatan menolong anak-anak yatim dan fakir miskin, merawati yang sakit dan bekerjasama membangunkan masjid dan rumah-rumah Allah.

*Ya, dakwah Islam bukanlah salah satu daripada yang di atas tetapi ia adalah semua yang di atas. Sekiranya kerja terlalu banyak dan 'jam', sedangkan tenaga dan kemampuan tidak mencukupi, maka perlu diutamakan mana yang paling penting; berdasarkan teori relatif mengikut neraca penyelarasan masolih dan mafasid yang bertentangan. Maslahah yang kecil perlu dikorbankan jika menghilangkan maslahah yang lebih besar darinya. Mafsadah yang kecil perlu ditanggung bagi mengelakkan mafsadah yang lebih besar.*

**Memimpin Umat Lebih Utama Dari Menambah amal kebajikan**

Pengalaman kita menunjukkan bahawa sebahagian besar dari orang yang kita seru pada hari ini sebenarnya kekurangan kesedaran politik, manhaj fiqhiy dan belum menyala roh jihad dalam diri mereka.

Tapi yang nyata, aspek amal kebajikanlah yang masih menguasai pemikiran mereka. Mereka suka membuat kebajikan meskipun pada hakikatnya mereka kurang harta untuk mengejar dan menyempurnakan pemikiran yang luas ini. Oleh itu, mereka perlu kepada diperbanyakkan tumpuan bicara untuk difahamkan tentang kesempurnaan dan keistimewaan dakwah ini berbanding dengan pendekatan badan-badan kebajikan.

Tidak dinafikan bahawa faktor yang menjadikan mereka cenderung kepada pendekatan kebajikan itu adalah kerana hati-hati mereka yang lembut dan fitrah iman yang mereka miliki. Hati-hati itu sentiasa dihangatkan oleh nasihat demi nasihat tentang peri pentingnya erti kebaikan dan kemuliaan akhlak, mengobarkan semangat mereka untuk bekerjasama di dalam kerja-kerja memelihara anak-anak yatim, membangunkan sekolah dan masjid.

Demi Allah, apa yang diucapkan oleh para penasihat itu adalah benar belaka. Hadis-hadis fadilat itu bukan dusta. Kita tidak pernah melupakan kesan dan pengaruhnya di dalam memajukan dakwah dengan tarbiyah secara praktikal yang memecahkan segala tabir. Melalui cara itu juga para da'i yang bersifat pendidik dapat berinteraksi dengan orang awam secara langsung setelah mereka tenggelam dalam pelbagai bidang kehidupan.

Tetapi da'I mempunyai kerja yang lebih penting dan lebih besar dari itu. Dia wajib melaksanakan kerja yang tidak dilakukan oleh orang lain melainkan dia. Pahalanya tidak kurang dari pahala membuat kerja-kerja amal, jika tidak berganda-ganda pun.

*Sesungguhnya da'i Islam wajib melaksanakan tugas tajmi'iyy, tarbawiyy, thaqafi, I'laamiyy, siyasiyy, jihadiyy, khairiyy dalam kesyumulannya yang luas dan takamul yang saling berkaitan di antara satu dengan yang lain.*

*Itulah ciri keistimewaan kedua yang membezakannya dari umat Islam umum yang lain setelah ciri pertama iaitu kerja secara jamai'e.*

*Sebenarnya ciri istimewa ini bukanlah pandai-pandai kita sahaja. Ianya adalah arahan anjuran Imam Ahmad Ibnu Hanbal selaku pemimpin da'I di zamannya. Ketika beliau ditanya oleh muridnya Zuhair bin Abu Zuhair: "Bagaimana jika si polan itu boleh jadi berusaha di dalam sesuatu bidang seperti perkilangan, membina masjid dan pengairan?" Kata Zuhair: "Imam Ahmad berkata kepadaku: "Tidak, dirinya lebih utama baginya." Imam Ahmad tidak suka laki-laki ini mengorbankan diri dan air mukanya."*[163]

Di sini ada dua masalah yang telah disingkap oleh Imam Ahmad bin Hanbal:

**Pertama:** Ucapannya itu mendedahkan supaya da'i Islam tidak menjatuhkan air mukanya, tidak merendahkan harga dirinya dengan usaha mengumpulkan harta dari orang kaya meskipun untuk maslahah umum. Kegiatan sedemikian akan menahan lidahnya dari mengucapkan kebenaran, sama ada amar ma'ruf atau nahi mungkar.

**Kedua:** Maksud dari memelihara air muka itu ialah tafarrugh-fulltime dengan penuh megah memandu orang ramai, memerangi bid'ah dan musuh-musuh Islam, amar ma'ruf dan nahi mungkar dan mengembangkan ilmu.

Fatwa itu hampir sama dengan apa yang dinyatakan oleh ulamak-ulamak perundangan politik Islam. Mereka mewajibkan khalifah atau sultan supaya tidak mengabaikan politik negara dan pentadbiran tentera kerana kesibukan mereka melakukan ibadah-ibadah individu dan amal kebajikan peribadi. Kewajipan khalifah ini juga telah dinyatakan oleh Imam al-Mawardi:

*"Sepatutnya, khalifah itu sendiri memimpin urusan negara secara langsung dan memerhatikan setiap situasi perkara untuk menjalankan pentadbiran umat ini dan memelihara agama. Dia tidak boleh menyerahkan urusan negara kepada pembesar-pembesar negara semata-mata kerana sibuk bermewah atau beribadah. Ini kerana, boleh jadi pembesar yang diamanahkan itu melakukan khianat dan menipu. Allah S.W.T. telah berfirman:*

**يَادَاوُودُ إِنَّا جَعَلْنَاكَ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ فَاحْكُمْ بَيْنَ النَّاسِ بِالْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعْ الْهَوَى فَيُضِلَّكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ**

*"Hai Daud, sesungguhnya Kami menjadikan engkau khalifah di muka bumi, maka hukumlah antara manusia dengan haq, dan janganlah engkau turut hawa nafsu, nanti ia menyesatkan engkau dari jalan (agama) Allah."* (Surah Sad 38: 26)

*Allah S.W.T. tidak menyuruh Nabi Daud a.s. menyerahkan urusan negara kepada pembantunya, tetapi disuruh mengurusnya sendiri. Kemudian Allah melarangnya dari memerintah mengikut hawa nafsu kerana perbuatan demikian disifatkan sebagai sesat.*

*Tugas ini walaupun kelihatan kerana tanggungjawab agama dan atas jawatannya sebagai khalifah, tetapi tugas-tugas mentadbir merupakan hak-hak politik yang mesti dipenuhi oleh setiap pemimpin yang diamanahkan.*

*Rasulullah S.A. W. bersabda: "Setiap seorang dari kamu adalah pemimpin dan setiap pemimpin akan disoal tentang rakyatnya."*[164]

---

[163] Ibnu Abi Ya'la, *Tabaqat al-Hanabilah*, Jilid 1, m.s. 159

[164] Al-Mawardi, *Al-Ahkam al-Sultaniyyah*, Cetakan Kedua, m.s. 16

Memang dakwah adalah betul-betul penjagaan. Ia adalah benar-benar suatu tanggungjawab.

Dari sinilah barulah difahami betapa jauhnya perbezaan di antara dua usaha, iaitu:

1. Usaha hanya semata-mata untuk menjaga kebajikan manusia meskipun sepenat manapun, dan

2. Usaha untuk bersama-sama dakwah secara syumul, penyertaan yang mengorbankan jasmani, memenatkan fikiran dan menghirup nyawa.

Oleh kerana itulah, kesyumulan dalam dakwah merupakan satu ketinggian. Hanya orang mukmin yang kuat sahaja yang mampu mendokongnya.

# 11 Panji Kebaikan

Pekong jahiliyyah telah terbongkar. Keburukan dan kepincangannya telah diketahui oleh manusia menyebabkan manusia menjadi sangat benci dan jemu kepadanya. Kini, tibalah giliran perpindahan dunia dan kepimpinan jahiliyah kepada kepimpinan Islam."[165]

Dengan begitu simple Syed Qutb mengungkapkan apa yang dilihatnya. Beliau memperkatakan satu perkara besar dan agung. Suatu peralihan besar, tetapi sememangnya satu hakikat.

Oleh itu, ia diungkapkan dengan ungkapan yang simple. Begitulah sifat sesuatu hakikat bila-bilapun. Suatu yang menjadi suatu hakikat tidak perlu diperbungakan bahasanya, tak perlu penjelasan panjang lebar dan tidak perlu warna warni atau dekorasi lagi.

Itulah hakikat yang sedang dialami oleh Barat. Kekosongan jiwa, kerosakan seks, dasar perkauman dan kezaliman penjajah Barat bukan sahaja dikira sebagai kebankrapan, malah ianya adalah pekong besar bagi tamadun mereka.

Hakikat ini tergambar dalam kerosakkan masyarakat Komunis. Kalaupun ia hanyalah pelampauan dan penindasan ke atas kebebasan hak asasi, itupun sudah cukup menjadi keaiban yang besar.

Sebaliknya hakikat itu mempamerkan keadilan, toleransi dan ketenteraman Islam yang ditawarkan kepada setiap hati yang menderita dan merana lantaran tekanan kebendaan.

Renungan sepintas lalu itu jelas menunjukkan kepada kita bahawa umat Islam telah jemu dan bosan dengan apa yang ditiru dari fahaman dan sistem materialisme Barat dan apa yang mereka taqlid dari kebuasan dan cara brutal blok Komunisme. Hati dan pemikiran mereka sekarang sudah cukup bersedia untuk kembali semula kepada Islam buat kali kedua.

Tetapi, untuk tiba ke tempat aman tersebut, ia terpaksa melintasi padang pasir yang luas. Untuk melintasinya perlu pula ada pemandu jalan dan pemimpin yang berpengalaman dan mahir dengan selok-belok perjalanan di gurun yang luas, mampu mengesan perjalanan, berpandangan jauh dan tepat serta bijak menentukan arah berpandukan bintang-bintang di langit.

Sekiranya pemandu dan penunjuk jalan telah ada, bermakna mereka telah hampir sampai ke tujuan.

**Graviti da'i**

Pemandu itu seelok-eloknya pandai menyanyi untuk menghiburkan mereka yang berjalan di belakangnya, supaya mereka mudah mengikutnya dalam perjalanannya itu.

[165] Mukaddimah Syed Qutb di dalam buku al-Nadwi: *Maza Khosira al-'Alam bi Inkhitat al-Muslimin*, m.s. 20

Itulah yang dapat digambarkan oleh kiasan kami yang tidak begitu tepat ini. Sesungguhnya siapa yang mengikuti pemandu yang disertai dengan hiburan kadang-kadang terlalai atau tersadung kakinya lalu tersungkur di tengah jalan tanpa disedari ataupun mengantuk lalu berhenti di tengah jalan.

Tetapi puisi Muhammad Iqbal lebih tepat, lebih sempurna dan lebih indah.

Beliau telah menemui pada "Pengenalan Seseorang Terhadap Dirinya" tarikan yang kuat memaksa orang lain mengikutnya. Apabila seorang muslim yang merdeka dan bijak menguatkan keperibadiannya, dan ia pula seorang da'i maka dia akan dapat menarik sesiapa yang dikehendakinya untuk beredar di sekitar orbitnya.

Iqbal telah berkata:

*Bumi telah meningkatkan kekuatan gravitinya lalu,*
*bulan pun beredar di sekitarnya tanpa henti*[166]

Oleh kerana bumi mempunyai daya graviti, ia dapat memaksa bulan agar terikat dan beredar di sekitarnya sehingga bulan itu tidak pernah terfikir untuk lari dari bumi.

Demikian jugalah manusia, mereka akan pasti terkumpul dikeliling dakwah apabila da'i meningkatkan kekuatannya. Manusia itu akan berlegar di sekeliling dakwah dan merasai ikatan mereka dengan dakwah suatu kemestian.

Engkaulah wahai da'I yang menentukan keadaan ini.

Semua parti yang sesat itu tidak mungkin berkembang andainya kamu memantapkan kekuatan kamu. Ketika itu, tiada jalan lain bagi manusia kecuali menjadi tawanan kamu.

Kekuatan hanya akan mantap bila berkumpulan.

Hasil perkumpulan ialah satu barisan Islam 'saf'.

Siapa yang menyertai safn, dia pasti menang kecuali Allah menghendaki sebaliknya.

Firman Allah S.W.T.:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِهِ صَفًّا كَأَنَّهُمْ بُنيَانٌ مَرْصُوصٌ

*"Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang pada jalannya, dengan berbaris-baris, seolah-olah mereka itu tembok bangunan yang sangat rapat (menjadi satu)."* (Al-Saff 61:4)

Tukang-tukang sihir yang menentang Musa as sebelum mereka beriman memanggil-manggil sesama mereka: (sebagaimana yang diriwayatkan oleh Al-Quran)

فَأَجْمِعُوا كَيْدَكُمْ ثُمَّ ائْتُوا صَفًّا

*"perkuatkanlah perancanganmu semua, kemudian datanglah kamu berbaris-baris."* (Toha 20:64)

Demikianlah perkumpulan yang tersusun rapi dibentuk oleh pihak jahiliah di setiap zaman. Ia adalah pelajaran besar kepada sesiapa yang berdukacita

[166] *Diwan al-Asrar wa al-Rumuz*, m.s. 15

melihat nasib umat Islam di seluruh dunia ini dan hanya mengeluh-ngeluh.

Sesungguhnya jahiliah yang tersusun tidak akan dapat dikalahkan kecuali oleh Islam yang tersusun juga.

Da'i Islam pada hari ini tidak mungkin akan menang melainkan bila mereka menyatukan individu yang terbaik di kalangan mereka, kemudian datang merempuh dalam satu barisan yang tersusun rapi dan bersatu padu.

**Kibarkan Panji Kebaikan**

Tetapi, bagaimanakah tajammu' umat Islam dapat berlaku tanpa ada seseorang yang baik memulakannya?

Perlu ada yang memulakannya.. kadangkala dengan takbir yang menyedarkan. Kadangkala pula dengan nyalaan api yang menarik perhatian. Adakalanya pula dengan mengibarkan bendera kebaikan yang dapat dilihat oleh orang yang baik, lalu mereka berkumpul di sekelilingnya. Apa yang kurang pada umat Islam hari ini ialah bendera dan panji ini. Bilangan mereka sudah ramai, pengetahuan mereka tinggi, imej tinggi tetapi perpecahan dan hampasnya mereka telah melemahkan mereka.

Abdul Wahab Azam Rahimahullah telah melawat sebahagian besar dunia Islam. Beliau telah menjelajah dunia Arab, Turki, India, Pakistan dan lain-lain untuk mengkaji realiti umat Islam dari dekat. Akhir beliau membuat kesimpulan bahawa umat Islam tidak kekurangan apa-apa, kecuali perpaduan. Lalu beliau memanggil umat Islam yang baik-baik:

"Janganlah kamu merasa tertipu dengan kerosakan yang zahir dan kejahatan yang melata di sana-sini di antara umat Islam. Janganlah kamu gentar mendengar berita si polan itu dan si polan ini adalah puak rosak dan merosakkan. Sesungguhnya terdapat ramai lagi umat Islam yang baik tetapi kamu anggap mereka orang jahat. Tetapi, golongan jahat mengibarkan panji mereka lalu orang yang jahat dan pengikut mereka berhimpun di bawahnya naungannya. Golongan yang baik lalu lari, tidak bersama-sama golongan jahat ini dan suara mereka tidak kedengaran. Sekiranya panji kebaikan dikibarkan, tentu mereka yang baik-baik itu berkumpul di bawahnya. Golongan jahat tentu akan diam dan mereka tidak akan glamour lagi.

Dalam mana-mana bangsa mesti ada orang baik dan jahat, mesti ada kejahatan dan kebaikan dan mesti ada perosak dan muslih. Jika dikibarkan panji kebaikan nescaya orang baik dari mana-mana akan bernaung di bawahnya. Dengan kebaikan itu, kalahlah satu kebaikan di dalam jiwa yang kebaikannya mengatasi kejahatannya. Akan lahirlah kebaikan yang terpendam di dalam jiwa yang belum ada lagi kebaikan. Sesungguhnya setiap manusia walau betapa besar pun kejahatannya, mesti masih terpendam di dalam jiwanya rasa cenderung kepada kebenaran dan kebaikan."[167]

Ungkapan ini memang benar dan sangat betul.

Ramai manusia yang baik-baik jadi bingung di sini. Bila mereka lihat kerosakan di negeri mereka, melihat lintang pukang neraca dan nilai, melihat orang jahat berkuasa, mereka mula menyangka perkara itu telah hancur dan tidak dapat dibaiki lagi. Mereka rasa kufur telah berkuasa penuh menyebabkan

167 Syawarid Abdul Wahhab Azzam hlm. 173.

mereka terpaksa memilih sama ada diam membisu atau berhijrah ke negeri yang kurang kejahatannya dan 'mengganggur' di sana.

**Hijrah Yang 'mafdhulah' (kurang prioritinya)**

Ketika memuncaknya kekuasaan golongan Jahmiyyah, Muktazilah dan semangat perkauman benci Arab (Sya'ubiyyah) di zaman Khalifah alMakmun, al-Muktasim dan al-Wasiq, segala urusan pentadbiran diserahkan kepada orang yang tidak sepatutnya. Ketika itu, seorang panglima Arab yang sayangkan Islam, Abu Dalaf al-Qasim al-'Ijliy merasa sangat sedih. Beliau merupakan salah seorang baik yang hebat, sahih akidahnya dan nyata kemuliaannya. Beliau menentang semangat anti bangsa Arab yang didokong oleh sebahagian pemimpin negara, lalu dia berkata:

*Kedudukan orang mulia di negeri yang hina*
*mustahil untuk berhijrah sekalipun mungkin,*
*di mana tiada siapa yang mengangkat pedang untuk menentang kezaliman*
*dan tiada tempat bagi panglima yang gagah perkasa*
*di negeri yang bangsat ini, kaum yang mulia menjadi hina*
*hinggalah mereka dikuasai oleh golongan yang hina*[168]

Kemudian, dia berpindah ke perkhemahan askarnya di kota al-Karakh yang terletak hari ini di jalanraya antara Iraq dan Khurasan tak jauh dari Karmansyah. Ini bukan al-Karakh yang terkenal di Baghdad itu.

Abu Dalaf adalah seorang lelaki yang merdeka tetapi dia bersendirian. Oleh itu, tiada apa yang menghalangnya dari berhijrah meninggalkan Baghdad. Manakala Imam Ahmad bin Hanbal pula beliau benar-benar bebas dan da'i. Beliau enggan berhijrah sebaliknya bertahan di Baghdad, mengangkat panji, bendera dakwah, bertahan thabat dan akhirnya dapat mengalahkan kumpulan bid'ah.

Demikianlah keadaan da'i Islam yang merdeka di sepanjang zaman. Mereka sabar bertahan di negerinya, mengutip dari masyarakat tersebut pemuda/I baik yang masih terpelihara hati dan fizikal mereka dari kekotoran, penyakit dan noda jahiliyyah. Da'I ini mentarbiyyah dan memantapkan mereka dengan rasa izzah Islam. Lalu mereka dimasukkan ke dalam saf.

Benar... dalam masyarakat yang tertindas yang telah lama tunduk kepada thaghut, biasanya kita dapati jiwa manusia cenderung kepada kehinaan, kerehatan dan gemar kepada semua yang mudah.

Tetapi di dalam jiwa manusia sebenarnya masih ada kecenderungan pada ketinggian, mahukan kemuliaan dan rindukan kebesaran dan kehormatan.

Sesungguhnya di dalamnya ada bara yang tertimbus di bawah abu. Apabila ada orang yang meniupnya, ia akan membara dan menyala, bangun, bekerja dan berusaha. Setiap kali dia menikmati kelazatan amal dan mendaki, bertambahlah cinta dan asyiknya kepada kerjanya."[169]

Justeru itu, tindakan orang yang berhijrah adalah salah, kecuali hijrah untuk menjaga rahsia yang perlu dijaga atau hijrahnya orang faham 'ahli fiqh' kepada orang yang memerlukan ilmunya atau hijrah orang yang takut terfitnah pada agamanya.

[168] Ibnu Taifur, *Kitab Baghdad*, m.s. 133
[169] Abdul Wahab Azam, *Al-Syawarid*, m.s. 353

Sikap berdiam diri pula adalah lebih silap. Syed Qutb berkata: "Mereka yang melihat kezaliman di sepanjang jalan dan menemui pencerobohan di setiap tempat, tetapi tangan dan lidahnya tidak bergerak padahal mereka mampu menggerakkannya, mereka itulah yang tidak makmur hatinya dengan Islam. Sekiranya hati mereka makmur dengan Islam nescaya mereka berubah menjadi mujahidin."[170]

Oleh itu, orang yang beriman yang berjiwa Islam adalah sentiasa bergerak dan menggerakkan. Mereka yang bersikap tunggu dan lihat dan berjanji hendak menggabungkan diri dalam dakwah setelah nampak bibit-bibit kejayaan Islam, maka dia adalah orang yang lemah.

*Wahai sahabatku*

*Tidak merdeka yang memberontak terhadap kezaliman, sesungguhnya sebelum itu telah banyak kaum yang memberontak*

*Orang yang merdeka ialah orang yang bergerak menuju kepada kezaliman.*

*Lalu menundukkan kezaliman sedang manusia masih tidur*[171]

**Dakwahlah yang menyucikan Kita**

Ulama' dan fuqaha' terdahulu lebih dapat membezakan pengertian ini daripada ulama' dan fuqaha' di zaman mutakhir. Mereka menyatakan bahawa kemuliaan dan kekuatan yang dinikmati oleh umat Islam di zaman salafussoleh itu adalah kerana mereka melaksanakan tugas amar makruf dan nahi mungkar.

Sebab itu mereka berkata: "Tugas itulah yang menjadi paksi terbesar di dalam agama. Untuk melaksanakan tugas itu, Allah S.W.T. mengutus seluruh Nabi dan Rasul. Sekiranya tugas ini tiada, mengganggurlah kenabian dan risalah Islam, musnahlah agama, kosonglah dunia dan hidayah, tersebarlah kesesatan, berkembang-biaklah kejahilan, menjalarlah kerosakan. Yang koyak bertambah luas lubangnya, runtuhlah segala negeri dan binasalah seluruh hamba Allah di muka bumi. Mereka hanya akan menyedari kebinasaan mereka di hari pembalasan. Apa yang kita takuti telah terjadi. Inna lillahi wa inna ilaihi raaji'uun. Kerana ilmu dan amal paksi itu telah hilang."[172]

Imam al-Ghazali mengatakan yang demikian kepada umat Islam di zamannya.

"Bagi orang yang melihat dan berfikir, dia akan mencari jalan bagaimana hendak menyelamatkan umat dari kebinasaan itu. Tiada jalan melainkan dia hanya akan menemui kaedah-kaedah angkatan pelopor, lalu dia pun menawarkan ganjaran dan tercari-cari siapakah yang akan menjadi pelopor. Menyimpan untuknya kedudukan yang tertinggi dan darjat yang mulia menghampiri Tuhannya Yang Maha Pengasih. Dia mendongakkan pandangannya ke puncak dan memekik :

"Wahai manusia, siapakah yang mahu mengisi kekosongan ini dan menampal retakan ini. Siapa yang sanggup memikul tugas atau pelaksanaannya, membaharui sunnah yang beredar ini, bangun memikul bebanannya dan berusaha bersungguh-sungguh menghidupkannya, dialah yang mengambil peranan paling utama di kalangan manusia dalam

---

[170] Syed Qutb, *Dirasat Islamiyyah*, m.s. 29

[171] Abdul Wahab Azam, *Diwan al-Mathani*, m.s. 80

[172] Al-Ghazali, *Ihya' 'Ulumuddin*, Jilid 2, m.s. 302

menghidupkan sunnah yang kian mati dan pupus ditelan zaman. Maka dialah yang berjaya membolot segala kemuliaan dan kedudukan yang tinggi yang mengatasi segala darjat lain yang tidak setanding dengannya."[173]

Mengenai hijrah yang telah kita sebutkan, kita telah didahului oleh sahabat-sahabat Nabi S.A.W.. Ibnu Taimiyah telah berkata: "Abu Hurairah telah berkata: "Berjaga satu malam di kubu pertahanan jihad lebih aku suka daripada berdiri (bersembahyang) pada malam lailatul qadar di sisi HajarAswad. Bumi yang paling mulia bagi seorang manusia ialah bumi yang paling dia taat kepada Allah dan rasulNya. Ia berbeza mengikut situasi. Tidak ditentukan bumi mana yang lebih mulia yang dipijaki oleh manusia, tetapi yang lebih mulia bagi setiap manusia tertakluk kepada sifat takwa, taat, khusyuk, tunduk dan hadir hatinya di hadapan Allah.

Abu al-Darda' telah menulis surat kepada Salman:

"Jomlah kita ke tanah suci !" Salman terus membalas suratnya: "Sesungguhnya bumi tidak dapat menyucikan seseorang. Tiada yang dapat menyucikan seseorang hamba kecuali amalnya." Sebelum ini Rasulullah S.A.W. telah mempersaudarakan di antara Salman dan Abu al-Darda' dan Salman lebih dalam kefahamannya berbandingAbu al-Darda' di dalam beberapa perkara termasuk hal ini."[174]

Oleh itu, amallah yang sebenarnya menyucikan pelakunya. Semulia-mulia pekerjaan ialah tugas amar makruf dan nahi mungkar. Manakala semulia-mulia amar makruf nahi mungkar ialah yang dilaksanakan di negeri yang memerlukan kegiatan tersebut dan membuahkan hasil darinya. Janganlah kamu diperdaya oleh dirimu semata-mata dan rasa zuhud yang mendorong kamu untuk berhijrah dari tempat yang memberi manfaat kepada kamu. Dengarlah penjelasan Ibnu al-Qayyim untuk kita:

"Agama itu bukanlah semata-mata meninggalkan perkara yang jelas haram, bahkan juga melaksanakan segala perintah yang disukai Allah. Sebahagian besar manusia yang beragama tidak memperdulikan hal itu kecuali apa yang dibuat olehnya bersama-sama masyarakat awam. Jihad, amar makruf, nahi mungkar, nasihat kepada Allah, rasulNya dan hamba-hambaNya, menolong Allah, rasulNya, agamaNya dan kitabNya merupakan kewajipan-kewajipan yang tidak terlintas di dalam fikiran mereka, apalagi hendak dilaksanakan.

Manusia yang paling kurang agamanya dan yang paling dimurkai Allah ialah manusia yang meninggalkan kewajipan-kewajipan ini sekalipun dia seorang yang zuhud dan meninggalkan dunia seluruhnya. Jarang sekali kamu melihat orang yang merah padam mukanya kerana Allah, marah kerana kehormatan Allah dicabuli dan mengorbankan hartanya untuk menolong agamaNya."[175]

Lihatlah Rasulullah S.A.W. : "Seluruh waktunya diwakafkan untuk berjihad dengan hatinya, lidahnya dan tangannya. Oleh itu, jadilah baginda manusia yang paling tinggi namanya di seluruh alam dan paling mulia kedudukannya di sisi Allah."[176] Sesungguhnya Rasulullah S.A.W. merupakan contoh ikutan dan tauladan yang terbaik bagi kita.

---

[173] Ibid, m.s. 306
[174] Ibn Taimiyah, *Majmuk Fatawa*, Jilid 18, m.s. 283
[175] *'Iddat al-Sobirin*, m.s. 121
[176] *Zad al-Ma'ad*, Jilid 2, m.s. 38

# 12 Formula yang hanya difahami oleh rijal

Dari fenomena sejarah da'i, didapati bahawa kebanyakan mereka telah bekerja dan memberikan pengorbanan yang besar untuk dakwah Islam dengan senyap dan tenang. Kesibukan mereka dalam kerja-kerja tarbiyah dan tajmi'i menghalang mereka daripada membukukan pengalaman dan perasaan fiqh dakwah yang mereka temui sepanjang masa tersebut. Hanya segelintir kecil sahaja yang meninggalkan tulisan dan penjelasan untuk generasi da'i selepas mereka.

Tetapi di samping fenomena tersebut, kita dapati bahawa Allah S.W.T. mengurniakan kepada mereka kefasihan dan kekuatan bahasa 'balaghah' yang luar biasa. Sehingga mereka mampu simpulkan pemikiran dakwah mereka dengan kata-kata yang ringkas dan dapat dijadikan usul atau dasar dakwah yang penting bagi da'I selepas mereka. Kata-kata ini menjadi penunjuk jalan dan pengucapnya dianggap sebagai guru di dalam dakwah Islam.

Kadangkala kata-kata mereka hanya tidak lebih dari beberapa baris, tetapi ianya sangat penting kerana ia membina satu hubungan dan ikatan di antara seluruh bahagian Islam. Bahagian-bahagian menjadi besar sehingga memberi kesan yang besar. Ianya ibarat angka-angka yang mempunyai nilai kecil. Tetapi setelah datang pakar-pakar Matematik yang mampu membuat pelbagai rajah - hubungan antara angka-angka itu dalam formula Matematik, tersingkaplah berbagai rahsia tenaga dan cara penggunaannya. Hinggakan Einstein hanya menemui rahsia tenaga atom di atas sekeping kertas dan dengan sebatang pena. Dia juga menemui cara mengeluarkan kuasa tersebut untuk digunakan.

Begitu juga para duah. Mereka membuat rajah-rajah hubungan antara adab-adab dan suruhan Islam yang membuka jalan yang luas untuk sesiapa yang hendak melaluinya. Mereka turut menentukan faktor-faktor pemutus dan noktah efektif. Ini menunjukkan pemberian Allah kepada mereka hasil dari kesedaran yang mendalam dan yang diperolehi dari pengalaman yang panjang.

Walau bagaimanapun, formula matematik angka itu hanya dapat difahami oleh ahli matematik yang mampu berfikir dan menganalisa. Maka begitu juga formula dakwah tidak dapat difahami dan tidak diketahui nilainya kecuali oleh da'i Islam yang merasai dan memikul beban dakwah. Orang yang jauh dari tugas dakwah, duduk bersantai dan membuat pelbagai alasan tidak dapat memahaminya.

**Menentang Kemungkaran adalah tanda firasat**

Ada di kalangan da'i ini yang mempunyai kepandaian luar biasa. Formula yang dibuatnya membuktikan kesempurnaan dan ketajaman akalnya. Tetapi dia ini tenggelam dan tidak dikenali. Beliau bernama Abu Bakar bin Yasdainar

Rahimahullah. Pernah seseorang bertanya kepadanya: "Apakah itu firasat iman?" Dia menjawab:

*"Pandangan orang yang soleh dengan kesolehan yang mengandungi cahaya ketakwaan, keimanan, hakikat dan kebenaran, dengan zuhud di dunia dan kecintaan terhadap hari akhirat. Pandangan ini menjadikan dia berani melawan kemungkaran dan orang yang melakukan kemungkaran."*

Perhatikanlah makna besar di dalam kata-kata yang ringkas ini. Beliau menjelaskan bahawasanya firasat itu ialah keyakinan sangat-sangat da'I itu terhadap balasan Allah pada hari kiamat dan mengenali betapa rendahnya nilai kelazatan dan kesenangan dunia yang terbatas, terputus dan tertahan. Ini menyebabkan dia pun tampil mengubah kemungkaran dan berani menentang pelaku kemungkaran berbekalkan keyakinan ini.

Demi Allah, sesungguhnya itulah firasat yang tinggi yang menjadikan semua firasat yang lain menjadi kecil, sekalipun ianya benar. Perhatikan empat unsur yang mendorong pemiliknya untuk melaungkan suara kebenaran di hadapan manusia.

1. Takwa, menyahut perintah Allah dan berhenti pada batas syubhat.
2. Iman, sehingga dengan keyakinan pada akhiratnya dia mampu melihat apa yang tidak dapat dilihat oleh orang yang mati hatinya.
3. Hakikat yang dihayati olehnya dalam realiti kehidupan, bukan keraguan dan khayalan dunia yang singkat dan fana.
4. Hati yang benar di dalam membuat andaian dan lidah yang benar di dalam berkata-kata.

Perhatikanlah bagaimana halus dan syumulnya sasaran ingkaran beliau. Beliau tidak sekadar menentang kemungkaran semata-mata, bahkan beliau juga melawan orang yang melakukan kemungkaran kerana kemungkaran mereka.

Ertinya, beliau tidak menentang secara umum atau sembunyi-sembunyi. Tetapi ia menunjukkan tuduhan dengan telunjuknya kepada taghut. Dia meninggikan suara mendedahkan pekung kekufuran di hadapannya, menyebutkan nama, nombor dan alamatnya. Seterusnya dibuka baki lima jarinya untuk mengubah kemungkaran dengan tangannya, setelah ia menundingkannya dalam tuduhan.

Seterusnya perhatikanlah hubungan yang indah di antara mukadimah tersebut dari sudut kombinasi dan pengkhususan. Ini akan menunjukkan kepada kita jalan untuk menjanakan tenaga Islam di dalam kehidupan manusia dan mengalirkannya dari sumber mata airnya untuk memuaskan dahaga orang yang sedang kehausan. Sesungguhnya itulah satu tenaga yang seimbang melalui gabungan beberapa tenaga.

Sesungguhnya itulah sumber tenaga umpama tenaga solar, haba dan tenaga elektrik dalam menjana kehidupan. Allah telah mencipta pelbagai sumber tenaga di alam ini. Allah juga yang menyediakan pakar-pakar Matematik dan ahli Fizik yang menemui rahsia-rahsia kegunaan tenaga untuk berkhidmat kepada manusia. Begitu jugalah dengan penurunan Al-Quran.

Allah telah menurunkannya untuk menyempurnakan undang-undang alam dan memberi peluang kepada da'i untuk meneroka rahsia-rahsia dan al-Quran untuk kebaikan manusia.

Sebagaimana ahli Sains membuat kajian dan eksperimen di makmal untuk menterjemahkan hasil kajian mereka yang telah diformulakan di dalam satu alat yang boleh digunakan, begitu jugalah ahli Fiqh dakwah seperti Abu Bakar bin Yazdainar. Mereka mengarahkan setiap gerakan Islam yang tersusun supaya menterjemahkan formula mereka kepada proses-proses pembetulan untuk menyelesaikan keadaan manusia yang kacau-bilau dan masalah mereka yang rumit.

Dari sini, jelaslah kepada kita betapa penting kajian di dalam fiqh dakwah dan segala apa yang dibangunkan di atasnya dalam bentuk perancangan haraki. Peranan fiqh dakwah selama-lamanya ialah menjelaskan ciri sebenar melalui kata-kata yang terang dan gerak kerja yang jelas.

**Kegemilangan Fiqh Harakah Tersembunyi Di Dalam Amanah Dan Ijtihad**

Pakar atom tidak layak untuk meremeh-remehkan Archimedes dan Pythagoras dan lain-lain saintis Yunani purba kerana kekuatan dan kepentingan formula-formula mereka sebenarnya saling bantu-bantu bagi memacukan roda sains. Semua mereka membuat suatu yang hebat bagi zaman masing-masing. Maka demikian juga da'i kini yang mencari formula untuk dakwah ini; mereka tidak patut meremehkan pemimpin dan fuqaha' dakwah lampau dan tidak patut menipu untuk mengelirukan orang yang berbicara dengan mereka. Mereka hendaklah setia, amanah dan jujur dan menyebut ungkapan da'I Islam awal itu sebagaimana yang diungkapkan yang sudah tepat dan cukup untuk menyampaikan maksud. Mereka memainkan peranan untuk menghidupkan, menghubungkan, menganalisa dan menampilkan mana yang penting dan menjelaskan apa-apa yang disepakati di kalangan mereka. Ungkapan-ungkapan mereka yang telah dilupai itu jika dibawa semula menjadi bahan perbincangan dan dijadikan bahan perhatian, dibukakan hati-hati untuk memahaminya maka usaha ini seolah-olah menghidupkan kembali kalimah-kalimah da'i Islam yang telah mati dan menemuinya kembali setelah sekian lama hilang.

Golongan intelek Islam mestilah menyedari sifat yang wajib dalam perbincangan dakwah ini. Dia tidak patut rasa cuak, ego dan eksyen untuk memetik kata-kata orang dahulu. Tidak patut dia jemu merujuk buku-buku mereka berulang-ulang kali. Sesungguhnya fiqh ini adalah kurniaan kepada sebilangan kecil manusia yang dikasihinya sahaja.

Tetapi di samping itu, janganlah takut untuk berijtihad dan mengemukakan pandangan baru kerana fiqh dakwah tidak akan berkembang sekiranya da'i bertahan pada perkara umum, kekal pada perkara yang tidak ada khilaf. Dalam pada itu, mereka mesti bertegas di dalam metodologi kajian tanpa kompromi dan mereka mesti berpegang teguh pada usul-usul. Jangan biarkan orang yang terburu-buru 'musta'jil' atau orang yang takut pada risiko pertarungan mempermain-mainkan prinsip itu., hingga mereka bertindak membuta tuli dan

mengecewakan. Jangan biarkan mereka menjadi bahan umpan pihak berkuasa hingga mudah mengkafirkan orang lain.

Saya sangat mengagumi kenyataan seorang da'i dalam majalah *"al-Mujtama"* mengenai perkara ini. Dia mengakui betapa penting dan besarnya peranan al-Syahid Syed Qutb dalam menjelaskan dan menentukan manhaj tarbiyah harakiah gerakan Islam. Demikian juga peranan yang dimainkan oleh al-Syahid Abdul Qadir Audah dalam menentukan metod perundangan Islam setelah berlakunya kebangkitan dan kesedaran umum Islam yang diilhamkan oleh Imam al-Syahid Hassan al-Banna. Ia mempersiapkan kedua-dua mereka dengan kesedaran itu. Begitu juga dengan peranan ketahanan pendirian yang ditunjukkan oleh Imam Hassan al-Hudhaibi.

Seterusnya penulis dalam penjelasan dan perincian itu menyentuh beberapa perbezaan pendapat yang didorong oleh kesungguhan dan keikhlasan, memenuhi perubahan realiti dan peranan ijma' yang sentiasa berterusan dalam menyelesaikan perselisihan. Penulis ini menutup kenyataannya dengan soalan: "Lihat, adakah harakah Islam ini mahu kembali kepada simple dan bentuk umum hanya kerana untuk mengelak dari kesukaran dan aman dan sebarang kebimbangan? Atau harakah ini akan melangkah maju lebih jauh ke depan memperincikan dengan detail tetapi terpaksa menanggung risiko akibat kemaraan dan kemelataan ini?"[177]

Disebalik persoalan ini sebenarnya tersembunyi kesedaran sebenar terhadap peranan kajian fiqh dakwah dalam memajukan dakwah meskipun selepas itu terpaksa menolak sebahagian dan ijtihad para pengkaji.

Sekiranya kajian-kajian itu tidak mengemukakan ijtihad baru sekalipun, maka ia tidak sunyi dari ungkapan yang menambahjelaskan atau istilah yang mengkhususkan sesuatu maksud. Kajian ini mungkin juga mengandungi fatwa ahli fiqh yang lama dan disegani yang menerangkan asal-usul sesuatu pendapat yang kita sangka baru atau sekurang-kurangnya memperdekatkan ijtihad orang-orang lain dengan pengakuan dan persetujuan daripada pertikaian ijma'.

*Apabila hati telah berkarat, jiwa menjadi keruh dan semangat kian pudar, maka kisah-kisah yang meniupkan semangat, kata-kata kiasan dan madah atau syair yang tersusun indah yang terkandung di dalam kajian-kajian ini adalah sebaik-baik rawatan secara halus. Ia mengandungi pengilapan, pelembutan, pembersihan dan nyalaan api.*

**Kita mulai dengan mungkar akbar**

Kemungkaran terbesar yang dimaksudkan oleh mereka dalam perbincangan mereka ialah berhukum dengan undang-undang bukan Islam.

"Dalam amar makruf, perkara pertama yang wajib diberi perhatian ialah amar makruf akbar iaitu mengakui uluhiyyah Allah semata-mata dan merealisasikan kewujudan mujtamak Islam.

Kemudian nahi mungkar pula hendaklah ditumpukan terlebih dahulu kepada nahi mungkar akbar; iaitu pemerintahan taghut dan memperhambakan manusia bukan kepada Allah melalui menghukum manusia menggunakan

[177] *Majalah Mujtama' al-Kuwaitiyah*, Bil. 115, m.s. 11

undang-undang yang bukan syariat Allah.

Mereka yang beriman dengan Nabi Muhammad SAW. telah berhijrah dan berjihad untuk membangunkan sebuah daulah Islam yang berhukum dengan syariah Allah. Mereka telah mendirikan sebuah mujtamak yang dihukumkan dengan syariat Islam. Apabila semua itu telah sempurna, barulah mereka melakukan amar makruf dan nahi mungkar dalam perkara furu' (cabang) yang berkaitan dengan ketaatan dan kemaksiatan. Sebelum tertegaknya daulah Islam, mereka tidak menggunakan tenaga dan usaha mereka pada perkara-perkara furu' (cabang) yang tidak akan tertegak kecuali setelah tertegaknya usul yang mantap ini. Pengertian amar makruf nahi mungkar mesti difahami mengikut situasi realiti 'waqi'. Tidak dijalankan amar makruf dan nahi mungkar pada perkara-perkara cabang sebelum selesai makruf dan mungkar yang akbar ini. Itulah yang berlaku ketika permulaan mujtamak Islam dulu."[178]

Namun, itu tidak bererti da'I dilarang dari mempelajari dan mengajar orang-orang yang bersama-samanya tentang adab-adab Islam dan hukum-hukum ibadat. Ia tidak bererti mereka dilarang dari menegah manusia dari mungkar cabang yang mungkin dihapuskan dengan larangan mereka. Tetapi seruan ini adalah ajakan agar tidak tertipu dan dilalaikan dengan rasa memadai mencegah manusia daripada kemungkaran kecil tanpa melarang mereka dari melakukan kemungkaran akbar iaitu berhukum dengan undang-undang bukan Islam. Seruan ini juga untuk mengelakkan da'i berasa cukup dengan hanya memberi nasihat bab bersuci dan sujud sahwi tanpa berterus terang dengan kebenaran, menuding jari kepada taghut, tajmik orang islam, mentarbiyyah mereka, menyelaraskan usaha mereka dan mengarahkan mereka ke arah kebangkitan menyeluruh.

Sesungguhnya Allah S.W.T. telah mengutus Nabi Muhammad S.A.W. untuk memerdekakan manusia. Baginda diutuskan untuk membebaskan manusia dari segala perhambaan sesama manusia dan dari segala belenggu dan kongkongan. Tetapi, Yahudi telah mengembalikan semula manusia ini kepada penderitaan dan membelenggu mereka sekali lagi melalui parti-parti yang di bentuk di setiap tempat. Perlu satu kebangkitan Islam menyeluruh untuk menghapuskan segala belenggu serta menghapuskan segala penderitaan dan cengkaman yang menindas generasi baru Islam di seluruh dunia hari ini.

"Sesungguhnya ini adalah kerja besar. Soal kemerdekaan manusia, soal hidup mati mereka, kebahagiaan dan kecelakaan mereka serta soal syurga dan neraka mereka. Inilah urusan kemanusiaan. Risalah Islam dan dakwah ini mesti disampaikan kepada manusia agar mereka menerima dan mengikutinya, lalu mereka bahagia di dunia dan akhirat. Jika ia tidak disampaikan… ia akan menjadi hujjah di depan Allah nanti. Kecelakaan dan kesesatan mereka akan dibebankan ke belakang orang yang ditugaskan menyampaikan risalah dan dakwah Islam tetapi tidak menyampaikannya kepada manusia.

Para utusan dan Rasul-Rasul Allah telah menyampaikan amanah yang besar ini. Mereka telah menyampaikan risalah dan dakwah ini kepada manusia. Mereka telah kembali kepada Tuhan mereka setelah menyempurnakan tugas mereka dan mereka telah terlepas dan tanggungjawab yang besar ini. Mereka

[178] *Fi Zilal al-Quran*, Juzu' 11, m.s. 50

tidak hanya menyampaikan dakwah dengan lidah semata-mata, tetapi mereka telah menyampaikannya dengan perbuatan mereka juga, dengan tauladan yang menjelma di dalam amal mereka, melalui jihad mereka yang bersungguh-sungguh siang dan malam untuk menghapuskan rintangan dan halangan sama ada ianya berbentuk keraguan-keraguan yang diatur oleh pihak jahiliah atau kesesatan yang dihiasi oleh syaitan, atau juga taghut yang menghalang manusia dari dakwah Islam, mengganggu manusia dari jalan Allah dan menyelewengkan mereka dari jalan yang lurus sepertimana yang telah dilakukan oleh Rasulullah S.A.W.

Seterusnya tugas yang berat itu tertanggung ke atas pengikut-pengikutnya yang beriman kepada risalah dan dakwah baginda. Di sana generasi demi generasi datang dan pergi selepas baginda saw. Pengikut-pengikut baginda mesti menyampaikan dakwah Islam kepada generasi selepas mereka. Mereka perlu menegakkan hujah Allah ke atas manusia. Tanggungjawab menyelamatkan mereka dari azab akhirat dan kecelakaan dunia. Mereka tidak akan terlepas dari tanggungjawab yang berat ini sehingga mereka melakukan tugas menyampaikan. Mereka mesti menyampaikannya mengikut sebagaimana manhaj yang telah dilakukan oleh baginda saw.

Risalah tetap risalah yang sama dan manusia tetap manusia yang sama juga. Masih terdapat banyak kesesatan, hawa nafsu, keraguan dan syahwat. Di sana terdapat banyak kuasa taghut yang menghalang manusia dan menghalang dakwah. Mereka cuba memalingkan manusia dari agama dengan menyesatkan dan menggunakan kuasa mereka.

Sikap manusia tetap sama dan halangan juga adalah sama. Manusia pun begitu juga tetapi risalah dan dakwah mesti disampaikan. Tugas dakwah mesti ditunaikan dengan disampaikan dan kemudiannya diamalkan hinggakan orang yang menyampaikan dakwah menjadi terjemah yang hidup terhadap apa yang telah mereka sampaikan.

Sesungguhnya tugas ini mesti dipikul dan tidak dapat dielakkan daripada memikulnya. Jika tidak ia akan bertanggungjawab beban berat.. beban kesesatan seluruh manusia dan kesengsaraan mereka di dunia. Di akhirat pula, mereka menanggung beban tidak tertegaknya hujah Allah. Mereka akan menanggung semua beban ini dan tidak akan terselamat dari neraka.

Adakah orang yang rasa ringan bebanan ini semua? Itulah tugas dan bebanan yang memecahkan tulang belakang, menggentarkan setiap jiwa dan menggoncangkan seluruh sendi."[179]

**Ia hanya kerja rijal…!**

Inilah dia realiti. Islam tetap Islam seperti dulu juga. Sentiasa bersedia untuk menghilagkan penderitaan manusia. Tetapi yang lemahnya ialah penyampaian Islam dan menghayatinya. Oleh itulah, seorang salafussoleh telah berkata: "Alangkah hebatnya agama ini sekiranya mempunyai rijal..."[180]

Rijal yang memenuhi ciri-ciri kesyumulan dan kehebatan Islam.

Orang yang menyesali di atas adalah di zaman salaf iaitu ketika dia dapat

[179] *Fi Zilal al-Quran*, Juzu' 6, m.s. 31
[180] Ibnu al-Qayyim, *Miftah Dar al-Sa'adah*, Jilid 1, m.s. 302

melihat ramai ulama' dan fuqaha' furu'. Di samping itu, terdapat pula begitu ramai ahli zuhud. Tetapi semua itu tidak memuaskan hatinya.

Apa yang dikehendaki ialah ulama' yang lain dari itu. Memang faqih dan zuhud adalah antara sifat yang dikehendaki tetapi ia mahu lebih dari itu. Dia ingin da'i yang siang malamnya hanya memikirkan bagaimana membimbing manusia, melaksanakan hukum Allah dan menentang pemerintah yang menghukumkan manusia dengan al-hawa. Peringkat ini hanya mampu dicapai oleh orang yang dikurniakan dengan sifat-sifat lelaki sejati, bijaksana, gagah perkasa, tangkas, tidak berkompromi dengan jahiliah, tidak tunduk kepada taghut yang zalim, tidak berselindung-selindung. Oleh kerana itu apabila dikatakan kepada seorang tokoh rijal: "Kami mempunyai hajat yang kecil untuk kamu tolong selesaikan." Dia enggan menyelesaikannya dan berkata: "Carilah lelaki yang kecil untuk menyelesaikannya."[181] Kerana lelaki yang kecil berpuas hati dengan amal yang kecil.

Bagi rijal yang berjiwa besar, dia mempunyai cita-cita yang tinggi. Dia menyediakan dirinya untuk tugas-tugas yang besar dan enggan dengan kerja remeh.

Demi Allah, sesungguhnya dakwah ini adalah kerja rijal sejati. Ia menghimpunkan lelaki yang gagah perkasa di dalam barisan mereka. Orang-orang yang takut menghadapi risiko dan halangan, pertarungan dan pertembungan, maka ia adalah layak dengan angkatan berjiwa kecil.

Bagi rijal, yang ditakuti hanyalah kelalaian "al-ghaflah". Sebagaimana yang dikatakan oleh al-Umari yang zuhud: "Sesungguhnya antara tanda kamu telah lalai terhadap diri kamu dan berpaling dari Allah ialah apabila kamu melihat sesuatu yang dimurkai Allah lalu kamu tidak mempedulikannya. Kamu tidak menyuruh dan tidak melarang lantaran takut kepada orang walhal orang-orang ini tidak boleh membahayakan ataupun memberi faedah kepada dirimu."[182]

Lantaran itu Ibnu Taimiyah mengkritik orang-orang soleh yang penakut. Berulang-ulang kali dia menerangkan:

"Meskipun mereka telah meninggalkan kejahatan, mereka bukanlah mujahidin tulen yang berjuang menghapuskan kejahatan sehingga tiada lagi fitnah dan rintangan yang menghalang manusia dari jalan dan agama Allah. Hingga jadilah agama seluruhnya untuk Allah.

Fikirkanlah! Kebanyakan manusia jarang sekali berkumpul padanya dua sifat ini:

Pertama: Benci pada kekufuran dan kejahatan serta orang yang melakukannya.

Kedua: Suka melarang mereka dari kekufuran dan kejahatan.

Sebagaimana kebanyakan mereka cintakan kebaikan dari orang yang melakukannya tetapi tidak menyuruh manusia kepada kebaikan dan tidak berjihad di atas kebaikan dengan diri dan harta. Padahal Allah S.W.T. telah berfirman:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا وَجَاهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ

[181] Ibnu al-Jauzi, *Said al-Khatir*, m.s. 105
[182] Ibnu al-Qayyim, *Al-Jawab al-Kafi*, m.s. 44

أُولَئِكَ هُمُ الصَّادِقُونَ

*"Orang-orang yang beriman hanya orang-orang yang percaya kepada Allah dan RasulNya, kemudian mereka tidak ragu-ragu dan mereka berjuang (berjihad) dengan harta dan dirinya di jalan (agama) Allah. Mereka itulah orang-orang yang benar."* (Al-Hujurat 49:15)

Firman Allah S.W.T lagi yang bermaksud:

قُلْ إِنْ كَانَ آبَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ وَإِخْوَانُكُمْ وَأَزْوَاجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَالٌ اقْتَرَفْتُمُوهَا وَتِجَارَةٌ تَخْشَوْنَ كَسَادَهَا وَمَسَاكِنُ تَرْضَوْنَهَا أَحَبَّ إِلَيْكُمْ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَجِهَادٍ فِي سَبِيلِهِ فَتَرَبَّصُوا حَتَّى يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرِهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ

*"Katakanlah (wahai Muhammad): "Jika bapa-bapa kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan isteri-isteri (atau suami-suami) kamu, dan kaum keluarga kamu, dan harta benda yang kamu usahakan, dan perniagaan yang kamu bimbang akan merosot, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, - (jika semuanya itu) menjadi perkara-perkara yang kamu cintai lebih daripada Allah dan RasulNya dan (daripada) berjihad untuk ugamaNya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusanNya (azab seksaNya); kerana Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik (derhaka)."* (Al-Taubah: 24)

Mungkin kamu menganggap bahawa kamu perlu berbincang lebih lanjut bersama golongan yang lalai ini. Tetapi Yusuf al-Qardhawi telah lebih dahulu berdebat, berhujah dan mengalahkan hujah mereka dengan kata-kata yang indah dan mendalam. Itupun rasanya sudah cukup:

*Kata mereka:*
*Kebahagiaan terletak pada sikap berdiam diri*
*pada malu dan kebekuan*
*hidup di bersama ahli keluarga, bukan hidup orang berhijrah dan terusir*
*Dengan berjalan di belakang kenderaan*
*dalam ketenangan dan langkah yang longlai*
*dengan kamu katakan apa yang dikatakannya*
*tanpa tentangan dan penolakan terhadapmu*
*Dengan mengikuti sekumpulan kambing*
*kamu dipimpin, bukan memimpin*
*Dengan berteriak untuk setiap penguasa: Hidup kamu…..*

*Aku berkata:*
*Hidup ini mesti bergerak, bukan diam dan bukannya beku*
*hidup adalah perjuangan*
*Akan berjuangkah orang yang duduk berpeluk tubuh?*
*Hidup adalah menikmati kelazatan susah, bukan bersedap-sedap dengan tidur nyenyak.*
*Ia adalah membela hak, orang merdeka mana tidak membela haknya?*
*Ia adalah anda merasakan kehinaan itu laksana meminum air nanah.*
*Ia adalah hidup sebagai khalifah di bumi laksana seorang pemimpin*
*boleh berkata 'NO' dan 'YES', apabila anda mahu*
*dengan pandangan yang tajam."*[183]

[183] Yusuf al-Qardhawi, antara qasidah-qasidah lama. Rangkap-rangkap ini adalah antara qasidah panjang yang dikarang untuk *Majalah al-Tarbiyyah al-Islamiyyah* di Baghdad, Keluaran Keenam, m.s. 278

# 13 Perjanjian

Semua baris-baris tulisan akan musnah lenyap… kecuali al-Quran ini, kerana dia kekal selama-lamanya.

Setiap hasil pemikiran manusia sentiasa berubah-ubah, bertukar ganti dan tergugat kecuali buah fikiran yang dipetik dari pelita al-Quran, kerana ketika itu ia memetik sesuatu yang bersifat kekal. Sumber tersebut mantap, tetap dan mampu bertahan.

Dari sini kita dapati berlaku wehdatul fahmi, kesatuan diagnosis dan kesatuan cara penyelesaian di kalangan mereka yang bercakap tentang Islam dan masyarakat. Kesepaduan ini kita dapati bermula dari orang yang dapat melihat Rasulullah S.AW. berterusan hingga kepada orang yang beriman dengan baginda pada kurun ini, walaupun mereka tidak sempat melihat baginda. Bahkan kamu akan dapati dengan jelas kesatuan gaya bahasa dan keseragaman istilah di dalam kata-kata mereka.

Sesungguhnya penjagaan dan tetap berdaya tahan itu meskipun dipandang oleh orang yang tidak faham sebagai beku dan statik, tetapi pada hakikatnya inilah kreativiti yang sebenarnya.

Ketika ahli falsafah membuat satu teori atau penyelesain kepada masalah kemanusiaan, dia meniupkan semangat dengan penuh perasaan. Semangat ini membangkitkan keinginan yang tinggi ke dalam jiwa muridnya dengan ucapannya yang memukau dan mempesonakan, menutup kecacatan teori penyelesaian yang dikemukakannya. Ketika di laksanakan, terbukalah pekung teorinya lalu datang lagi ahli falsafah yang lain dengan dianosis baru dan membuat teori penyelesaian yang lain pula. Mereka semua menyangka apa yang diusahakannya itu adalah bukti kreativiti dan tanda aktivisme mereka.

Tetapi berbeza dengan penyelesaian Islam. Memandangkan ia bertitik tolak dari hakikat fitrah kemanusiaan dan diturunkan dari Allah yang menciptakan fitrah, maka semakin dilaksanakan dan semakin berubahnya masyarakat, ia menjadi semakin teguh dan mantap. Pada setiap generasi akan lahir model penyelesaian Islam yang membuktikan kebenarannya kepada manusia. Inilah unsur kreatif sebenarnya. Sesungguhnya teguhnya Islam dan bertukar gantinya ideologi lain itu merupakan kreativiti Islam dan mukjizat ajarannya.

Oleh itu, bila kita bentangkan pelbagai ucapan yang keluar dari mulut fuqaha umat ini dulu dan sekarang, walaupun kelihatan sama dari segi ayat dan maknanya tetapi ia dalammasa yang sama memberi isyarat terhadap wujudnya kesatuan kefahaman, metodologi dan perlaksanaannya. Menonjolkan kesatuan 'wehdah' itu sendiri merupakan satu unsur yang perlu dititikberatkan dalam perbicaraan fiqh dakwah ini. Kerana ini mengandungi isyarat keaslian ulama baru dan ketulenan mazhabnya.

**Ia adalah terus terang Islam dan Bukannya Didorong Oleh Suasana**

Sebagai contohnya, perhatikanlah kata-kata salafussoleh yang terawal. Mereka telah berkata: "Huzaifah r.a. telah ditanya mengenai takrif mayat hidup. Lalu dia menjawab: "Mayat hidup ialah orang yang tidak menentang kemungkaran sama ada dengan tangan, lidah atau hatinya."[184]

Perhatikanlah juga beberapa perumpamaan yang dibuat oleh Syed Qutb tentang sifat orang yang tidak menentang kemungkaran…

Setelah anda membuat penelitian, tergamakkah anda mengiyakan orang yang menuduh Huzaifah bin al-Yamani sebagai celupar dan kata-katanya ini lahir kerana tekanan situasi susah dan gawat yang sedang dialaminya?

Beliau menyifatkan orang yang lalai hatinya dan membisu sebagai orang yang mati.

Jika hatinya telah sedar tetapi dia masih membisu dan mendiamkan diri, maka dia disifatkan oleh Huzaifah sebagai orang yang sakit tenat dan lumpuh hampir mati.

Ada orang berpendapat bahawa perumpamaan Syed Qutb dan da'i Islam sezamannya sebagai perumpamaan yang keras, tetapi sebenarnya perumpamaan tersebut tidak melebihi perumpamaan yang dinyatakan oleh Huzaifah r.a.

Sesungguhnya ia bukanlah semangat melampau para da'i. Ia sebenarnya adalah kejelasan pemahamannya terhadap dakwah Islam yang memaksa dirinya. Justeru itulah kita dapati pendukung sebenar dakwah segera membentuk dirinya yang berbeza dari bentuk jahiliah yang pernah dilaluinya sebelum itu. Ia merubah kefahamannya dan keluar dari pertapaan untuk memimpin manusia. Sebagaimana tindakan yang dibuat oleh Wahab bin Munabbih al-Yamani, seorang tabie' yang masyhur. Beliau dikenali di Yaman sebagai seorang ahli pertapaan Nasrani, sibuk dengan sajak para rahib serta pakar dalam ilmu-ilmu kitab yang telah diselewengkan. Tatkala beliau memeluk Islam dan disoal berkenaan sifat seorang muslim, beliau r.a menjawab: "Seorang muslim itu ialah seorang yang mengikut orang yang lebih dahulu darinya dan menjadi imam bagi sesiapa yang datang kemudian daripadanya."[185]

Beliau menyifatkan diri seorang muslim itu sebagai pemimpin dan imam, walhal sebelumnya, dia sendiri mengasingkan diri. Fahaman baru ini bukanlah suatu yang direka-reka, tetapi setelah dia Islam, dia mendapati inilah tugas utama seorang muslim. Beliau kemudiannya mendapati al-Quran menyifatkan Nabi Ibrahim a.s. sebagai satu umat (Al-Nahl 16:120). Dalam penjelasan ayat ini Ibnu Qayyim berkata: "Umat di sini bermakna seorang yang menjadi contoh yang diikuti." Ibnu Mas'ud berkata: "Ummah" ialah guru yang mengajarkan kebaikan. Ia adalah nama terbitan dari perkataan *'al-I'timam'* seperti *'qudwah'* yang bermaksud diteladani dan diikuti."[186]

[184] *Ihya' Ulum al-Din*, Jilid 2, m.s. 311
[185] Imam Ahmad, *Kitab al-Zuhd*, m.s. 372
[186] *Miftah al-Sa'adah*, Jilid 1, m.s. 173

**Bai'ah Lama yang Baru**

Semua generasi-generasi mukmin terdahulu yang mengikuti para nabi zaman silam memahami bahawa iman bukan hanya sekadar mengaku dan membenarkan di dalam hati semata-mata. Mereka mengerti bahawa iman mestilah disertakan dengan memberi pertolongan tenaga dan harta, membantu dengan menggabungkan diri di dalam barisan jamaah mukminin lain dalam pertarungan menentang golongan kafir.

Nabi Ibrahim a.s., Musa a.s., Isa a.s. dan seluruh para nabi a.s. telah mengambil bai'ah dari orang yang beriman kepada mereka supaya beriman dan membantu Muhammad S.A.W. memerangi kufur jika sekiranya Nabi saw Muhammad saw diutuskan dan mereka masih hidup. Hal ini diceritakan Allah di dalam firmanNya:

وَإِذْ أَخَذَ اللَّهُ مِيثَاقَ النَّبِيِّينَ لَمَا آتَيْتُكُمْ مِنْ كِتَابٍ وَحِكْمَةٍ ثُمَّ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مُصَدِّقٌ لِمَا مَعَكُمْ لَتُؤْمِنُنَّ بِهِ وَلَتَنْصُرُنَّهُ قَالَ أَأَقْرَرْتُمْ وَأَخَذْتُمْ عَلَى ذَلِكُمْ إِصْرِي قَالُوا أَقْرَرْنَا قَالَ فَاشْهَدُوا وَأَنَا مَعَكُمْ مِنَ الشَّاهِدِينَ

*Dan (ingatlah) ketika Allah mengambil perjanjian setia dari Nabi-nabi (dengan firmanNya): "Sesungguhnya apa jua Kitab dan Hikmat yang Aku berikan kepada kamu, kemudian datang pula kepada Kamu seorang Rasul yang mengesahkan apa yang ada pada kamu, hendaklah kamu beriman sungguh-sungguh kepadanya, dan hendaklah kamu bersungguh-sungguh menolongnya". Allah berfirman lagi (bertanya kepada mereka): "Sudahkah kamu mengakui dan sudahkah kamu menerima akan ikatan janjiku secara yang demikian itu?" Mereka menjawab: "Kami berikrar (mengakui dan menerimanya)". Allah berfirman lagi: "Jika demikian, maka saksikanlah kamu, dan Aku juga menjadi saksi bersama-sama kamu."* (Aali Imran 3: 81)

*Ibnu Abbas telah berkata: "Setiap kali Allah mengutuskan seorang nabi, dia mesti mengambil berjanji bahawa sekiranya Allah mengutus Muhammad S.A.W. dan nabi itu masih hidup (di zaman Muhammad diutus), nabi itu mesti beriman kepada nabi Muhammad S.A. W. dan menolong baginda. Allah juga menyuruh nabi itu meminta umatnya berjanji sekiranya Muhammad S.A. W. diutus di zaman mereka hidup, mereka juga mesti beriman kepada Muhammad S.A. W. dan mesti menolong baginda saw."*[187]

***Oleh itu, kita sebagai pewaris Muhammad S.A.W. pada hari ini lebih wajib, lebih patut dan lebih utama memberikan bai'ah tersebut.***

*Bersandarkan perjanjian yang dulu itu Imam Ibnu Taimiyyah berkata: "Orang-orang yang benar di dalam pengakuan iman mereka ialah orang yang beriman dan tidak ragu-ragu dalam iman mereka, orang yang berjihad di jalanNya dengan harta dan nyawa mereka. Semuanya itu untuk menyempurnakan perjanjian yang telah ditentukan Allah kepada mereka yang telah lalu dan mereka yang akan datang sehinggalah ke hari kiamat."*[188]

**Tidak boleh lari dari memberi Sokongan Kepada para Da'i**

Sesiapa yang tidak mampu atau tidak diizinkan oleh keadaan, situasi dan kebatasan ilmunya untuk menyertai barisan mujahid Islam, bukanlah

[187] *Majmuk Fatawa* oleh Ibnu Taimiyah, Jilid 10, m.s. 12
[188] Ibid

bermakna dia dibenarkan dan boleh duduk diam. Dia mestilah memberi bantuan kepada mereka yang berdakwah dan berjihad pada jalan Allah. Dia mestilah menjadi orang Islam yang menolong dan membantu mereka.

Lantaran itu al-faqih Imam al-Syatibi telah berkata semasa menjelaskan kata-kata fuqaha': "Apabila sesuatu fardhu kifayah itu disempurnakan oleh sebahagian dari umat Islam, gugurlah tanggungjawab itu dari seluruh umat Islam. Di sebutkan dengan terperinci antara yang termasuk dalam fardhu kifayah ialah amar makruf nahi mungkar, menuntut ilmu, memimpin, menjadi pemimpin dan pemerintah atau khalifah yang memimpin negara Islam dan memimpin pemerintahan umat Islam menurut hukum dan syariat Islam. Beliau menjelaskan bahawa sekalipun tugas ini gugur jika seseorang itu tidak mampu, tetapi dia wajib pula mengenalpasti siapakah yang mampu memikulnya. Dia wajib mendorong dan menolong orang tersebut untuk melaksanakan tugas ini. Bahkan dia wajib memaksa orang yang mampu untuk memikul tugas ini melaksanakannya.

Beliau menyebutkan urusan pemerintahan sebagai contoh bagi perkara-perakara lain seperti menuntut ilmu dan amar makruf nahi mungkar dan pelbagai lagi fardhu kifayah yang tidak dinaskan dan dijelaskan oleh fuqaha' Islam.

"Tetapi mungkin betul jika dikatakan bahawa fardhu kifayah adalah wajib ke atas seluruh umat Islam secara kiasan. Ini kerana melaksanakan fardhu kifayah itu adalah bermakna menyempurnakan maslahah umum umat Islam. Jadi, seluruh umat Islam dituntut melaksanakannya. Sebahagian daripada mereka mampu melaksanakannya secara direct kerana dia mampu melaksanakannya. Orang lain yang tidak mampu dan tidak layak itu, mereka mampu menguatkan dan menyokong yang mampu dan menolong mereka untuk menjayakan tugas mereka. Oleh itu, siapa yang mampu dan layak menjadi pemimpin dan pemerintah, dia dituntut untuk memikul tugas itu. Manakala orang yang tidak mampu dan tidak layak, mereka dituntut untuk menyuruh, memaksa dan membantu orang yang mampu untuk memikul tugas itu. Oleh itu, orang yang mampu dituntut memikul tugas itu dan orang yang tidak mampu menyokong siapa yang mampu kerana tidak ada yang menjadi pemimpin dan pemerintah tanpa sokongan masyarakat. Konsep ini menurut kaedah fiqh iaitu: "Sesuatu yang tidak sempurna perkara wajib kecuali dengan adanya ia, maka hukumnya adalah wajib."[189]

Kenyataan ini tegas dan terang. Ia tidak langsung membenarkan seorang pun dari umat Islam berdiam diri tanpa turut membantu dan menyokong dakwah Islam, walau apa jua keadaan dan situasi keluarga, kesihatan, profesion dan tanggungjawab akademik mereka yang menghalang mereka duduk bersama di dalam saf betul-betul.

Imam al-Syatibi memahami perkara ini berdasarkan kemantapan metod kajian dan pemahaman tepat beliau terhadap maqasid (kehendak) fuqaha Islam terdahulu ketika menggubal kaedah-kaedah umum. Syeikh Abdul Qadir Audah yang juga mengikut method yang sama dan tidak diselewengkan oleh nafsu, maka hasilnya beliau juga memperolehi natijah yang serupa. Beliau

[189] Al-Syatibi, *Al-Muwafaqat*, Jilid 1, m.s. 114

mewajibkan setiap umat Islam pada setiap zaman memberi pertolongan dan sokongan kepada Harakah Islam yang melakukan amar makruf dan nahi mungkar. Beliau meletakkan beban kesalahan penguasaan musuh-musuh Islam terhadap dunia Islam ini ke atas bahu umat seluruhnya. Beliau berkata:

"Majoriti umat Islam telah dibiasakan dengan dengan kefasiqan, kekufuran dan fahaman atheis hinggakan bila mereka melihat hal itu, ia di anggap tidak ada salahnya dengan Islam atau dirasakan Islam tidak menyuruh memerangi kefasiqan, kekufuran dan atheis itu. Mereka akhirnya langsung tidak menghiraukannya.

Padahal sesungguhnya Islam mewajibkan kepada umat Islam untuk mempelajari Islam, memahaminya dan saling mengajar sesama mereka sebagaimana firman Allah S.W.T.:

فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِنْهُمْ طَائِفَةٌ لِيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ

*"…hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam ugama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah).."* (AlTaubah: 122)

Memang telah ada kumpulan-kumpulan orang Islam yang memberi peringatan dan cuba mengajarkan Islam kepada umat Islam, tetapi pemerintah-pemerintah umat Islam pula menghalang kumpulan ini. Kerajaan ini cuba menghalang dari apa yang telah diwajibkan oleh Islam hanya kerana menyukakan hati penjajah, patuh kepada thaghut dan mengikut kehendak musuh-musuh Islam. Majoriti umat Islam pula bersetuju dengan pemerintah sebegini sedangkan sepatutnya tidak berlaku sepatutnya. Maka majoriti umat Islam telah sama-sama menanggung dosa membunuh Islam dan memusnahkan jamaah Islam yang bekerja untuk Islam."[190]

Perkataan ini, disamping mendedahkan kepedihan hati Abdul Qadir Audah, ia juga menunjukkan bahawa sesungguhnya pemimpin dakwah tidak mengada-ngada cuba merampas hak meraih sokongan dari umat Islam. Mereka sebenarnya membuat tuntutan berasas berdasarkan asas-asas, keterangan dan sandaran yang membuktikan hak itu, sebagaimana penjelasan al-Syatibi yang berharga itu.

**Imam Hasssan Al-Banna Mendaki Puncak kesedaran**

Dengan merenung kata-kata Imam al-Syatibi itu anda akan dapat memahami rahsia kesungguhan Imam Hassan al-Banna di atas jalan dan manhajnya tatkala dia enggan bersama lagi dengan orang yang ragu-ragu dan goyah pendiriannya. Beliau berkata terus-terang:

"Sekiranya kamu enggan, tidak tetap pendirian dan teragak-agak memilih antara seruan-seruan yang membingungkan dan cara-cara yang gagal itu, maka barisan tentera Allah akan tetap berjalan tanpa menghiraukan ramai atau sedikit. Tiada pertolongan dan kemenangan kecuali dari Allah."[191]

[190] *Al-Islam Baina Jahli Abnaihi wa 'Ajzi 'Ulamaihi*, m.s. 68
[191] Imam al-Banna, *Ila al-Syabab*, m.s. 16

Beliau telah menerangkan pemisahan 'mufasolah' uslub dan metod kerja dari orang-orang yang ragu di kalangan mereka yang sedang bekerja untuk Islam. Ianya bukan pemisahan aqidah seperti mana dengan orang yang kufur dan ahli bid'ah. Beliau hanya memperkatakan tentang metod yang gagal, yang dihiasi oleh rasa takut atau kerana ingin mudah dan ringkas. Bagi beliau metod gagal ialah metod yang berlainan dengan metod beliau atau hanya mengambil sebahagian dari metod beliau tanpa keseluruhannya. Sekiranya anda faham metod al-Banna, anda akan faham apa yang tidak sama dengan metod beliau. Jika anda faham kesyumulan wasail dakwah beliau, anda akan merasa betul betapa pincangnya wasa'il orang lain.

Oleh itulah, beliau telah meringkaskan tanda kesungguhan umum dalam metod kerjanya. Katanya: "Sesungguhnya segala keladak peninggalan abad-abad yang lalu dan segala kesan peristiwa silam tidak mungkin dihapuskan dengan hanya angan-angan di dalam dada atau dengan kata-kata yang ditulis dalam akhbar atau pidato-pidato yang diucapkan kepada orang ramai. Sebaliknya ia hanya tercapai dengan kepenatan berpanjangan, usaha gigih dan penuh kesabaran di samping amal yang berterusan."[192]

Jadi ia bukanlah dengan cara pidato-pidato, tulisan atau tindakan-tindakan perseorangan. Tetapi, mesti dengan wasilah yang diwajibkan oleh Islam untuk melahirkan hukum-hukumnya di dalam perlaksanaan sasaran yang wajib menjadi tujuan dan matlamat harakah Islam. Lantaran itu beliau berkata: Tidak dpat tidak perlu "Menegakkan sebuah negara Islam yang bebas di bumi ini. Negara yang mampu melaksanakan hukum-hukum dan sistem sosial Islam. Sebuah negara yang dapat menampilkan ajaran Islam yang sebenar dan dapat menyebarkannya secara bijaksana kepada semua manusia. Selagi negara ini tidak wujud, selagi itulah seluruh umat Islam berdosa. Umat Islam akan dipertanggung jawabkan di hadapan Allah kerana mereka dianggap cuai dan tidak berusaha mewujudkannya. Adalah suatu pencabulan kepada hak-hak kemanusiaan terutama dalam keadaan yang tidak menentu ini apabila wujudnya sebuah negara yang melaungkan dasar-dasar yang kejam dan menyebarkan fahaman-fahaman yang sesat namun tidak wujud sesiapapun yang berusaha menegakkan sebuah negara yang berpegang kepada kebenaran, keadilan dan keharmonian"[193]

Beliau mengulangi kandungan ucapannya itu dengan ayat yang lebih jelas dengan berkata: "Mungkin kita boleh faham jika para reformis Islam merasa selesa dengan hanya berperanan sebagai penasihat dan pembimbing ketika mereka mendapati ada ahli politik dan pemerintah yang patuh kepada perintah Allah dan melaksanakan segala hukum-Nya, menyampaikan segala ayat-ayat dan hadis-hadis Nabi s.a.w.. Namun hakikatnya seperti yang kita lihat, undang-undang Islam berada di suatu tempat dan undang-undang yang diguna pakai berada di tempat yang lain. Sikap para reformis Islam yang berpeluk tubuh tidak mahu menuntut supaya hukum Islam dilaksanakan itu merupakan suatu jenayah menurut Islam; Jenayah yang tidak akan dimaafkan kecuali dengan cara bangkit dan mengambil semula kuasa eksekutif daripada genggaman

[192] *Majalah al-Dakwah al-Misriyyah*, Bil. 67
[193] *Baina al-Amsi wa al-Yaum, al-Majmu'ah*, m.s. 225

pihak yang tidak meyakini undang-undang Islam yang suci."[194]

Tindakan praktikal al-Banna dan usahanya membentuk gerakan Islam yang meluas dan tersusun rapi adalah sebaik-baik penjelasan yang boleh difahami oleh mereka yang bekerja untuk Islam. Darinya dapat difahami mazhab amal jama'I beliau ke arah merealisasikan penubuhan sebuah daulah.

**Al-Maududi Menjelaskan Segala Marhalah**

Al-Maududi juga turut sama melakarkan bagaimanakah bentuk gerakan Islam yang diyakini layak dan sesuai untuk merealisasikan tugas *istikhlaf* (pemerintahan Islam) dan membangunkan daulah Islam di muka bumi ini.

Beliau mewajibkan jamaah Islam yang haraki supaya mereka beriltizam dengan proses tarbiyah. "Tarbiyah yang berdasarkan pandangan dan fikrah kehidupan Islam yang sejati. Tarbiyah yang didasarkan di atas kaedah-kaedah dan nilai-nilai akhlak dan proses yang sesuai dengan roh dan jiwa Islam serta sesuai dengan tabiatnya."[195]

Seterusnya, jamaah Islam itu mestilah bersungguh-sungguh melaksanakan tarbiyyah Islam ke atas setiap anggotanya berdasarkan asas ini bagi melahirkan para da'i yang melaksanakan tugas mengembangkan fikrah Islam kepada manusia. "Dengan bilangan yang cukup dari pelbagai bidang kelayakan; perundangan, politik dan segala cabang disiplin ilmu sains dan seni. Mereka juga adalah manusia yang telah mensebatikan fikrah Islam dalam darah dan daging mereka. Mereka mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi, luas sehingga mampu untuk menyusun sistem pemikiran dan teori-teori, mempu membina metod kehidupan secara praktikal yang sempurna berdasarkan prinsip dan kaedah-kaedah Islam.

Mereka inilah adalah orang yang telah dikurniakan bakat dan kemampuan oleh Allah sehingga mampu menentang dan bertarik tali dengan pemimpin-pemimpin yang mempunyai fikrah yang kufur dengan Allah dan hari kiamat. Akhirnya dengan kehabatan pemikiran mereka itu mampu menawan pemikiran dan akal lawan mereka dan menarik mereka untuk menerima dan tunduk kepada fikrah dan pemikiran Islam."[196]

Apabila harakah Islam ini telah melalui medan tarbiyyah dan dakwah umum ini, mereka akan mara setapak pula memasuki era pertembungan yakni; "..fasa pertarungan menentang sistem batil dan pincang yang menguasai masyarakat manusia."[197]

Ini adalah kerana "sistem pemerintahan dan kepimpinan tidak mungkin berubah semata-mata dengan wujudnya satu golongan atau gerakan Islam di muka bumi. Dengan erti kata lain apabila wujud satu gerakan Islam, tersusun dan bertapak di bumi, maka kita menyangka malaikat akan turun dari langit untuk mengusir orang fasik dan jahat dari kerusi kepimpinan dan kekuasaan dan seterusnya meletakkan orang yang soleh dan beriman di kerusi tersebut. Ia tidak mungkin terjadi. Tiada jalan lain bagi jamaah Islam yang 'haraki' itu kecuali terus bertarung dan menentang kuasa-kuasa kufur dan kefasikan itu."[198]

---

194 *Al-Muktamar al-Khamis, al-Majmu'ah*, m.s. 272
195 *Manhaj al-Inqilab al-Islami, Majmu'ah Nazariyah al-Islam wa Hadiyah fi al-Siyasah wa al-Qanun*, m.s. 82-83
196 Ibid
197 Ibid
198 *Al-Usus al-Akhlaqiyah li al-Harakah al-Islamiyah*, m.s. 34

Di tengah-tengah pertarungan itu; "..para da'i dan pengibar panji-panji harakah Islam akan diuji dengan pelbagai musibah, kesukaran atau tribulasi yang sukar. Mereka akan mengalami gangguan dan tekanan yang mengerikan. Mereka akan dihentam, diserang dan diusir dari tanahair. Mereka mengorbankan jiwa raga mereka dengan sabar, tabah, ikhlas dan keazaman yang kuat. Mereka diuji dengan kepayahan, kesusahan dan fitnah."[199]

Namun, ketahanan dan kesabaran mereka menggelorakan lagi pertarungan haq dan batil dalam diri individu masyarakat yang melihat dan memerhatikan ketahanan mereka. Apabila pertarungan itu tiba ke kemuncaknya, rasa simpati di jiwa beberapa orang individu makin hari makin bergelora. Mereka pun mengambil keputusan dengan begitu berani untuk bersama-sama menggabungkan diri mereka di dalam jamaah dakwah Islam yang bertahan itu. Begitulah bilangan kumpulan dakwah itu terus bertambah.

Manakala mereka yang bertabiat teruk, sakit hati, pengikut hawa nafsu dan syahwat, lama kelamaan suara mereka akan hilang, pengaruh dan kekuasaan mereka akan merosot sedikit demi sedikit di hadapan arus harakah Islam yang mengalir deras dan perjalanan yang menderu ini."[200]

**Teman Di Sepanjang Perjalanan**

Sesungguhnya perjalanan dakwah merupakan satu perjalanan yang panjang. Tetapi di sepanjang jalan ini ia dihiburkan oleh hiburan penghibur. Tugas dakwah itu adalah tugas yang sukar, namun kata-kata indah orang sodiq meringankan beban ini.

*Bangunlah, kita kembalikan keadilan pembimbing rasyidin*
*Bangunlah, kita sambung semula dengan kehebatan datuk nenek kita para penakluk*
*Bangunla, kita musnahkan segala belenggu, kerana masanya telah tiba.*
*Kerana manusia ditimpa celaka 'cinta' dunia tanpa agama*
*Mari kita kembalikan umat, sebagai rahmat bagi seluruh alam*
*Janganlah kamu berkata: Bagaimana? Kerana kita adalah umat Islam*
*Wahai saudara Islam di semua tempat,*
*naiklah ke atas bukit dan laungkanlah azan*
*Angkatlah al-Quran sebagai perlembagaan zaman*
*Penuhilah setiap ufuq dengan laungan : "Kami adalah umat Islam"*
*Muslimun, muslimun, muslimun,*
*di mana ada kebenaran dan keadilan, di situlah kami*
*Kami rela mati daripada terhina*
*Alangkah manisnya kematian di jalan Allah.*[201]

[199] *Manhaj al-Inqilab al-Islami*, m.s. 84
[200] Ibid
[201] Yusuf Qardhawi, *Majalah al-Tarbiyah al-Islamiyyah, Baghdad*, Jilid yang ke-6, m.s. 395

# 14 Kriteria Generasi Pengasas

Ada dua hakikat nyata yang sentiasa menjadi ciri da'I Islam sejati, mereka akan hanya hidup bahagia bila di berada di bawah naungan kedua-duanya:

1. Tiada bumi yang menyekatnya
2. Tiada penyiksaan yang menggerunkannya.

Dua hakikat ini sentiasa diulang-ulang dalam nasyid mereka:

*Kamilah gerombolan Allah*
*agamanya itulah tanah air (watan) kami*
*Kamilah adalah tentera Rasul yang telah dipilihNya*
*segala ujian terasa ringan bagi kami*

Da'i Islam sebenar, akan sentiasa bekerja walau di mana pun dia berada dan ke mana pun dia diusir. Dia langsung tidak rindu dan teringat kepada mana-mana tanah. Dia tidak sempit seperti orang lain dengan batas sempadan yang diada-adakan oleh penjajah. Dia merasai seluruh umat Islam adalah saudaranya. Jika dia tidak mengembara berjalan kerana dakwah, kemungkinan pada masa itu disebabkan kerana dipenjara. Maka penjara pada masa itu adalah pengembaraan rohani dan pemikirannya. Hinggakan apabila dia digantung, maka rentapan tali gantung itu sebenarnya mengangkatnya ke tempat yang mulia dan indah di dalam syurga.

Syed Qutb berkata: "Selagi beriman, pendokong dakwah tidak langsung memandang tinggi atau kagum pada pihak yang mengalahkannya. Dia yakin itu hanya satu peringkat menurun yang pasti akan berlalu. Sesungguhnya iman itu mempunyai giliran turun naik yang tidak dapat dielakkan. Seandainya perjuangannya itu membawa kematian, dia tidak akan mengalah. Semua manusia pasti akan mati, tetapi dia mati syahid dan berangkat meninggalkan bumi ini menuju ke syurga. Orang yang mengalahkannya itu menuju ke neraka. Alangkah jauhnya perbezaan di antara keduanya. Dia mendengar panggilan Tuhannya Yang Maha Mulia di dalam firmanNya:

لَا يَغُرَّنَّكَ تَقَلُّبُ الَّذِينَ كَفَرُوا فِي الْبِلَادِ(196)مَتَاعٌ قَلِيلٌ ثُمَّ مَأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ وَبِئْسَ الْمِهَادُ(197)لَكِنْ الَّذِينَ اتَّقَوْا رَبَّهُمْ لَهُمْ جَنَّاتٌ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا نُزُلًا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ وَمَا عِنْدَ اللَّهِ خَيْرٌ لِلْأَبْرَارِ

*"Janganlah engkau terpedaya oleh kerana bolak baliknya orang-orang kafir dalam negeri. (Itu semua) kesenangan yang sedikit, kemudian tempat diam mereka adalah neraka dan itulah seteruk-teruk tempat. Tetapi orang-orang yang takut kepada Tuhannya, untuk mereka itu, syurga yang mengalir air sungai di bawahnya, mereka kekal di dalamnya, serta mendapat hidangan dan sisi Allah, dan apa yang di sisi Allah, lebih baik baginya bagi orang-orang yang baik."*(Aali Imran 3:196-198 )"[202]

[202] *Ma'alim fial-Tariq*, m.s. 168

Golongan jahiliah tidak memahami hakikat yang menjadi titik tolak (muntalaq) perjuangan da'i Islam ini. Mereka lalu memburu, mengusir dan menindas mereka. Tetapi, akhirnya mereka rugi di pusingan terakhir kerana melanggar fitrah Allah pada diri da'i Islam yang menyeru manusia kepada Allah.

Kedua-dua hakikat ini, dari aspek lain sebagai bayangan kepada kemerdekaan dan harapan. Kemerdekaan membebaskan da'i dari beban rasa tamak kepada dunia manakala harapan itu mendorong mereka untuk berkorban.

Kamu boleh kata bahawa kedua-dua hakikat ini adalah hasil dari kemerdekaan dan pengharapan. Sekiranya kamu mahu, kamu juga boleh mengatakan bahawa ada empat ciri iaitu: Kemerdekaan, harapan dan dua ciri di atas, tetapi anggapan ini kurang tepat. Bagi perbincangan selanjutnya, akan diterangkan tauladan demi tauladan yang terdapat di dalam sejarah dakwah dan para da'i.

**Beberapa Pengajaran Dari Seorang Hakim al-Zubairi**

Sejarah mana-mana gerakan tidak pernah dipenuhi dengan teladan sebaik sejarah gerakan Islam; dahulu dan sekarang. Kerana terlalu banyak, sebahagian darinya telah tersembunyi dari pengetahuan generasi baru umat Islam.

Kadang-kala contoh teladan yang tersembunyi itu lebih indah dan lebih gemilang daripada yang diketahui orang. Ini terbukti melalui kisah seorang da'i yang juga merupakan seorang hakim bernama Muhammad Mahmud al-Zubairi Rahimahullah di mana segala kata-katanya dibuktikan oleh sejarah hidupnya yang praktikal dan jihad di jalan Allah.

Beliau dibesarkan di dalam warisan pusaka iman dan hikmahYaman yang diiktiraf oleh Rasulullah S.A.W.[203] Beliau berazam untuk melakukan islah dan memperbaiki masyarakat. Beliau bangkit bersama sahabat-sahabatnya pada tahun 1948M.

Usaha kebangkitan beliau ini bukan kerana dendam atau inginkan kuasa. Tetapi beliau berpandangan jauh dan merasai mesti ada satu perubahan yang memelihara  Yaman di tangan Islam sebelum negeri itu jatuh di tangan mereka yang bertaqlid kepada pemimpin yang lari dari Islam dan menjadi boneka jahiliah.

Namun, kehendak Allah S.W.T. di luar perhitungan al-Zubairi dengan sahabat-sahabatnya. Beliau terpaksa berhijrah dari satu negeri ke satu negeri sebagai pelarian politik. Walaupun usaha beliau gagal, dan terlepas peluang tetapi beliau tetap merasai kemerdekaan dalam dirinya. Beliau berbangga dengan kemerdekaan itu dengan berkata:

*Ambillah seluruh duniamu dan tinggalkanlah hatiku*
*Dalam keadaan bebas dan biarlah aku keseorangan mengembara.*

---

203 Dalam hadis Bukhari: أتاكم أهل اليمن، هم أرق أفئدة وألين قلوبا، الإيمان يمان والحكمة يمانية، والفخر والخيلاء في أصحاب الإبل، والسكينة والوقار في أهل الغنم

*Sesungguhnya kerajaan aku lebih besar dari kerajaan kamu*
*Sekalipun kamu melihatku bagai seorang pengembara dihalang.*[204]

Sesungguhnya kerajaan hatinya yang merdeka lebih besar jika dibandingkan dengan seluruh kerajaan di muka bumi yang dibangunkan atas penipuan, atau kerajaan yang mengambil alih kerajaan pertama, tetapi sama dahsyat dan hanya menyalahgunakan kata-kata revolusi.

Rasa megah al-Zubairi tidak dapat diungkapkan oleh baris-baris ayat buku ini. Ia adalah rasa megah da'i Islam, lebih dari kemerdekaan hati sahaja... bahkan ia adalah perjanjian (bai'ah) untuk bekerja dan beramal, yang diungkapkan dalam bahasa da'i. Da'i Islam dalam janji mereka itu mencontohi Ja'afar al-Khuldi al-Baghdadi yang telah menggariskan sunnah kesetiaan ketika dia berkata: "Aku tidak mungkin sekali-kali mengikat diri berjanji kepada Allah dengan satu janji lalu aku mungkirinya."[205]

Dengan jiwa sedemikianlah al-Zubairi, sasterawan unggul negeri Yaman itu bersedia sebagaimana kesediaan seorang yang berjiwa merdeka, digerakkan oleh harapan, melampaui sempadan negeri dan memandang remeh segala ujian dan tribulasi.

Empat sifat itulah yang memberikannya kesabaran di waktu yang perlukan kesabaran dan memberikannya kecekalan untuk menyeru dakwah Islam ketika saat perlukan usaha dan amal. Lalu semasa menjawat jawatan Menteri Pendidikan setelah terjadinya revolusi pada tahun 1960-an, beliau mengasaskan Parti Islam di Yaman yang sedang gawat dengan pertarungan aliran pemikiran. Ini mengakibatkan beliau ditembak dengan peluru di dadanya dan menjadi pahlawan Islam yang syahid di jalan Allah, Insya Allah.

Mereka menyangka bahawa peluru itu akan memadamkan usaha beliau ini. Sebaliknya peluru yang menembusi dadanya itu merupakan titik bermulanya kebangkitan kesedaran Islam yang mampu mengembalikan kebahagiaan di Yaman yang menangisi pemergiannya.

**Kesungguhan Untuk Menjual Diri Di Jalan Allah**

Adakah kamu sangkakan bahawa hakim al-Zubairi tidak tahu bahawa tampilnya itu akan menyebabkan peluru menembusi dadanya?

Tidak sekali-kali. Beliau cukup sedar risikonya. Tapi Yaman ingin menjadikannya contoh dan tauladan bagi da'i. Itulah sunnah atau gaya hidup da'i Islam; cintakan syahid dan mati fisabilillah.

Itulah yang di diajar oleh Khalid bin al-Walid r.a, ketika beliau menyifatkan tentera-tentera yang bersama-sama dengan beliau untuk membuka Iraq. Sifat ini menjadi ciri dan prasyarat kepada da'I pada setiap generasi. Beliau berkata kepada tentera Parsi: *"Sesungguhnya aku bawa datang kepada kamu satu kaum yang lebih cinta kepada kematian daripada kecintaan kamu kepada hidup."*[206]

---

[204] *Majalah al-Muslimin*, bilangan 2, m.s. 821
[205] *Tarikh Baghdad*, Jilid 7, m.s. 229
[206] *Tarikh al-Tabari*, Jilid 3, m.s. 344

Begitu juga puisi yang digubah oleh Abdullah bin al-Mubarak, pemimpin ahli hadis dan pahlawan jihad. Beliau sentiasa mengungkapkan kedua rangkap tersebut ketika keluar ke medan:

*Kebencian pada kehidupan dan ketakutan kepada Allah mengeluarkan daku*
*Ke medan jihad dan menjual diriku dengan harga yang tidak ternilai*
*Sesungguhnya aku telah menimbang apa yang kekal dengan apa yang fana'*
*Demi Allah, sesuatu yang kekal tidak dapat ditandingi oleh sesuatu yang fana.*[207]

**Jangan Sibuklah dengan kerja tak ada guna 'turrahat'..!**

Demikianlah kamus para da'i. Ia sentiasa berkembang dan subur. Setiap generasi menambah istilah-istilah baru ciri mereka. Setengah mereka meletakkan perkataan kemerdekaan: *"Jadilah kamu selama-lamanya orang merdeka yang tidak tunduk."* Yang lain akan menambah perkataan 'harapan': *"Esok milik kita."* Kemudian, yang ketiga menambah: *"Agama Allah itulah tanahair kita dan kami memandang remeh segala ujian, mehnah dan tribulasi."*

Sebelum mereka pula, Khalid telah meletakkan ungkapan: *"Mereka sangat inginkan kematian."* dan Ibnu al-Mubarak pula menambah: *"Menjual diri"* Al-Zahid Ruwaim pula memberi satu istilah lain ketika diminta nasihat oleh sahabatnya, beliau berkata: *"Ia adalah pengorbanan jiwa, kalau tidak (maknanya) kamu menyibukkan diri dengan kerja tak guna."*[208]

Demi Allah, demikianlah gaya hidup da'I !

Umat ini tidak mungkin akan kembali semula kepada Islamnya kecuali dengan adanya dakwah yang ditegakkan asasnya pada pengorbanan jiwa. Jika tidak, ia hanya tinggal angan-angan kosong, dengan mengharapkan pemimpin kufur dan jahiliah akan mendengar nasihat dan diplomasi. Itu semua hanya kerja tak guna '*vanity, farce*' dan sia-sia.

Dengarlah laungan suara Ibnu al-Jauzi di pantai Dajlah di Baghdad:

*"Langkah pertama di jalan ini ialah pengorbanan jiwa.*
*Ini adalah serius. Siapakah yang hendak melaluinya?"*[209]

Sentiasa ada generasi pemuda yang berseri-seri wajahnya di segenap pelusuk muka bumi Islam, menyahut seruan Ibnu al-Jauzi ini dan berkata: "Kamilah yang akan mengikutinya.

Engkau telah menyampaikan dakwah Islam dan kami menjadi saksi. Engkau telah menyampaikan kepada kami, kami telah menggabungkan diri ke dalam jamaah, kami tidak lagi membuat tindakan sendiri berkecelaruan. Inilah dia roh dan jiwa, ambil dan letakkannya di bawah perencanaan teratur. Kami serahkan jiwa kami pada bila-bila masa sahaja yang dikehendaki.

Di zaman seruan Ibnu al-Jauzi dan Ruwaim itu, di sambut pula di sebelah barat oleh lidah Lisan al-Din bin al-Khatib dengan menegaskan: *"Ya, sesungguhnya jalan ummat ini dibina di atas pengorbanan jiwa."*

Seorang da'i yang low profile generasi pertama, menamakannya jalan ini

[207] Ibid, Jilid 10, m.s. 166
[208] Ibn al-Jauzi, *Talbis Iblis*, m.s. 183
[209] *Al-Mudhish*, m.s. 299

*'jalan titisan darah'*. Beliau tidaklah mempunyai apa-apa ijazah dari mana-mana universiti dan namanya tidaklah masyhur, namun, beliau berkata kepada pemimpinnya dengan kata-kata yang penuh keimanan: *"Sesungguhnya titisan darah masih mahal bagi umat Islam. Selagi mana mereka menganggap titisan darah itu mahal, mereka tidak akan sampai ke mana, kerana harga kemuliaan dan kemerdekaan hanya dapat dibayar dengan titisan darah."*[210]

Demikian kuat dan indahnya bahasa apabila datang dari lidah yang benar, sekalipun pengucapnya tidak mengenali sasterawan al-Jarjani dan al-Jahiz. Itulah ketegasan dan keberanian menurut Muhammad Iqbal di mana kedua-duanya digabungkan di dalam satu rangkap puisi:

*Seorang mukmin itu menjadi tegas apabila melihat kebatilan itu melampaui batas*
*dan berani di dalam menghadapi setiap pertarungan.*[211]

Itulah pengorbanan yang dikatakan oleh Walid al-'A$^{c}$zamiyy: *"Itulah Islam, menuntut pengorbanan."*

Seorang da'i telah menukilkan kata-kata di dalam puisinya, ingin menyatakan bahawa keagungan itu tidak mungkin tegak jika hanya hidup untuk untuk nafsu:

*Sesungguhnya jiwa ini meredhai Islam ini sebagai agamanya*
*Andainya dia duduk berdiam diri dan puas hati*
*atau melihat Islam ini terhina di muka bumi ini*
*dan jiwanya mencintai kehidupan dunia yang fana ini*
*Dia tidak tergolong di kalangan umat Islam yang agong*

Seorang da'i yang faqih menghimpunkan semua istilah itu di dalam satu fatwa fiqhiyah yang jelas, jauh sekali dari emosional. Kata beliau:

"Tugas amar makruf nahi mungkar adalah fardhu kifayah yang wajib ada dalam ummat Islam. Tetapi, sekiranya pemerintah itu zalim, melampau serta tidak mahu mendengar nasihat sehingga ke peringkat membunuh sesiapa yang memberi nasihat serta menyuruh dia membuat kebaikan dan melarang dia dari kemungkaran, maka pada ketika itu kefardhuan ini gugur dari seseorang individu. Tetapi tugas ini tidak gugur dari ummah. Walaubagaimanapun digalakkan kepada individu melakukan amar ma'ruf nahi mungkar ini sekalipun dia akan dibunuh.

Ini telah dijelaskan oleh hadis yang bermaksud : *"Penghulu seluruh para syuhada ialah Hamzah bin Abdul Mutalib dan lelaki yang mengucapkan kata-kata yang benar kepada pemerintah yang zalim lalu dia dibunuh." (Tabrani, Hakim – pent)*

Dapat difahamkan dan hadis ini, digalakkan menyuruh pihak berkuasa yang zalim kepada makruf dan melarangnya dari mungkar sekalipun membawa kepada dibunuh. Perbuatan sedemikian bukannya bererti dia mencampakkan dirinya di dalam kebinasaan. Ia tidak termasuk dalam pengertian yang dimaksudkan di dalam ayat al-Quran yang bermaksud:

*"Janganlah kamu mencampakkan diri kamu di dalam kebinasaan."*

Syahid di jalan Allah bukanlah satu kebinasaan. Itulah sebahagian dari bentuk jihad. Ia akan menguatkan semangat orang yang benar, melemahkan kebatilan dan menghalang mereka melakukan kezaliman. Pengertian ini amat

[210] *Muzakkirat al-Dakwah wa al-Da'iyah*, m.s. 114
[211] *Diwan al-Karb*, m.s. 29

sesuai dipraktikkan oleh para mujahidin dan umat Islam. Syariat Islam juga menggalakkannya."[212]

**Tiga Peringkat**

Fatwa-fatwa, himpunan istilah dalam kamus da'i, kemaraan mengharungi bahaya di jalan dakwah, tauladan dari Yaman dan puluhan tauladan para ulama' dan da'i Islam dulu dan sekarang itu sebenarnya bukanlah satu tindakan gopoh tanpa berfikir. Tetapi ini semua sebenarnya memantapkan satu fasal dalam undang-undang tarbiyyah harakiyyah bagi *qai'dah sulbah.* Tajuknya: **Menanamkan rasa sedia dan menjelaskan beban perjalanan sejak dari permulaan lagi.**

Perlunya persediaan jiwa untuk mengorbankan nyawa dan titisan darah ketika diperlukan. Dakwah bukanlah persatuan kebajikan yang hanya berpuas hati dengan sedikit pengorbanan !

Perlu persediaan untuk penat lelah setiap hari... perjalanan dakwah adalah panjang sebelum sampai ke matlamatnya. Tidak cukup dengan bertepuk tangan dalam perhimpunan atau memuji ucapan dan pidato.

Begitu juga perlu persediaan untuk mengorbankan kegembiraan, memikul musibah dan penderitaan umat yang berat. Bermula dengan masalah Palestin, masalah Kristianisasi di Indonesia, penyembelihan umat Islam di India, Bangladesh dan Filipina serta di seluruh dunia yang dikuasai oleh jahiliah.

Salah seorang jurunasihat Islam telah menyimpulkan tiga marhalah ini sejak dulu lagi dalam ucapannya:

*"Wahai saudara, permulaan jalan ini mudah, kemudian datanglah peringkat duka cita.*

*Permulaannya dengan mengorbankan kegembiraan,*
*pertengahannya mengorbankan nyawa."*

Sepatutnya ada peringkat terakhir, yang lebih besar dari mengorbankan nyawa tetapi beliau tidak menyebutkan. Para da'I dapat merasakannya iaitu mengorbankan sesuatu yang lebih dari nyawa. Saya rasa ia adalah kerinduan yang bersangatan kepada tujuh puluh bidadari. Ia merupakan himpunan kerinduan sehingga mereka lupa nikmat rehat, nikmat makan dan minum di dunia dan lupa kepada gurauan isteri di dunia. Dia terus terawang-awangan, berlarian tanpa menoleh ke kiri atau ke kanan.

Dari sifat marhalah yang diterangkan lama oleh juru nasihat ini dan dari perspektif lain pula dari tiga persediaan tersebut, kesemuanya menjelaskan kepada kita ciri haraki moden bagi marhalah yang bertahap-tahap menurut kesesuaian kemampuan kekuatan dan waqi'. Ianya mengalir ke arah masa depan dalam aliran yang gabungan mantap antara fiqh syar'i dan pengalaman.

**Sembang Mereka Yang Berehat 'relaks'**

Itulah yang telah dikatakan oleh Imam Ahmad bin Hambal. Atau dalam ungkapan lain.. sembang orang yang berjiwa rehat.

---

[212] *Majalah al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*, Bil. 5, m.s. 760

Imam Ahmad adalah salah seorang da'i Islam yang bijak. Beliau memimpin kumpulan da'i Islam di zamannya yang kesemuanya suka berkorban dan bekerja untuk Islam. Beliau memahami nilai thabat da'i dalam menghadapi mehnah dan ujian. Keengganan beliau mematuhi kehendak pemerintah mahukan beliau mengiyakan pendapat 'Quran adalah makhluk (pendapat bid'ah muktazilah)' telah memberi kesan kuat mengukuhkan pendirian kaum muslimin. Oleh kerana itu, beliau tidak menemui panggilan yang sesuai terhadap mereka yang tidak memahami bahasa dan istilah da'i selain dari istilah *"Orang yang mempunyai pemikiran yang mahu berehat 'relaks' sahaja."*

Beliau bukanlah memaksa atau menghina mereka. Bahkan beliau mencintai mereka, bersungguh-sungguh memperbaiki mereka dan cuba mengambil faedah dari kebaikan mereka walaupun sedikit. Tetapi, beliau tidak memasukkan orang sebegini ke dalam barisannya selagi pemikiran mereka jenis sukakan relaks dan tidak tergerak melihat penderitaan umat.

Ahmad bin Daud Abu Said al-Wasiti telah berkata:

*"Aku telah masuk ke dalam penjara untuk menemui Imam Ahmad bin Hanbal sebelum beliau di sebat. Aku berkata kepadanya, "Wahai Abu Abdullah (gelaran Imam Ahmad), engkau ada keluarga, engkau ada anak-anak kecil. Engkau diberi keuzuran oleh syarak (boleh mengambil rukhsah)"*

*Rupa-rupanya kata-kataku itu memudahkan padanya untuk menjawab.*

*Maka berkata Imam Ahmad kepadaku: "Wahai Abu Said, kalau beginilah cara fikirmu, engkau sebenar telah berehat."*[213]

Betapa banyaknya kata-kata begini disebutkan kepada para da'i pada hari ini. Betapa ramainya orang yang telah memahami Islam lalu, kemudiannya membisikkan kepada dirinya dengan kata-kata sebegini. Lalu mereka menjadi bacul, menyorok dan tidak menggabungkan diri dalam barisan da'i. Demikianlah kata-kata orang yang telah beristirehat sebagaimana yang telah ditegaskan oleh Imam Ahmad bin Hanbal.

Bagaimanakah seseorang yang terasa sakit hatinya melihat realiti ummat Islam itu mungkin boleh berehat? Bagaimana dia boleh membiarkan anak-anak dan isterinya menghina dan mengikat dirinya daripada bersama-sama dalam barisan da'i? Bukankah mati itu telah ditetapkan?

Lihatlah kepada seorang da'i di Mansurah, Mesir; Solah al-Syarbini Rahimahullah. Peluru Inggeris tidak dapat mematikannya ketika beliau memerangi Inggeris di Terusan Suez, tetapi beliau mati di atas katil di hospital selepas beberapa hari menunaikan haji di Mekah.

Begitu da'I dari Basrah, Qais al-Qirtas Rahimahullah. Beliau tidak mati ketika dikenakan siksaan penjara yang dahsyat. Sebaliknya beliau mati kerana terhidu gas beracun di tempat permandian beberapa hari selepas keluar dari penjara.

Da'i dari Gaza, Umar Abu Jabarah Rahimahullah, seorang pendokong dakwah sejak kecil lagi. Beliau dipenjara dan dipaksa melakukan kerja-kerja

---

213 Ibn Abi Ya'la, *Tabaqat al-Hanabilah*, Jilid 1, m.s. 43

berat setiap hari tetapi beliau tidak mati di situ. Dia mati setelah dibebaskan dari penjara akibat terjatuh sedikit.

Dakwah dan jihad tidak mempercepatkan ajal, (begitu juga sebaliknya, duduk relaks tanpa dakwah tidak akan melambatkan ajal) tetapi dakwah dan jihad akan mengangkat da'I ke syurga Firdaus.

Sekiranya seseorang muslim itu tidak mahu bergabung bersama dengan Imam Ahmad atau pewaris Imam Ahmad pada hari ini dan dia duduk sahaja kerana uzur atau seolah-olah ada uzur, maka dia disepatutnya merasa sedih. Paling kurang dia sepatutnya mencela dirinya sendiri kerana tidak bersama-sama dalam gerombolan da'i. Dia hendaklah jadi seperti sikap al-Zahid Bisyru bin Haris al-Hafi pada hari Imam Ahmad di siksa. Apabila ada orang menceritakan kepadanya:

*"Sesungguhnya Ahmad bin Hanbal telah disebat setakat ini sebanyak tujuh belas kali dengan cemeti,"*

*Bisyru pun menghulurkan kakinya dan melihat kedua betisnya lalu berkata: "Alangkah buruknya betis ini, tidak diikat dengan pasung untuk menolong lelaki itu (Ahmad bin Hanbal)."*[214]

Beliau terkenal dengan cintanya kepada Imam Ahmad bin Hanbal. Walau bagaimanapun, khalifah membiarkan dia tanpa diganggu dan tidak diazab kerana kemasyhuran zuhudnya, tambahan pula dia dikasihi oleh orang ramai. Khalifah tidak mahu menimbulkan kemarahan rakyat.

Mukmin yang benar akan menyalahkan dirinya apabila mengundurkan diri atau menfatwakan kepada dirinya ketinggalan dari barisan da'i. Dilakukan kerana kelemahan dirinya atau kerana syubhat. Dalam keadaan itu dia sepatutnya merendah diri kepada pada da'i dan bukannya bercakap bukan-bukan. Dia sepatutnya mencela ijtihadnya itu. Sepatutnya dia memuji da'I yang sabar yang boleh menggembirakan hati mereka.

Manakala mereka yang diperhambakan nafsunya, dia akan berdebat, bercakap dengan percakapan yang bukan-bukan, melemparkan kata-kata kukuh dan mantap untuk mengatakan dia bukan orang yang mengundurkan diri. Sikapnya tersebut akan menambahkan lagi kekurangan dan kesalahan dirinya. Semoga Allah melindungi kita dari bersikap demikian.

Mereka yang lari, tidak menyertai saf dan berehat akan sentiasa berada dalam golongan yang dicela dan disalahkan hinggalah mereka memahami ciri-ciri haraki dan berbicara dengan bahasa da'I, bermadah bersama mereka untuk mengkritik keadaan diri mereka masa dulu:

*Islam itu berlepas tangan dari orang yang ragu dan hina*
*Yang memandang Islam hanya puasa dan solat*
*Padahal puncak agama itu ialah jihad*
*Berjihadlah atau kita akan disingkir dari kehidupan*

Demikianlah kata-kata yang tegas dan ringkas serta kata putus bagi keadaan dan situasi umat Islam di seluruh dunia hari ini. Sama ada jihad dan berjanji untuk menitiskan darah atau disingkirkan oleh kehidupan. Sekiranya

---

[214] Ibn al-Jauzi, *Manaqib Ahmad*, m.s. 119

mereka disingkirkan, Allah akan menggantikan mereka dengan satu kaum lain. Mereka berlemah lembut kepada orang-orang yang beriman, sebaliknya keras dan tegas kepada orang yang kafir. Mereka berjihad pada jalan Allah dan tidak takut cercaan orang yang mencerca. Mereka tidak terpedaya dengan kecantikan wanita atau kilauan harta. Mereka tidak takut pada kebuasan taghut dan tidak gentar menghadapi bedikan jahiliah.

**Ya… itulah jalannya.. atau mereka layak digelar sebagai pemilik mentaliti relaks !**
**Inilah dia… atau yang lain yang hanya kerja remeh-temeh yang tak guna !**

# 15 Peluasan Yang Seimbang dan Penyebaran Yang Berhati-hati

Hasil pertama yang dirasai oleh seorang mukmin dari izzah imannya ialah; kefahaman beliau bahawa dalam Islam ini ada kekuatan yang hebat dan hanya seorang manusia sahaja sudah mampu untuk mengiklankan kebenaran tersebut. Mukmin tersebut juga dapat merasai bahawa segala pemikiran jahiliah hanya palsu dan memerlukan bilangan ramai untuk diiklankan. Pemikiran jahiliah ini hanya mampu menarik perhatian orang-orang yang berfikiran cetek, lalu terpedaya dan tertipu dengan kepalsuan jahiliah tanpa mengetahui bahawa mereka semua sebenarnya berada di dalam kesesatan.

Oleh itu, kita selalu dapat melihat umat Islam ini kadangkala tercerna dan diwakili oleh hanya seorang mukmin sahaja, sebagaimana firman Allah S.W.T. :

إِنَّ إِبْرَاهِيمَ كَانَ أُمَّةً قَانِتًا لِلَّهِ حَنِيفًا وَلَمْ يَكُنْ مِنَ الْمُشْرِكِينَ

*"Sesungguhnya Ibrahim adalah umat yang taat (patuh) kepada Allah, lagi cenderung kepada agama yang lurus."* (Al-Nahl 16: 120)

Ibnu Taimiyyah berkata, maksud ayat ini ialah: "Hanya Ibrahim seorang sahaja yang beriman sedangkan manusia lain semuanya kafir."[215]

Tersebut dalam sahih al-Bukhari, Nabi Ibrahim a.s. berkata kepada isterinya: "Wahai Sarah, tidak ada orang yang beriman di muka bumi ini kecuali aku dan engkau sahaja."[216]

Demikian juga pada satu ketika, umat Islam ini hanya diwakili oleh Nabi Muhammad S.A.W. seorang sahaja.

Lantaran itu seorang mukmin tidak mungkin langsung akan merasa terasing dan dagang 'ghurbah' kerana sebenarnya dia mewakili iman dan hakikat yang benar. Dia merasai manusia lain yang sesat itulah sebenarnya yang dagang dan meraba-raba.

Justeru, ketika ada seorang yang tidak faham menyangka Abdul Wahab Azam hidup sebagai orang dagang di tengah-tengah masyarakatnya, dia segera menjawab tegas:

*Seorang sahabat berkata kepadaku: aku melihat engkau seperti orang asing*
*Bersendirian di tengah-tengah manusia tanpa sahabat dan teman*
*Aku berkata: Tidak sekali-kali, bahkan manusia itu yang asing*
*Aku tetap di dalam alamku dan inilah jalanku.*[217]

Adapun keterasingan orang-orang yang dikatakan umpama perantau yang disebut di dalam sebuah hadis:

"*'Tuuba lil al-ghuraba'* Berbahagialah mereka yang asing." Sebenarnya asing dalam hadis ini adalah relatif berdasarkan waqi' keliling, kerana bilangan

---

[215] Ibnu Taimiyah, *Majmuk Fatawa*, Jilid 11, m.s. 436
[216] *Sahih al-Bukhari*, Jilid 4, m.s. 171
[217] *Diwan al-Mathani*, m.s. 43

mereka yang sedikit di tengah-tengah buih-buih sesat. Namun, dari sudut naluri dan perasaan, sesungguhnya mukmin yang keseorangan di tengah-tengah manusia yang sesat itu mempunyai teman dan kawan yang menjauhkannya dari keterasingan yang hakiki.

**Tanggunggungjawab Kita Hanyalah Menyampaikan**

Perbezaan perasaan antara penyeru keimanan dengan penyeru kebatilan inilah yang menyebabkan penyeru kebatilan sentiasa dalam keadaan penat. Mereka perlu terpaksa merubah bentuk dan rupa kebatilan mereka apabila ia tidak mampu memperdaya manusia. Mereka memberi alasan tindakan mereka itu sebagai perkembangan fikiran dan dialitik. Bagi mereka (kerana cara fikir mereka yang materialisma dan hanya menilai keuntungan dan kerugian dari faktor material semata-mata) sesiapa yang ingin mengembangkan mana-mana ideologi tertentu, apabila ideanya sudah tidak mendapat sambutan, mereka perlu segera menukarnya.

Sebaliknya, seorang da'i Islam yakin bahawa kewajipannya ialah mereka mesti memilih kata-kata yang sesuai dengan syarak, dan kemudian mengikut uslub yang sesuai berdasarkan ijtihadnya. Kemudian segalanya diserahkan kepada Allah. Sekiranya dakwahnya tidak diterima manusia, ini bermakna ada hikmah rabbaniyyah di sebaliknya. Sekiranya Allah menghendaki, tentu mereka akan diberi hidayah, tetapi Allah tidak mahu mereka menyertai golongan da'i. Oleh itu, tiada jalan lain bagi da'I melainkan terus thabat dengan pegangan mereka.

Kesedaran terhadap hakikat iman ini menyebabkan Dr. Yusuf al-Qardhawi menjawab orang yang membangkangnya, beliau berkata:

*Aku hairan melihat mereka yang berkata: Anda berdegil di dalam cita-cita*
*memelihara idealisme yang tinggi dan pendakian yang sukar*
*berhentilah di sini, janganlah bersusah payah*
*engkau hanya menyemai benih di bumi yang kontang*
*Aku berkata kepadanya: Tunggu ! putus asa bukan sikapku*
*Akan kutabur benihku di bumi dan buahnya hanya dari Tuhan*
*Apabila aku telah sampaikan risalah ini dengan bersungguh-sungguh*
*Kemudian aku tidak dapati yang menyahutnya, apa dosaku?*[218]

Itulah qanun dakwah Islam. Apabila kita tidak mencapai apa yang kita harap dan kita inginkan, cukuplah kerja kita ini untuk menjadi motivasi generasi baru agar meneruskan perjalanan ini. Sesungguhnya berjaya memulakan sesuatu adalah tanda ianya boleh ditamatkan.

Atau seperti yang dikatakan oleh al-Rafi'e:

"Urusan yang susah apabila ia dapat dimulakan cukuplah ia menjadi bukti ianya boleh dilaksanakan."[219]

Kewujudan contoh da'I yang baik di seluruh pelusuk bumi Islam sudah cukup untuk membuktikan bahawa pelaksanaan idealisma Islam dalam satu tajammuk haraki di tengah-tengah kepakatan jahiliyyah adalah suatu yang boleh. Bukti inilah yang menjadi titik tolak 'muntalaq' bagi kita untuk meneruskan perjalanan usaha ini. Terus berusaha untuk memperbanyakkan

[218] Majalah *al-Mabahith al-Misriyyah*, Bil. 31 tahun 1951
[219] *Wahyu al-Qalam*, 1/21

proses tarbiyyah contoh-contoh yang sama hinggalah kita sampai kepada bilangan yang mampu untuk memimpin manusia dikekeliling kita.

Sekiranya da'I hari ini tidak mampu mencapai kemenangan, cukuplah bagi mereka sepertimana yang dikatakan oleh Syed Qutb:

"Mereka adalah kuli(pekerja) kepada Allah. Walau di mana, bagaimana dan cara mana yang dikehendaki Allah supaya mereka bekerja, maka mereka jalankan kerja itu dan mereka menerima pahala sebagaimana yang diketahui. Bukan tugas dan tanggungjawab mereka untuk menentukan berhasil atau tidaknya dakwah itu. Ia terserah kepada tuannya dan bukan urusan kuli.[220]

**Kita ingin menjadi pimpinan**

Sikap itu adalah tuntutan iman. Namun begitu, menjadi lumrah manusia cenderung untuk mempunyai ramai teman. Mata gembira melihat iman mengalahkan kufur. Tatkala itu, bergembiralah orang-orang yang beriman dengan pertolongan Allah.

Perasaan itulah yang mendorong da'i berusaha bersungguh-sungguh mempelajari seni dakwah supaya mereka berjaya menyelamatkan sebanyak mungkin generasi muda dari kesesatan ke jalan yang lurus. Kamu melihat mereka sangat gembira apabila berjaya mendapat satu bai'ah baru. Menjadi doa yang paling di sukai mereka ialah doa yang tersebut dalam al-Quran:

وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

*"Dan jadikanlah kami imam, pimpinan (ikutan) bagi orang-orang yang bertakwa."* (Al- Furqan 25:74)

Doa itu bukan kerana mereka inginkan kuasa atau suka menunjuk-nunjuk yang merupakan suatu perbuatan tercela. Tetapi ianya adalah apa yang diperkatakan oleh Imam Ibnu al-Qayyim:

"Dia suka menjadi imam (ikutan) di dalam agama bahkan dia memohon kepada Tuhannya supaya menjadikannya sebagai imam dan pemimpin bagi mereka yang bertakwa kepadaAllah, diteladani oleh orang-orang yang bertakwa dan soleh sebagaimana dia sendiri menjadi pengukit kepada orang-orang yang bertakwa.

Sekiranya seorang da'I itu suka dipandang tinggi oleh orang yang bertakwa, hebat di hati mereka, dicintai dan ditaati; dan semua itu kerana niat membimbing orang bertaqwa itu mengikut jejak langkah Rasulullah S.A.W., maka sikap demikian tidak mengapa, bahkan ia suatu yang terpuji kerana dia mendokong dakwah Islam dan menyeru manusia kepada agama Allah. Ia mahu Allah dicintai, ditaati, disembah dan diesakan. Oleh itu dia suka segala perkara yang membantu untuk mencapai matlamatnya itu. Untuk itu, Allah S.W.T. telah menyebut golongan hamba-hambanya yang khusus untukNya, memuji mereka di dalam kitabNya dan memberi balasan baik kepada mereka pada hari akhirat. Allah memuji amal dan sifat mereka yang terbaik dalam firmanNya:

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

*"Dan orang-orang yang berkata: Ya Tuhan kami, berilah kami isteri-isteri dan*

[220] *Ma'alim fi al-Tariq*, m.s. 181

*anak-anak yang menggirangkan hati kami, dan jadikanlah kami imam (ikutan) bagi orang-orang yang bertakwa."* (Al-Furqan 25: 74)

Mereka ini memohon kepada Allah supaya sejuk mata mereka ialah apabila isteri-isteri dan zuriat mereka taat kepada Allah S.W.T. . Kegembiraan hati mereka ialah bila mereka menjadi ikutan orang-orang yang bertakwa dan soleh untuk mentaati Allah beribadah kepadanya.

Sesungguhnya imam dan makmum itu saling bekerjasama dalam mengerjakan ketaatan. Oleh itu, mereka hanya memohon kepada Allah sesuatu yang boleh menolong mereka mencapai keredhaan Allah dan taat padaNya. Doa mereka ialah supaya mereka dijadikan imam dan pemimpin dalam agama."[221]

**Perluasan tajmik Perlu seimbang Dengan Tenaga Tarbiyah**

Tetapi keinginan untuk menjadi ikutan dalam dalam agama tidak sepatutnya pula tidak menjadikan kita bermudah-mudah dengan sifat imaniyyah dan sifat semulajadi yang kita telah syaratkan bagi sesiapa yang hendak bergabung dalam gerombolan ini. Perlu ada keselarasan dan keseimbangan di antara peluasan tajmik dan kemampuan tenaga tarbiyyah yang kita miliki.

Satu kesilapan yang paling merbahaya ialah bagi dakwah ialah apabila ia melakukan tajmik yang luas sebelum adanya sekumpulan da'I yang mampu mentarbiah mereka yang telah ditajmik itu. Kumpulan da'i itu sendiri pula mesti memperuntukkan sebahagian dari waktunya pula untuk meneruskan tarbiyyah diri sendiri dengan ilmu dan ibadat, kerana jika tidak, hati mereka akan menjadi keras setelah mereka dapat menikmati kelazatan di peringkat permulaan. Apabila hati telah keras, akan hilanglah pula roh-roh persaudaraan.

Keseimbangan ini bukan hanya khusus pada permulaan dakwah sahaja, bahkan mestilah meliputi seluruh fasa pengembangan dakwah. Jika tidak, dakwah akan diancam bahaya yang besar.

Oleh itu perencanaan dakwah pada peringkat permulaannya jangan digambarkan akan merangkumkan seramai mungkin orang awam dan orang biasa '*rajul syari*", kecualilah jika kita melonggarkan syarat-syarat penggabungan. Adalah satu kesilapan besar jika kita biarkan dakwah cuba mengutip dan beriya-iya mendapatkan '*rajul syari*" sebelum wujudnya satu bilangan yang cukup mereka yang yang mempunyai kesedaran dan tarbiyyah yang mantap.

Kalangan da'i yang terlibat dalam bidang politik biasanya mahu supaya dakwah berlumba-lumba dengan parti-parti politik untuk menarik sebanyak mungkin orang biasa. Sedangkan kita dapati yang jelasnya orang biasa '*rujul syari*'' di mana-mana negara Islam sekalipun tabiat biasanya ialah tidak bersedia untuk duduk lama bersama-sama dengan mana-mana jamaah.

*'Rajul Syari', ghaugha', duhama' (mob, riffraff & rabble)* dan orang ramai yang bising-bising ini biasanya adalah orang yang tidak tetap pendirian. Mereka itulah yang biasanya menjadi tunggak utama dan asas hidupnya parti-parti jahiliah kerana biasanya boleh menukar gantikan program dan uslub mereka menurut kehendak pengikut atau pasaran semasa yang laris.

---

[221] Ibn al-Qayyim, *Al-Ruh*, m.s. 252

Tetapi dakwah Islam tidak akan menang dengan orang-orang seperti ini. Bukan orang-orang sebegini yang akan mengubah perjalanan sejarah.

Tajmik untuk ramai dalam masa singkat mungkin tetapi ia tidak dapat bertahan lama.

Lebih dari itu, tajmik yang meluas akan meletakkan jamaah pada situasi baru yang memerlukan penggunaan tenaga yang besar untuk pengurusan. Ia juga memerlukan kumpulan qudwah yang tinggi tarafnya untuk mengekalkan perkumpulan tersebut di dalam lingkungan kehidupan rohaniah ketika mengharungi pelbagai peristiwa. Sekiranya kemampuan tenaga dan qudwah tersebut tidak cukup sebelum dilakukan tajmik meluas dan bekerja dengan '*rajul syari"* itu, maka ini bermakna dakwah telah menghimpunkan orang ramai yang hanya Islam pada nama tetapi mempunyai pelbagai kecenderungan yang tidak terkawal dan tidak mahu tunduk kepada langkah yang bijaksana. Mereka hanya akan bertindak tanpa arah dan tujuan. Mereka mungkin menggunakan Islam untuk membuat sesuatu yang bukan Islam. Bahkan kadangkala memburukkan Islam dengan fahaman yang bercampur baur, teori-teori kufur dan akidah-akidah yang bercampur aduk dengan bid'ah.

**Seimbang Dalam peluasan medan**

Sikap bermudah-mudah '*tasahul*' semasa pemilihan dan tindakan meramaikan 'kuaniti' tanpa 'kualiti' (*takathur la tarkiz*) akan melahirkan pelbagai tindakan dan kegiatan yang tidak terancang dan tidak bertujuan. Dari situ, rasa tidak mahu dikalahkan oleh golongan jahiliyyah, penyeleweng dan mulhid (atheis) dan mahu menguasai seluruh medan penglibatan keilmuan *(thaqafiyyah)* dan politik untuk memimpin manusia; itu semua menyebabkan da'I mula mengikut style kerja parti-parti politik tanpa melihat kemampuannya sendiri. Ini juga mendorong mereka turun ke medan dan pentas gelanggan sedangkan mereka tidak mempunyai persediaan yang cukup.

Akibatnya, berlakulah simpang-siur amal dan berseleraklah tenaga da'i yang berkemampuan. Lalu, pengaruh dan kesan kerja tersebut tidak mantap di setiap bidang yang diceburi. Berlaku kepenatan dan perahan tenaga yang dahsyat.

Hal ini sama sepertimana yang terjadi dalam pertempuran di medan perang. Sejarah peperangan telah menunjukkan banyak contoh panglima-panglima perang yang tidak teliti di dalam penyusunan strategi. Mereka membuka banyak medan pertempuran serentak menyebabkan kekuatan mereka terpecah-pecah. Mereka bukannya menghadapi musuh secara satu persatu. Ini menyebabkan mereka kalah. Ilmu persedian ketenteraan sentiasa mengingatkan kepada panglima-panglima perang supaya mereka tidak terlalu melamakan masa satu-satu pertempuran dan hendaklah diserang secara bersepadu yang dapat menjamin berulangnya serangan sekiranya serangan yang pertama gagal. Mereka juga hendaklah mempunyai pasukan reserve '*ihtiyati*' untuk menangkis serangan mengejut dan gerakan dari belakang.

Apa yang kami sebutkan ini bukan bertujuan untuk mengajak kita supaya berelaks, kerana relaks itu adalah maut. Ia bukan bertujuan untuk menyejukkan semangat kerana ia akan melepaskan segala peluang. Ini juga tidak bertujuan untuk menghalang kita dari mengambil pelajaran dari teknik-

teknik kerja *smart* yang ada pada group jahiliah. Kita boleh mengambil kebaikan dari mereka selagi tidak bercanggah dengan nas syarak dan tidak bertentangan dengan uruf akhlak yang dipandang baik oleh mukmin.

Sebenarnya kami mengajak supaya kita menilai waqi' kemampuan kita, men*tarkiz* 'fokus' kan usaha dan memasuki gelanggang yang sesuai berdasarkan kepentingannya.

Usaha lebih dahulu oleh penjajah kafir dalam membentuk parti-parti politik telah menyebabkan mereka telah mendahului parti-parti dakwah Islam. Ini ditambah lagi kebingungan umat Islam yang ikhlas selepas tumbangnya Khilafah Islam Uthmaniyah. Oleh itu masalah ini tidak mungkin dapat diatasi sekaligus, tetapi ia hendaklah dengan tindakan dan perjalanan yang seimbang.

Oleh kerana itu, **perkembangan dan peluasan yang seimbang di setiap medan** adalah menjadi pelengkap kepada **keseimbangan perkembangan bilangan ahli** bagi memelihara dakwah dari kemusnahan. Hubungan pengaruh dan kesan terhadap besarnya apa yang didengar dan dilihat di dalam manifestasi tarbiyyah mewajibkan kita untuk memelihara saiz yang sesuai dengan keluasan medan yang dibuka untuk diseimbangkan dengan pembahagian yang sesuai. Semakin kurang bidang yang diceburi, semakin bertambahlah tenaga yang ada.

Sejarah yang baru saja berlalu menunjukkan kepada kita bagaimana ada harakah Islam yang telah terlibat dalam pembahagian banyak kerja dan memasuki semua medan secara tergesa-gesa dan gopoh, sebagai satu tindak balas terhadap pelbagai situasi politik dan kepartian. Da'I terpaksa bertarung sengit dengan golongan ideologi jahiliah di dalam badan-badan bukan kerajaan (NGO), kesatuan-kesatuan sekerja, kelab-kelab kesusasteraan dan badan-badan sosial. Sedangkan ketika itu, bilangan anggota gerakan Islam yang berkemampuan, berpengalaman dan mahir masih lagi kurang.

Pandangan yang matang mengingatkan sungguh-sungguh perlunya penekanan tarbiyyah dalaman, pemantapan iman dan peneguhan saf dengan menanamkan rasa ketaatan dan iltizam sebelum memasuki gelanggang pertarungan dan persaingan.

Dalam keadaan kemampuannya lemah, da'i yang faqih tidak akan ter*provok* dengan kemenangan kafir yang kuat. Bahkan dia mengawal marahnya, bersabar dan memulakan kerja-kerjanya secara teratur dan sentiasa menyediakan tapak yang mantap sebelum kakinya melangkah…

**Kemajuan Datang Dari Kepayahan**

*Semangat da'i yang begitu bersemangat tidak semestinya berhasil, kerana ia tertakluk kepada realiti.*

*Antara fenomena waqi' terpenting yang menghalang da'i dari melaksanakan semangat dan cita-citanya ialah kelemahan dan rendahnya level sebahagian da'i untuk menyaingi pihak lain. Usaha untuk menghadapi pihak jahiliah dalam segenap bidang yang dimasuki mereka sekarang memerlukan kemampuan, dan kecekalan da'i. Realiti kita menunjukkan betapa kurangnya tenaga sedemikian di kalangan anggota harakah Islam kita yang mampu memimpin, kreatif, inovasi, bergerak dan terus menerus bekerja. Apa yang berlaku ianya terus menerus tertumpu kepada hanya beberapa da'I yang sama.*

*Sesungguhnya aspek yang dilupai oleh mereka yang bersemangat itu sebenarnya terletak pada tidak sedarnya mereka bahawa i) fiqh pemilihan dan pengenaan syarat yang ketat ii) kemantapan niat dan semangat kental terus menerus yang terhasil….*

*Sebenarnya kedua-duanya itu lahir dan terbentuk melalui:*

*i) hasil pemikiran selama beberapa tahun ii) proses tindak balas hati yang mendalam terhadap kesilapan-kesilapan iii) serta kepayahan & keperitan kerja yang berterusan.*

*Orang yang tidak memahami fiqh ini dan tidak pernah mengharungi susah payah itu tidak akan sampai kepada 'mustawa' yang sama dengan mereka bila tiba dalam pelaksanaan.*

*Sesungguhnya itulah hakikat realiti yang berlaku. Hanya dengannya sahaja pendapat yang ideal dan tindakan yang sepontan dalam perencanaan akan bertukar kepada tadarruj yang sesuai dengan kemampuan. Adalah menjadi kesalahan apabila kita menuntut satu bentuk yang mantap dan penuh kesedaran dari da'i yang lemah. Semata-mata desakan semata-mata tidak akan cukup jika tidak didahului dengan tarbiyyah.*

**Fokus pada 'memprodukkan' Orang-orang Thiqah**

Tidakkah anda lihat bagaimana kerajaan negara-negara membangun menumpukan pada peringkat awalnya pada industri berat? Ini kerana, industri berat merupakan kunci peluang untuk mewujudkan industri-industri ringan lain.

Demikian juga kita di peringkat permulaan dakwah. Kita seolah-olah sedang berada di peringkat permulaan akibat banyaknya kesilapan yang berlaku dan dahsyatnya serangan dari pihak kafir dan tali barut mereka.

Usaha kita mesti ditumpukan kepada '*kilang-kilang thiqat*' (proses melahirkan golongan thiqah) yang akan mendidik dan membentuk da'i yang bersenjatakan iman dan fiqh haraki. Mereka perlu disimpan bagi menghadapi kufur medan demi medan. Segala kemampuan mesti disimpan bagi membantu, mengukuh dan memantapkan badan yang akan mentarbiyyah golongan thiqah tersebut.

Tempoh dari bermulanya lahir mana-mana gerakan Islam hinggalah sampai ke hari ia hampir-hampir menyamai kekuatan jahiliah di sekitarnya, tempoh tersebut mestilah menjadi tempoh untuk usaha tajmi', tarbiyyah dan tafqih. Setiap kali mereka membuka medan baru atau membuka platform baru atau melibatkan diri dalam kancah politik secara total, maka ini bererti berlaku pertentangan antara tuntutan unit tarbiyyah dengan tuntutan medan baru atau aktiviti politik tersebut. Ia adalah disebabkan kurangnya mereka yang mampu dan berkelayakan bagi memenuhi segala tuntutan-tuntutan ini dan mampu pula menguruskan pelbagai unit.

Dalam perencanaan dakwah, tidak sepatutnya keterbukaan medan dakwah dibuka begitu luas sebelum yakin wujudnya bilangan thiqah yang cukup bagi melaksana dan meneruskan medan '*infitah*' tersebut. Anggota yang thiqah perlu dihalang dari kerja secara semangat tiba-tiba 'air karbonat' dan kerana reaction provokasi pihak jahiliah terhadap kita. Walau bagaimanapun, itu tidak menghalang kita dari melatih sebahagian dalam bilangan yang kecil dari da'I

untuk menyertai pelbagai medan ini sebagai latihan praktikal , agar nantinya mereka akan menjadi pelopor pemimpin apabila medan-medan baru dibuka.

**Al-Quran…. Dan Kekuatan Yang hebat….**

Memang benar.. kekuatan besi adalah pelengkap bagi al-Quran.

Itulah firman suci dari Allah .. ayat muhkam dan bukannya mutasyaabih.. terus dipakai dan tidak dimansuhkan. Allah S.W.T. mahu menjadikannya sebagai slogan, dustur dan penunjuk jalan kepada dakwah Islam. Melalui ayat yang dibaca oleh berjuta umat Islam di seluruh dunia setiap hari. Firman Allah S.W.T. :

لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا بِالْبَيِّنَاتِ وَأَنْزَلْنَا مَعَهُمْ الْكِتَابَ وَالْمِيزَانَ لِيَقُومَ النَّاسُ بِالْقِسْطِ وَأَنْزَلْنَا الْحَدِيدَ فِيهِ بَأْسٌ شَدِيدٌ وَمَنَافِعُ لِلنَّاسِ وَلِيَعْلَمَ اللَّهُ مَنْ يَنْصُرُهُ وَرُسُلَهُ بِالْغَيْبِ إِنَّ اللَّهَ قَوِيٌّ عَزِيزٌ

*"Demi sesungguhnya! Kami telah mengutus Rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti dan mukjizat yang jelas nyata, dan Kami telah menurunkan bersama-sama mereka Kitab Suci dan keterangan yang menjadi neraca keadilan, supaya manusia dapat menjalankan keadilan dan kami telah menciptakan besi dengan keadaannya mengandungi kekuatan yang handal serta berbagai faedah lagi bagi manusia. (Dijadikan besi dengan keadaan yang demikian, supaya manusia menggunakan faedah-faedah itu dalam kehidupan mereka sehari-hari) dan supaya ternyata pengetahuan Allah tentang orang yang (menggunakan kekuatan handalnya itu untuk) menegak dan mempertahankan ugama Allah serta menolong Rasul-rasulNya, padahal balasan baiknya tidak kelihatan (kepadanya); sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa.."* (Al-Hadid: 25)

Setiap hati yang sejahtera, teguh imannya dan cenderung kepada kebaikan akan dapat memahami ayat itu sama sebagaimana yang difahami oleh Rasulullah S.A.W..

Abu Bakar al-Siddiq telah memahaminya. Kerana itulah dia memerangi kaum murtad.

Saidina Umar Al-Faruq yang gelarannya diambil sempena nama sebilah pedang juga telah memahaminya. Oleh itu, dia menyetujui supaya dibetulkannya dengan pedang sekiranya dia menyeleweng dan mengikuti hawa nafsu.

Demikianlah umat Islam generasi demi generasi sentiasa mengingatkan yang lain dengan sikap ini. Mereka mengingatkan dengan al-Quran. Kerana itu mereka tidak rugi.

Sehingga apabila mereka ditimpa malapetaka dan kekalahan, Allah memberi taufiq kepada Syeikhul Islam Ibnu Taimiyyah untuk membacakan ayat ini dan mentafsirkannya. Beliau berkata kepada mereka: "Allah S.W.T. telah menyatakan bahawa sesungguhnya Dia telah menurunkan al-Kitab dan al-Mizan[222]. Dia juga menurunkan besi untuk menegakkan keadilan supaya Allah mengetahui siapa yang menolongNya dan siapa yang menolong rasulNya. Oleh itu agama ini didirikan dengan al-Kitab sebagai pembawa hidayah dan pedang yang akan membantu. Dan cukuplah Tuhanmu sebagai

[222] Neraca aatau timbangan. (Pnt)

pemberi hidayah dan penolong."[223]

Beliau menegaskan kepada umat Islam bahawa sesungguhnya: "Apabila telah jelas ilmu dari al-Quran dan al-Sunnah, kemudian disusuli dengan pedang, maka akan tertegaklah Islam."[224]

**Mendaki Anak Tangga bersama orang yang berjalan.. Bukan melompat..**

Al-Imam al-Syahid Hassan al-Banna telah mengarahkan supaya menghindarkan sikap membuta tuli. Beliau memberi amaran kepada yang terlampau bersemangat dan mengajarkan mereka:

"Di antara ciri dakwah ini ialah:
Bertahap-tahap dalam mengatur langkah,
menunggu masa,
tidak tergesa-gesa mahu melihat hasil..
kerana tiap-tiap sesuatu ada masanya yang telah ditentukan."[225]

Beliau juga selalu mengulangi kepada mereka: "Para da'I yang memahami fiqh dakwah: slogan mereka ialah; Masa itu adalah satu juzuk dari rawatan."[226]

Dengan ini, Imam al-Banna telah meletakkan penawar keempat yang akan melindungi dakwah dari tindakan membuta tuli, mendadak tanpa matlamat yang jelas dan akan dapat memelihara dakwah dari kemusnahan. Beliau menamakan penawar ini sebagai '**menunggu**'.

Begitulah, antara kesempurnaan tarbiyyah Islamiyyah harakiyyah bagi marhalah kini ialah perlunya ***'menanam persediaan jiwa untuk menunggu'*** sehinggalah dengannya sempurna proses pembinaan ikhtisas yang akan menangani pengembangan sayap di medan. Persedian jiwa positif sanggup menunggu ini juga memerlukan pengurangan memasuki kegiatan politik buat sementara waktu.

Pada hakikatnya, selagi kita menumpukan usaha kita di dalam tarbiyyah secara berterusan, kita dapati diri kita lebih tetap, teguh dan mantap menghadapi kehebatan arus perkembangan pemikiran jahiliah yang diimport. Kita dapat menerima berita kemenangan parti-parti politik jahiliah dengan berani kerana sesungguhnya kemenangan mereka itu hanyalah untuk sementara waktu sahaja dan tidak mampu untuk bertahan lama. Kemenangan mereka dihancurkan oleh usaha tarbiyyah kita apabila ia menepati makna tarbiyyah Islam yang sejati dan hakiki tanpa semangat yang membuta tuli, mendadak dan tanpa perancangan.

Bahkan lebih jauh dari itu, boleh jadi ada hikmat di sebalik kemenangan kesesatan pihak jahiliah pada hari ini. Ia untuk membuktikan kelemahan mereka dalam membina suasana bahagia yang dijanjikannya kepada manusia. Kelemahan mereka ini menjadi bukti usaha pendidikan mereka. Ia adalah pekong besar yang dihadapi oleh sistem-sistem karut dan diktator-diktator yang berusaha bermati-matian memesongkan manusia dari Islam. Kegagalan mereka ini dapat membuka jalan dan mempercepatkan perjalanan da'i Islam.

---

[223] Ibn Taimiyah, *Majmuk Fatawa*, Jilid 10, m.s. 13
[224] Ibid, Jilid 20, m.s. 393
[225] *Majalah al-Dakwah al-Misriyyah*, Bil. 67
[226] Ibid

Itulah jalan tarbiyyah. Suatu perjalanan yang sukar, jauh, dan lambat. Kita mungkin ditinggalkan oleh jahiliah seketika dalam pertandingan ini... sebahagian dari kita mungkin gugur ... dan sebahagian dari habuan terlepas dari kita, Namun, itulah jalan yang aman, teguh dan terjamin.

Mungkin sebahagian manusia berpendapat bahawa jalan lambat ini tidak akan melatih da'I untuk berkorban. Mereka juga menyangka bahawa kita melupai prinsip pengorbanan dari pertimbangan kita. Sebenarnya itu tidak benar. Sesungguhnya pengorbanan itu dituntut dan perlu, tetapi mesti kena pada waktunya. Ia tidak boleh dibuat-buat. Sebaik-baik da'I ialah da'i yang menanam benih tadhiyyah 'pengorbanan' di dalam jiwa saudaranya mulai dari sekarang.

Inilah satu-satunya jalan yang aseel '*original*' tiada duanya iaitu jalan tarbiyyah yang beransur-ansur dan disimpulkan oleh Imam Hassan al-Hudhaibi Rahimahullah dalam kata-katanya: "Dirikanlah daulah Islam dijiwamu, nescaya ia akan tertegak di bumi kamu."

Langkah-langkahnya ialah dengan: menyebarkan kesedaran Islam, mentajmi', mentarbiyyah, berkembang secara seimbang, menyebar dengan berhati-hati, menunggu sehingga sempurna ikhtisas yang diperlukan, memerhatikan dan menunggu kelemahan mereka yang berkuasa secara palsu itu dan tadahkan tangan kamu kepada Allah agar mengasihani sekelian muslimin di seluruh dunia sehingga terlucut selempangmu dari bahumu. Ketika itu kamu terangkat ke darjat yang tinggi.

**Perlunya Wa'yu Haraki Dalam usaha mempercepat…**

Realiti harakah Islam menunjukkan kemungkinan memendekkan tempoh masa jalan ini dengan lebih cepat dan segera untuk mara membuka dakwah secara terang-terangan infitah. Ianya boleh berlaku dengan cara bersungguh-sungguh mengembangkan fiqh haraki, menyebarkan dan menyampaikannya kepada mereka yang ikhlas tetapi masih perlu kepada fiqh ini.

Sebenarnya terdapat ramai da'i Islam di setiap tempat yang menyerahkan dirinya kepada dakwah dan da'i Islam. Tetapi fiqh haraki inilah yang kurang pada mereka. Sekiranya kita mengajar mereka untuk memenatkan dan mengorbankan diri, sabar berjaga malam dan bengkok belakang untuk mempelajari fiqh ini, nescaya ramai di kalangan mereka yang mempunyai kesediaan akan sedar dan dapat menutup ruang yang kosong dan menggantikan orang-orang yang lemah.

*Sesungguhnya antara kelemahan yang paling nyata dari harakah Islam lalu ialah kurangnya aktiviti mentadwin prioriti-prioriti bagi kesedaran haraki dan fiqh dakwah. Mereka terlampau meleret-leret membentangkan sistem-sistem dan cabang-cabangnya. Hingga kita dapati begitu ramai mereka yang mengikut dakwah tetapi kurang menghasilkan produk dan tidak banyak mengubah realiti, dalam kadar yang kita mungkin rasa pada mulanya. Ini semua kerana ketiadaan seni kerja dan usul amal*

*jama'ie dari mereka.*

*Kerja memperbaiki balik bermula dari hakikat ini. Kerja mengumpulkan balik bahan-bahan yang berselerak yang telah ditulis. Usaha mencari juga karya-karya berkenaan fiqh dakwah yang dimiliki oleh gerakan Islam dan seluruh dunia Islam. Di samping itu kita hendaklah membuat penyelarasan dalam kajian dan membiasakan da'i Islam untuk menelaahnya secara serius. Bukan dengan membaca sepintas lalu sahaja.*

# 16 Pemilihan Memelihara Dari Kecundang

Pendekatan *si-aqidi* amat berbeza dengan pendekatan si-spontan. *Si-aqidi* mempunyai neracanya yang tertentu, menimbang, membanding, memeriksa dan merumus sebelum melangkah. Si-spontan pula penuh dengan perasaan marah, melenting dan tergesa-gesa menyebabkan ia terperosok dalam masalah.

Sikap pada individu ini sebenarnya juga berlaku dalam kumpulan dan jamaah. Tekanan dari ahli sesuatu jamaah mempengaruhi jamaah, menyebabkan ia bertindak tanpa fikir, memusnahkan segala kekuatan dan akhirnya membawa kepada kegagalan.

Ianya adalah tindakan yang membabi buta yang mendorong jamaah melakukan suatu tindakan tanpa perancangan atau kadangkala perencanaan yang tidak sesuai dengan realiti atau tanpa sesuatu tujuan. Atau mungkin dengan tujuan yang tidak terfokus dan tidak terang ataupun juga menjadikan angan-angan, idealisma tinggi dan impian sebagai satu matlamat yang mustahil dicapai.

Sifat ini sangat berbahaya bagi harakah Islam sepatutnya diselidiki penyelesaian bagi memeliharanya dari kecundang tanpa disedari.

**Menaikkan Individu Yang Thiqah Adalah Asas Penjagaan**

Penyelesaian pertama ialah sebagaimana nasihat pemimpin harakah dan anggota-anggotanya dengan mengetatkan syarat untuk menduduki kerusi pimpinan harakah untuk menjamin agar ia hanya dipegang oleh individu yang thiqah sahaja, yang beriman, berilmu, dan beramal.

Hanya kenaikan orang yang thiqah ke tampuk pimpinan akan menjamin kejelasan tujuan dan cita-cita yang jauh ditanamkan dalam fikiran orang-orang yang ikhlas, yang berkobar-kobar semangatnya di kalangan ahli baru yang belum berpengalaman dalam dakwah. Ia juga menjamin penafsiran polisi marhali dan penjelasan justifikasi yang betul bagi mereka. Semua itu akan menjadi saham bagi menjamin tidak berlakunya tindakan terburu-buru dan tindakbalas tanpa motif.

Bila da'I melihat keadaan genting yang terjadi kepada seluruh gerakan Islam di seluruh dunia dan bila mengimbau kembali sejarah lampaunya, akan nampak betapa besarnya pemeliharaan Allah kepada mereka dalam pemilihan pemimpinnya. Gerakan Islam tidak pernah dipimpin kecuali oleh mereka yang mantap ilmunya, benar dan ikhlas.

Walau bagaimanapun, kadang-kala terdapat sikap bermudah semasa memilih pembantu, hingga mereka terpaksa membayar harga yang mahal dengan berlaku perpecahan, fitnah serta berpendirian lembut. Tapi ia juga seolahnya sebahagian dari kesempurnaan belas kasihan Rabbani kerana dari kelalaian itu, mereka mempelajari perlunya strict 'tasyaddud'. Dari pengalaman sukarnya bekerja dengan orang yang 'dhu'afa'' (lemah), mereka dapat

mempelajari pentingnya pemilihan. Tiada ilmu yang lebih berharga dari pengalaman.

*Pengalaman telah merubahku menjadi manusia baru*
*Pengalaman akan meluaskan perubahan seseorang*[227]

Kadangkala pula bukan sikap bermudah tetapi berlaku pula sikap bergantung kepada orang yang 'betul bendul'-'simpleton''gullible' yang kurang mengikut perkembangan zaman dan lemah kesedaran politik. Ia menjadikan dakwah seolah-olah terpaksa menangisi banyaknya kesilapan mereka dan ia seolah-olah menyeru : "Telah sekian lama aku menderita, tolonglah cari orang yang cerdik sikit untuk aku."[228]

Memang itulah penderitaan panjang yang dialami dan dirasai oleh mereka yang berkecimpung dalam kerja-kerja seharian amal haraki. Kompleksnya masyarakat sekarang, banyak dan aktifnya parti-parti politik dan perancangan yang dimainkan oleh Yahudi dan Freemason di seluruh pelusuk dunia, semua itu memerlukan satu bentuk para da'i yang bukan sahaja beriman, ikhlas serta mengetahui syariat Islam, bahkan perlu pula mempunyai kesedaran politik, berpengalaman dalam teknik berorganisasi, cekap dalam perancangan yang seimbang dan sesuai dengan realiti semasa dan selaras dengan kekuatan yang ada pada kita.

Golongan ini sahajalah yang boleh diharapkan berkemampuan untuk menyapu airmata tangisan dakwah masakini.

**Tiada Pemisahan Antara Pengurusan Dan tarbiyyah**

Adalah salah sesiapa yang menganggap bahawa mereka yang berada di lokasi dakwah yang tidak secara direct memberi bimbingan tarbiyyah maka mereka ini tidak perlu kepada syarat 'qudwah'.

Ada dikalangan da'I membezakan antara murabbi dengan da'I bukan murabbi yang melaksanakan tugas-tugas dakwah bentuk lain yang diperlukan oleh kesempurnaan dakwah. Analisa fenomena tarbiyyah menolak hakikat ini. Mereka semuanya adalah sebahagian dari dakwah yang nanti akan dilihat dan menjadi ikutan 'freshie'. Mereka semua menjadi jurubicara secara tidak langsung kepada dakwah dan 'freshie' akan terpengaruh.

Kerana itulah, para solafussoleh tidak pernah kenal bentuk pemisahan tugas pemimpin negara Islam dengan tugas pengajaran dan tarbiyyah. Bagi mereka pemimpin negara juga merupakan pemimpin tarbiyyah.

Syeikhul Islam Ibnu Taimiyyah Rahimahullah berkata di dalam menjelaskan maksud firman Allah:

وَلَكِنْ كُونُوا رَبَّانِيِّينَ

yang bermaksud : *"Jadilah kamu manusia rabbani":(Al-Al'imran 3:79)* "Mujahid berkata: "Mereka adalah orang yang mendidik manusia dengan ilmu yang kecil sebelum ilmu yang besar. Mereka itulah yang melakukan amar makruf nahi mungkar." Pengertian *rabbani* itu adalah dipetik dari solafussoleh.

Dipetik dan Ali bin Abi Talib r.a., beliau berkata: "Mereka ialah yang

[227] Al-Bukhturi, *Diwan Al-Bukhturi*, Jilid 1, m.s. 226
[228] Imam al-Asbahani, *Kharidah al-Qasri*, edisi Iraq, Jilid 1, m.s. 258

mengasuh manusia dengan hikmah dan mendidik mereka dengannya."

Dari IbnuAbbas, beliau berkata: "Mereka itulah fuqaha' yang mengajar."

Bagi ku: "Orang yang melakukan amar makruf nahi mungkar itulah sebenarnya fuqaha' yang mengajar." Qatadah dan Atha' berkata: "Mereka ialah fuqaha', ulama' dan hukama'."

Ibnu Qutaybah berkata: "Singularnya perkataan ini ialah rabbani. Mereka ialah ulamak yang mengajar."

Kemudian Ibnu Taymiyyah menutup perbicaraan dengan berkata: "Rabbaniyyiin ialah mereka yang ada kaitan dengan tarbiyyah."[229]

Oleh itu, semua mereka yang terlibat dalam kerja dakwah adalah qudwah yang mungkin ada pengaruhnya. Mereka mesti memenuhi syarat-syarat qudwah amali tersebut.

**Sensitif Markaz Qudwah**

'Markaz qudwah' sangat sensitif dan seni. Sepatutnya tidak diletakkan di posisi tersebut kecuali individu yang telah bersedia berpegang kepada *'azimah* dan menjauhi sama sekali dari *rukhsah.* Ia hanya boleh diisi oleh orang yang serius bekerja, zuhud dan penuh 'tajarrud', sanggup bersusah payah dan berkorban. Ini kerana, ia akan menjadi 'imam' bagi orang di sekitarnya yang meniru dan meneladaninya. Perbuatannya hendaklah lebih 'power' lagi dari kata-kata mulutnya dalam menceritakan pegangan dan nilai dakwah yang ingin disampaikan. Pemerhatian lebih berpengaruh berbanding kata-kata.

Kerana itulah apabila al-Laith bin Said, 'imam' di Mesir hendak melakukan kerja yang '*mafdhul*' yang tidak sesuai dengan *'azimah',* Yahya bin Sa'id al-Ansori, Imam di Madinah berkata kepada beliau: "Jangan buat... Kerana sesungguhnya engkau adalah '*imam*' yang diperhati dan diteladani."[230]

Dikatakan bahawa: sesiapa yang tidak memberi apa-apa pengajaran pada kamu apabila engkau memerhatikannya, ketahuilah bahawa dia bukan pendidik.

Siapa yang kamu tidak dapat hidu keharumannya dan jauh, ketahuilah bahawa dia tidak ada wangian dan tidak perlulah kamu bersusah payah cuba mencium-ciumnya...!

Da'i sebenar akan sentiasa bertambah kehebatan imannya. Akan terus meningkat ketakwaannya kepada Allah. Ia terus meningkat selama mana takwanya kepada Allah S.W.T. dan tumpuan hatinya kepada dakwah meningkat sehingga ia dapat membunuh kelalaian orang yang memandangnya. Imam aI-Syafi'ie telah berkata:

"Barangsiapa yang menasihati saudaranya melalui perbuatannya, dia adalah pemberi petunjuk." Abdul Wahid bin Ziad berkata: "Hassan Basri tidak sampai kepada darjat yang tinggi seperti sekarang kecuali kerana apabila dia menyuruh manusia dengan sesuatu perkara, maka dialah yang lebih dulu melakukannya dan apabila dia melarang mereka dari sesuatu perkara, dialah

[229] Ibnu Taimiyah, *Majmuk Fatawa*, Jilid 1, m.s. 63
[230] *Tahzib al-Tahzib*, Jilid 8, m.s. 463

yang paling jauh dari perkara itu."

Sesetengah ulama' berkata: "Bagi seorang pelajar, setiap kali dia berjumpa dengan orang sodiq dia akan bertambah sesuatu. Kadangkala apa yang dilihat pada seseorang rijal itu akan memberi faedah kepadanya, sama dengan apa yang didengari dari rijal tersebut." Di katakan juga bahawa: "Siapa yang tidak memberi manfaat kepadamu apabila kamu memerhatikannya, bermakna kamu tidak akan dapat manfaat dan ucapannya."

Maksud yang indah ini dijelaskan dengan: "Sesungguhnya lelaki yang sodiq itu lebih banyak berbicara kepada orang-orang sodiq dengan perbuatannya berbanding percakapannya dengan menggunakan lidah. Apabila ada orang memerhatikan tingkah lakunya yang diambilnya dan dikeluarkannya, semasa dia keseorangan mahupun didepan ramai, semasa dia berkata-kata mahupun semasa dia diam, manusia mendapat faedah dengan memerhatikannya. Itulah faedah dari pemerhatian. Siapa yang tidak berkeadaan demikian, kata-katanya tidak berfaedah kerana dia berbicara dengan hawa nafsunya. Sinaran kata-kata terpancar daripada sinaran hati, dan sinaran hati menurut kadar istiqamah dan penyempurnaan kewajipan hak-hak sebagai hamba dan hakikat ubudiah."

Alangkah indahnya kata-kata ini. Begitu juga seorang tabi'in, Shahru bin Hausyab: "Apabila seorang lelaki berbicara kepada satu kaum, maka sesungguhnya bicaranya itu berkesan di hati kaum itu mengikut kedudukan kata itu dalam hatinya."

Malik bin Dinar telah berkata: "Sesungguhnya seorang alim itu apabila tidak beramal dengan ilmunya, nasihatnya akan tergelincir dari hati pendengar sebagaimana tergelincirnya titisan embun dari batu yang licin."

Telah diriwayatkan bahawa Nabi Isa a.s. tatkala baginda disoal: "Siapa yang banyak membawa fitnah di kalangan manusia?" Nabi Isa A.S. berkata: "Tergelincirnya orang alim. Apabila orang alim tergelincir, tergelincirlah ramai orang lain disebabkannya."[231]

Kerana semua itulah maka termasuk dalam fiqh dakwah ialah kita perlu teliti dalam memilih orang yang akan menjadi qudwah. Kita tak mungkin bermudah-mudah dalam hal ini. Janganlah kita menipu diri sendiri dan menjustifikasikan bermudah ini dengan menganggap mereka bukanlah qudwah kerana posisi mereka bukan posisi tarbiyyah.

Sesungguhnya sesiapa yang berinteraksi dengan da'i maka dia adalah qudwah bagi mereka kerana dia boleh dilihat, kata-katanya didengari dan memang ada pengaruh dari kata-katanya itu. Jika ditambah pula dengan isyarat dari orang lain bahawa dia adalah murabbi, maka tidak syak lagi ini akan menambah kesannya dan akan lebih terbuka hati untuk menerima kata-kata dan nasihatnya. Jika ia disokong oleh perbuatannya, maka ini adalah sebaik-baik nasihat. Jika sekiranya sebalik (tidak diterjemahkan ke dalam kehidupan hariannya) maka bicaranya hanya akan menjadi kosong, sia-sia dan akan menjauhkan manusia daripadanya.

"Sesungguhnya mana-mana nasihat jika tidak disampaikan dengan gaya bahasa yang hidup maka ia akan menjadi seolah-olah suatu kebatilan. Ia tidak

---

[231] Ibnu al-Mubarak, *Kitab al-Zuhd*, m.s. 520

dapat merubah jiwa kecuali jiwa yang memang ada kekuatan untuk berubah seperti jiwa para nabi dan orang-orang yang mengikut jalan kerohanian. Sesungguhnya perkara ini adalah masalah meletakkan cahaya pada kata-kata, bukan dibuat dengan analogi dan hujah. Lelaki zuhud yang sebenar adalah sebuah kehidupan yang dipakaikan dengan hakikat agar ianya menjadi sesuatu dalam kehidupan dan amalan, bukan sesuatu dalam bicara dan sangkaan. Ilham orang yang zuhud panas seperti api di dalam api. Barangsiapa yang mendekatinya pasti akan merasainya.

Demi Allah, berapa ramai ahli fiqh yang berkata kepada manusia: "Ini haram", tetapi semakin banyak perkara haram dibuat oleh manusia. Ini kerana mereka berbicara seperti kitab-kitab berbicara, tidak menyambungkan hubungan jiwa dengan syariat. Ia kosong dari kekuatan yang menjadikannya roh yang berpaut padanya segala roh. Kekuatan yang meletakkan dia di hadapan manusia pada satu kedudukan seolah-olah dia baru datang dari syurga dan akan kembali ke syurga tidak lama lagi.

Ulama' dan ilmuan yang terikat dengan harta dan keinginan nafsu dan hanya memikirkan cara untuk menambahkan punca rezeki, harta, memuaskan nafsu dan habuan dunia, maka itulah ulama' yang merosakkan imej baik ulama' dalam fikiran orang ramai. Perkara pertama yang ia fahamkan kepada manusia ialah jangan memahami daripadanya sesuatu."[232]

Secara ringkasnya: "Uswah atau tauladan itulah ilmu kehidupan."[233] Dakwah kita adalah kehidupan. Menjadi contoh itulah satu-satunya ilmu dakwah dan seluruh ilmu dakwah adalah qudwah atau uswah yang benar dan baik.

**Ujilah Orang Yang Petah Lidahnya**

Sekiranya kita menyelidiki sejauhmana ilmu yang penting ini diimplimentasikan, nescaya kita dapati kecacatan-kecacatan ketara yang berlaku dalam harakah Islam zaman ini adalah kerana tertipu oleh kepetahan ahli pidato dan sijil-sijil akademik atau kemasyhuran seseorang. Mereka dilantik sebagai pemimpin sebelum mereka diuji. Akibatnya, dakwah ditimpa bencana kerana nama dakwah dilibatkan dengan mereka. Logam yang tidak bermutu akan terserlah bila berlaku bila berdepan dengan ancaman atau pujukan atau ketika polisi haraki memerlukan fiqh dakwah untuk difahaminya. Akhirnya mereka sendiri berpaling tadah.

Keimanan, fiqh dakwah, banyak terlibat dalam amal tajmi'I dan tarbawi dan jelas ketaatan adalah merupakan pengukur dalam pemilihan ahli dan mengangkat seseorang sebagai ketua. Sistem dan syarat pemilihan dalam jawatan kerajaan atau kebiasaan persatuan lain bukanlah cara kita.

Bahkan da'I hendaklah berwaspada, takut dan berjaga-jaga terhadap mereka yang petah lidahnya, banyak bercakap dan mengada-ngada kerana biasanya banyak kemunafikan dan kelemahan dari golongan seperti ini. Da'i hendaklah jangan cepat percaya mereka yang bersifat begini kecuali setelah mengetahui hakikatnya dengan menguji, memerhatinya dengan teliti dalam

[232] *Wahyu al-Qalam*, Jilid 2, m.s. 201
[233] Ibid, m.s. 111

satu tempoh yang lama. 'Tauthiq' hendaklah dibuat setelah teruji dan melihat tanda-tanda iman dan dan kejujuran.

Da'i ada contoh dalam hal ini dari para salaf. Amirul Mukminin Umar al-Khattab apabila beliau rasa bimbang terhadap al-Ahnaf bin Qais kerana al-Ahnaf merupakan ahli pidato yang mahir dan pintar. Lalu, Umar menahannya selama setahun di Madinah untuk diperhati dan diuji. Setelah itu barulah beliau berkata: "Wahai Ahnaf, sesungguhnya aku telah memerhati dan menguji engkau. Tidak ada apa yang kulihat kecuali kebaikan dan aku telah melihat zahirmu yang baik dan aku berharap supaya hatimu sama dengan zahirmu. Kami pernah mengatakan: "Tidak ada apa yang membinasakan umat itu kecuali orang munafik yang bijak."

Umar telah menulis surat kepada Abu Musa al-Asy'ari: "Dekatilah, mintalah pendapatnya dan dengarlah pendapatnya."[234]

Betapanya ramai anggota di sekitar dakwah yang wajib diuji oleh pemimpin dakwah. Da'i sangat memerlukan ilmu seperti Umar al-Khattab ini. Betapa ramainya orang yang bercakap Islam dan anda lihat promosi tentangnya telah mengangkatnya begitu tinggi. Apabila anda bergaul dengannya, tiba-tiba anda dapati dia adalah seorang opoturnis, kosong hati dan roh.

Memang benarlah kata-kata Abdul Wahab Azzam:

*Sesungguhnya ada orang yang wajahyah berseri-seri, memenuhi mata dengan bunga dan kesegaran*

*Orang yang celik memandangnya sebagai bunga buatan, hidupnya tidak memberikan keharuman dan kesegaran.*[235]

Oleh kerana demikianlah, salafussoleh terus menerus menasihatkan tentang betapa perlunya dilakukan ujian-ujian ini, sepertimana yang dikatakan oleh pemimpin tabi'in Hassan al-Basri:

"Nilailah manusia melalui amalan mereka, bukan kata-kata mereka. Sesungguhnya Allah tidak membiarkan satu perkataan pun melainkan dijadikan satu bukti dari perbuatan sama ada membenarkannya ataupun mendustakannya.

Sekiranya kamu mendengar kata-kata yang baik maka perhatilah dahulu pengucapnya. Sekiranya kata-katanya selaras dengan perbuatannya maka itulah sebaik-baiknya. Bersaudaralah dengan dia dan cintailah dia. Sekiranya kata-katanya bertentangan dengan perbuatannya, maka apa lagi yang samar? Apa lagi yang disembunyikannya daripadamu?. Berwaspadalah dengannya. Janganlah kamu terpedaya dengannya."[236]

Demikianlah wasiat lama dari salafussoleh. Tetapi, manusia sering terlalai. Keinginan untuk segera sampai dan keinginan untuk meramaikan ahli itulah yang melalaikan da'i hingga lupa ilmu yang dipusakai oleh salafussoleh.

---

[234] *Tabaqat Ibnu Saad*, Jilid 7, m.s. 94
[235] *Diwan al-Mathani*, m.s. 81
[236] Ibnu al-Mubarak, *Al-Zuhd*, m.s. 26, Al-Syatibi, *Al-Muwafaqat*, Jilid 1, m.s. 30

**Bid'ah pun kelemahan juga….**

Kelemahan orang yang lemah juga kadangkala berpunca dari perkara bid'ah sebagaimana ia boleh juga berpunca dari dosa. Perkara ini telah dikenalpasti oleh para ulama' sejak zaman dahulu lagi hinggakan mereka menjauhi saudara kandung sendiri bila saudaranya itu berpegang kepada bid'ah. Contohnya Ali bin Harb bin Muhammad al-Musili yang meninggalkan saudaranya; Ahmad kerana berpendapat bahawa lafaz al-Quran adalah makhluk. Walaupun Ahmad adalah seorang yang thiqah dan sodiq dan kata-katanya ini tidaklah salah dan ia juga merupakan pendapat yang masyhur dari Imam aI-Bukhari, tetapi dia membantah tindakan saudaranya kerana umat masih dekat dengan zaman bid'ah dakwaan bahawa al-Quran adalah makhluk. Beliau tidak mahu seorang pun mengulang-ngulang kata-kata yang menyerupai pendapat Muktazilah kerana ia akan menambahkan kebingungan di kalangan orang ramai.[237]

Tetapi, ada golongan yang mendakwa mahu menyatukan umat ketika ini dan mengajak supaya memandang ringan masalah bid'ah. Perkara ini diterima oleh sebahagian para da'i dan menolak faktor bid'ah sebagai salah satu ciri pemilihan. Ini sebenarnya suatu yang silap.

Memang adalah suatu akhlak yang mulia kita berlembut terhadap, kita menolong mereka menentang kafir, melepaskan mereka dari kezaliman dan membantu mereka menentang orang yang lebih teruk bid'ah daripadanya. Tetapi adalah merbahaya sekiranya anda membuka pintu saf dakwah untuk mereka sebelum mereka bertaubat. Merbahaya jika dilantiknya sebelum dia selamat dari bid'ah dan anda mengasihinya sebelum dia bersih dari noda akidahnya. Tidak adalah perkara dalam ummah ini yang paling teruk dari bid'ah. Sebagaimana yang dikatakan oleh al-Fudhail bin Iyadh:

"Barangsiapa menolong ahli bid'ah, maka sesungguhnya dia menolong untuk meruntuhkan Islam. Barangsiapa mengasihi ahli bid'ah, Allah memadamkan amalnya dan mengeluarkan nur Islam dari hatinya."

Dakwah untuk menghalang ahli dosa dan maksiat tingkahlaku -jika sekiranya masih ada iman dalam hatinya- adalah jauh lebih mudah dari bekerjasama dengan ahli bid'ah yang kuat berpegang dengan bid'ah mereka. Ahli maksiat adalah lebih ringan lagi bahayanya dari ahli bid'ah dari beberapa aspek, di antaranya:

1. Orang yang berdosa itu membahayakan dirinya sahaja, tetapi ahli bid'ah membahayakan orang lain,
2. Fitnah ahli bid'ah terletak pada asas agama manakala finah orang yang berdosa terletak pada syahwat,
3. Ahli bid'ah menghalang manusia dari melalui jalan Allah yang lurus, manakala orang yang berdosa tidak,
4. Ahli bid'ah menodai sifat-sifat Allah dan kesempurnaanNya, tetapi orang yang berdosa tidak,
5. Ahli bid'ah menentang apa yang dibawa Rasuluflah S.A.W., tetapi orang yang berdosa tidak
6. Ahli bid'ah menghalang manusia dari jalan akhirat dan orang yang

[237] *Tahzib al-Tahzib*, Jilid 1, m.s. 23

berbuat maksiat lambat perjalanannya menuju Allah.[238]

**Sebahagian Dari Fiqh Amal al-Fudhail**

Sesungguhnya sikap kewaspadaan amal jama'ie dari terlibatnya ahli bid'ah telah menjadi satu kaedah yang bertambah mantap hari demi hari. Ianya adalah kaedah lampau yang diamalkan oleh al-Fudhail bin Iyadh. Beliau telah merumuskannya di dalam beberapa rangkai kata yang indah. Beliau berkata:

"Aku lebih suka makan bersama dengan Yahudi dan Nasrani daripada makan bersama dengan ahli bid'ah kerana sekiranya aku makan bersama dengan Yahudi dan Nasrani, manusia tidak meneladaniku tetapi apabila aku makan bersama dengan ahli bid'ah, manusia meneladani aku. Aku suka sekiranya ada benteng besi di antaraku dengan ahli bid'ah kerana ahli bid'ah itu tidak boleh dipercayai pada agamamu dan janganlah kamu meminta pendapat dalam urusanmu."

Sesungguhnya kata-kata al-Fudhail yang lampau itu adalah penjelasan yang sempurna terhadap apa yang kita maksudkan. Ia adalah penjelasan terhadap prinsip '*tasyaddud*' – '*strict*' mengetatkan dalam pemilihan. Ia diucapkan oleh Fudhail dalam contoh makan bersama, untuk mudah difahami.

**Peliharalah Nama Baik Islam**

Jelaslah sekarang.. bahawa tasyaddud dalam pemilihan adalah penyelesaian asasi bagi menjamin dakwah dari tindakan-tindakan membabi buta. Seluruh bahagian harakah Islam terpanggil agar perlu segera memperbaiki bidang ini.

Sebenarnya mengambil langkah *tasyaddud* ini adalah langkah memelihara yang wajib dilakukan demi menjaga nama baik Islam pada hari ini, sebagaimana yang diperkatakan oleh Perdana Menteri kerajaan Abbasiyyah, Ibnu Hubairah al-Dauri al-Samira'ie kepada sebahagian golongan yang menyeru manusia kepada kebaikan:

*"Berusahalah menutup keaiban ahli maksiat. Kerana tersebarnya cerita maksiat mereka adalah suatu yang mengaibkan nama umat Islam. Perkara yang paling penting ialah, segala kecacatan wajib ditutup."*[239]

Penjagaan nama baik paling penting yang disarankan oleh Ibnu Hubairah ialah: menghalang musuh Islam dari berpeluang menaikkan orang yang lemah lalu berusaha memalukan dakwah bila mereka telah memegang teraju kepimpinan. Selagi orang yang bertakwa dan bersih naik memimpin dan bukan orang-orang lemah, oportunis dan ahli bid'ah, selagi itu jugalah kita dapat memelihara nama baik Islam.

Da'i sepatutnya bersikap lebih tasyaddud dari itu lagi. Sepatutnya orang thiqah menutup peluang dan kesempatan yang diambil oleh orang lemah dengan duduk bersama-sama dengannya supaya pada pandangan umum, apabila seorang yang thiqah itu duduk bersama-sama dengan seseorang, bermakna dia juga seorang da'i yang thiqah. Sekiranya dia tidak thiqah tentulah individu yang thiqah itu tidak duduk bersamanya.

---

238 Ibnu al-Qayyim, *Al-Jawab al-Kafi*, m.s. 127
239 *Zail Tabaqat al-Hanabilah*, Jilid 1, m.s. 274

Ia seolah-olah sepertimana yang telah diriwayatkan oleh al-Tarmizi dari Abu Musa al-Asy'ari r.a. katanya:

"Seorang Yahudi berpura-pura bersin di sebelah Rasulullah S.A.W dengan harapan agar Rasulullah SA.W. menjawab dengan (Yarhamkallah) yang bermaksud semoga Allah memberi rahmat kepada kamu, sebaliknya baginda bersabda: "Semoga Allah memberi hidayah kepadamu dan memperbaiki hatimu."[240]

Sekiranya baginda berkata: (YarhammukaLlah..) Semoga Allah merahmatimu, tentu mereka akan mengatakan kepada orang Islam: "Sekiranya kami sesat Baginda tidak akan mendoakan rahmat untuk kami."

Sesungguhnya tanzim kita bukanlah doktor yang merawat pesakit, tetapi ia adalah usaha untuk merebut segala peluang sebelum penguasaan taghut yang berterusan menukar kelemahan umat kepada kehinaan yang kekal selamanya. Oleh itu, dakwah ini wajib memilih dan mencari orang yang bijak dan berani, terpaksa menghalang para pengecut, lemah peribadi dan orang yang bebal dari menyertainya. Ia bertujuan untuk menjimatkan usaha tarbiyyah bagi merealisasikan matlamat secepat mungkin. Tetapi ia akan bekerjasama dengan orang yang berada di luar tanzim dalam kerja-kerja yang tidak memerlukan iltizam yang mendalam.

Halangan ini bukan bererti kita memusuhi mereka sebagaimana yang disangkakan oleh sesetengah orang. Ini juga bukanlah merendahkan hak mereka atau dan bukan pula menghalang kebaikan. Tetapi ia merupakan langkah penjagaan dalam kerja dakwah berdasarkan maslahah dan pengalaman. Mereka yang lemah itu ada hak sebagai orang Islam keatas kita. Kita tidak kedekut untuk menyayangi dan memberi nasihat kepada mereka. Namun, kerja-kerja dakwah adalah satu tanggungjawab yang berat dan susah. Tidak akan mampu dipikul kecuali oleh orang yang kuat dan bijaksana. Halangan kita adalah penjagaan dan pemilihan kita adalah kerana sebab, sebagaimana kata seorang penyair:

*Aku melarang, dan sebahagian dari larangan itu adalah ketangkasan*
*Buatan penjagaan, itulah yang kulakukan selagi aku memberi nasihat kepadanya.*

Sebahagian larangan dan tutup pintu terhadap orang yang lemah merupakan ketegasan dan kekuatan yang digerakkan oleh ketakwaan tanpa melampau-lampau pula hingga menuduh seseorang, buruk sangka atau kejengkelan semasa berhubung dengan orang ramai.

**Andalah Yusuf Yang mena'birkan Mimpi Ini**

Tajammu' yang tidak memilih dan menapis anggotanya mungkin bukan sahaja tumbang akibat ribut, bahkan ia akan rebah dengan tiupan angin lembut yang bertiup secara mengejut.

Perumpamaan ini mempunyai pengajaran sebagaimana yang telah dikatakan oleh Imam Hassan al-Banna Rahimahullah: "Kalianlah Yusuf bagi mimpi ini. Sekiranya kalian suka apa yang ada pada kami maka hulurkanlah tanganmu bersama kami untuk sama-sama bekerja dijalan ini. Allah akan

[240] *Sunan al-Tirmizi*, Jilid 1, m.s. 274

memberi petunjuk kepada kita."[241]

Kamu ibarat Yusuf bagi impian ini, kamulah orang yang mempunyai semangat dan cita-cita yang akan merealisasikan mimpi ini.

Tanpa kamu, fiqh ini hanya ibarat satu mimpi. Kamu .... padamulah kemampuan untuk menta'bir mimpi ini secara praktikal dan menjadikannya suatu kenyataan.

Tinggalkanlah perkara negatif dan bangunlah segera

*Tanggalkan pakaian duka cita dan putus asa*

*Lantas, pakailah pakaian jihad dengan aktif, tanpa malas*

*Perhalusi kematian sebagai suatu seni sehingga anda tahu bagaimana menghirupnya*

*apabila tiada jalan lain, tanpa ketakutan.*[242]

[241] *Risalah Dakwatuna, al-Majmu'ah*, m.s. 122

[242] Yusuf al-Qardhawi, *Majalah al-Tarbiyah al-Islamiyah*, Bilangan 5, m.s. 218

# 17 Fokus, Bukannya Meramaikan

Pemilihan yang teliti adalah cara pertama yang dapat memelihara dari kehancuran akibat kespontanan.

Cara pemeliharaan kedua pula terletak pada proses tajmik yang hendaklah seimbang dengan tenaga murabbi; sekira-kira mereka semua boleh diperdengarkan setiap kata-kata arahan, dengan fokus yang berkesan dan murabbi mampu menahan pengaruh luar pada yang ditajmik.

Proses penyelesaian kedua ini sememangnya sukar. Kesukaran yang dimaksudkan ialah sukar untuk menguasai dan mengawal keinginan-keinginan kejiwaan yang wujud pada setiap manusia yang sukakan melimpah ruah dan banyak dalam apa jua perkara, sepertimana yang telah ditunjukkan oleh al-Quran secara ringkas dalam firman Allah S.W.T.:

أَلْهَاكُمُ التَّكَاثُرُ

*"Kamu telah dilalaikan oleh perlumbaan."* (At-Takatsur 102: 1)

Manusia sukakan banyak bilangan dalam semua benda; harta, ilmu pengetahuan, anak-anak dan pengikut, bahkan apa saja perkara. Itulah tabiat atau kecenderungan yang tidak mungkin dikawal kecuali dengan tarbiyyah yang mantap dan mendalam.

Bahaya pengabaian aspek ini adalah kerana tindakan memenuhi kehendak naluri yang akan membawa kepada kepuasan. Kepuasan itu adalah salah satu keadaan jiwa yang memberi kesan negatif kepada akal dan membuatkannya jatuh lemah. Rasa kepuasan itu adalah lawan kepada rasa takut tidak tercapai sesuatu. Dalam jiwa manusia ketenangan biasanya bersama dengan kepuasan dan kewaspadaan ada bersama kebimbangan.

Sebagaimana yang telah sedia maklum, akal manusia paling pantas, banyak bekerja dan tajam semasa dia berada dalam keadaan takut dan berjaga-jaga. Oleh itu, kepuasan sering disertai dengan tindakan tanpa usul periksa. Semua orang mempunyai sikap begitu sama ada dia pemimpin atau pengikut mereka kerana rasa banyak itu menyebabkan timbul ketenangan dan rasa terjamin.

**Pertarungan Jiwa**

Pernyataan ini mengukuhkan lagi apa yang kita sebut tentang betapa sukarnya pertarungan yang dihadapi oleh dakwah. Medan pertarungannya adalah jiwa manusia yang begitu kompleks dan kusut.

Anda bukan berinteraksi dengan batu-batu keras atau manusia malaikat yang suci dari noda dan dosa. Tetapi, dengan jiwa manusia yang mempunyai pelbagai naluri: naluri suka menjadi kekal, gemarkan banyak dan melimpah dan naluri ingin memuaskan seks. Ada pula naluri dendam, waspada dan ingin mempertahankan pegangan sendiri serta suka mengembangkannya kepada orang lain.

Masyarakat yang berada di hadapan anda adalah himpunan dari semua naluri, kecenderungan dan keinginan tersebut. Sekiranya anda tidak tahu jalan masuk ke dalam himpunan naluri dan kecenderungan yang dinamakan sebagai 'mujtamak' itu, anda pasti akan menemui kegagalan. Sekiranya anda tidak mengendahkannya atau silap perhitungan, maka ia tidak akan tergugat tetapi andalah yang ditimpa bencana.

Naluri itu akan tetap ada kerana ia wujud dengan izin Allah. Tetapi, andalah akan hancur, dikhianati oleh pertimbangan yang salah dan pandangan silap kerana anda cuba menentang fitrah.

Sesungguhnya jiwa manusialah medan segala perubahan sosial dan politik yang berterusan berlaku dalam sejarah dulu dan kini. Kebangkitan semuanya adalah kerana mahu mengisi perut, memuaskan nafsu seks dan gilakan kemewahan. Kebangkitan kerana membalas terhadap perampas tanahnya atau wanita.

Kebangkitan demi mengembangkan kepercayaan yang dipegang atau memerangi orang yang tidak sepegangan dengan pegangannya. Pegangan dalam erti kata yang luas termasuk nilai-nilai samada betul atau salah.

Itulah kebangkitan samada material dan bukan material. Kadangkala kedua-dua letusan ini berlaku bersama-sama dan kadangkala pula terasing. Mereka semua adalah manusia.

Sebahagian mereka mendapati dirinya mampu untuk memimpin dan membawa orang lain ke arah satu bentuk tindakan-tindakan dengan dibantu oleh naluri dan fitrah. Usahanya dan kerja itulah yang kita namakan sebagai 'tarbiyyah'.

**Pertarungan politik dan peperangan hanyalah satu bentuk bagi pertarungan jiwa.**

**Semalam Kamu telah LaIai kerana ingin banyak.. sekarang berimbanglah !**

Oleh itu.. pertarungan kita sebenarnya adalah pertarungan tarbiyyah. Ia akan kuat dan mantap bila tarbiyyah dimantapkan dan murabbi menjalankan kerjanya dengan 'smart'. Ia akan malap bila tarbiyyah lumpuh atau hanya dibuat secara melepas batuk di tangga.

Ini bermakna, apabila usaha tarbiyyah yang dibuat oleh beberapa kerat pimpinan murabbi ditumpukan kepada murid-murid, ia akan meninggalkan pengaruh dan kesan yang lebih mendalam apabila bilangan pelajarnya sedikit, secara '*direct proportion.*' Kesannya akan berkurangan apabila bilangan mereka bertambah ramai. Kemerosotan kualiti tarbiyyah akan menyebabkan berlakunya tindakan spontan yang tidak berhaluan. Ketika itu terjadilah kebinasaan dan kemusnahan.

Jika demikian, untuk kebaikan kita dalam pertarungan ini maka golongan pemimpin yang menjaga kerja tarbiyyah tidak sepatutnya mentajmikkan murid yang ramai sehingga melebihi kemampuan usaha pentarbiyyahan.

Inilah penyelesaian kedua yang diajar kepada kita oleh analisa fenomena tarbawiyyah bagi menjaga dari malapetaka tindakan melulu.

Sejarah harakah Islam tidak berapa lama dahulu telah dapat melihat pertambahan bilangan anggota tanpa mutu yang telah menyukar dan melalaikan harakah. Ini memaksa da'i hari ini untuk mengambil pengajaran. Perkembangan yang seimbang adalah pesanan untuk hari esok.

Kita katakan: "Ia adalah pesanan untuk hari esok kerana kita dapati ramai orang telah melupakannya. Padahal, itulah wasiat lama dari Imam Hassan al-Banna Rahimahullah yang ditegaskan sejak tahun 1938 di dalam Muktamar Kelima. Ketika menjelaskan pelbagai jenis manusia ketika berdepan dengan kerja. Khayalan langsung tidak menyumbang apa-apa kerana ia hanyalah gambaran sahaja dalam memikul bebanan jihad.

Hassan al-Banna telah berkata:

"Jadi saya mahu berterus terang betul-betul dengan kamu kerana tiada guna lagi saya berselindung.

Medan bercakap tidak sama dengan medan berkhayal. Medan beramal tidak sama dengan medan bercakap. Medan berjihad tidak sama dengan medan beramal. Medan berjihad sebenar tidak sama dengan medan berjihad yang silap.

Ramai yang mudah berkhayal namun tidak semua apa yang terbayang di kepala mampu diungkapkan dengan kata-kata. Ramai yang mampu bercakap namun hanya segelintir daripadanya yang mampu bertahan ketika beramal. Ramai di kalangan segelintir ini yang mampu beramal namun hanya segelintir sahaja di kalangan mereka yang mampu memikul bebanan jihad yang sukar dan amal yang nekad. Para mujahid yang kecil jumlahnya ini mungkin akan tersilap jalan dan tidak menepati sasaran jika tidak kerana mereka dipelihara oleh Allah. Kisah Talut menjelaskan apa yang saya katakan ini.

Oleh itu, siapkanlah diri kamu, pupuklah jiwa kamu dengan tarbiyah yang betul, latihan yang ketat dan ujilah diri kamu beramal dengan kerja-kerja yang keras, tidak disukai dan menyukarkan. Kekanglah dari segala kehendak dan adat kebiasaan yang biasa dilakukan oleh jiwa."[243]

Fiqh itu dipusakai oleh Syed Qutb Rahimahullah. Ini menyebabkan beliau gelisah menjelang hari kematiannya apabila melihat keadaan Sudan yang dilanda dengan demonstrasi umat Islam yang merebak dan meluas memenuhi jalan-jalan raya. Beliau pun memberi wasiat kepada para da'i dari Sudan yang melawatnya. Beliau berkata kepada mereka:

"Janganlah sambutan orang ramai itu menyibukkan kamu dari menyusun barisan dalaman dan menyediakan para pejuang yang mampu menghadapi segala kesukaran dan akan dapat bertahan lama."[244]

*Sebenarnya kepentingan pemantapan barisan dalaman bukan hanya kerana untuk memudahkan penyusunan dan memudahkan penggunaan tenaga secara selaras TETAPI kewujudan "masyarakat tarbawi" ini akan mampu menjadi nursery kepada pentarbiahan 'anak-anak baru'. Ia akan mampu memperlihatkan bentuk-bentuk Islam dan mendinding mereka dari melihat pemandangan jahiliyyah orang-orang jahil dan menghalang dari mendengar jahiliah dan sekaligus menjauhkan 'anak-anak baru' dari kesan dan pengaruh tarbiyyah yang bukan Islam.*

---

243 *Al-Muktamar Al-Khamis, al-Majmu'ah*, m.s. 258
244 Syed Qutb, *Kitab al-Syahid*, m.s. 91

*Oleh yang demikian, Imam al-Ghazali Rahimahullah telah mewajibkan kita agar segera menghalang kefasikan dan menutupnya supaya gambarannya tidak mempengaruhi jiwa umat Islam. Beliau berkata:*

*"Sesungguhnya melihat suatu yang fasik akan meremehkan perkara maksiat pada hati dan mengurangkan rasa ingin lari darinya (maksiat)."*[245]

*Ini juga bermakna wujudnya beberapa kefasikan (fasiq dalam kata erti syara') pada orang-orang yang ditajmik kerana kurangnya kemampuan tenaga tarbiyah kita untuk menghapuskan kefasikan itu dari mereka. Ini ditambah lagi oleh bilangan mereka yang ramai, MAKA penyakit ini berkemungkinan akan merebak kumannya ke bahagian yang bersih kerana menjadi tabiat kehidupan berjemaah; memandang akan membawa kepada peniruan.*

*Oleh itu, round-round yang terpaksa dilakukan oleh da'I ke tengah-tengah orang ramai untuk berdakwah, memberi tarbiyyah secara amali kepada mereka dan untuk menambah anasir baru untuk dakwah, ini semua akan akan menyebabkan dia kurang sensitif dengan maksiat di dalam hatinya. Ini kerana dia berada terlalu lama di tengah-tengah orang ramai dan banyaknya maksiat di dalam kehidupan awam (mangsa keadaan). Oleh itu, da'i berkenaan sepatutnya selalu berjumpa dengan masyarakat da'i yang bersih untuk melihat kembali pemandangan iman yang berlainan dengan pemandangan maksiat di luar sana. Ia sentiasa berulang alik di antara orang ramai (MK) dengan masyarakat khas yang akan menjernihkan hatinya yang telah dinodai oleh masyarakat am.*

*Ini dengan sendirinya menuntut kita berusaha sungguh-sungguh membersihkan masyarakat khas ini supaya dia dapat melaksanakan peranannya tarbiyyahnya untuk setiap da'I yang bekerja round-round di tengah-tengah masyarakat apabila mereka kembali kepada masyarakat khas yang jernih dan bersih itu. Kejernihan ini tidak mungkin dihasilkan kecuali perkembangan yang seimbang dengan kemampuan usaha tarbiyyah.*

*Perkembangan luas yang cepat itu akan memakan tenaga yang ada. Ia juga melemahkan hasil natijah akan datang(hasil yang tidak mantap).*

**Peranan Tajammu' Dalam Penyempurnaan tarbiyyah**

Da'i yang merdeka dan selalu merespon terhadap perkembangan dan keperluan harian Harakah Islam akan sentiasa dapat melihat Umar bin al-Khattab r.a. berdiri di depannya dan berdoa dengan doanya yang masyhur: "Wahai Tuhanku, aku berlindung kepadaMu dari kekentalan kerja orang jahat dan kelemahan orang yang baik."

Lalu menggeletar urat sarafnya kerana takut, terharu hatinya kerana berharap kepada rahmat Tuhannya. Dia segera menggunakan seluruh kemampuan tarbiyyah amal jama'I untuk memuaskan harapan Umar itu. Dia berusaha menyedarkan orang-orang yang baik tetapi lemah dan 'betul bendul'. Dia cuba melembutkan hati orang yang bersungguh-sungguh, aktif dan giat bekerja tetapi lalai terhadap amalan keimanan. Usaha ini cuba menutup kelemahan-kelemahan dan akan menambahkan bilangan orang yang baik yang akan menggabungkan antara kesedaran dan kekuatan kerja.

Unsur kuat dan boleh dipercayai 'al-qawiyy al-amiin' adalah dua unsur

[245] *Ihya' 'Ulumuddin*, Jilid 2, m.s. 172

paling sesuai untuk mendukung dakwah. Kemudiannya sifat jihad mesti disempurnakan pada si mukmin dan iman para mujahid pula mesti diperdalamkan, sebagaimana firman Allah S.W.T.:

وَالَّذِينَ آمَنُوا مِنْ بَعْدُ وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا مَعَكُمْ فَأُولَئِكَ مِنْكُمْ

*"Orang-orang yang beriman sesudah itu dan berhijrah lagi berjihad bersama kamu, mereka itu dari (golongan)kamu."* (Al-Anfal 8: 75)

Ibnu Taimiyah berkata: "Allah telah mengikat persetiaan (persaudaraan Islam) di antara Muhajirin dan Ansar dan di antara orang-orang yang beriman selepas mereka dan berhijrah hingga hari qiamat. Orang yang berhijrah ialah orang yang meninggalkan apa yang dilarang Allah. Begitu juga jihad, terus berlaku kekal hingga hari kiamat.

Setiap individu mampu menegakkan sifat muhajir dan mujahid pada dirinya. Banyak jiwa-jiwa yang lembut cenderung untuk meninggalkan kejahatan tetapi tidak mahu berjihad. Banyak jiwa-jiwa yang kuat pula cenderung untuk berjihad tetapi tidak berhijrah meninggalkan kejahatan.

Allah telah mengikat persetiaan kepada sesiapa yang mempunyai kedua-dua sifat ini (hijrah dan jihad) dalam dirinya. Mereka ialah umat Muhammad S.A.W. yang beriman kepadanya dengan iman yang sebenar.[246]

*Keupayaan setiap da'i untuk memiliki kedua-dua sifat ini dan keupayaan permasalahan Islam membuahkan kebaikan-kebaikan dari kedua-dua golongan tersebut, ia merupakan dua tugas asasi bagi tarbiyyah harakiyyah kita.*

*Bagi yang pertama, orang yang beriman tetapi tidak bekerja atau orang yang ada kesedaran tetapi berhati keras: tarbiyyah Islam akan dapat menyempurnakan kekurangan masing-masing di bawah asuhan da'I sebelum mereka.*

*Dan bagi permasalahan Islam pula; tarbiyyah akan menyelaraskan usaha dua golongan ini secara disempurnakan dan distabilkan. Ia disatukan serta dirancang kegiatannya sehingga hasilnya membentuk kombinasi yang mantap.*

**Tiada Usaha Yang Sia-sia, Cuma Kejayaan Yang Lewat Tiba**

*Apabila kita bersungguh-sungguh menjelaskan betapa perlunya keseimbangan di dalam perkembangan sedangkan kita telah lama berjalan, maka ini menyebabkan seolah-olah bumi ini sempit kepada da'I bersemangat. Mereka rasa dakwah akan gagal sekiranya ia tidak berlumba-lumba meramaikan ahlinya.*

*Kita tidak nafikan bahawa terdapat kesilapan lampau yang telah menghalang dakwah ini dari berkembang di beberapa tempat di dunia Islam kerana wujudnya peluang yang luas dan suasana aman dan tersedia untuk menerima dakwah. Parti-parti politik yang sesat telah menggunakan kelembapan da'i Islam lalu mereka pun menapak beberapa langkah lebih jauh ke depan. TETAPI, kesilapan tidak mungkin diperbaiki dengan melakukan kesilapan yang lain.*

*Penilaian terhadap kegagalan dan kejayaan dakwah pada waktu-waktu tertentu tidak bergantung kepada kiraan berapa ramai yang mampu dipindahkan dari lembah tanpa ikatan kepada menyertai barisan dakwah.*

*Ini kerana dakwah Islam apabila telah menjadi sebab terhidayahnya ribuan pemuda*

[246] Ibnu Taimiyah, *Iqtida' al-Sirat al-Mustaqim Mukhalafah Ashab al-Jahim*, m.s. 43

*dan terpeliharanya mereka dari kejahatan dan kesesatan -meskipun mereka tidak menyertai barisan dakwah kerana apa alasan pun- maka ini adalah suatu yang sangat besar bagi Islam.*

*Adalah suatu yang besar bila dakwah Islam telah menjadi seumpama sebuah oasis di tengah-tengah padang pasir kontang. Ketika angkatan musafir yang berkelana berteduh di bawah naungannya, meminum airnya dan bermesra dengan penduduknya. Berapa ramai anak-anak muda telah mendapat asuhan dakwah di zaman muda mereka dan mereka melalui zaman muda mereka dengan selamat, menikmati teduhan dakwah dan bergaul rapat dengan orang dakwah walaupun selepas itu mereka tidak dapat meneruskan perjalanan dalam barisan dakwah oleh sebab takut atau terpujuk.*

*Berapa ramai orang yang was-was telah ditarik oleh dakwah Islam kembali kepada yakin semula. Dari seorang mukmin yang jahil kepada berilmu. Sumbangan dakwah ini sangat besar ertinya di dalam pertimbangan syarak.*

*Dakwah telah banyak menjelaskan banyak perkara-perkara syubhah dan sama, menolak tuduhan terhadap Islam dan membela yang dizalimi. Semua sumbangan itu sangat besar ertinya di sisi Islam.*

*Oleh itu, kita tidak seharusnya berpandangan pesimis menyebabkan putus asa di kalangan amilin kerana dakwah tidaklah gagal. Dengan izin Allah, usaha dakwah ini akan membuahkan pahala dan ganjaran yang lumayan, sepertimana kita menunggu buah yang banyak dari pohon yang ditanam semalam.*

*Manusia adalah ramai. Hasil pengaruh dakwah dulu dan sekarang, sedang berlaku pertarungan antara iman dan jahiliyyah dalam jiwa mereka. Sekarang, pertarungan jiwa itu berlaku dengan hebatnya di dalam diri, cuma tidak dapat dilihat. Persoalan yang berkocak di jiwa mereka ialah, adakah mereka akan beriman dan mengakui apa yang disebutkan oleh da'i Islam kepada mereka ataupun mereka akan terus kekal dengan keadaan mereka? Golongan ini pasti menuju kepada keimanan apabila kebenaran terbentang jelas di hadapan. Mungkin ia melalui satu goncangan yang membuatkan mereka tersentak lalu membuka tabir yang menutup hati mereka sehingga cahaya iman memancar terus ke hati. Sama seperti Islam satu masa dahulu terjadi kepada sebahagian daripada sahabat-sahabat Rasulullah SAW.. Contohnya sepertimana yang terjadi kepada Umar al-Khattab r.a. semasa melintasi bukit Safa lalu terdengar saudaranya membaca al-Quran, lalu dia memeluk Islam di situ juga. Atau sepertimana Hamzah bin Abdul Mutalib apabila beliau kembali dari perburuan, tiba-tiba mendengar komplot untuk membunuh Rasulullah S.A.W. Dia terus beriman dan pecahlah belenggu jahiliah dari dirinya.*

Bolehkah dikatakan bahawa sebab iman mereka itu datang dalam sekelip mata? Tidak sama sekali. Sebenarnya, nilai-nilai iman telah lama bergelora di dalam jiwa mereka dan telah lama berlaku pertarungan antara iman dan jahiliah di dalam diri mereka. Pertarungan itu terus bersemarak di jiwa mereka sehingga kebaikan dan keimanan melimpah ruah di dalam jiwa mereka dan pada detik-detik tersebut mereka terus Islam.

Sekiranya hari ini kita menekankan tarbiyyah Islam secara mendalam dan membataskannya kepada anggota barisan terpilih dan mengimbangkan antara tarbiyyah dengan peluasan dakwah, maka ia dapat memenuhi keperluan mereka yang mengalami konflik hebat di dalam jiwa tadi. Mereka sebenarnya sedang menuju ke arah kita kini semakin hampir. Peristiwa yang menggegarkan itu hanya diketahui oleh Allah. Moga Allah merahmati orang-

orang yang sabar. Sesiapa yang tidak mahu percaya dengan hakikat ini, dia perlu kembali mengkaji semula sirah dan sejarah baru...

Moga solawat Allah kepada Nabi saw, keluarga dan sahabat Baginda seluruhnya...

*Siap Retype, Re-Edit & layout pada 3.31 pm 7 Zil Hijjah 1424/ 29 Jan 2004, K.B, BDS*
*dengan bantuan Bro. MMZ & NZNH*